

**PEMBANGUNAN MASYARAKAT BERILMU MELALUI  
INSTITUSI MASJID KE ARAH PEMBINAAN MODUL  
PROGRAM TAFUQUH BERSIFAT SEMASA**

**DR. ALIAS AZHAR  
SOLAHUDDIN ISMAIL**

**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**2012**

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Cita-cita Malaysia untuk menjadi sebuah negara dan masyarakat maju jelas terkandung dalam agenda politik Wawasan 2020. Menurut jadual pembangunan yang dirancangkan oleh pemimpin negara, menjelang tahun 2020, Malaysia akan muncul sebagai negara maju yang setanding dengan negara-negara maju lain di dunia. Tetapi kita juga berikrar dan mengisytiharkan kepada seluruh dunia bahawa Malaysia akan mencapai taraf negara maju menurut acuan pembangunan negara sendiri.<sup>1</sup> Agenda pembangunan untuk mencapai cita-cita menjadi sebuah negara maju tanpa mencontohi model pembangunan dan kemajuan mana-mana negara tertentu. Sebaliknya, kita akan mencipta model tersendiri berdasarkan pandangan dan nilai-nilai hidup yang bersumberkan tradisi agama dan budaya Malaysia.

Proses pembentukan masyarakat maju berdasarkan inspirasi, aspirasi dan inisiatif tersendiri sememangnya mencabar setiap warganegara supaya membuat penilaian kritis terhadap peranan dan sumbangan masing-masing dalam merealisasikan misi dan visi politik pentadbiran Malaysia. Sehubungan itu, usaha dan ikhtiar bersepadu dan jitu penting dalam usaha memanfaatkan sepenuhnya segala sumber kekuatan yang dimiliki oleh masyarakat di samping mengatasi

---

<sup>1</sup> *Buku Rasmi Tahunan 1996 Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia.

## BAB 2

### ULASAN KARYA

#### 2.1 Pengenalan

Mengikuti pengamatan penyelidik terhadap bidang kajian yang dipilih ternyata pendekatan khusus yang cuba ditekankan kajian ini masih lagi belum dilakukan oleh penyelidik sebelumnya. Hal ini boleh dimaklumi memandangkan pengajian *Fiqh* di institusi masjid merupakan sistem pendidikan informal dan terletak di bawah bidangkuasa pihak Jabatan Agama negeri-negeri. Apa yang telah diusahakan kebanyakannya membabitkan pelbagai aspek yang agak meluas aspek sejarah di samping terhadap terhadap sistem pendidikan dan pengajian Islam secara formal di IPT, seperti :-

- 1) Kajian yang menumpukan kepada sejarah pendidikan tinggi Islam di dalam sejarah tamadun umat Islam, tanpa merujuk khusus kepada lokasi di kawasan Alam Melayu.<sup>1</sup>
- 2) Kajian yang menumpukan kepada sejarah pendidikan Tinggi Islam di Malaysia dan Indonesia,<sup>2</sup> yang menumpukan kepada tiga peranan penting yang boleh disumbangkan oleh institusi pendidikan Tinggi Islam; (i) melahirkan insan yang sempurna dan seimbang, dari segi jasad, ruh dan akal bagi memenuhi tujuan pengabdiaan kepada Allah; (ii) melahirkan tenaga kerja dan intelektual ummah yang mampu berkhidmat kepada masyarakat secara berkesan dan berhemah mengikut bidang kemahiran yang tertentu dan (iii) melahirkan golongan ilmuan dan sarjana yang boleh membangun dan memperkembangkan sesuatu

---

<sup>1</sup> Fadzulullah Hj. Shuib, (1995), *Kecermelangan Ilmu Dalam Sejarah Dan Tamadun Islam*, Kuala Lumpur : Utusan Publication, hlm 48-57 dan H. Abuddin Nata, (2004), (edit) *Sejarah Pendidikan Islam : Pada periode klasik dan pertengahan*, Jakarta : PT RajaGrafindo Persada.

<sup>2</sup> Abdullah Muhammad Zin, (2005), *Pendidikan Islam di Malaysia : dari Pondok ke Universiti*, Kuala Lumpur : DBP.

disiplin keilmuan Islam moden. Masa depan umat Islam boleh dikatakan antara lainnya bergantung sepenuhnya kepada golongan ilmuan ini.<sup>3</sup>

- 3) Kajian yang mengkaji IPTA/IPTS Islam di Malaysia yang terbahagi kepada dua jenis yang utama; IPTA/IPTS yang menyediakan pengajian bagi membekalkan guna tenaga kerja yang diperlukan dalam konteks Malaysia dan IPTA/IPTS yang berfungsi hanya sebagai kursus Persediaan Masyarakat melanjutkan pengajian mereka ke beberapa Universiti di timur Tengah. IPTA/IPTS jenis yang kedua ini kerap dipertikaikan kerelevanannya untuk tujuan program pembangunan Insan di Malaysia.<sup>4</sup>
- 4) Kajian yang memperlihatkan sikap prihatin masyarakat Melayu semasa yang begitu menyanjung tinggi peranan IPTA/IPTS Islam yang diharapkan mampu menyediakan jawapan dan penyelesaian masalah kepada pelbagai masalah gejala social yang berlaku di dalam masyarakat. Ini terbukti apabila masyarakat Melayu masih memilih untuk menghantar anak-anak mereka ke IPTA/IPTS Islam, walaupun kedua-dua institusi tersebut dituduh dengan pelbagai nisbah yang buruk.<sup>5</sup>
- 5) Kajian yang memperincikan pedagogi pengajian Institusi pendidikan Tinggi Islam zaman silam dan moden- terbahagi kepada beberapa jenis pedagogi yang utama yang masih lagi dipakai secara meluas pada zaman moden ini.<sup>6</sup>
- 6) Kajian yang menyentuh aspek pengajian *Fiqh* dan *Usuluddin*,<sup>7</sup> yang telah dijalankan dalam konteks Malaysia. Kajian memperincikan elemen kekuatan dan kelemahan yang dimiliki

---

<sup>3</sup> Azyumardi Azra, (1998), *Esei-esei Intelektual Muslim Dan Pendidikan Islam*, Jakarta, hlm 81-89 dan Saedah Siraj, 2001, *Perkembangan kurikulum : teori dan amalan*, Sungai Buloh, hlm 15-19.

<sup>4</sup> Lihat Marzuki Haji Mahmood, (2003), “Keberkesanan dan sambutan masyarakat terhadap pengajian Islam di Institusi pengajian Islam”, dalam edit. Oleh Suzalie Mohamed, *Memahami isu-isu pendidikan Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur : IKIM, hlm 179-186.

<sup>5</sup> Suzalie Mohamed, (2003), *Memahami isu-isu pendidikan Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur : IKIM.

<sup>6</sup> Mahmood Zuhdi Ab Majid dan Paizah Ismail, (2004), *Pengantar Pengajian Fiqh*, Kuala Lumpur : al-Baian corporation sdn bhd.

oleh institusi terbabit. Selanjutnya, kajian-kajian ini telah memperihalkan pelbagai program reformasi institusi pendidikan Tinggi Islam di Malaysia yang telah dibangunkan dengan inisiatif dan galakan daripada pihak kerajaan sendiri.<sup>8</sup>

- 7) Kajian yang menyentuh program reformasi pendidikan Tinggi Islam di Malaysia amnya dan APIUM khususnya, dengan memberikan fokus utama kepada usaha proaktif menerapkan pelbagai pendekatan baru dan bersifat semasa di dalam kurikulum pengajian Islam.<sup>9</sup> Antara lainnya ini membabitkan penerapan konsep *Fiqh* semasa,<sup>10</sup> perubahan struktur pengajian, integrasi antara subjek klasik dan moden, penekanan kepada isu metodologi dan pemikiran ilmiah, tindakan mengambilkira realiti tempatan dan juga penekanan kepada kemahiran berkomunikasi.<sup>11</sup>
- 8) Kajian menggunakan perspektif sejarah yang meneliti sumbangan yang telah dimainkan oleh golongan reformis Melayu silam (Kaum Muda) dalam bidang pendidikan Islam, yang rata-ratanya masih berkekalan pengaruhnya hingga pada masa sekarang.<sup>12</sup>
- 9) Kajian yang membincangkan tentang pengaruh gerakan kebangkitan Islam di tahun 1970an-1990an yang telah mencetuskan keperluan untuk melakukan proses *re-thinking* dan program

---

<sup>7</sup> Zakaria Stapa, (2004), "Peranan dan sumbangan pendekatan Tasawuf dalam menghadapi cabaran era Globalisasi dan faham pasca moden", dalam Mohd Fauzi Hamat (Edit) *Pemikiran Islam dan cabaran semasa*, Kuala Lumpur : Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam APIUM, hlm 99-122.

<sup>8</sup> Donald L. Horowitz, (1994), "The Quran and the Common law : Islamic law reform and the theory of legal change", dalam *The American Journal Of Comparative law*, v. 42; Husin Mutalib, (1990), *Islam And Ethnicity In Malay Politics*, Singapura, hlm 127-147 dan W. Roof, (1988), "Patterns of Islamization in Malaysia 1890s-1990s : Exemplars, Institutions and Vectors", dalam *Journal Of Islamic Studies*, v. 9, no.2, hlm 221-222.

<sup>9</sup> Hal ini terbukti apabila serangkaian seminar hukum Islam semasa yang dianjurkan oleh pihak APIUM dengan pelbagai tema khusus pada tahun 1996, pada 26-27hb. Jun 1997, pada 23-24hb. Jun 1999 dan akhirnya pada 7-8hb. November 2000. Begitu juga seminar yang sama telah turut diadakan dalam *Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa 2003 : Menghadapi cabaran Globalisasi*, Tarikh 24-25 September 2003, Anjuran bersama Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM dan Kolej Islam Selangor Darul Ehsan, Bangi, Selangor.

<sup>10</sup> Dalam konteks Malaysia, gagasan mewujudkan konsep *Fiqh* Malaysia ini telah pertama kalinya diutarakan oleh Professor Datuk Mahmood Zuhdi Abdul Majid. Lihat teks syarahan perdana beliau yang bertajuk *Hukum Islam semasa di Malaysia : Prospek dan cabaran*, pada 16hb. Ogos 1997

<sup>11</sup> Mohamad Mohsin Mohamad, (2000), "Kemahiran Berfikir Di Alaf Baru", dalam *Pengajian Umum Di Alaf Baru*, ed. oleh Abdul Latif Samian dan Mohamad Sabri Haron, Bangi, hlm 195-204.

<sup>12</sup> Mohd. Sarim Mustajab, (1982), "Gerakan Islah Islamiyah di Tanah Melayu: 1906 hingga 1948" dalam *Malaysia: Sejarah Dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur, hlm 150-151.

reformasi terhadap agensi Islam, termasuklah institusi pendidikan Tinggi Islam sendiri.<sup>13</sup> Dalam soal ini, IPTA/IPTS Islam diharapkan mampu membekalkan kader-kader reformis<sup>14</sup> yang bakal menerapkan idea tajdid moden ke dalam masyarakat.<sup>15</sup>

- 10) Kajian secara ringkas tentang pembabitan graduan Institusi pendidikan Tinggi Islam (lulusan universiti Al-Azhar) di dalam program pembangunan di Malaysia, khususnya membabitkan institusi pentadbiran undang-undang Islam yang ditonjolkan secara minimal berbanding dengan lulusan universiti tempatan yang kononnya telah memainkan peranan yang cukup besar dan bermakna.<sup>16</sup>
- 11) Kajian yang menerangkan dalam bentuk yang terbatas tentang apa yang diperlukan oleh sektor pekerjaan luar daripada graduan pengajian Islam.<sup>17</sup> Ianya lebih menumpukan kepada disiplin pengurusan Islam yang ditawarkan oleh IPTA/IPTS Islam. Apa yang jelasnya, rata-ratanya sektor pekerjaan luar ini menunjukkan sikap yang positif dengan segala pembaharuan yang diusahakan oleh IPTA/IPTS yang terbabit.<sup>18</sup> Selain itu juga, terdapat kajian ringkas

---

<sup>13</sup> Mohammad Azam Mohammad Adil, (1994), "Pengajian undang-undang Islam di pusat pengajian tinggi – amalan di ITM", dalam *Jurnal Tasawwur Islam*, v. 3, hlm 75-84; Abdul Aziz Bari, (1999), "Legal education and Islamization", dalam *IIUM Law Journal*, v. 7, no. 1., hlm 83-94; Rahimin Affandi Abd. Rahim dan Idris Awang, (2003), "Usaha memperkasakan institusi pendidikan Islam di IPTA Malaysia : satu analisa terhadap pengalaman APIUM", dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan memperkasakan system pendidikan, Anjuran Fakulti pendidikan UTM, Johor Bharu*.

<sup>14</sup> Badlihisam Mohd Nasir, (1998), "Pembangunan Islam di Malaysia : Sorotan ringkas terhadap gerakan Islam", dalam Abdul Ghafar Don (Ed.) *Dakwah menjana masyarakat Madani*, UKM, Bangi, hlm 43-49.

<sup>15</sup> Kajian IRPA (Ahmad Hidayat Buang, (2004), (edit), *Fatwa di Malaysia*, Kuala Lumpur : Jabatan Syariah dan Undang-undang APIUM; Ahmad Hidayat Buang, (2005), (Edit) *Mahkamah Syariah di Malaysia : Pencapaian dan cabaran*, Kuala Lumpur : Penerbit UM.

<sup>16</sup> Sharifah Zaleha Syed Hassan, (1993), "Authority and the Syariah court : the life and work of a Malaysian Kadi", dalam *Jurnal Antropologi dan sosiologi*, v. 20.

<sup>17</sup> Tuan Haji Kamarudin Bin Haji Mat Ali, Pengurus Besar, (Operasi Pejabat Cawangan) Lembaga Tabung Haji Malaysia, "Keperluan Sektor Swasta Kepada Mahasiswa Pengajian Islam dalam Alaf 21", dalam *Konvensyen Mahasiswa Pengajian Islam peringkat Nasional 2003*, Anjuran bersama APIUM dan PMAIUM, pada 13hb Disember 2003.

<sup>18</sup> Muhammad Syukri Salleh, (2002), "Prospek kerjaya graduan pengurusan Islam di Malaysia", dalam (edit oleh Wan Ab. Rahman Khudri Bin Wan Abdullah) *Pengurusan Islam : konsep dan amalannya di Malaysia*, Sintok : Penerbit UUM, hlm 53-76.

yang meneliti jumlah graduan APIUM yang telah mendapat peluang kerja apabila mereka tamat belajar.<sup>19</sup>

12) Kajian yang cuba meneliti perkembangan pendidikan di Malaysia dalam era globalisasi yang menumpukan perhatian terhadap impak Akta Pendidikan 1996 yang melahirkan pelbagai IPTS semasa, tanpa melanjutkan kajian terhadap peranan IPTA/IPTS Islam yang turut terbabit di dalam mendokong pendekatan pendemokrasian pendidikan yang menawarkan program twinning dan francais seperti mana dilakukan oleh universiti-universiti barat.<sup>20</sup>

13) Kajian yang menyentuh isu mahasiswa IPTA di zaman moden ini yang dilihat antara lainnya kepada aspek pembudayaan ilmu, pembelajaran, kerjaya dan kepimpinan yang perlu digunakan untuk konteks Malaysia semasa. Kajian ini lebih menumpukan perhatian kepada aspek idealism yang sepatutnya dimainkan oleh mahasiswa semasa dan bukannya menonjolkan tentang reality mahasiswa semasa.<sup>21</sup> Setakat ini, kalau adapun kajian yang meneliti isu mahasiswa IPTA/IPTS, rata-ratanya telah menonjolkan elemen negative yang diamalkan oleh mahasiswa ini seperti sifat malas<sup>22</sup> dan ketiadaan sifat jati diri serta patriotisme.<sup>23</sup>

## 2.2 Konsep Tafaqquh

Perkataan “tafaqquh” berasal dari kata dasar “al-*Fiqhu*” yang memberi maksud “al-Fahmu” iaitu pemahaman atau kefahaman, manakala “ad-Din” pula memberi erti “Agama”. Jika digabungkan

---

<sup>19</sup> Nor Aini Ali dkk, (2005), " Kerjaya graduan Sarjana Muda Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (1996-2002) ", dalam *Jurnal Syariah*, v. 13, bil. 1, hlm 81-104.

<sup>20</sup> Tan Ai Mei, (2002), *Malaysian Private Higher Education : Globalisation, Privatisation, Transformation and Marketplaces*, London.

<sup>21</sup> Abdul Razaq Ahmad, (2005), *Mahasiswa Abad ke 21*, Kuala Lumpur : Fakulti pendidikan UKM.

<sup>22</sup> Abdul Latif Samian, (2003), “ Mengatasi kelayuan mahasiswa “, dalam *Pemikir*, Julai- September , hlm 76-80 dan Nordin Kardi, (2002), “ Melayu dan Islam dalam konteks pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi “, dalam edit oleh Suzalie Mohamad *Anjakan Minda belia Islam*, Kuala Lumpur : IKIM, hlm 29-34.

<sup>23</sup> Abdul Rahman Aziz, (2005), *Pemugaran semangat Patriotisme untuk pembangunan*, Sintok : Penerbit UUM.

dua perkataan tersebut “at-Tafaqquh fi ad-Din” secara pemahamannya memberi maksud yang terlalu mudah difahami tetapi amat sukar dihayati sekiranya tidak melalui jalan yang sepatutnya iaitu “pemahaman tentang agama”. Jika dilihat dan diamati dari segi makna yang lebih mendalam, dua perkataan ini memiliki makna yang luas kepada umat Islam. Dua perkataan ini, telah mencetuskan pelbagai disiplin ilmu berkaitan agama khususnya dan berkaitan kehidupan keduniaan amnya.

Pada zaman Rasulullah s.a.w, sistem pendidikan masyarakat telah wujud. Sistem yang dikenali sebagai “*Tafaqquh Fi ad-Din*” yang memberi maksud pemahaman dalam soal agama. Rasulullah s.a.w sentiasa menekankan konsep ini kedalam jiwa dan kehidupan setiap penganutnya dari segi latihan agama. Perlaksanaan konsep ini dibantu oleh *muqri’* dan *mua’llim*(guru), mufti, imam dan juga *muazzin*. Konsep ini dicetus oleh baginda s.aw sendiri untuk para pemeluk agama Islam dengan tujuan memberi pemahaman serta penghayatan yang sebenar-benarnya tentang agama Islam samaada dari aspek duniawi ataupun ukhrawi.

### **2.3 Konsep Tafaqquh Zaman Rasulullah**

Usaha menyebarkan agama Allah s.w.t iaitu agama Islam serta mendidik umat-umatnya, Rasulullah s.a.w sentiasa menggunakan sistem dakwah dan konsep pendidikan yang khas dan berbeza dengan sistem yang digunakan oleh tokoh-tokoh agama lain yang mendahului baginda. Konsep dakwah dan konsep pendidikan Nabi s.a.w didasarkan pada metod dakwah al-Quran<sup>24</sup>. Mampu dan berupaya menyeru dan mengajak orang untuk memeluk Islam. Konsep pendidikan pula memberikan pemahaman, pengertian dan kesedaran yang lebih baik tentang ajaran Islam

---

<sup>24</sup> Yusuf al-Qaradhawi, (2010), Introduction To Know Islam, Pustaka Al-Shafa:KL, hlm.403



dan nilai-nilai ajaran Islam kepada umatnya. Jika menyebarkan dakwah sahaja adalah tidak memadai untuk mengukuhkan Islam dan kestabilan Negara di bumi kelahiran baginda atau tempat penyebarannya ke kawasan luar tanpa benar-benar dihayati ajarannya oleh setiap pemeluknya.

Oleh itu, teretusnya idea dari Rasulullah s.a.w sendiri untuk membentuk satu cara yang boleh dihayati dan difahami oleh pengikut-pengikut baginda. Merealisasikan nilai-nilai serta pemahaman tentang ajaran agama Islam ini, Rasulullah s.a.w telah membentuk suatu konsep yang dapat membantu umat Islam yang memeluk Islam pada ketika itu memahami, serta mendalami ilmu agama khasnya dan secara langsung menghayati dan mengamalkannya. Antara idea dan konsep tafaqquh yang telah dicetuskan oleh baginda s.a.w ialah berdasarkan empat (4) institusi yang berperanan penting<sup>25</sup>:

- a) Muqri' dan Mu'allim (guru).
- b) Mufti.
- c) Imam.
- d) Muazzin.

Setiap satu daripada konsep-konsep tersebut dijawab oleh sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w sendiri. Pelantikan ini dilakukan oleh baginda sendiri selaku teraju utama dalam mendidik pengikut-pengikut baginda. Setiap amanah dan tanggungjawab yang dipertanggungjawab dan dipikul oleh mereka bukanlah suatu perkara yang mudah. Tanpa tunjuk ajar dan pengawasan daripada baginda sendiri, tidak mungkin program tafaqquh yang berkesan akan terlaksana.

---

<sup>25</sup> Ismail Lufti Japakiya, (2005), *Al-Islam Din Al-Salam*, (terj.) Muhammad Idris, Pustaka Darussalam: Alor Setar

### a) Muqri' dan Mu'allim(guru)

Tujuan pelantikan *Muqri'* dan *Mu'allim* adalah untuk memberi kesedaran kepada para masyarakat tentang apa yang boleh dan apa yang tidak boleh dilakukan menurut syariat yang telah ditetapkan. Keadaan mereka yang sentiasa berada bersama nabi s.a.w sepatutnya menjadi contoh yang terbaik kepada pemeluk lain seperti cara bertutur, perwatakan dan sebagainya seharusnya mengikut ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh Islam. Pada permulaanya, satu kumpulan yang terdiri daripada setiap kabilah akan tinggal dan menetap bersama Rasulullah s.a.w dalam jangka waktu yang tertentu untuk mendalami dan mempelajari tentang Islam dan akan kembali kepada kabilah mereka sehingga mereka benar-benar terlatih serta *faqih* tentang agama. Hal ini telah disebut di dalam kitab Tafsir al-Khazin, tafsiran ayat 122 surah at-taubah, diriwayatkan oleh Sayyidina Ibnu 'Abbas:"sekumpulan lelaki dari setiap kabilah akan bertemu dengan Rasulullah s.a.w dan bertanya tentang agama dan pemahaman tentang agama Islam"<sup>26</sup>

Allah s.w.t telah berfirman mafhumnya:

*"Tidak sepatutnya bagi mukminin itu pergi semuanya(ke medan perang). Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat menjaga dirinya"<sup>27</sup>.*

Menerusi ayat yang diturunkan ini, terbentuklah satu kumpulan yang telah ditubuhkan oleh Rasulullah s.a.w untuk memberi pemahaman dan pengajaran kepada pemeluk Islam yang berada

---

<sup>26</sup> Shibli Nomani & Syed Suleman Nadvi, (2003), Siratun Nabi, 1st ed.Rafiq Abdur Rehman (terj.), Darul Ishaat:Karachi, hlm.82

<sup>27</sup> al-Quran,at-Taubah 9:122

di luar kawasan pemerintahan baginda. Kumpulan tersebut terdiri daripada beberapa orang sahabat baginda yang telah diutuskan khas untuk mengajar tentang Islam di segenap pelusuk tempat terutamanya di bahagian selatan tanah Arab<sup>28</sup>. Antara sahabat-sahabat yang telah ditugaskan ialah:

- 1) 'Ali bin Abi Talib: beliau bukan sahaja dilantik oleh Rasulullah s.a.w sebagai mufti untuk mengeluarkan fatwa kepada umat ketika itu tetapi, telah beliau dilantik dan ditugaskan oleh Rasulullah s.a.w untuk memberi tunjuk ajar tentang agama Islam kepada penduduk Yaman<sup>29</sup>.
- 2) Khalid bin al-Walid pula telah ditugaskan ke Najran untuk mengajar tentang agama dan hukum-hukum Islam.
- 3) Abu Musa al-Asy'ari dan Mu'az bin Jabal. Mereka telah ditugaskan serentak oleh Rasulullah ke Yaman. Mu'az bin Jabal telah menetap disana sehingga kewafatan Nabi s.a.w dan beliau juga dikatakan memegang jawatan Amir disana<sup>30</sup>.

Sahabat-sahabat lain yang pernah ditugaskan baginda s.a.w ialah<sup>31</sup>:

- 1) Mus'ab bin 'Umair dari Makkah dan Ibnu Umm Maktum mengajar dasar ajaran Islam kepada kaum Ansar yang baru memeluk Islam di Madinah.
- 2) Jurair bin 'Abdullah al-Bajaliyyi.
- 3) Khalid bin Sa'id bin al-'As.
- 4) Zayyad bin Labid al-Bayadhi ditugaskan ke Hadramout.

---

<sup>28</sup> Dr Mohamed Sa'id al-Ramadan al-Bouti ,(1970), *al-Fiqh al-Sira al-Nabawiyyah* , Egypt: Dar al Salam, hlm.477

<sup>29</sup> Umar b. 'Ali al-Ja'di, (1957), *Tabaqat guru Takmir ' al-Yaman*, ed. Fu 'ad Sayyid, Cairo, hlm.15

<sup>30</sup> Dr Mohamed Sa'id al-Ramadan al-Bouti ,(1970),*op-cit*, hlm.480.

<sup>31</sup> Umar b. 'Ali al-Ja'di, (1957),*op-cit*, hlm.23

Terdapat ramai lagi antara sahabat-sahabat r.anhum yang telah ditugaskan oleh baginda Rasulullah s.a.w untuk memberi pengajaran dan pemahaman tentang agama. Mereka dianggap seperti ketua kepada alim ulama serta mufti-mufti<sup>32</sup>. Ilmu yang dimiliki mereka tidak dapat disama tarfkan dengan ulama pada zaman sekarang kerana mereka belajar ilmu daripada Rasulullah s.a.w sendiri. Oleh itu, ilmu yang ada sehingga sekarang adalah hasil usaha gigih dan amanah yang telah dipikul oleh mereka demi umat Muhammad s.a.w.

Mereka juga menggunakan beberapa kaedah untuk menyampaikan pengajian dan pemahaman tentang agama, antaranya ialah<sup>33</sup>:

- 1) Mereka akan tinggal selama sepuluh atau dua puluh hari, sebulan atau dua bulan sematamata untuk mendalami ilmu asas keimanan dan kepercayaan serta ilmu lain seperti *Fiqh*. Mereka akan kembali semula kepada kabilah mereka dan mengajar ilmu yang sama seperti yang telah mereka pelajari. Sebagai contohnya, Malik bin al-Huwayrith serta kabilahnya telah tinggal bersama Nabi lebih daripada dua puluh hari dan apabila mereka telah bersedia untuk kembali kepada kabilah mereka, Rasulullah s.a.w berpesan supaya mengajarkan ahli keluarga masing tentang syariah Islam dan sembahyang. Hal ini telah disebutkan oleh Imam al-Bukhari pada bab Rahmatul Bahain.
- 2) Mereka mempelajari ilmu Islam dengan Ashab as-Suffah, iaitu mereka yang hanya tinggal di masjid serta mengabdikan diri mereka kepada Allah s.w.t. Mereka akan membentuk beberapa bulatan yang mana di setiap bulatan itu terdapat guru yang mengajar manakala di bulatan yang lain pula terdapat golongan yang sibuk berzikir kepada Allah.

---

<sup>32</sup> Ibnu Qayyim al-Jauzi, (2005), Terapi Penyakit Hati, Saleem Bazimool (terj.) Jakarta: Qhisti Press hlm.432

<sup>33</sup> Shibli Nomani & Syed Suleman Nadvi, (2003). hlm.83.

Institusi pengajian serta pemahaman tentang Islam yang utama pada zaman tersebut adalah masjid dan rumah para sahabat. Kemajuan umat dan gerakan Islam, semuanya bermula dari masjid. Masjid telah dijadikan sebagai tempat untuk berkumpul, berbincang dan merancang strategi serta tidak terbatas hanya di bidang dakwah semata-mata, bahkan perdagangan, perundangan dan pelbagai lagi. Setelah Rasulullah s.a.w berhijrah ke Madinah, perkara pertama yang dilakukan oleh Baginda ialah mendirikan sebuah masjid (Masjid Quba') untuk dijadikan tempat ibadah dan pusat kegiatan Islam. Masjid ini adalah masjid pertama pada zaman awal perkembangan agama Islam. Setibanya Baginda Rasulullah s.a.w di Madinah, beberapa langkah yang berkesan telah dilakukan oleh baginda untuk mewujudkan perpaduan yang kukuh di kalangan penduduk Islam Madinah<sup>34</sup>.

Langkah segera yang diambil oleh Rasulullah s.a.w ialah mendirikan masjid, yang kemudian terkenal dengan nama Masjid an-Nabawi. Bermula dari sinilah terpancar cahaya Islam menerusi ilmu, keharmonian, ihsan dan ketinggian akhlak umat Islam di seluruh pelusuk dunia. Di samping itu Baginda telah menjadikan masjid sebagai pusat ibadat, pusat pemerintahan dan pentadbiran negara, nadi gerakan Islam dan penggerak kegiatan masyarakat, tempat menuntut hak dan keadilan, pusat kebajikan, gedung ilmu serta pusat hubungan dengan Allah dan manusia sesama manusia<sup>35</sup>. Oleh yang demikian fungsi masjid ketika itu amat besar dan sangat dominan. Masjid melambangkan panduan dalam urusan dunia dan akhirat. Kesempurnaan Islam sebagai *ad-Din* telah berjaya digambarkan oleh Rasulullah s.a.w melalui peranan dan fungsi masjid sebagai pusat penyebaran ilmu dan agama. Pada masa kini, konsep ini masih lagi diguna pakai di

---

<sup>34</sup> Abdul Aziz Hussin, (1997), *Nostalgia Masjid Nabawi*, Kuala Lumpur:JAKIM, hlm. 27-29

<sup>35</sup> *Ibid.*, hlm.30-31

sesetengah tempat bukan sahaja di Malaysia sendiri bahkan di seluruh pelusuk dunia yang mana masjid masih lagi menjadi pusat penyebaran dakwah dan ilmu.

## **b) Mufti**

Secara tradisinya, tidak ada institusi khusus yang mempunyai kuasa monopoli untuk memberikan fatwa kepada orang ramai. Pada zaman Rasulullah s.a.w, baginda bukan satu-satunya orang yang memainkan peranan ini. Para sahabat juga sentiasa memberi nasihat kepada orang ramai tentang hukum, terutama ketika berjauhan daripada Rasulullah s.a.w<sup>36</sup>. Malah hadis Mu'az bin Jabal jelas sekali menggambarkan bahawa antara peranan yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w kepada beliau ketika diutuskan ke Yaman ialah memberi fatwa kepada orang ramai tentang hukum Islam<sup>37</sup>.

Tradisi memberi fatwa berasaskan keilmuan dan keserjanaan masing-masing ini kemudian dilanjutkan oleh para sahabat selepas kewafatan Rasulullah s.a.w yang seterusnya diikuti oleh generasi-generasi terkemudian<sup>38</sup>. Pengamalan ini memberi kesan yang positif kepada pertumbuhan serta perkembangan pemikiran dan falsafah hukum Islam sehingga mampu mencapai tahap kematangan ilmu yang tinggi.

Para sahabat yang pernah dilantik dan diberi kepercayaan oleh Rasulullah s.a.w untuk memegang jawatan sebagai mufti ialah<sup>39</sup>:

### **1) Abu Bakar as-Siddiq**

---

<sup>36</sup> Al-Khudri, Muhammad (1981), *Tarikh al-Tashri' al-Islami*, Beirut: Dar al-Fikr, hlm.410-411

<sup>37</sup> Dr Mohamed Sa'id al-Ramadan al-Bouti ,(1970),*op-cit.*, hlm.477

<sup>38</sup> Al-Khudri, Muhammad (1981), *op-cit.*, hlm. 410-411

<sup>39</sup> Ibn Sa'd (1983), *Al-Tabaqat al-Kubra, al-qism al-mutammim*, Madina: al-Majlis al-Ilmi, hlm.350

- 2) ‘Umar al-Khattab
- 3) ‘Usman bin Affan
- 4) ‘Ali bin Abi Talib
- 5) ‘Abdul Rahman bin ‘Auf
- 6) Mu’az bin Jabal
- 7) Ubaiy bin Ka’ab
- 8) Zaid bin Thabit

Kesan terpenting daripada elemen kebebasan memberi fatwa pada zaman tersebut ialah kelahiran pemikiran yang sihat antara pelbagai aliran pemikiran yang ada pada waktu itu. Pemikiran-pemikiran inilah yang mempertajamkan nilai intelektual para “Guru Takmir” serta memperkembangkan ufuk pemikiran masyarakat. Hasilnya, ulama dan masyarakat mempunyai pendapat yang lebih terbuka serta nilai intelektual yang tinggi. Fatwa-fatwa yang dikeluarkan pula bukanlah lahir dari pemikiran sendiri tetapi terhasil daripada dua sumber utama umat Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Institusi mufti ini berterusan sehingga zaman sekarang dan diterajui oleh golongan yang ‘*alim* terutama dalam ilmu *Fiqh*. Sistematis dan bijaknya konsep yang telah dipelopori oleh Rasulullah s.a.w ini dalam usaha menyelamatkan umatnya daripada kejahilan dan kesesatan.

### c) **Imam**

Bersesuaian dengan pembinaan masjid pada ketika itu, seorang imam perlu dilantik bagi mengimami solat di kalangan mereka. Tugas ini pada mulanya dipegang oleh baginda sendiri

kerana tiada seorang pun yang lebih layak menjadi imam selain baginda. Sebagai imam masjid, Rasulullah s.a.w amat mementingkan semangat bersatu padu di kalangan para sahabatnya. Apabila terdapat perbezaan pendapat di kalangan para sahabat, Rasulullah menanganinya secara kolektif dan telus. Jika para sahabat mempunyai idea dan pendapat baru yang tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam, maka Rasulullah s.a.w mengalu-alukannya<sup>40</sup>. Rasulullah s.a.w akan memilih salah seorang daripada setiap kabilah yang ada dan telah memeluk Islam untuk menjadi imam di kalangan mereka.

Tujuannya adalah untuk memberi latihan awal kepada mereka sebelum diberikan amanah yang lebih berat. Pemilihan dibuat bukanlah mengikut pangkat atau kedudukan individu, tetapi ia dipilih berdasarkan pengetahuan masing-masing terutama kepada mereka yang lebih banyak menghafal dan memahami al-Quran. Sayyidina Salim r.a yang merupakan seorang hamba kepada Sayyidina Abu Huzayfah r.a telah dilantik oleh Rasulullah s.a.w untuk menjadi imam kepada kaum Muhajir sebelum kedatangan baginda. ‘Amr bin Salamah, seorang sahabat yang ketika itu baru berumur tujuh atau lapan tahun dari Bani Jarm telah dilantik oleh Rasulullah s.a.w untuk menjadi imam kepada kaumnya kerana kelebihanannya dalam mengingati al-Quran daripada sahabat-sahabat yang lain<sup>41</sup>. Tujuan tindakan seperti ini adalah untuk mewujudkan kesatuan di kalangan para sahabat dan pengikut mereka. Sahabat yang pernah dilantik untuk menjadi imam ialah<sup>42</sup>;

- 1) Mus’ab Ibn ‘Umair: menjadi imam kepada kaum Ansar di Madinah.
- 2) Sayyidina Saalim: menjadi imam kepada kaum Muhajir di Madinah.
- 3) Ibn Umm Maktum: menjadi imam di Madinah ketika Rasulullah s.a.w keluar berperang.

---

<sup>40</sup> Al-Khudri, Muhammad (1981), op-cit, hlm.11

<sup>41</sup> Shibli Nomani & Syed Suleman Nadvi, (2003). Op-cit, hlm.88

<sup>42</sup> Ibid., hlm.90



- 4) Abu Bakar al-Siddiq: menjadi imam di Madinah ketika Rasulullah s.a.w sakit.
- 5) Mua'z bin Jabal: menjadi imam kepada kaumnya di masjid Banu Salimah.
- 6) Amr ibni Salamah: menjadi imam kepada kaumnya di masjid Banu Jarm.
- 7) Usayd ibni Hudayr: menjadi imam kepada kaumnya di masjid Banu Jarm.

Ramai lagi dari kalangan sahabat Rasulullah s.aw yang telah dilantik untuk menjadi imam kepada kaum masing-masing. Konsep imam atau *imamah* ini boleh boleh dijadikan asas rujukan dalam mentadbir sesebuah Negara. Setiap *makmum* hendaklah mentaati dan mengikuti setiap pergerakan yang dilakukan oleh imam dalam sembahyang. Pelantikan seorang imam solat tidak boleh dilakukan secara mudah, bahkan ia mesti menepati beberapa syarat seperti berilmu, baik bacaan, tidak fasik serta disukai makmum.

#### **d) Muazzin**

Azan bermaksud pemberitahuan atau pemakluman sebagaimana firman Allah s.w.t yang bermaksud;

*“Dan inilah satu pemakluman(azan) daripada Allah dan Rasulnya kepada umat manusia”*<sup>43</sup>.

Menurut istilah *syara'*, azan ialah suatu perkataan khusus yang digunakan untuk memberitahukan waktu solat fardhu atau pemberitahuan akan masuknya waktu solat dengan lafaz-lafaz khusus. *Iqamah* ialah pemberitahuan akan permulaan solat . Sebahagian Ulama' berpendapat bahawasanya azan dan *iqamah* termasuk salah satu amalan yang hukumnya *sunat muakkad*. Begitulah pandangan yang dikemukakan oleh mazhab Maliki, Syafi'i, serta pandangan

---

<sup>43</sup> al-Quran,at-Taubah 9:3).

sebahagian pengikut mazhab Hanbali. Para ulama' yang lainnya seperti mazhab Hanafi, Zaidiyah dan Zhahiri mewajibkan azan dan iqamah.

Pada zaman Rasulullah s.a.w, sebelum diperintahkan untuk melaungkan azan, Rasulullah hanya memanggil mereka dengan cara panggilan yang umum untuk solat berjamaah atau mengkhabarkan sesuatu berita. Hal ini berlaku sebelum pemerintahan supaya kiblat ditukar arahnya ke Baitillah al-Haram iaitu ka'bah. Selepas kiblat bertukar arah ke ka'bah, Rasulullah s.a.w telah memerintahkan supaya azan dilaungkan. Cara bagaimana azan tersebut belum diketahui lagi oleh baginda. Maka, ramailah di kalangan sahabat yang memberikan idea dan pandangan sehinggalah seorang dari kalangan sahabat yang bernama 'Abdullah bin Zaid al-Khazraji bermimpi bahawa dia telah didatangi seseorang dalam mimpinya yang mengajarkan cara bagaimana untuk melaksanakan azan. Hal ini dipersetujui oleh sahabat lain seperti 'Umar bin al-Khattab r.a.<sup>44</sup>.

Selepas daripada peristiwa ini, Rasulullah s.a.w telah bersetuju dengan cara untuk melaksanakan azan tetapi dari kalangan sahabat tertanya-tanya siapakah yang sesuai untuk melaungkan azan ini kerana sebelum daripada peristiwa ini, tiada seorangpun yang pernah dilantik untuk memikul tugas ini. Oleh kerana masjid pertama telah didirikan serta cara bagaimana azan itu dilaksanakan telah dipersetujui, Rasulullah s.a.w membuat pemilihan seseorang untuk memikul tanggungjawab ini. Setelah pelbagai cadangan diberikan oleh para sahabat tentang siapakah yang harusnya memikul tanggung jawab ini, akhirnya Rasulullah s.a.w telah membuat keputusan. Keputusan yang amat bijak dan bernas dengan menyuruh Sayyidina Bilal bin Rabah , seorang hamba kepada Umayyah bin Khalaf yang berkulit hitam dan pernah diseksa oleh kaum Quraisy

---

<sup>44</sup> Ibn Sa'd (1983). Op-cit., hlm.246

jahiliyyah. Keputusan yang dibuat oleh Rasulullah ini, dapat disimpulkan bahawa, pangkat dan darjat seseorang itu bukanlah satu ukuran yang perlu diambil kira.

Kriterianya ialah ketakwaan dan keimanan seseorang dalam menjaga agama Islam. Hamba terawal yang memeluk Islam adalah Bilal bin Rabah. Seksaan yang diterima oleh beliau tidak sama sekali dapat melemahkan iman dan akidah yang telah tertanam dalam jiwanya. Sebab itulah Rasulullah s.a.w melantik beliau selaku orang yang pertama melaungkan azan di Madinah dan di masjid pertama bagi umat Islam pada ketika itu. Suatu pengiktirafan yang amat besar telah diberikan oleh Rasulullah terhadap beliau. Seteguh iman dan akidah yang dipegang, seteguh itulah jawatan yang dipegang tersebut dipikul sehinggalah kewafatan Rasulullah s.a.w<sup>45</sup>. Beliau memegang jawatan sebagai muazzin di masjid Nabawi setelah masjid itu didirikan di Madinah. Para muazzin lain yang telah dilantik oleh Rasulullah s.a.w adalah:

- 1) ‘Amr ibn Umm Maktum al-Qurasyi al-‘Amiri: Beliau adalah seorang sahabat yang buta dan dilantik menjadi muazzin di masjid Nabawi di Madinah. Beliau akan menggantikan Bilal sekiranya Bilal tidak hadir.
- 2) Sa’d al-Qurazh: Beliau dilantik menjadi muazzin di masjid Quba’.
- 3) Abu Mahzhurah Aus bin Mughirah al-Jamhi: Beliau dilantik menjadi muezzin di Masjid al-Haram di Mekah.

Tugas mereka bukan sekadar melaungkan azan untuk memberitahu waktu solat tetapi, adakalanya mereka melaungkan azan untuk mengumpulkan orang ramai bagi tujuan politik dan sosial<sup>46</sup>. Imam Nawawi Rahimahullah turut berpendapat bahawa azan itu mempunyai empat

---

<sup>45</sup> Ibnu Qayyim al-Jauzi,(2005),op-cit, hlm.339

<sup>46</sup> Siddiqui, Muhammad Yasin Mazhar. (1993).op-cit., hlm. 370

hikmah, pertama: untuk menzahirkan tanda Islam dan kalimah tauhid, kedua: untuk memberitahu bahawa waktu sembahyang telah masuk, ketiga: untuk memberitahu akan tempat sembahyang, keempat: untuk memanggil berjemaah. Oleh yang demikian, tugas sebagai muazzin adalah tugas yang sangat mulia dan banyak kelebihanannya.

## **2.4 Konsep dan Fungsi Masjid**

Istilah "Masjid" berasal daripada perkataan arab "masjid" atau "masjad". Dari segi bahasa ia bererti tempat sujud. Berasaskan pengertian bahasa inilah perkataan tersebut digunakan sebagai nama bagi tempat kita melakukan solat<sup>47</sup>. Kerana antara gerakan utama yang terdapat dalam solat itu ialah sujud.

Sujud bererti patuh dalam kategorinya yang tinggi sampai kepada tahap pengabdian. Rasionalnya "solat" disebut sebagai ibadat, iaitu suatu cara yang tertentu bagi melambangkan kepatuhan dan pengabdian seseorang muslim kepada Allah<sup>48</sup>. Masjid merupakan tempat umat Islam melakukan aktiviti bagi melambangkan kepatuhan dan pengabdiannya kepada Allah. Selain itu, masjid adalah simbol kepada kepatuhan dan pengabdian umat Islam kepada Allah s.w.t

Nama lain bagi masjid ialah "Baitullah"<sup>49</sup> dan dari segi bahasa bererti rumah Allah. Bagaimanapun penggunaan istilah ini tidak secara hakiki. Allah tidak memerlukan rumah, malah tidak boleh dikaitkan dengan rumah. Ungkapan "Allah" dalam konteks seperti ini biasa

---

<sup>47</sup> Al-Taubah:18

<sup>48</sup> Al-Zaariyat:56

<sup>49</sup> Abbasali Farahati, (2011), The Mosque As The First Political-Ideological Base In The Islamic Social Society, dlm. Jurnal Of Politics And Law, V.4, No. 1, [www.ccsenet.org/jpl](http://www.ccsenet.org/jpl), hlm.147.

dimaksudkan dengan "Masyarakat". Oleh itu, yang dimaksudkan dengan "Rumah Allah" atau "Baitullah" itu ialah "Rumah masyarakat", atau dalam istilah semasa "Pusat komuniti"<sup>50</sup>.

Masjid adalah rumah Allah untuk beribadat kerana itu kesucian dan kemuliaannya hendaklah dipelihara. Segala amalan atau perkara yang dianggap boleh mencemarkan kesucian dan kemuliaan masjid tidak boleh dilakukan di dalam masjid.

Masjid juga bukan untuk tatapan dan ibadat sembahyang pada hari dan waktu tertentu saja. Sebaliknya, ia adalah pusat dan nadi kegiatan ummah, sama ada dari segi kerohanian atau keduniaan seperti kegiatan yang menyentuh perhubungan antara manusia dan pencipta (Allah). Begitu juga, perhubungan manusia sesama mereka sendiri dalam menguruskan hal ehwal keagamaan, ekonomi, sosial, keilmuan dan pentadbiran negara. Ia adalah tempat melaksanakan segala kegiatan manusia yang mencerminkan kepatuhan dan ketaatan kepada Allah<sup>51</sup>.

Al-Quran menjelaskan fungsi masjid di dalam firman-Nya yang bermaksud<sup>52</sup>:

*"Nur hidayah petunjuk Allah bersinar dengan nyata (terutama sekali) di masjid sebagai tempat ibadat yang diperintah oleh Allah supaya dimuliakan dan disebut serta diperingat nama Allah padanya; di situ juga dikerjakan ibadat memuji Allah pada waktu pagi dan petang. (Ibadat dikerjakan oleh) orang yang kuat imannya, yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual beli daripada menyebut serta mengingati Allah dan mendirikan solat serta mengeluarkan zakat; mereka takut hari (kiamat) yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan."*

---

<sup>50</sup> Sila lihat perbincangan Mohammad Shahir Abdullah, (2002), Peranan Masjid Terhadap Pembangunan Ummah, dlm Koleksi Kertas Kerja Pengurusan Masjid, Putrajaya:JAKIM

<sup>51</sup> Lihat huraian Mohammad Redzuan Othman, (2001), Masjid al-Haram Dan Peranannya Dalam Perkembangan Awal Pendidikan Dan Intelektualisme Masyarakat Melayu, dlm. Jurnal Usuluddin, Bil. 13, Julai, Kuala Lumpur:APIUM

<sup>52</sup> An-Nur:36-37

Tasbih atau zikir bukan hanya berarti mengucapkan *subhanallah* saja, melainkan lebih luas lagi, sesuai dengan makna yang dicakupi oleh perkataan berkenaan serta konteksnya. Erti dan konteks berkenaan dapat disimpulkan sebagai takwa<sup>53</sup>.

Menurut Prof. Dr. Ahmad Shalaby<sup>54</sup>, jika dikaji dari segi bentuk fizikal masjid pada zaman Rasulullah, ternyata sifatnya tidak seperti sifat masjid yang dibina di negeri umat Islam pada masa kini. Pada zaman itu, masjid didirikan daripada pelepah tamar dan atapnya daripada daun kurma dan apabila sujud debu melekat pada dahi.

Ketika Rasulullah berhijrah ke Madinah, langkah pertama yang baginda lakukan ialah membina masjid. Masjid pertama yang dibina oleh Rasulullah ialah Masjid Quba. Masjid ini didirikan secara bergotong-royong di atas sebidang tanah kepunyaan dua anak yatim. Keadaan masjid itu sangat sederhana, dikelilingi tembok batu bata yang diperbuat daripada tanah liat dan berlantaikan pasir<sup>55</sup>.

Ini disusuli pembinaan Masjid Nabawi di Madinah. Jelasnya kedua-dua masjid itu dibina atas dasar ketakwaan sebagaimana yang dijelaskan dalam firman Allah<sup>56</sup>:

*"Janganlah engkau sembahyang di masjid itu (yang dibina oleh orang munafik) selama-lamanya kerana sesungguhnya Masjid Quba yang didirikan atas dasar takwa dari mula (wujudnya), (maka) sudah sepatutnya engkau sembahyang padanya"*

---

<sup>53</sup> Lihat juga al-Quran dalam surah al-Jin:18, Allah berfirman dengan maksudnya; Dan Sesungguhnya masjid-masjid itu kepunyaan Allah. Maka janganlah kamu menyembah seseorang pun di dalamnya di samping (menyembah) Allah.

<sup>54</sup> Shalaby, Ahmad, (1978), Perbandingan Agama-agama Masehi, Singapura:Pustaka Nasional, hlm. 77.

<sup>55</sup> Abdul Aziz Hussin, (1997), op-cit., hlm. 33-36.

<sup>56</sup> Al-Taubah:108

Setiap masjid seharusnya memiliki landasan dan fungsi berkenaan. Itulah sebabnya Rasulullah meruntuhkan bangunan kaum munafik yang juga disebut sebagai masjid dan menjadikan lokasi atau tempat membuang sampah-sarap. Ini kerana bangunan tersebut tidak menjalankan fungsi masjid yang sebenarnya berasaskan ketakwaan<sup>57</sup>.

Masjid tidak dilihat dari segi peranannya yang khusus saja, malah dari segi pembangunan dan perkembangan ummah seperti yang pernah dilakukan pada zaman Rasulullah dan sahabat<sup>58</sup>.

Di antara fungsi masjid pada zaman Rasulullah ialah<sup>59</sup>:

1. Tempat ibadat, terutama sembahyang berjemaah.
2. Tempat pembentukan peribadi umat Islam atau dalam erti kata lain masjid adalah pusat pendidikan Islam.
3. Pusat perkembangan ilmu pengetahuan kerana masjid tempat ilmu pengetahuan disampaikan baik dalam bidang akidah, syariat dan akhlak.
4. Tempat wahyu diturunkan dan sebagai tempat wahyu disampaikan kepada sahabat.
5. Pusat kegiatan kesusasteraan dan persuratan Islam. Kedapatan sahabat yang menyampaikan syairnya dalam masjid.
6. Pusat kegiatan sosial dan kehakiman dalam perkara yang berkaitan dengan nikah kahwin dan penyelesaian masalah umat Islam.
7. Pusat Baitulmal negara.
8. Tempat persinggahan musafir dan tempat menyambut tetamu.

---

<sup>57</sup> Lihat Zainuddin Jaafar. (2001), Ke Arah Menjadikan Institusi Masjid Sebagai Pusat Kecemerlangan Komuniti Islam Selangor, dlm. Jurnal YADIM, bil.2, Nov., Kuala Lumpur: YADIM

<sup>58</sup> Lihat perbincangan Syed Ahmad Iskandar Syed Ariffin, (2006), Architectural Conservation In Islam Case study Of The Prophet's Mosque, Johor Bahru: UTM.

<sup>59</sup> Abu Shuhbah, al-Sirat Nabawiyat Fi al- Qur'an Wa al-Sunnat jld: 2 hlm: 31

9. Lambang persaudaraan dan perpaduan umat Islam kerana setiap hari lima kali umat Islam bertemu dengan tujuan yang sama tanpa mengira kedudukan dan keturunan.
10. Tempat membuat perisytiharan kepada umat termasuk perisytiharan pelantikan khalifah.

Antara sebab masjid pada zaman silam mampu berperanan sedemikian luas ialah<sup>60</sup>:

1. Keadaan masyarakat yang bersatu padu dan berpegang teguh kepada nilai keagamaan dan kebudayaan.
2. Kemampuan pembina masjid menghubungkan aspek sosial dan keperluan masyarakat dengan kegiatan masjid.
3. Manifestasi pemerintahan terlaksana di dalam masjid.

Di sesetengah masjid di negara ini, fungsi dan peranan masjid sebagaimana pada zaman keagungan Islam dulu tidak lagi dilaksanakan. Namun ia tidak bererti bahawa institusi masjid tidak mampu berperanan dalam hal berkenaan<sup>61</sup>.

Menerusi Muktamar Risalah al-Masjid di Makkah pada tahun 1975, peranan dan fungsi masjid dibincang dan disepakati bahawa masjid boleh berperanan dengan baik apabila memiliki peralatan dan ruangan yang memadai untuk:

- a) Ruang solat yang memenuhi beberapa syarat keluasannya.
- b) Ruang khusus untuk wanita yang memudahkan mereka untuk keluar masuk masjid tanpa bercampur gaul dengan lelaki. Ini termasuk ruang solat dan pendidikan.

---

<sup>60</sup> Roslan Mohamed, (2002), Keberkesanan Program Masjid: Kajian Umum Masjid-masjid Di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, Kertas Kerja Seminar Pembangunan Masjid 2002, KL:Jab. Dakwah & Pembangunan Insan, APIUM

<sup>61</sup> Muhammad Imran Ibrahim, (2011), Cadangan Pengimarahannya Masjid-masjid Pulau Pinang Melalui Program Takmir: Cabaran dan Langkah Mengatasi, dlm. Kumpulan Jurnal Penyelidikan Islam, bil.1, Pulau Pinang: JAIPP



- c) Ruang bagi sebarang pertemuan dan bilik perpustakaan.
- d) Ruang klinik dan ruang untuk memandi dan mengkafankan jenazah; dan
- e) Ruang untuk beriadah bagi remaja Islam.

Masjid adalah rumah Allah untuk beribadat kerana kesucian dan kemuliaannya hendaklah dipelihara. Segala amalan atau perkara yang dianggap boleh mencemarkan kesucian dan kemuliaan masjid tidak boleh dilakukan di dalam masjid<sup>62</sup>.

Menurut Dr. Yusuf al-Qaradawi:<sup>63</sup> “Dengan menunaikan solat berjemaah di masjid sebanyak lima kali sehari, menjadikan masjid suatu tempat yang penting dalam Islam dan kehidupan muslimin. Masjid bukannya tempat bertapa untuk golongan pendeta (yang hanya menumpukan kepada ibadah khusus), atau sudut untuk golongan menganggur, bukan juga tempat ibadat golongan Darwis (ahli pertapaan). Dalam Islam tiada pendetaan atau pertapaan. Rasulullah s.a.w. bersabda kepada Abu Zar: “Kewajiban kepadamu adalah jihad kerana itulah adalah pertapaan umatku (Ibn Hibban dan al-Hakim-hadis hasan)”. Al-Qaradawi juga menyebut: “Masjid Nabi itu adalah madrasah dakwah, demikian juga ianya adalah pejabat Negara Islam. Padanya Nabi memberikan kerja bagi yang menganggur, ilmu kepada yang jahil, pertolongan kepada yang fakir, memandu urusan kesihatan dan kemasyarakatan, menyebarkan berita yang penting untuk umat, bertemu dengan para diplomat asing, mengatur tentera di medan perang juga menghantar pendakwah dan perwakilan untuk perdamaian.

---

<sup>62</sup> Lokman Abdul Rahman, (2000), *Imarah Masjid Masakini*, Melaka: JAIM

<sup>63</sup> Al-Qaradawi, (1903), *Al-'Ibadah fi al-Islam*, Beirut: Muassasah al-Risalah, 233.

Dr. `Imad ad-Din Khalil dalam karyanya *Dirasah fi al-Sirah* ketika mengulas tentang fungsi masjid yang di asaskan oleh Rasulullah s.a.w.: “Masjid bukannya tempat ibadat dan solat semata-mata, bahkan kedudukannya sama seperti kedudukan Islam itu sendiri, mencakupi berbagai sudut al-din, politik dan kemasyarakatan<sup>64</sup>”

Dr. Mustafa as-Siba`i<sup>65</sup> dalam menyebut pembinaan Masjid Nabawi serta fungsi masjid berkata: “Apabila Rasulullah s.a.w. sampai ke Madinah, maka kerjanya yang pertama ialah membina padanya masjid. Ini menunjukkan kepentingan masjid dalam Islam ...apatah lagi bagi masjid itu mesej kemasyarakatan dan keruhanian yang besar kedudukannya dalam kehidupan muslimin. Masjidlah yang menyatupadukan mereka, mendidik jiwa, menyedarkan hati dan akal, menyelesaikan masalah dan di masjidlah dizehentikan kekuatan dan prinsip mereka”.

Sejarah masjid dalam Islam telah membuktikan bahawa daripada masjid bergerakinya tentera Islam memenuhi bumi dengan hidayah Allah. Menerusi masjid juga diutuskan obor cahaya dan hidayah untuk kaum muslimin dan selain mereka. Di masjid bermula subur dan berkembangnya benih ketamadunan Islam. Abu Bakr, `Umar, Uthman, `Ali, Khalid, Sa`ad, Abu `Ubaidah dan lain-lain sahabat merupakan tokoh-tokoh agung sejarah Islam dalam masa sama, mereka juga para penuntut di madrasah Muhammadiyyah (sekolah Rasulullah s.a.w). yang bertempat di Masjid Nabawi. Masjid perlu dijadikan sebagai tempat utama dalam semua institusi kemasyarakatan kita. Selain itu, masjid perlu memainkan peranannya dalam mentarbiah manusia, melahirkan tokoh, membaiki kerosakan masyarakat, memerangi kemungkar dan membina masyarakat atas asas taqwa dan keredhaan Allah.

---

<sup>64</sup> Dr. `Imad ad-Din Khalil, (1978), *Dirasah fi al-Sirah*, ed. 3, Beirut: al-Risalah, hlm.149.

<sup>65</sup> Al-Siba`i, (1381H), *Al-Sirah an-Nabawiyyah: Durus wa `Ibar*, Jordan: al-Maktab al-Islami, hlm.74-75

Memakmurkan rumah Allah atau masjid ia mesti meliputi dua dimensi. Pertama, iaitulah *hablum minallah* (hubungan dengan Allah) dan kedua, *hablum minannas* (hubungan dengan manusia). Hubungan dengan Allah adalah melalui ibadat yang kita lakukan sebagaimana tugas kita diciptakan iaitu untuk menyembah kepada Allah<sup>66</sup>. Pada masa yang sama, ia perlu diseimbangkan dengan hubungan sesama manusia. Hubungan ini bukan terhad kepada sesama Muslim sahaja tetapi ia juga merangkumi hubungan dengan bukan Islam.

Masjid adalah pusat umat Islam. Masjid dalam Islam mestilah melambangkan kesyukuran atau keluasan Islam itu sendiri. Masjid mesti berfungsi untuk membangunkan umat di sudut kerohanian dan fizikalnya. Memasuki masjid bererti melangkah ke kawasan yang melambangkan ketulusan, kemesraan, kerahmatan dan kesyukuran agama ini. Sebab itu, umat Islam dalam kesibukan urusan kehidupan, mereka diperintahkan singgah lima kali sehari di masjid demi mengambil tenaga meneruskan agenda perjuangan sebagai khalifah yang memimpin dunia ini. Maka akan wujud dalam diri setiap individu muslim satu kekuatan yang luar biasa. Ia adalah gabungan antara unsur langit dan bumi, atau kerohanian dan kebendaan.

Semua perkara ini tidak sekadar menumpukan aspek fizikal bangunan masjid, namun aspek pengisian program Tafaqquh yang menepati konsep dan peranan masjid sebenar, sebagaimana yang disebutkan di atas. Program pengimarah berteraskan kelangsungan konsep tafaqquh yang sebenar mampu memartabatkan fungsi masjid sebagai institusi keilmuan yang berperanan membangunkan budaya ilmu masyarakat setempat.

---

<sup>66</sup> Az-Zaariyat:56

## 2.5 Bidangkuasa Pentadbiran dan Pengurusan Masjid Di Malaysia

Secara umumnya skop bidangkuasa pentadbiran Islam yang dilaksanakan di Malaysia telah digariskan oleh Perlembagaan Persekutuan (PP) 1957. Merujuk kepada Perkara 3(1) PP, agama Islam telah diletakkan dan diiktiraf sebagai agama rasmi bagi Persekutuan. Perkara 3(1) ini telah menjadi isu berkaitan dengan status dan maksud sebenar agama Islam sebagai agama rasmi dan juga telah dihuraikan dengan terperinci oleh pakar-pakar perundangan.

Secara kesimpulannya, walaupun Perkara 3(1) menetapkan bahawa agama Islam adalah merupakan agama rasmi bagi negara Malaysia, tetapi ia tidaklah menetapkan bahawa undang-undang Islam akan menjadi undang-undang negara. Islam yang dimaksudkan di sini hanyalah merujuk kepada aspek keagamaan dalam upacara-upacara rasmi sahaja. Penyelidik tidak mahu membincangkan secara terperinci berkaitan dengan perkara ini kerana ianya telah dibincangkan dengan panjang lebar oleh pakar-pakar perundangan dan juga para cendekiawan.<sup>67</sup>

Skop bidangkuasa pentadbiran Islam yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan adalah dijelaskan dalam Jadual Kesembilan, Senarai II, Fasal 1, yang memperuntukkan:

*“Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuklah hukum Syarak berhubungan dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahatarafan, penjagaan anak, pemberian, pembahagian*

---

<sup>67</sup> Huraian berkaitan dengan Perkara 3(1) PP ini boleh dilihat antaranya dalam Haji Hasan Bahrom (1999), Perlembagaan: Isu Pelaksanaan Undang-undang Islam, *Jurnal Syariah*, Jil. 7, Bil. 1, hal. 79 – 82; Abdul Aziz Bari & Farid Sufian Shuaib (2007), *Constitution of Malaysia – Text and Commentary*, Petaling Jaya, Selangor: Prentice Hall – Pearson Malaysia Sdn. Bhd., Edisi ke-2, Cetakan Keempat, hal. 5-10; Farid Sufian Shuaib, *Powers and Jurisdiction of Syariah Courts in Malaysia*, Petaling Jaya: LexisNexis Malaysia Sdn. Bhd., Edisi Ke-2, hal. 28-30; Mohammad Hashim Kamali (2000), *Islamic Law in Malaysia – Issues and Development*, Petaling Jaya: Ilmiah Publishers, hal. 28-48. Huraian kepada Perkara 3(1) ini juga boleh dilihat dalam keputusan mahkamah yang melibatkan kes *Che Omar bin Che Soh lwn Pendakwaraya* [1988] 2 MLJ 55.

*harta dan amanah bukan khairat; Wakaf Islam dan takrif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, perlantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat yang dijalankan kesemuanya sekali dalam Negeri; adat istiadat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, penyusunan dan acara bagi mahkamah-mahkamah Syariah, yang akan mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut agama Islam; menentukan perkara-perkara Hukum Syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu.”*

Berdasarkan kepada peruntukan ini, Suwaid Tapah mengklasifikasikan skop undang-undang Islam yang dibenarkan ini meliputi undang-undang keluarga; baitulmal, zakat fitrah dan harta wakaf; masjid-masjid; kesalahan-kesalahan yang melibatkan orang Islam; mahkamah-mahkamah Syariah dan bidangkuasa; kawalan pengembangan ajaran agama; dan hal-hal mengenai fatwa.<sup>68</sup> Manakala Mahmmod Zuhdi Abd. Majid pula membahagikan bidangkuasa ini kepada bidang kekeluargaan, kehartaan dan jenayah.<sup>69</sup>

Di Malaysia, masjid sebagai institusi Islam dalam Perlembagaan Malaysia diletakkan di bawah kuasa kerajaan negeri. Peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia itu memberi dan memperakui autonomi kerajaan negeri dalam hal ehwal Islam dan adat Melayu. Kerajaan negeri pula mewujudkan enakmen pentadbiran Islam Negeri yang memperuntukkan tentang hal ehwal

---

<sup>68</sup> Lihat, Suwaid Tapah (1993), Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia: Satu Pengenalan, *Monograf Syariah*, Kuala Lumpur: Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya, hal. 72 – 77.

<sup>69</sup> Lihat, Mahmmod Zuhdi Abd. Majid (1997), *op. cit.*, hal. 112 – 147.

pentadbiran masjid. Dalam hal ini jelaslah bahawa urusan masjid dikawal oleh kerajaan negeri. Ia diurus tadbir melalui institusi Majlis Agama atau jabatan agama negeri masing-masing.

Bagi negeri Kedah<sup>70</sup>, memperuntukkan beberapa seksyen berkaitan pentadbiran dan pengurusan Masjid di bawah perkara Wakaf, Nazr dan Amanah. Di Pulau Pinang<sup>71</sup>, masjid terletak di bawah Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan terikat dengan peraturan khas . Di Melaka<sup>72</sup>, pentadbiran dan pengurusan masjid terletak di bawah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka).

Di Selangor, enakman bagi menjaga masjid dinamakan Enakmen Perundangan Pentadbiran Islam Negeri Selangor<sup>73</sup>. Di bawah peruntukan perundangan itu diwujudkan Bahagian Pengurusan Masjid yang mempunyai peranan mengurus perlantikan Pegawai dan Ahli Jawatankuasa Masjid, menguruskan pelbagai permohonan yang berkaitan dengan masjid dan surau, menguruskan pembinaan dan pendaftaran masjid/surau, menguruskan pentadbiran masjid dan surau, menguruskan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Panel Khutbah, menguruskan pengeluaran khutbah Jumaat seluruh negeri Selangor. Selain itu ia juga berperanan memproses atau melantik pegawai penyelaras serta menguruskan tuntutan kelas Takmir atau kursus-kursus guru Takmir dan Imam-imam masjid diseluruh Selangor.

---

<sup>70</sup> Enakmen 9, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 (pindaan 2008)

<sup>71</sup> Kaedah Jawatankuasa Qaryah dan Pegawai Masjid (Negeri Pulau Pinang) 1997

<sup>72</sup> Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991.

<sup>73</sup> Enakmen Perundangan Pentadbiran Islam Negeri Selangor<sup>73</sup> No. 2 Tahun 1989

Di Kelantan<sup>74</sup>, menurut enakmen negerinya, meletakkan dan menguruskan hal yang berhubung dengan masjid. Di bawah enakmen tersebut seksyen (j) majlis melalui kuasa yang diberikan boleh menggubal kaedah-kaedah perlantikan kuasa dan kewajipan pegawai masjid mukim.

Di Pahang, Jabatan Agama Pahang sebagaimana juga di Selangor mempunyai Bahagian Pengurusan Masjid yang berfungsi memberi bimbingan pengurusan masjid dan surau, menyelia dan menyelaraskan aktiviti pengajian Islam daerah, member bimbingan dalam mempelbagaikan pendekatan penyampaian kelas-kelas pengajian di masjid dan surau. Dalam bidang pengurusan, Bahagian Pengurusan Masjid juga berperanan dalam pentadbiran masjid, penyelarasan permohonan dan kelulusann pembinaan masjid, penyelarasan permohonan dan kelulusan tauliah kepada pegawai masjid, pendaftaran guru agama yang berkhidmat di surau dan masjid serta mengurus pembayaran sugu hati dan elaun pegawai surau dan masjid dan pengurusan tanah perkuburan Islam serta pengurusan perkara-perkara yang tergolong di bawah pengertian *qaryah*.

Umumnya peranan institusi masjid di seluruh Malaysia tidak jauh berbeza antara satu sama lain. Tidak ada perbezaan peranan hal-hal yang asas berkaitan pentadbiran dan pengurusan masjid. Jika pun ada perbezaan adalah perkara-perkara berkaitan pendekatan-pendekatan umum sahaja. Jika ada perbezaan patut diselaraskan pada peringkat Persekutuan<sup>75</sup>. Penyelarasan peranan ini penting demi memperkukuhkan dan memperkasakan institusi masjid pada semua negeri supaya peranannya pada peringkat persekutuan mempunyai persamaan. Apabila ada persamaan, jika ada sesuatu program yang hendak dilakukan, semuanya boleh menerima manfaatnya.

---

<sup>74</sup> Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994

<sup>75</sup> Temubual dengan Dato' Sheikh Baderuddin Haji Ahmad, Mufti Kerajaan Negeri Kedah, 17 Disember 2011

Aktiviti masyarakat muslim sepatutnya menjadikan masjid sebagai pusat kegiatan mereka. Kempen penjagaan alam sekitar, kempen hak-hak wanita, kempen pembinaan ekonomi muslim dan berbagai lagi patutnya dikendalikan oleh pihak masjid. Ahli Qaryah yang mempunyai berbagai kegiatan dan aktiviti boleh memanfaatkan masjid. Selagi tidak bercanggah dengan syarak, masjid boleh dijadikan penggerak kepada sebarang aktiviti yang bersifat umat dan membantu membangunkan tamadun umat<sup>76</sup>.

Merujuk kepada penyelarasan kurikulum pengajian takmir masjid<sup>77</sup>, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah menerbitkan modul khas berkaitannya. Ini jelas menunjukkan bahawa keselarasan dalam silibus dan modul pengajian dan pengajaran takmir adalah penting bagi memastikan kerjasama antara JAKIM di peringkat persekutuan dengan Jabatan/Majlis agama Islam negeri-negeri dilaksanakan. Sebagaimana diketahui, hubungan kerjasama ini mula diperkenalkan sejak 1985<sup>78</sup>.

Kurikulum ini dirangka khusus untuk jangkamasa 10 tahun (2007-2017) sebagai garis panduan umum sahaja. Ini bermaksud para guru takmir tidak terikat dengan kurikulum semasa proses pengajaran di masjid-masjid. Fokus kurikulum ialah kepada enam (6) subjek pengajian Islam iaitu;

- 1- *Fiqh*
- 2- Hadith
- 3- Tafsir

---

<sup>76</sup> Temubual dengan Ustaz Roslan Esa, Timbalan Mufti Negeri Perlis, 16 Disember 2011

<sup>77</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, (2007), Kurikulum Kelas Pengajian Takmir Masjid Dan Surau, Putrajaya:JAKIM

<sup>78</sup> Ibid., hlm.v



- 4- Akidah
- 5- Sirah
- 6- Akhlak dan tasawwuf.

Penyelidik tertarik dengan matlamat yang digariskan dalam pembentukan kurikulum tersebut iaitu untuk membentuk anggota masyarakat dan umat yang berilmu menjadi matlamat utama dan pertama dalam senarainya. Selain daripada beriman, bertakwa serta bertanggungjawab ke arah membuat kebaikan dan menghindari diri daripada melakukan kemungkaran.

Hal ini penting bagi kita agar dapat menyebarkan rahmat Allah dalam masjid<sup>79</sup>. Mengimarahkan masjid tidak cukup dengan hanya ibadat asasi seperti solat lima waktu, solat Jumaat dan sebagainya. Tetapi ia perlu dilengkapi dengan ibadat sekunder seperti pengajian-pengajian umum seperti yang terkandung dalam program tafaqquh di masjid. Penyelidik turut berpandangan, pengisian program tafaqquh khususnya pengajian *Fiqh* perlu dibuat penambahbaikan aspek modul dan pelaksanaannya.

Modul program tafaqquh perlu diberi suntikan bersifat semasa aspek kandungan, pengajaran dan perlaksanaannya. Hakikatnya, nilai dan norma Syariah yang menjadi visi dan misi Allah harus menepati dan bersesuaian dengan keperluan masyarakat insan. Kesannya, *Fiqh* dan hukum kandungan utama syariah akan dilihat berperanan dalam membangunkan masyarakat berilmu yang mengamalkan syariat berlandaskan keunggulan dan kesyumulan Islam sebagai *ad-Din* dan *Millah*.

---

<sup>79</sup> Ayob bin Yaacob, (2011), *Pemeriksaan Institusi Masjid Sebagai Pusat Transformasi Umat*, dlm. *Kumpulan Jurnal Penyelidikan Islam*, bil.1, Pulau Pinang: JAIPP

Kuliah-kuliah di masjid juga mestilah ditingkatkan ke tahap yang sesuai dengan perkembangan masyarakat kita. *Fiqh* yang payah dan menyusahkan hendaklah dihindari. Jadikanlah Islam itu mudah dan praktikal. Bersesuaian dengan nas-nas al-Quran dan al-Sunnah yang bersifat demikian. Pengajaran di masjid mesti memberi kesan kepada kehidupan insan yang ke masjid.

## **2.6 Teori-teori Ketamadunan dan Pembangunan Manusia**

Demi untuk memantapkan perbincangan, kita boleh mengemukakan beberapa teori penting yang berkaitan dengan isu tamadun dan pembangunan manusia. Kesemua teori yang dikemukakan ini terhasil daripada proses kajian literatur yang dilakukan terhadap sejumlah pandangan yang dicetuskan oleh sarjana Islam dan Barat, antaranya;

*Pertama*, teori tentang jatuh dan bangun sesuatu tamadun manusia, dilihat dari segi usia sesuatu tamadun dan faktor-faktor yang menyumbang ke arah kecemerlangan dan kemunduran sesuatu tamadun. Mengikut teori ini, masyarakat umpama suatu organism yang bersifat hidup, mempunyai potensi untuk berubah dan berkembang maju seandainya perancangan pembangunan (fizikal dan spiritual) yang rapi dan tersusun dapat dilakukan.<sup>80</sup>

Hasil penelitian yang dijalankan terhadap serangkaian tamadun umat Islam silam, samada di Timur Tengah dan rantau Alam Melayu, mendapati bagaimana tamadun itu timbul berpunca daripada enam faktor yang utama;

1) Pengamalan budaya ilmu.

---

<sup>80</sup> Rahimin Affandi Abd. Rahim (2008), Perubahan Sosial Dan Impaknya Terhadap Pembentukan Modal Insan Menurut Ibn Khaldun, dalam *Jurnal Hadhari*, Institut Islam Hadhari UKM, v. 1,

- 2) Pengamalan cara hidup Islam yang betul mengikut *world-view* Tauhid.
- 3) Program R&D yang cukup canggih.
- 4) Kewujudan pengetahuan S&T yang baik.
- 5) Pembangunan sector ekonomi yang bersepadu dan menekankan peluang pengagihan yang seimbang di antara rakyat.
- 6) Proses pembandaran yang mampan yang menyediakan perkhidmatan dalam bidang sosial yang baik kepada rakyat.

Bagi Ibn Khaldun, di dalam proses perancangan pembangunan sesuatu masyarakat, perhatian utama perlu diberikan kepada usaha mengenal pasti pelbagai faktor negatif yang mungkin boleh menyebabkan kelemahan sesuatu masyarakat. Hal ini perlu diberikan perhatian memandangkan sesuatu tamadun/masyarakat secara hukum alami akan melalui tiga tahap yang utama; tahap kelahiran, kemajuan dan kemunduran.<sup>81</sup> Antara faktor keruntuhan sesuatu tamadun adalah sifat malas, mewah, menjauhi budaya ilmu dan penyakit jiwa hamba. Penyakit ini biasanya dimiliki oleh bangsa yang pernah dijajah, kebiasaannya akan menganggap kuasa penjajah sebagai suatu bangsa yang maju dan agung.

Kupasan tentang penyakit jiwa hamba ini diperkukuhkan lagi oleh Syed Husin al-Attas. Menurut beliau, penyakit ini (diistilahkan sebagai mentaliti *watak tertawan*) merujuk kepada sikap yang terlalu pro nilai-nilai barat di kalangan masyarakat di Malaysia. Antara sikap utama golongan ini;<sup>82</sup>

- 1) sikap yang suka meniru secara tidak rasional terhadap semua nilai daripada barat.

---

<sup>81</sup> Saleh Faghizadeh (2004), *Sosiologi Sosiologi*, Mohd Fauzi Yaacob (terj.) Kuala Lumpur: ITNMB, h. 63-68.

<sup>82</sup> Syed Hussein al-Attas (2005), "Watak Tertawan Di Negara Membangun", Dalam Mohamad Daud Mohamad (edit oleh) *Pascakolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*, Kuala Lumpur: DBP, h. 2-7.

- 2) Tidak mampu menimbulkan idea ataupun pendekatan baru bagi menangani persoalan hidup, sebaliknya lebih suka meneruskan warisan tinggalan penjajah.
- 3) Mendapat pendidikan langsung daripada institusi pendidikan barat dan sering taasub dengan teori dan bahan bacaan daripada barat.
- 4) tidak mengamalkan sikap kritikal dan tidak membantah apa-apa yang disajikan kepada mereka daripada sumber barat.
- 5) Tidak menyedari kelemahan sikap tertawan mereka.

Sebagai lanjutan kepada sikap tertawan ini yang rata-ratanya dihidapi oleh pelbagai kalangan masyarakat, timbul beberapa persoalan sistem nilai yang masih gagal ditonjolkan secara tuntas di dalam masyarakat iaitu;<sup>83</sup>

- 1) Masalah kurangnya sifat bersungguh-sungguh (*sense of urgency*) dalam melakukan sesuatu perkara.
- 2) Kurang ditonjolkan kepentingan sifat malu (*sense of shame*) dalam masyarakat. Apa yang sepatutnya dirasakan malu tidak ditonjolkan, sebaliknya ianya cuba ditenggelamkan.
- 3) Kurangnya masalah kebertanggungjawaban (*sense of accountability*).
- 4) Meluasnya gejala keruntuhan moral dan rasuah di dalam masyarakat.

**Kedua**, teori kepentingan menguasai ilmu pengetahuan yang lebih menyeluruh bagi menghadapi dunia global yang serba mencabar. Keperluan dan penerusan hidup manusia bergantung sepenuhnya kepada tiga medium, iaitu<sup>84</sup>;

---

<sup>83</sup> *Ibid*, h. 8-10.

<sup>84</sup> Mohd Amin Abdullah (2006), *Islamic Studies Di Perguruan Tinggi: Pendekatan Integrative-Interkonektif*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, hlm. 389-395.

- 1) Pekerjaan untuk kelangsungan hidup – memerlukan antara lainnya kepada penciptaan pelbagai ilmu sains sosial dan sains tulen, khususnya pengetahuan S&T yang bakal menghasilkan alat teknikal bagi memudahkan kelangsungan hidup manusia.
- 2) Komunikasi untuk tujuan perhubungan sesama manusia – memerlukan kepada penciptaan dan penyusunan ilmu bahasa, perfileman, kaedah hermeneutik (pentafsiran sesuatu karya) dan kaedah kritikan
- 3) Agama ataupun Sistem etika– bagi mengatur agar perjalanan media pekerjaan dan komunikasi dapat berjalan dengan baik, seimbang dan memberikan manfaat kepada semua umat manusia. Sebagai contohnya, setiap profesion pekerjaan dalam pelbagai jenis perlu berpegang kepada etika profesion yang khusus, yang lebih berteraskan kepada kerangka ideologi ataupun agama sebagai piawaian dan sistem nilai di dalam menjalankan aktiviti.<sup>85</sup>

Umumnya, kesemua medium ini yang membabitkan kehidupan manusia memerlukan ilmu pengetahuan yang saling melengkapi di antara satu sama lain, bagi tujuan memberi panduan asas, menyusun dan mempermudah lagi kehidupan manusia.

**Ketiga**, teori yang menegaskan Islam bersifat wasatiyyah (pertengahan) dan mesra budaya.<sup>86</sup> Merujuk kepada paradigma yang menentang keras tindakan yang melampaui batas agama dan kemanusiaan sejagat. Islam dalam banyak penegeasan al-Quran mengakui keabsahan sesuatu tamadun dan kebudayaan masyarakat dengan sikap yang selektif. Islam pada prinsipnya tidak membawa ideologi ras dan etnik seperti agama Yahudi yang menganggap mereka sebagai

---

<sup>85</sup> Ahmad Shukri Mohd. Naim (2003), *Konsep, Teori, Dimensi Dan Isu Pembangunan*, Skudai: Penerbit UTM, hlm. 240-245.

<sup>86</sup> Rahimin Affandi Abd Rahim (2003), “Al-Quran dan peranan Ulama Melayu dalam Pemodenan Rantau Alam Melayu”, dalam Mohd Radzi Othman (ed. oleh) *Warisan al-Quran dan peradaban manusia siri 1*, Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, h. 1-31.

bangsa pilihan tuhan.<sup>87</sup> Sebaliknya Islam adalah untuk manusia seluruhnya tanpa menghadkan keanggotaannya kepada bangsa Arab semata-mata.<sup>88</sup>

Bersesuaian dengan sifat yang mengakui variasi ras dan budaya sebagai tanda kekuasaan dan kreativiti Allah,<sup>89</sup> antara lainnya Islam mengakui kehebatan dan sumbangan tamadun bukan Arab ke atas kehidupan manusia sejagat. Tanpa mengira bangsa dan tempat, sesuatu tamadun itu harus diterima secara positif dan selektif dengan memanfaatkan apa yang baik melalui tapisan yang teliti agar ianya bersesuaian dengan prinsip-prinsip Tauhid.<sup>90</sup> Kedatangan Islam telah dilihat sebagai tidak menghapuskan banyak bentuk budaya Arab tempatan, tetapi ia telah menerima dan mengekalkan banyak budaya *mubah* (harus) ataupun ianya telah melahirkan (sintesis) budaya baru<sup>91</sup> hasil penerapan rapi dengan nilai-nilai Islam.<sup>92</sup>

Sikap selektif yang disertakan dengan tapisan yang rapi telah dianggap sebagai punca utama yang menjadikan masyarakat yang menerima Islam telah dikesan mempunyai pencapaian keilmuan dan tamadun yang cukup tinggi. Pencapaian yang cemerlang ini juga dapat dikesan dalam masyarakat Melayu yang ditegaskan sebagai : “ *within the space of decades, the Arabs had outgrown the phase of tribal parochialism to become the uncontested masters of an empire and the heralds of an open and expanding world community. This examples was not confined*

---

<sup>87</sup> Ghazali Darusalam (1998), *Dakwah Islam Dan Ideologi Barat*, Kuala Lumpur, 1998, h. 30-39.

<sup>88</sup> Quran 49:13.

<sup>89</sup> Quran 25:2; 36:36; 44:38-39; 50:38; 2:29 dan 28:80.

<sup>90</sup> S. Waqar Ahmad Husaini (1980), *Islamic Environmental system Engineering*, London, h. 4-5.

<sup>91</sup> Dalam soal ini, Mona M. Abul Fadl menyatakan: *Historically the Islamic paradigm of knowledge has proven congenial to the different modes of knowing. The legacy of the Birunis, Ibn Haythams, al-Ghazali, Ibn Rushd, Razi is a monument to this capacity to integrate and accommodate the diverse modes or traditions within what is more of a synthetic rather than a syncretist whole.* Lihat Mona M. Abul Fadl (1995), *Toward Global Cultural Renewal : Modernity And The Episteme Of Transcendence*, Herndon, h. 13-14.

<sup>92</sup> S. Waqar Ahmad Husaini (1980), *op.cit*, h. 30-31.

*only to the history of the Arabs, for it was repeated in the case of Berbers, Turks, Mongols, Persians, Indians, Malays and the kongdoms in West and East Africa.*<sup>93</sup>

Pemahaman yang bersifat mesra budaya ini, para pendakwah awal telah mengakui dan terlibat secara langsung dalam memperkukuhkan budaya tempatan dengan nilai-nilai Islam dengan cukup berkesan.<sup>94</sup> Para pendakwah yang awal dengan kesedaran tentang pendekatan pertama dan kedua ini telah menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pembentukan asas masyarakat Melayu.<sup>95</sup> Kesan pengaruh Islam kepada budaya Melayu dapat dikesan dari beberapa aspek, psikologi<sup>96</sup> dan amalan harian (adat) Melayu.

Manakala di peringkat amalan harian pula, Islam telah dipandang oleh orang Melayu sebagai al-din (*way of life*) yang bukan terhad bagi tujuan ibadat semata-mata<sup>97</sup>, bahkan sebagai suatu cara hidup yang lengkap yang wajib dipatuhi.<sup>98</sup> Berikutnya sebahagian besar daripada amalan budaya Islam timur tengah seperti sambutan Maulid Nabi, Maal Hijrah, sambutan bulan Ramadan, hari raya, ibadat Haji dan Umrah serta banyak lagi telah diterima dan dianggap sebagai sebahagian dari perayaan keagamaan utama orang Melayu yang biasanya disambut dengan menekankan falsafah yang terkandung di sebaliknya.<sup>99</sup> Pendekatan dan penghayatan budaya Islam ini telah

---

<sup>93</sup> Mona M. Abul Fadl (1995), *op.cit*, h. 8-9.

<sup>94</sup> Mana Sikana (1996), *Falsafah Dan Seni Kreatif Melayu*, Kuala Lumpur, h. 31-32.

<sup>95</sup> C.A.O Van Nieuwenhuijze (1969), "Legacy of Islam in Indonesia", dalam *The Muslim World*, v. LIX, h. 210.

<sup>96</sup> Maklumat lanjut tentang Psikologi Melayu boleh didapati dalam Abdul Halim Othman (1993), *Psikologi Melayu*, Kuala Lumpur.

<sup>97</sup> Muhammad Kamal Hassan (1996), "Islamic Intellectual Patterns In The Malay-Indonesian Archipelago: A Historical Survey", Dalam *Toward Actualizing Islamic Ethical And Educational Principles In Malaysian Society*, Petaling Jaya, h. 1-20.

<sup>98</sup> Mohd. Taib Osman (1980), "Islamisation of the Malays: A transformation of culture", dalam *Tamadun Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur, h. 1-4.

<sup>99</sup> Mohd. Taib Osman (1989), *Malay Folk Beliefs: An Integration Of Disparate Elements*, Kuala Lumpur, h. 48-50.

diakui sendiri oleh mubaligh Kristian sebagai akibat langsung daripada usaha pengembangan ilmu-ilmu agama yang dijalankan oleh ulama' Melayu terhadap masyarakat Melayu.<sup>100</sup>

## **2.7 Kaedah-kaedah Pengajian dan Pembelajaran *Fiqh* Bersifat Semasa**

Pembangunan dan pelaksanaan Syariat Islamiah sebagai visi dan misi unggul, secara praktiknya memerlukan projeksi minda yang bersifat eksploratif, meneroka, menyelidik dan mendalami ilmu Syariah kemudiannya diproduksikan manfaatnya secara holistik. Pengajian Syariah bersifat integratif dan tidak eksklusif. Maksudnya, ilmu daripada disiplin lain seperti sains, matematik, sosiologi, ekonomi dan lain-lain juga merupakan kandungan perlu dalam silibus pengajian syariah umumnya, serta dalam pengajian *Fiqh* khususnya. Sesetengah data sains dapat digunakan untuk memahami teks al-Quran dengan lebih mendalam<sup>101</sup>. Tidak dinafikan juga, penemuan sains telah menzahirkan keagungan wahyu dan ilmu sains dan teknologi dieksploitasikan sebagai alat berfikir tentang kewujudan Allah<sup>102</sup>.

Apa yang jelasnya, pada zaman keunggulan tamadun Islam, umat Islam telah mempraktikkan budaya ilmu yang tinggi<sup>103</sup>. Faktor kecemerlangan budaya ilmu ini ialah bersikap terbuka dan selektif terhadap jenis ilmu dan metodologi pengajiannya di samping proses islamisasi terkawal aspek epistemologi ilmu terbabit<sup>104</sup>. Faktor berikutnya ialah pemikiran analitikal kritis yang

---

<sup>100</sup> Md. Sidin Ahmad Ishak, *The Malays*, h. 33-34.

<sup>101</sup> A. Rahman Omar, (1990), *Fizik: Perkembangannya Dalam Tamadun Islam*, dlm. Baharudin Yatim & Sulaiman Noordin (pnyt.) *Sains Menurut Perspektif Islam*, Bangi: UKM, hlm. 18- 19.

<sup>102</sup> Sulaiman Noordin, (1990), *Biologi Daripada Perspektif Islam*, dlm. Baharudin Yatim & Sulaiman Noordin, *Ibid.*, hlm. 24- 25.

<sup>103</sup> Lihat huraian lanjut dlm. Shahrir Mohamad Zain, (2005), *Sains Dan Teknologi Melayu Sebelum Dikuasai Penjajah Dari Eropah*, dlm.(pngr.) Rogayah A. Hamid & Mariam Salim, *Kepustakaan Ilmu Tradisional*, Kuala Lumpur: DBP.

<sup>104</sup> *Ibid.*



digarapkan terhadap ilmu tanpa sifat fanatik kepada seseorang guru semata-mata. Kepentingan utama di sini, perbendaharaan fiqh warisan silam, perlu dikaji dan dinilai semula keberkesannya berhadapan dengan tuntutan pasaran semasa dan arus pemodenan Malaysia.

Berasaskan kesedaran ini, usaha rekonstruktif pengajian *Fiqh* patut dilakukan melalui pendekatan aplikasi keilmuan moden khususnya ilmu kemasyarakatan atau sosiologi, demi memastikan kerelevanan warisan silam ini. Rasionalnya, mana-mana institusi besar dan berpengaruh perlu memiliki identiti sendiri yang mantap. Pengajian *Fiqh* di Malaysia harus mempunyai metodologi yang berotoriti sebelum bergerak lebih jauh. Merujuk kepada perkara di atas dan situasi semasa, kita harus meletakkan beberapa asas penting dalam membangunkan sistem pengajian *Fiqh* sedia ada.

Oleh kerana pengajian *Fiqh* bersifat dinamis, skop dan metodologi pengajiannya juga harus berkembang seiring dengan keperluan masyarakat dan pengajian itu sendiri. Fokus kepada silibus umum pengajian *Fiqh* dalam program tafaqquh di masjid, ianya perlu merangkumi elemen wahyu dan hasil ijtihad guru Takmir<sup>105</sup>. Warisan ilmu dikodifikasikan dalam pelbagai bentuk penyelidikan termasuk yang dikenali sebagai kitab-kitab *Fiqh*<sup>106</sup>. Umumnya, warisan ini adalah merupakan hasil kefahaman para *fuqaha* terhadap kehendak syariah yang bercirikan wahyu. Kefahaman berasaskan pemikiran *fuqaha* adalah sesuatu yang sentiasa berkembang mengikut keadaan, kemampuan intelektual dan realiti hidup.

---

<sup>105</sup> Temubual dengan Ustaz Muhammad Imran Ibrahim, Pegawai Takmir, Jabatan Agama Islam Pulau Pinang, 30 Disember 2011.

<sup>106</sup> Mahmood Zuhdi Abdul Majid, (1988), *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*, Kuala Lumpur: Penerbitan UM, hlm. 12-14.

Hakikatnya, tidak ada jalan mudah untuk menjadikan pengajian *Fiqh* lebih berdaya maju dan multi-fungsional pada era kini. Metodologi pengajian yang perlu dilaksanakan secara umumnya ialah pertama; menerapkan semua elemen ilmu yang berbentuk warisan *Fiqh* dalam silibus pengajian, kedua; meneliti dan mengimbas langsung isu-isu semasa dan ketiga; usaha sintesis segala bentuk metodologi pengajian sains secara selektif positif. Natiyahnya, melalui metodologi inilah diharapkan agar prinsip-prinsip syariah yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah akan diimplementasikan secara integratif dengan nilai-nilai intelektual semasa.

Bagi merealisasikan gagasan ini, perlu diwujudkan pola pemikiran secara paralel<sup>107</sup>. Ini bertujuan untuk membezakan antara prinsip syariah sebagai asas pemikiran dalam menyelesaikan masalah hukum dan warisan *Fiqh* yang merupakan hasil asimilasi antara prinsip syariah dengan intelektual tertentu. Pendekatan ini, harus juga diproduksi secara serentak dengan elemen pemikiran kritis dan kreatif<sup>108</sup>. Kedua-dua elemen pemikiran digabungkan secara bersama bagi menilai kesimpulan baru seterusnya membentuk reka bentuk konsep yang lebih holistik. Selain itu, ianya bakal membentuk mentaliti guru Takmir yang mengutamakan kebebasan intelektual.

Perkara yang menjadi teras bagi pengajian *Fiqh*<sup>109</sup> adalah untuk membantu masyarakat bagi mengetahui, memahami, mengamalkan, menghayati (analisis, sintesis, penilaian, hidup) dan membudayakan (pengembangan) konsep, proses, prinsip, kemahiran, prosedur, peraturan,

---

<sup>107</sup> Ainon Mohd. Abdullah Hassan, (1997), *Memahami Pemikiran Lateral*, Kuala Lumpur: Utusan Publications, hlm. 48-49. Pemikiran paralel atau berfikir secara selari dengan membuat pemilihan idea berdasarkan kelebihan yang wujud antara idea tersenarai.

<sup>108</sup> Sila rujuk perbincangan awal.

<sup>109</sup> Idea ini adaptasi penyelidik terhadap strategi pendidikan Islam di Malaysia yang dibincangkan oleh beberapa orang sarjana pendidikan negara dan perbincangan berkaitan dimuatkan dalam Nik Aziz Nik Pa (pngr.), (2007), *Pendidikan Islam & Bahasa Arab Berteraskan Islam Hadhari*, Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari.

kepercayaan, nilai, akhlak dan adab. Kekuatan pengajian *Fiqh* adalah satu konsep yang boleh digunakan untuk menandakan beberapa kecekapan dan kebolehan yang perlu dibina oleh setiap masyarakat pengajian *Fiqh*. Sebagai tambahan, beberapa ciri pengetahuan yang dimiliki oleh masyarakat boleh dikategorikan seperti berikut<sup>110</sup>;

- 1) Berasaskan pembinaan oleh pemikiran masyarakat sendiri dan bukan ditemui olehnya dalam persekitaran fizikal. Pengetahuan berkaitan ilmu syariah melalui asas ini adalah tidak sempurna.
- 2) Hasil daripada aktiviti yang melibatkan pengetahuan sedia ada atau daripada keperluan dalam kehidupan seharian.

Kedua-dua ciri pengetahuan di atas selepas pembentukannya, boleh menyebabkan salah faham, salah tafsir dan terbuka kepada pemantapan dan pemurniaan. Pemikiran masyarakat adalah sebuah penjana untuk diaktifkan. Kaedah percambahan fikiran boleh digunakan untuk menjana seberapa banyak strategi pemikiran yang sesuai diaplikasi dalam metodologi pengajian *Fiqh*. Perkara ini penting bagi mengisi ruang pemantapan dan pemurniaan pemikiran masyarakat.

Penerapan elemen pemikiran reflektif<sup>111</sup> amat relevan dikoordinasikan dalam metodologi pengajian *Fiqh* berasaskan isu pembinaan pengetahuan masyarakat seperti di atas. Pemikiran ini mampu memotivasikan masyarakat agar berfikir secara urutan idea, cepat membuat keputusan, penilaian kritikal dan menggalakkan berfikir secara terbuka. Kemampuan dan kemahiran ini berperanan dalam mereka bentuk penyelesaian masalah berdaya maju. Di sinilah terletaknya peranan *Fiqh* jika dilihat kepada silibus umum pengajian *Fiqh*. Ini adalah kerana syariah Islam

---

<sup>110</sup> Nik Aziz Nik Pa, (2007), *Isu-Isu Kritikal Dalam Pendidikan Islam*, Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari, hlm. 4-5.

<sup>111</sup> Ghamal Al-Bana, (2006), *Islam dan Rasionaliti*, Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise, hlm.11-28

menyediakan prinsip umum politik, ekonomi, sosial dan sebagainya. Sehubungan itu, menjadi tanggungjawab para guru Takmir menjawab persoalan masakini dengan menggarapkan prinsip, kaedah dan sistem warisan *Fiqh* di samping usaha analisis elemen budaya, sosial dan implikasi sains dan teknologi.

Penafian terhadap peranan sumber warisan adalah sesuatu yang tidak wajar kerana tanpa sumber tersebut ilmuan zaman kini tidak akan memiliki apa-apa. Analisa komparatif perlu diterapkan secara sistematik dan berdasarkan kaedah induktif. Pendekatan ini memberi peluang kepada masyarakat untuk berfikir berdasarkan fakta dan hukum umum yang diketahui. Selain itu, pendekatan ini berkait rapat dengan pembentukan budaya inkuiri, iaitu masyarakat tidak secara langsung diberikan jawapan terhadap sesuatu masalah tetapi dibimbing untuk memperolehi jawapan<sup>112</sup>. Masyarakat perlu dilatih untuk berfikir dan membuat keputusan atas daya usaha sendiri. Ilmu yang diperolehi lebih bermakna, di samping membentuk kemahiran mencari maklumat selain daripada sekadar merujuk kitab-kitab pengajian.

Selain itu juga, masyarakat turut dibekalkan dengan daya rumus dan analisis yang akan meningkatkan kemampuan ijtihad. Kemampuan ijtihad<sup>113</sup> masyarakat sewajarnya berteraskan metodologi *istinbat* dan *istidlal* dengan merujuk kepada sumber warisan dan moden yang berotoritatif. Masyarakat seharusnya mempunyai kemahiran saintifik hasil aplikasi pemikiran saintifik. Kemahiran ini antara lainnya dapat meningkatkan upaya meneroka fenomena baru berlandaskan pengetahuan sedia ada. Di samping menguasai keupayaan menguji, menyelidik dan

---

<sup>112</sup> Edward De Bono, (2004), *Pemikiran Praktikal*, Selangor: Golden Book Centre Sdn Bhd. hlm. 59-77

<sup>113</sup> Shukeri Mohamad, (2000), *Asas-asas Pembentukan Fiqh Malaysia: Satu Saranan*, dlm. Paizah Ismail & Ridzwan (pngr.), *Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*, Kuala Lumpur: APIUM, hlm. 48.

memahami perkaitan yang wujud antara teori, konsep dan prinsip umum terkandung dalam pengajian *Fiqh*.

Pada umumnya, matlamat utama dalam pelaksanaan sistem pendidikan Islam adalah untuk memberikan kemahiran, pengetahuan dan membangunkan insan yang bertakwa kepada Allah s.w.t. Tugas pendidik khususnya pengajian Islam kini lebih tertumpu kepada pembangunan intelektual para sarjana dengan tujuan utama untuk memajukan masyarakat Islam yang menjadi teras kepada masyarakat di Malaysia. Oleh itu, tugas guru Takmir dalam pengajian *Fiqh* khususnya dalam program tafaqquh di masjid, tidak seharusnya sekadar menjurus kepada persoalan pemindahan maklumat tetapi juga berkaitan dengan aspek pembentukan masyarakat berilmu yang memiliki nilai intelektual semasa.

Pedagogi pengajian *Fiqh* pula, merujuk kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan dalam sistem pengajian *Fiqh*. Pengajaran adalah kaedah yang digunakan oleh pendidik untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada masyarakat. Pengajaran merupakan satu proses yang mempunyai matlamat dan tujuan. Sesuatu proses pengajaran yang dikatakan berjaya sekiranya matlamat dan tujuan tercapai<sup>114</sup>. Selain itu menurut Ab. Halim Tamuri;

*“Pengajaran merupakan suatu seni kerana dalam proses pengajaran itu seseorang guru perlu kreatif. Guru yang kreatif akan menjadikan pengajaran lebih menarik dan berkesan”*<sup>115</sup>.

Kaedah pengajaran dalam pengajian *Fiqh* perlu lebih menarik dengan menjadikan pengajaran lebih berkaitan dengan permasalahan semasa dan menyepadukan unsur kemahiran berfikir dalam

---

<sup>114</sup> Ab. Halim Tamuri, (2007), Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Dalam Membangunkan Masyarakat Islam Hadhari, dlm. Nik Azis Nik Pa (pngr.), *Pendidikan Islam & Bahasa Arab Berteraskan Pendekatan Islam Hadhari*, Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari, hlm. 178.

<sup>115</sup> *Ibid.*

proses pengajaran dan pembelajaran (selepas ini akan digunakan dengan ringkasan (P&P). Kaedah dan teknik yang disarankan ialah kaedah penyelesaian masalah, syarahan, hafalan, demonstrasi dan perbincangan serta soal jawab.

Mengikut analisis yang dibuat oleh Dr. Wan Salim Wan Mohd Daud<sup>116</sup>, pusat-pusat pengajian tinggi yang terlibat dengan pengajian Islam di Malaysia agak ketinggalan dalam realisasi P&P berkesan berbanding dengan pengajian lain. P&P di pusat pengajian tinggi Islam masih mengikut cara pendidikan tradisional yang diwarisi zaman silam. Sepatutnya pengajian Islam khusus pengajian *Fiqh* tidak hanya berperanan sebagai pewaris keilmuan zaman silam, malah mestilah juga mampu membina budaya umat bercirikan integratif dengan realiti semasa. Implikasi negatif<sup>117</sup> daripada pelaksanaan P&P secara tradisional ini ialah bakal melahirkan masyarakat yang lemah, berfikiran sempit, hanya tahu menghafal tetapi tidak pandai berfikir. Kesenambungan itu juga, individu kalangan masyarakat yang bakal dilahirkan hanya akan bersifat pasif menerima pandangan tanpa bersikap kritikal, suka bertaqlid dan tidak mampu berjihad serta tidak kreatif apabila berhadapan dengan persoalan hukum yang bersifat semasa.

Pada peringkat asasnya, ciri utama pedagogi berteraskan aplikasi semasa adalah bukan hanya memberi maklumat dan informasi yang terkandung dalam perbendaharaan *Fiqh*. Bahkan, melalui pendekatan membentuk kemahiran berfikir yang dapat melahirkan masyarakat yang berfikiran kritikal dan kreatif. Kesan positifnya masyarakat mempunyai kemampuan berfikir secara ilmiah dan praktikal<sup>118</sup> serta berjaya melenyapkan sindrom beku, jumud dan taqlid. Sindrom atau gejala

---

<sup>116</sup> Wan Salim Wan Mohd Daud, (1990), Pendidikan Islam Di Pusat-pusat Pengajian Tinggi: Masalah Dan Penyelesaian, dlm. *Jurnal Pendidikan Islam*, jld. 3, bil. 2, Ogos, hlm. 1-12.

<sup>117</sup> *Ibid.*

<sup>118</sup> Edward de Bono, (2004), op-cit, hlm. 1-10.

tersebut amat dibimbangi oleh sarjana Islam<sup>119</sup> kerana ianya bakal memberi impak kepada penghayatan sebenar terhadap konsep dan prinsip syariah yang syumul.

Begitu banyak kemahiran berfikir yang boleh diterapkan dalam P&P pengajian *Fiqh*. Peranan pendidik dalam hal ini adalah sebagai pemudah cara dan pembimbing kepada masyarakat. Pembudayaan pemikiran analogi dan abduktif boleh diaplikasikan dalam P&P untuk memberikan kefahaman tentang konsep bagi menjalankan penganalisaan teori yang rumit. Elemen ini amat penting diterapkan dalam pengajaran tentang konsep *masaleh al-mursalah* dan kaedah-kaedah *maqasid* yang memerlukan proses penilaian dan bersifat kontekstual<sup>120</sup>. Seterusnya disintesisasikan dengan instrumen *al-qiyas* bagi menemukan hasil akademik yang bersifat semasa. Masyarakat sewajarnya didedahkan tentang pandangan global (*global outlook*) agar mereka terbiasa dengan pemikiran global. Perkara ini amat realistik jika melihat prinsip syariah antara lainnya terkandung unsur universal (*'alamiah*). Kaedah kemahiran saintifik yang diterapkan dapat membantu pendidik dalam merangsang dan menggalakkan masyarakat bagi mengikuti masyarakatan secara lebih aktif khususnya dalam aktiviti berdiskusi.

Kaedah pedagogi yang disarankan dalam pengajian *Fiqh* sebenarkan tidak banyak berbeza dengan kaedah yang diaplikasikan dalam pengajian sains. Ini mungkin disebabkan oleh ilmu sains itu sendiri adalah sebahagian daripada ilmu agama. Sebagai contoh kedua-dua bidang pengajian ini menyarankan pengintegrasian kemahiran berfikir<sup>121</sup>. Selain kaedah inkuiri amat penting diterapkan dalam pengajian *Fiqh* sebagaimana pengajian sains, kaedah demonstrasi juga

---

<sup>119</sup> Lihat 'Abd al-Qadir 'Audah, (1951), *Al-Islam Baina Jahli Abnaihi Wa 'Ajzi 'Ulamaihi*, Kaherah, hlm. 29.

<sup>120</sup> Rosli Mokhtar, (2007), *Pengenalan Ilmu Maqasid*, Selangor: Karya Bestari, hlm. 89-114.

<sup>121</sup> Ainon Mohd. & Abdullah Hassan, (2005), *Pandai Berfikir*, Kuala Lumpur: PTS Millenia Sdn.Bhd. hlm. 102-123.

boleh diterapkan dalam P&P pengajian *Fiqh*. Alat bantu pemikiran seperti penggunaan statistik dan pengurusan grafik amat sesuai diaplikasi dalam P&P pengajian.

Demonstrasi melalui penggunaan statistik dan grafik dapat menimbulkan minat dan menambahkan lagi kefahaman masyarakat terhadap sesuatu subjek yang diajar. Kaedah *talaqi* dalam P&P atau berasaskan teks atau kitab semata-mata bakal mewujudkan suasana pembelajaran yang kaku dan membosankan. Pengajian *Fiqh* merujuk kepada *Fiqh* adalah berasaskan bentuk pengajian amali, maka amalan P&P seharusnya bersifat praktikal dan bukan teorikal semata-mata. Kaedah ini telah dipraktikkan dalam siri-siri kursus haji dan umrah di masjid masa kini<sup>122</sup>.

Kemahiran P&P adalah penting bagi menjalankan tugas sebagai pendidik yang berkesan. Antara kemahiran mengajar yang perlu dikuasai ialah kemahiran memulakan pengajaran melalui kaedah mengemukakan persoalan, menggunakan contoh-contoh dan pemaparan isu melalui imbasan persekitaran. Kreativiti pendidik dalam melaksanakan tugas P&P adalah penting bagi suasana pembelajaran yang kondusif dan afektif. Isu-isu hukum semasa yang berorientasikan perkembangan sains dan teknologi wajar dikemukakan secara sistematik.

Elemen sistematik<sup>123</sup> dalam pedagogi pengajian *Fiqh* berfungsi dalam memastikan pengajaran dan pengkajian dapat mencapai tujuan dan meminimumkan ralat. Penerapan boleh direalisasikan dalam perbincangan metodologi hukum yang berasaskan *talfiq*, *takhayyur* dan *tarjih*.

---

<sup>122</sup> Temubual dengan Sheikh Hazizan, Pegawai Hal Ehwal Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Islam Kedah, 29 Disember 2011.

<sup>123</sup> Osman Bakar, (1993), *Islam Dan Pemikiran Sains Masa Kini*, dlm. *Kata Pengantar*, Kuala Lumpur: Mekar Publisher & ASASI, hlm. 1-3.



Perbincangan atau diskusi perlu diakhiri dengan aktiviti peneguhan dan pengukuhan. Melalui kaedah sistematik tersebut, masyarakat akan terangsang untuk turut sama terlibat dalam aktiviti P&P secara aktif. Komunikasi pelbagai hala akan terhasil daripada proses yang menjadikan proses P&P lebih menarik dan berkesan.

Sebagai konklusi sederhana di sini, pedagogi pengajian *Fiqh* harus dimantapkan seiring dengan arus pemodenan semasa. Amalan P&P yang berjaya dan berkesan mampu mengubah persepsi dan perspektif negatif masyarakat terhadap pengajian itu sendiri. Jika sebelumnya pengajian *Fiqh* dilihat sebagai pengajian yang bercirikan statik dan dogmatik, malah lebih ironis belajar ilmu Syariah dilabelkan sebagai belajar ilmu sejarah. Pemanfaatan elemen pemikiran saintifik dalam pedagogi pengajian *Fiqh* dapat melahirkan masyarakat yang berdaya saing serta berinovasi. Melalui pemikiran yang inovatif dapat mencetuskan idea baru dan berkemampuan mereka cipta kaedah penyelesaian masalah yang idealistik dan realistik. Segala permasalahan dapat dirungkai dengan mudah apabila manusia mengembangkan cara berfikiran dinamis dan sanggup menerima perubahan untuk lebih maju.

Rasionalnya ialah kebangkitan kesedaran di kalangan sarjana Islam<sup>124</sup> tentang peri pentingnya dilakukan penerapan saintifik moden yang lebih berjiwa Islam ke dalam sistem pengajian *Fiqh* moden. Hal ini perlu dilakukan sebagai langkah pro-aktif untuk membangun kerangka saintifik Islam yang lebih bersifat islamik dan memenuhi keperluan zaman moden. Selepas Malaysia mencapai status kemerdekaan, di era 1960an-1980an telah timbul beberapa usaha untuk membangunkan masyarakat Malaysia ke arah status yang lebih baik berbanding dengan zaman penjajahan kuasa Barat.

---

<sup>124</sup> Abdul Latif Samian, (2003), *Perkembangan Sains Dan Peradaban Manusia*, Bangi:UKM, lihat juga, Ziauddin Sardar, (1992), *Hujah Sains Islam*, (terj.) Abdul Latif Samian, Kuala Lumpur:DBP

Di sini, penyelidik bukan bermaksud mengatakan bahawa keterikatan pengajian *Fiqh* terhadap tradisi silam dan ketetapan hukum yang berasaskan metodologi kajian ilmiah sedia ada menghalang kemajuan dan pemodenan masyarakat Islam. Tetapi apa yang dikehendaki daripada usaha aplikasi pendekatan baru adalah berteraskan realisasi masalah sebenar fokus pengembangan dinamisme pengajian *Fiqh* itu sendiri. Seperti mana pendapat Prof Wan Mohd Nor<sup>125</sup>, kelemahan umat Islam dalam peradaban selama beberapa kurun ini bukanlah disebabkan kelemahan sistem epistemologi dan metode pentafsiran sumber-sumber agama. Umat Islam mundur kerana menyimpang daripada mempraktikkan sistem pengajian Islam seperti generasi terdahulu.

Gagasan untuk membuka semula pintu ijtihad<sup>126</sup> tidak bermakna apa-apa sekiranya infrastruktur keilmuan, khususnya institusi-institusi pengajian yang menawarkan pengajian *Fiqh* tidak mantapkan, terutamanya daripada segi epistemologi, metodologi dan pedagogi pengajiannya. Selain itu, langkah pro-aktif boleh diambil dengan menyediakan pusat penyelidikan atau makmal kajian intensif di pusat-pusat pengajian *Fiqh*. Realitinya, dalam catatan sejarah ketamadunan sains Islam silam<sup>127</sup>, observatori atau pusat penyelidikan dan lebih dikenali sebagai cerapan astronomi merupakan institusi penyelidikan yang disepakati oleh sejarawan sains sebagai tempat bermula tradisi sains Islam.

---

<sup>125</sup> Wan Mohd Nor, (2004), Kaji Ide-ide Rahman Secara Kritis Dan Jujur, dlm, *ISLAMIKA*, Agustus, hlm. 57

<sup>126</sup> Amir Husin Mohd Nor, (2000), Penutupan Pintu Ijtihad: Satu Kajian Semula, dlm. *Jurnal Syariah*, 8:1, Januari, Kuala Lumpur: APIUM, hlm. 43-45.

<sup>127</sup> Hairudin Harun, (1992), *Kepintaran Buatan: Komputer Atau Falsafah?*, Kuala Lumpur:DBP, hlm. 79.

Pengembangan pengajian *Fiqh* harus diperluaskan skopnya meliputi kerja-kerja lapangan dan kajian makmal, bukan sekadar berbentuk teori, falsafah, kepustakaan dan *talaqi*<sup>128</sup> seperti sedia ada semata-mata. Sesuai dengan keperluan semasa dan keperluan memperlengkapkan masyarakat berilmu dan berwibawa di era kini, pendedahan umum fatwa-fatwa semasa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dan Negeri Kedah turut dimuatkan dalam pengajian *fiqh* di masjid-masjid dilakukan oleh guru Takmir secara tidak langsung<sup>129</sup>. Perkara ini penting bagi memahamkan masyarakat tentang hukum *fiqh* semasa berorientasikan 'urf Malaysia.

## **2.8 Peranan Kerajaan Di Dalam Pembangunan *Fiqh* Malaysia**

Secara dasarnya, perlu diketahui bahawa *Fiqh* Islam tidak lahir daripada ruang yang hampa tetapi berasaskan kepada latarbelakang kontekstual umat Islam di dalam menghadapi kehidupan seharian. Bertitik tolak daripada kenyataan ini, kita dapat mengenalpasti tiga paradigma yang dipegang oleh umat Islam apabila menyentuh isu peranan kerajaan di dalam pembangunan *Fiqh* Islam di dalam masyarakat. Ianya terbahagi kepada tiga paradigma;

**Pertama**, paradigma integralistik yang menganggap peranan agama dan negara mesti bersatu di dalam menguatkuasakan sistem perundangan Islam. Ketua negara adalah merupakan pemegang kekuasaan agama dan politik sekaligus berasaskan kepada konsep kedaulatan tuhan (*divine sovereignty*) sepenuhnya. Atas dasar ini sebarang bentuk perundangan Islam yang dijalankan

---

<sup>128</sup> Abdullah Ishak, (1992), *Islam Di Nusantara (khususnya di Tanah Melayu)*, Kuala Lumpur: BAHEIS, hlm. 166-168.

<sup>129</sup> Temubual dengan Ustaz Ahmad Kamarul Najam Mohd Ghazali, Ketua Penolong Pengarah (Takmir), Jabatan Agama Islam Perlis, 6 Januari 2012.

oleh pihak kerajaan wajib ditaati oleh semua rakyat jelata, dan sekiranya timbul penentangan ataupun kritikan terhadap sistem perundangan Islam yang dikuatkuasakan akan dianggap seperti mencabar kedaulatan tuhan sendiri.

**Kedua**, paradigma Sekularistik yang menolak sama sekali konsep penyatuan antara agama dan politik. Ianya menolak konsep yang dibawa oleh ajaran pokok Islam tentang kepentingan dunia dan akhirat. Mengikut paradig ini, sebarang urusan negara yang digolong dalam urusan politik perlu dipisahkan daripada kepentingan agama, sekaligus menolak pertimbangan agama di dalam menentukan sesuatu dasar negara.

**Ketiga**, paradigma simbiotik yang menganggap memang wujud hubungan timbal balik dan saling memerlukan di antara Islam dan negara. Agama memerlukan negara kerana hanya dengan fungsi negara sesuatu agama dapat berkembang dengan cukup berkesan. Sebaliknya, negara juga amat memerlukan agama kerana dengan agama sesuatu negara dapat berkembang dalam bimbingan etika dan moral spiritual.

Merujuk khusus kepada ketiga-tiga paradigma ini, ternyata sekali pihak kerajaan Malaysia menerimapakai paradigma simbiotik ini. Hal ini boleh dilihat daripada beberapa perkara yang utama;

- 1) Komitmen berterusan pihak kerajaan di dalam membantu program pembangunan Islam yang efisien, terutamanya yang membabitkan soal formula pembangunan teras Negara, pendidikan dan perundangan Islam. Secara kasarnya terdapat empat gagasan yang mencorak program pembangunan di Malaysia; rukun negara, DEB, Wawasan 2020 dan Islam Hadhari.

Teras kepada falsafah pembangunan negara adalah rukun negara. Berikutan dari penerimaan rukun negara itu, perancangan pembangunan Malaysia telah menjalan DEB selama dua puluh tahun (1970-1990) DEB telah membuahkan hasil serampang dua mata; iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.<sup>130</sup> Setelah tamat DEB, gagasan Wawasan 2020 yang kemudiannya diikuti dengan gagasan Islam Hadhari mula diperkenalkan. Jika diteliti keempat dokumen ini, ianya merupakan kesinambungan dari hasrat negara ini bagi menjana proses pembangunan negara yang lebih terarah. Berbanding dengan DEB, gagasan Wawasan 2020 dan Islam Hadhari lebih menjuruskan kepada usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam maju yang berasaskan kepada acuan Malaysia sendiri.<sup>131</sup>

- 2) Konsep negara yang dipakai dalam Perlembagaan Malaysia walaupun sering dikatakan dibuat berasaskan kepada intipati fahaman sekularisme, masih lagi memberikan penekanan yang tinggi terhadap kepentingan agama Islam.
- 3) Memang wujud usaha timbal balik di antara peranan IPTA Islam (tempat beradanya kalangan sarjana Islam) dengan pihak kerajaan. Kita dapat mengesan bagaimana sebahagian besar daripada gagasan Islam yang dikemukakan oleh sarjana Melayu-Islam telah diterimapakai secara baik oleh pihak kerajaan sendiri. Hal yang sama juga boleh dilihat daripada kecenderungan pihak kerajaan memberikan sejumlah dana bantuan R&D yang cukup besar untuk IPTA Islam melakukan penyelidikan bagi tujuan penambahbaikan dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dengan isu Islam.
- 4) Isu-isu yang menyentuh persoalan Islam dan pembangunan kerap menjadi isu utama yang perlu diperhatikan dengan lebih serius oleh kedua buah parti politik Islam, demi untuk menjadikan mereka sebagai parti yang diterima ramai oleh kalangan pengundi Islam di

---

<sup>130</sup> Abdul Rahman Aziz (2004), Falsafah Pembangunan, Sintok : Penerbit UUM, hlm. 31-33.

<sup>131</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim (2006), “ Islam Hadhari Sebagai Wahana Ilmu Untuk Kecemerlangan Umat Islam Di Malaysia “, Dalam Risalah Khas Sambutan Ma’al Hijrah Peringkat Kebangsaan 1427 H, Putrajaya : Jakim.

Malaysia.<sup>132</sup> Hal ini boleh dilihat daripada perubahan sikap pengundi Melayu baru yang terdiri dari golongan professional yang telah menganggotai parti PAS kerana tertarik dengan pendekatan Islam bentuk moden yang diperjuangkan oleh parti ini, sekali gus menolak dakwaan bahawa parti PAS adalah parti orang kampung dan lulusan agama semata-mata.<sup>133</sup> Begitu juga halnya dengan parti UMNO yang telah turut dianggotai oleh kalangan lulusan agama dan golongan professional Melayu yang mendokong perjuangan bagi meningkatkan martabat umat Islam.<sup>134</sup>

Apa yang lebih penting lagi dalam konteks pelestarian ketuanan masyarakat Melayu-Islam di Malaysia, kita perlu berbangga dan seterusnya memperjuangkan agar paradigma simbiotik ini terus diamalkan dalam masyarakat Malaysia. Jika dilakukan analisis induktif terhadap kesemua teori jatuh dan banggunya sesuatu tamadun Islam, kita akan bersetuju bahawa survival masyarakat Melayu bergantung sepenuhnya kepada empat asas yang utama;

- 1) Ajaran Islam yang menjadi asas jati diri dan kebanggaan manusia Melayu, sehingga melahirkan tamadun yang cukup tinggi suatu masa dahulu.
- 2) Tanah sebagai awasan geografi khusus yang menempatkan masyarakat Melayu. Identiti, jati diri dan rasa kebanggaan sesuatu manusia itu bergantung sepenuhnya kepada nisbah negara yang dimilikinya. Manusia sebagai makhluk sosial sentiasa mahu dikaitkan dengan sesuatu komuniti ataupun negara yang bakal menjadi kebanggaannya apabila berinteraksi dengan bangsa lain. Sesuatu negara itu hanya boleh wujud seandainya memiliki daerah geografi yang

---

<sup>132</sup> Muhammad Abu Bakar (2004), “ Polemik Negara Islam Dan Pembudayaan Politik Di Malaysia “, dalam Himpunan Kertas Kerja Isu Dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam, Kuala Lumpur : DBP, hlm.161-174.

<sup>133</sup> Syed Ahmad Hussein,(2002) “ Muslim Politics And The Discourse On Democracy “, dalam ed. Oleh Francis Loh Kok Wah and Khoo Boo teik, Democracy In Malaysia : Discourses And Practices, Richmond, Surrey : Curzon press, , hlm. 99.

<sup>134</sup> *Ibid.*, hlm. 87-88.

tertentu, rakyat dan sistem pemerintahan yang stabil. Pemeliharaan ketiga-tiga elemen ini perlu dilakukan secara berterusan bagi mengelakkan ianya musnah, seperti mana yang dialami oleh penduduk Yahudi, Palestin dan Aghanistan pada masa sekarang. Setiap bangsa yang terpaksa merempat di negeri orang tanpa tanah air sendiri akan merasakan identiti dan jati diri mereka terhina.

- 3) Kekuasaan politik melalui kuasa kerajaan yang bakal menjalankan dasar jangka pendek dan panjang (seumpama DEB)<sup>135</sup> demi kepentingan bangsa dan kebudayaan Melayu.
- 4) Institusi beraja Melayu sebagai penaung kepada kedaulatan dan ketuanan masyarakat Melayu.

Tanpa keempat-empat asas ini, masyarakat dan kebudayaan Melayu akan menjadi lemah dan bakal menerima nasib yang buruk seperti mana dialami oleh masyarakat Islam Palestin,<sup>136</sup> Kurdis dan masyarakat minoriti Islam di negara barat. Perkembangan semasa, kelihatannya keutuhan institusi beraja Melayu telah mula dipertikaikan,<sup>137</sup> ajaran Islam khususnya sistem perundangan Islam boleh dianggap sebagai aset dan benteng terakhir masyarakat Melayu-Islam bagi mempertahankan konsep ketuanan Melayu.<sup>138</sup>

Program-program pembangunan keilmuan masyarakat seperti fokus dan skop kajian ini perlu dimantapkan dan dibuat penambahbaikan aspek pengisian dan kaedah penyampaian ilmu. Masyarakat Melayu sebagai tunjang utama budaya, social dan politik di Malaysia berperanan penting dalam menyumbang kepada Negara dan kerajaan mencapai matlamat Negara maju.

---

<sup>135</sup> Abdul Rahman Aziz (2000), *Pekerjaan Dalam Kehidupan Manusia*, Petaling Jaya, hlm. 94-101.

<sup>136</sup> Zainal Kling, (1999) "Keragaman Malaysia : Negara Itu Adalah Akar Umbi Kehidupan Dan Essensi Kewujudan Manusia", Dalam *Perpaduan*, Bil. 3, hlm. 4-11.

<sup>137</sup> Ahmad Fawzi Mohd. Basri (1996), *Nilai Orang Melayu*, Sintok : Sekolah Pembangunan Sosial, UUM.

<sup>138</sup> Jamaie Hamil (2004), *UMNO Dalam Politik Dan Perniagaan Melayu*, Bangi : Penerbit UKM, hlm. 126-131

Program tafaqquh di masjid boleh dijadikan platform strategik kerajaan dalam menggarapkan usaha berkesan ke arah membina masyarakat berilmu yang akan bermanfaat kepada pembangunan agama, bangsa dan Negara.

## **2.9 Kesimpulan**

Berasaskan kepada kajian-kajian sebelumnya, terdapat beberapa kekosongan kajian yang penyelidik mampu penuhi melalui penyelidikan ini, iaitu :-

1. Kajian yang menerangkan secara terperinci tentang metodologi dan pedagogi pengajian *Fiqh* di Masjid.
2. Perincian tentang program tafaqquh yang sepatutnya dijalankan dalam konteks dunia global merangkumi persoalan tentang isi, pendekatan dan kurikulum subjek pengajian *Fiqh* yang boleh diterapkan oleh pihak pengurusan masjid-masjid yang terbabit, bagi menjadikannya lebih relevan dengan kehendak keilmuan semasa.
3. Perincian tentang elemen positif dan negatif daripada program tafaqquh yang setakat ini telah diusahakan oleh masjid-masjid di negeri Kedah. Hal ini secara langsung bakal memperlengkapkan lagi proses pemeraksanaan yang boleh dijalankan oleh pihak bertanggungjawab.
4. Perincian tentang program perancangan strategik yang telah dan sepatutnya diterapkan oleh pihak jabatan agama dan pengurusan masjid membabitkan program tafaqquh yang berkesan dalam pembangunan masyarakat setempat.



kelemahan yang ada.<sup>2</sup> Hal ini dikhususkan dalam bidang kehidupan yang diceburi individu dan dalam masa yang sama mempunyai ilmu pengetahuan, kefahaman dan kepakaran.

Paradigma pembangunan yang dimaksudkan ialah pembangunan syumul(holistic). Pembangunan yang seimbang antara dimensi jasmani dan rohani.<sup>3</sup> Pembangunan dalam konteks tersebut amat sesuai dengan sifat keperibadian bangsa Malaysia, terutama Melayu yang menjadi teras masyarakat majmuk di negara ini. Oleh itu, aspek dasar dan penekanan dalam sistem pendidikan perlu dilihat sebagai agen pemangkin utama pembangunan masyarakat pelbagai peringkat.

Perspektif penuh nilai yang menganggap pengetahuan yang dimiliki oleh manusia ialah sebagai satu jenis pengetahuan yang dibina dalam konteks budaya pemikiran, pendidikan dan konsepsi sosial. Pengembangan kekuatan sistem pendidikan bagi melahirkan masyarakat berilmu memerlukan pembentukan kurikulum pendidikan dan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang memenuhi keperluan semasa.

Merujuk khusus kepada firman Allah s.w.t.<sup>4</sup> terkandung saranan tentang *Tafaqquh Fiddin* yang menjadi asas utama dalam kajian ini. Allah memerintahkan seperti berikut;

*“Tidak sepatutnya bagi orang-orang yang mukmin itu pergi semuanya (ke medan perang). Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama (liyatafaqqohu fiddin) dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat menjaga dirinya”.*

---

<sup>2</sup> Arbaeyah Yahya, (1994), *Wanita Dalam Sains dan Teknologi*, Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar, hlm. 4- 5.

<sup>3</sup> Tengku Mohd Azzman Shariffadeen & Hairudin Harun, (1992), *Pembangunan Melalui Sains Dan Teknologi (Dalam Konteks reformasi Pendidikan)*, Dlm. Mohd Yusof Othman & Khalijah Mohd Salleh (pynt. ) *Pendidikan Tinggi Sains: Ke Arah Reformasi Pendidikan*, Kuala Lumpur: DBP. , hlm. 62.

<sup>4</sup> At-Taubah:122

Tafsir *Mufradat* ayat di atas, at-Tafaqquh berasal dari kata *Al-Fiqhu*, iaitu mengetahui ilmu yang tidak pernah diketahui dan menjadi ilmu yang diketahui dengan jelas dan nyata. Maka al-Fiqhu lebih khusus daripada maksud ilmu. *Al-Fiqhu* adalah ilmu mengenai hukum-hukum syara'. Manakala *Tafaqquh* adalah, jika seseorang mencari ilmu kemudian ia mengkhususkan ilmu yang dipelajari untuk pemahaman dan amalan pada diri sendiri. Ayat di atas juga menjadi dalil bahawa *tafaqquh fiddin* adalah untuk mengajak manusia kepada kebenaran ilmu dan amalan (*al-haq*), serta membimbing masyarakat kepada agama yang benar dan jalan yang lurus. Ayat ini juga, Allah s.w.t. memerintah manusia mendalami ilmu-ilmu agama (*tafaqquh fiddin*), supaya ketika mereka kembali kepada kaumnya mengajari agama yang benar dan menjaga diri dari kejahilan dan perlakuan maksiat.

Falsafah pendidikan dalam Islam berteraskan al-Quran dan al-Sunnah seharusnya mampu diimplementasikan secara realistik. Perbincangan berkaitan pengajian Fiqh, perkara pertama terlintas di fikiran kita adalah mempelajari perkara yang ritual seperti ilmu ketuhanan, ilmu Fiqh yang merangkumi ibadah, muamalat dan adat. Pengajian Fiqh harus dilihat dalam konteks yang luas dan mampu mempengaruhi kehidupan manusia dalam semua aspek kehidupan. Perubahan dan penambahbaikan silibus pengajian Fiqh khusus di Institusi masjid memerlukan pendekatan yang drastik di samping pembinaan modul yang praktik. Gagasan ini diharapkan agar dinamisme pengajian Fiqh melalui program tafaqquh di institusi masjid akan berkembang seiring dengan perkembangan arus kemodenan dan 'urf keilmuan semasa.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Jika diteliti agenda pembangunan Malaysia meliputi dua dimensi iaitu pembentukan semangat kenegaraan dan pembinaan tamadun Malaysia. Dimensi kedua menzahirkan bahawa pembinaan tamadun Malaysia yang maju dan sistematik terangkum dalam tiga asas proses iaitu;<sup>5</sup>

- a) Mempercayai sesungguhnya bahawa sistem peradaban dan moral adalah berasaskan agama dan ketauhidan kepada tuhan.
- b) Memahami bahawa falsafah pendidikan sepanjang hayat dan budaya ilmu adalah penting untuk membina masyarakat yang sentiasa berusaha gigih meluaskan gagasan ilmu dalam pelbagai disiplin dengan tujuan membina tamadun yang agung.
- c) Memahami dan mempercayai bahawa teknologi maklumat dan multimedia meningkatkan keberkesanan dan kecekapan pelbagai urusan kehidupan masa kini dan masa hadapan.

Ketiga-tiga asas ini pula dimanifestasikan dalam tiga bentuk iaitu, akta pendidikan, pekeliling eksekutif dari masa ke semasa dan bentuk ketiga kurikulum dan ko-kurikulum. Pendidikan pula dibahagi kepada tiga kategori, pertama secara formal yang melibatkan institusi pendidikan seperti sekolah dan universiti. Kedua secara informal yang dijalankan oleh pihak agensi kerajaan dan swasta. Pendidikan informal pula dimainkan peranan oleh institusi keluarga, masjid, masyarakat setempat dan media. Selain itu, bidang pendidikan merupakan suatu dasar

---

<sup>5</sup> Sufean Hussin, ( 2002), Agenda Politik Pembinaan Negara Dan Dasar- dasar Pendidikan Negara: Satu Imbasan, Dlm. Dasar Pendidikan Progresif: Persepektif Makro Dan Mikro, Kuala Lumpur: Utusan Publications, hlm. 7- 8.

pelaksanaan yang berkonsepkan bahawa ianya adalah satu bentuk pelaburan jangka panjang, bukannya kepenggunaan semata-mata.<sup>6</sup>

Pendidikan dan proses pengilmuan Islam berkait rapat dengan proses pembangunan manusia. Oleh itu, amat penting ilmu mengurus diri (fardhu 'ain) dan ilmu mengurus sistem (fardhu kifayah) diintegrasikan kerana proses pendidikan ingin melahirkan manusia holistik supaya potensi 'aqliyah, rohaniyah dan jasmaniyah dapat disuburkan secara seimbang dan harmoni.

Hakikatnya, keistimewaan ajaran Islam yang dikesan telah meninggalkan kesan positif jangka masa panjang dalam konteks Alam Melayu.<sup>7</sup> Pengajaran dan pembelajaran keilmuan Islam di kalangan masyarakat Melayu silam bukan setakat persoalan ibadat khusus semata-mata, tetapi juga persoalan tentang bagaimana sesuatu pandangan dan perlakuan seseorang itu harus ditangani secara rasional dan mengikut perkaedahan yang Islamik serta bukannya dikerjakan secara *taqlid* buta tuli mengikut pendekatan tradisi.<sup>8</sup>

Pengajian fiqh berteraskan modul program tafaqquh fiqh bersifat semasa harus menumpukan usaha untuk menghapuskan budaya *taqlid* yang menyebabkan kelesuan sistem fiqh Islam berhadapan proses pemodenan.<sup>9</sup> Kandungan kurikulum pengajian keilmuan Islam seperti subjek fiqh Islam seolah-olah telah dianggap sebagai pelajaran sejarah perundangan Islam semata-mata

---

<sup>6</sup> Ibin. , hlm. 14.

<sup>7</sup> Sebagai contohnya untuk melihat kesan positif ditimbulkan oleh institusi pengajian Islam di dalam dan luar negeri ke arah menimbulkan kesedaran pemodenan dan politik di Tanah Melayu, lihat Mohammad Redzuan Othman, Pengaruh Timur Tengah Dalam Perkembangan Awal Kesedaran Politik Melayu, dlm, *Jendela Masa*, hlm 245-266.

<sup>8</sup> Syed Hussein al-Attas, (1963), On The Need For A Historical Study Of Malaysian Islamization, dlm, *Journal of Southeast Asian Studies*, v. 4, bil. 1, Mac, hlm 63.

<sup>9</sup> Taha Jabir al-Alwani, (1991), *Taqlid And The Stagnation Of The Muslim Mind*, dlm, *The American Journal of Social Sciences*, v. 8, no. 3, hlm 513.

yang tidak lagi mampu menangani situasi semasa.<sup>10</sup> Fiqh sudah begitu lama dibiarkan beku dan statik, dan ini telah menyebabkan banyak jawapan hukum berkaitan persoalan hidup masyarakat tidak menepati kehendak *syara'* yang sebenar.<sup>11</sup>

Perbincangan fuqaha<sup>12</sup> yang terkandung dalam perbendaharaan fiqh terhasil daripada rujukan terhadap kedua-dua sumber hukum iaitu, wahyu dan akal. Elemen ini amat berbeza dari segi sifat otoriti dan kehujahan hukum serta perlu difahami oleh setiap masyarakat Islam. Perbezaan ini jelas kelihatan apabila sesuatu hukum ataupun nilai yang terhasil daripada pemahaman sumber wahyu dikenali sebagai syariah. Namun berbeza dengan nilai yang dihasilkan oleh sumber akal yang dikenali sebagai hukum fiqh Islam.

Sebenarnya, memang terdapat perbezaan yang jelas di antara Syariah dan fiqh. Perkataan syariah biasanya digunakan untuk merujuk kepada keseluruhan ajaran Islam<sup>13</sup> yang menyebabkan ianya menjadi sinonim dengan perkataan *al-Din* dan *Millah*, yang biasanya diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu sebagai agama.<sup>14</sup> Syariah merupakan himpunan hukum dan kehendak Allah yang ditetapkan di dalam al-Quran dan Sunnah<sup>15</sup> yang mempunyai beberapa elemen khusus;<sup>16</sup> (i) bersifat sangat murni dan tidak mengandungi apa-apa cacat cela (*muqaddas*), (ii) kebenarannya

---

<sup>10</sup> Untuk melihat pendekatan dan kesan daripada amalan Taqlid di Malaysia, lihat Rahimin Affandi Abdul Rahim, (1995), *Budaya Taqlid Di Dalam Masyarakat Melayu : Satu Tinjauan Ringkas*, dlm. *Jurnal Syariah*, v. 3, bil. 1, hlm 30-32.

<sup>11</sup> Muhammad Nabil Muhammad Syukri, (2000), *Pembaharuan Fiqh : Keperluan Dan Metodologi*, dlm. *Pengasoh*, bil. 562, hlm 57.

<sup>12</sup> Lihat Mahmood Zuhdi Abd. Majid, et.al, (2006), *Pengantar Pengajian Syariah*, Kuala Lumpur: Al-Baian Corporation, hlm. 31-44.

<sup>13</sup> Mahmood Zuhdi Abd. Majid, (1997), *Pengajian Syariah : Satu Pentakrifan*, dlm. *Dinamisme Pengajian Syariah*, Kuala Lumpur, hlm 1-2.

<sup>14</sup> *Ibid.*

<sup>15</sup> Maududi, (1975), *The Islamic Law And Constitution*, Lahore, hlm 69; Muhammad Asad, (1961), *The Principles Of State And Government In Islam*, Los Angeles, hlm 13.

<sup>16</sup> Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, hlm 2-3.

adalah bersifat mutlak dan tanpa syarat, (iii) cakupannya adalah lengkap dan komprehensif dan (iv) kuatkuasanya adalah bersifat *'alami* iaitu universal, abadi dan kekal untuk selama-lamanya.

Berbanding dengan konsep syariah, konsep fiqh adalah merujuk kepada usaha pemahaman dan pentafsiran seseorang fuqaha terhadap sumber syariah (al-Quran dan Sunnah) bagi membuat kesimpulan hukum dengan menerima pakai kaedah perundangan Islam.<sup>17</sup> Fiqh bersifat relatif mengikut huraian berikut;

*“ aspek fiqh atau kefahaman ini telah memberi sifat dan warna yang tersendiri kepada umum. Meskipun semua hukum Islam itu pada hakikatnya khitab Allah yang dizahirkan melalui wahyu, namun sebagai yang difahami oleh fuqaha ia sudah mengandungi unsur lain yang di luar khitab itu sendiri iaitu mentaliti dan keilmuan fuqaha berkenaan, persekitaran di mana hukum itu difahami dan banyak lagi. Dengan kata lain, ia tidak semestinya muqaddas, mutlaq, syumul dan abadi.”<sup>18</sup>*

Jadi, berasaskan jurang perbezaan ini, seseorang fuqaha dibenarkan untuk bersikap kritikal dan bebas sama ada hendak menerima pakai ataupun sebaliknya terhadap kandungan sesuatu karya fiqh Islam.<sup>19</sup> Pemahaman ini juga penting untuk diketahui oleh setiap masyarakat Islam bagi mengelakkan sifat fanatik mazhab yang biasanya berlaku akibat ketaksuban yang tidak menentu terhadap pengamalan dan kesesuaian sistem fiqh yang bersifat relatif ini<sup>20</sup> dalam kehidupan masyarakat Islam masa kini.

---

<sup>17</sup> *Ibid*, hlm 4-5.

<sup>18</sup> *Ibid*.

<sup>19</sup> Mohd Daud Bakar, Hukum Islam : Antara Prinsip Syariah Dan Perbendaharaan Fiqh, dlm, *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, hlm 29-37.

<sup>20</sup> Imran Ahsan Nyazee, (1983), The Scope Of Taqlid In Islamic Law, dlm, *Islamic studies*, v. XX11, no. 4, hlm 9-10.

Sehubungan itu, kebanyakan fuqaha menegaskan bahawa sesuatu karya fiqh yang bersifat relatif ini perlu dinilai secara terbuka dan membenarkan perselisihan pendapat,<sup>21</sup> sebagai contohnya dengan menggunakan konsep *tarjih* (penilaian semula) dan perbandingan mazhab iaitu proses penjaan akal fikiran yang terbuka, logik, waras dan sistematik dalam menilai sesuatu hasil karya fiqh silam.<sup>22</sup> Penggunaan pendekatan-pendekatan ini boleh dikategorikan sebagai pengamalan budaya ilmu<sup>23</sup> yang dikesan telah melahirkan tamadun intelektual Islam yang amat tinggi nilai keilmuannya suatu masa dahulu.<sup>24</sup>

Di sini, para penyelidik melihat usaha penambahbaikan aspek modul pengajian Fiqh dalam program tafaqquh di masjid mempunyai justifikasi yang penting. Pandangan ini bertepatan dengan gerakan *tajdid* (pembaharuan) yang bertujuan untuk menilai secara kritikal warisan karya fiqh silam dan mengemaskinikan pandangan-pandangan fiqh yang berupa penyelesaian masalah masa kini yang dihadapi oleh masyarakat secara Islamik, berteraskan hukum-hukum Islam serta memperluaskan operasi hukum supaya dapat bertindak sebagai agen pengawal kepada segenap aspek kehidupan manusia.<sup>25</sup> Gerakan tajdid ini bertindak untuk mengerakkan fiqh Islam secara dinamis supaya dapat berjalan seiring dengan perubahan keadaan manusia yang disebabkan oleh faktor perubahan masa dan tempat.<sup>26</sup>

---

<sup>21</sup> Lihat Abdul Halim El-Muhammady, (2001), *Adab Berijtihad Dan Berikhtilaf Mengikut Syariat*, Kuala Lumpur, hlm 52-55.

<sup>22</sup> Lihat sebagai contohnya kupasan yang diberikan oleh Datin Paizah Hj. Ismail, (1999), *Fiqh al-Awlawiyat : Konsep Dan Hubungannya Dengan Fiqh al-Muwazanat, Fiqh al-Syar' Dan Fiqh al-Waqi'* Dalam Pelaksanaan Hukum Islam, dlm, *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, Kuala Lumpur, hlm 73-80.

<sup>23</sup> Muhammad Abdul Rauf, (1995), *The Muslim Mind : A Study Of The Intellectual Muslim Life During The Classical Era (101-700H)*, Kuala Lumpur, hlm 43-49.

<sup>24</sup> Abdullah Alwi Haji Hassan, (1997), *Penyelidikan Sebagai Asas Kemantapan Pengajian Syariah*, dlm, *Dinamisme Pengajian Syariah*, Kuala Lumpur, hlm 15-19.

<sup>25</sup> Muhammad Said Busytami, (1984), *Ma'fhum Tajdid al-Din*, Kuwait, hlm 29-30.

<sup>26</sup> Muhammad Abbas Husni, (1996), *Perkembangan Fiqh Islam*, Mohd Asri Hashim (terj.), Kuala Lumpur, hlm 234-235.

### 1.3 Persoalan Kajian

Semangat untuk menilai semula keberkesanan sistem pengajian keilmuan Islam termasuklah bidang pengajian kemanusiaan telah didorong oleh *force* utama kesedaran kebangkitan Islam yang berkembang dalam masyarakat dalam era 1970an. Pada masa kini, kesedaran kebangkitan semula Islam secara terang-terangan telah terpengaruh dengan ciri-ciri reformis<sup>27</sup> dan fundamentalis Islam<sup>28</sup> yang berkembang pesat di luar kawasan Malaysia.

Peningkatan kesedaran Islam di kalangan masyarakat Melayu telah menimbulkan usaha untuk menilai keberkesanan institusi yang berkaitan dengan Islam,<sup>29</sup> termasuklah institusi pendidikan Islam. Hasilnya, kritikan membina telah dibuat terhadap institusi pendidikan Islam yang dikatakan amat ketinggalan dari segi kurikulum, kepakaran pensyarah yang terlibat dan bentuk penulisan ilmiah yang dihasilkan.<sup>30</sup> Kesemua elemen ini dikatakan telah meneruskan paradigma ala taqlid silam yang terputus hubungannya dengan realiti di Malaysia.<sup>31</sup>

Sebagai akibat daripada bentuk pemikiran ala autokritik yang diamalkan oleh sarjana Islam semasa,<sup>32</sup> pelbagai usaha pembaikan yang tersusun secara bersama di antara pihak kerajaan dan

---

<sup>27</sup> Hassan Saab, (1963), *The Spirit Of Reform In Islam*, dlm, *Islamic Studies*, v. 2, hlm 15 dan 18; Azyumardi Azra, (1999), *Islam Reformis: Dinamika Intelektual Dan Gerakan*, Jakarta, hlm 193-195.

<sup>28</sup> Maklumat lanjut tentang bentuk dan sifat utama gerakan fundamentalis Islam ini boleh didapati dalam H. Abuddin Nata, (2001), *Peta Keragaman Pemikiran Islam Di Indonesia*, Jakarta, hlm 10-17.

<sup>29</sup> Rahimin Affandi Abd. Rahim, (1997), *Gerakan Tajdid di Malaysia : Teori Dan Realiti*, dlm, *Dinamisme Pengajian Syariah*, Kuala Lumpur, hlm. 102-106.

<sup>30</sup> Wan Salim Wan Mohd Nor, Pendidikan Islam di Pusat-pusat Pengajian Tinggi : Masalah dan Penyelesaiannya , dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, v. 3, bil. 2, Ogos, hlm 1-21.

<sup>31</sup> *Ibid.*

<sup>32</sup> Maklumat lanjut boleh didapati dalam Rahimin Affandi Abd. Rahim, *Pemikiran Reformis Melayu Semasa : Satu Analisis*, dlm, *Seminar Kebangsaan Bahasa dan Pemikiran Melayu 2002*, Anjuran Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, pada 18-19hb Jun 2002.



sarjana Islam telah dilakukan terhadap jurusan pengajian Islam di Malaysia.<sup>33</sup> Langkah pembaikan ini agak meluas sifatnya yang merangkumi; (i) penerapan pendekatan ala tajdid di dalam pengajian Islam, (ii) penerapan elemen keilmuan moden ke dalam jurusan pengajian Islam<sup>34</sup> dan (iii) pembentukan kerangka dan metodologi penyelidikan ilmiah yang lebih bersifat semasa.<sup>35</sup>

Para penyelidik turut melihat bahawa usaha perubahan dan penambahbaikan sistem pengajian Fiqh di masjid-masjid melalui program tafaqquh turut terlibat dalam usaha ini. Namun begitu, perubahan yang dimaksudkan bukan bererti memodifikasi dan mengkoordinasikan sistem fiqh supaya berjalan seiring dengan pelbagai sistem yang ada tanpa melihat bagaimana ia beroperasi, bahkan tuntutan sebenar adalah menggerakkan fiqh supaya seiring dengan perubahan berdasarkan prinsip-prinsip dan lunas-lunas yang telah digariskan oleh *syara'*.

Bersesuaian dengan konsep kesyukuran syariah,<sup>36</sup> setiap perilaku seseorang manusia secara pastinya akan ada hukumnya ataupun nilai disisi Allah dalam lima bentuk hukum samada haram, makruh, sunat, wajib dan *mubah*.<sup>37</sup> Secara tradisinya, seseorang fuqaha perlu berusaha mencari kesemua hukum dan nilai yang berkait dengan semua perkara hukum yang berbangkit untuk

---

<sup>33</sup> Maklumat lanjut tentang soal ini boleh dilihat dalam Rahimin Affandi Abd. Rahim, (2000), Konsep Fiqh Malaysia Untuk Tamadun Alam Melayu Alaf Baru : Suatu Analisa Terhadap Kepentingannya, dlm, *Jurnal Pengajian Melayu*, v. 10.

<sup>34</sup> Rahimin Affandi Abd. Rahim, (2002), Ke Arah Penyediaan Kaedah Penyelidikan Hukum Islam Yang Terkini : Satu Pengenalan, dlm, *Jurnal Syariah*, v. 10:1, hlm 1-24.

<sup>35</sup> Maklumat lanjut boleh didapati dalam Rahimin Affandi Abd. Rahim, (2002), Penyelidikan, Metodologi, Penyeliaan Dan Pemeriksaan Latihan Ilmiah : Satu Pengenalan Awal, dlm, *Jurnal Yadim*, bil. 3, hlm 145-166.

<sup>36</sup> Rahimin Affandi Abd. Rahim, (1993), The Significance Of The Ijtihad In The Development Of The Muslim Law, dlm, *Sarjana*, v. 10, hlm. 88-89.

<sup>37</sup> *Ibid.*

menunjukkan kedudukan hukum perkara tersebut di sisi Islam. Fuqaha perlu menyatakan pandangannya samada menyokongnya, menentangya ataupun berkecuali.<sup>38</sup>

Apa yang jelasnya, pada zaman keunggulan tamadun Islam, umat Islam telah mempraktikkan budaya ilmu yang agak tinggi. Di antara faktor kecemerlangan budaya ilmu ini ialah bersikap terbuka dan selektif terhadap jenis ilmu dan metodologi pengajiannya di samping proses islamisasi terkawal aspek epistemologi ilmu terbabit. Faktor berikutnya ialah pemikiran analitikal kritis yang digarapkan terhadap ilmu tanpa sifat fanatik kepada seseorang guru. Kepentingan utama di sini, keutamaan warisan silam ini, perlu dikaji dan dinilai semula keberkesanannya berhadapan dengan tuntutan pasaran semasa dan arus pemodenan Malaysia. Ini bertujuan memastikan program-program keilmuan Islam seperti program tafaqquh masjid dapat mencapai objektifnya yang sebenar.

Berasaskan kesedaran ini, usaha penambahbaikan melalui kajian semula terhadap sistem pengajian Fiqh di masjid khususnya perlu dilakukan. Pendekatan aplikasi semasa khususnya bagi memastikan kerelevanan warisan fiqh silam ini. Rasionalnya, mana-mana institusi besar dan berpengaruh perlu memiliki identiti sendiri yang mantap. Pengajian fiqh di masjid yang terkandung dalam program tafaqquh harus mempunyai metodologi dan padagogi yang berotoriti sebelum bergerak lebih jauh. Merujuk kepada perkara di atas dan situasi semasa, kita harus meletakkan beberapa asas penting dalam membangunkan sistem pengajian fiqh sedia ada.

Pengajian Fiqh bersifat dinamis, skop dan metodologi pengajiannya juga harus berkembang seiring dengan keperluan masyarakat dan pengajian itu sendiri. Fokus kepada silibus umum

---

<sup>38</sup> *Ibid*, hlm. 87-88.

pengajian Fiqh adalah terdiri daripada wahyu dan hasil ijtihad fuqaha. Warisan ilmu dikodifikasikan dalam pelbagai bentuk penulisan termasuk yang dikenali sebagai kitab-kitab fiqh<sup>39</sup>. Umumnya, warisan ini adalah merupakan hasil kefahaman para fuqaha terhadap kehendak syariah yang bercirikan wahyu. Kefahaman berasaskan pemikiran fuqaha adalah sesuatu yang sentiasa berkembang mengikut keadaan, kemampuan intelektual dan realiti hidup.

Hakikatnya, tidak ada jalan mudah untuk menjadikan pengajian Fiqh lebih berdaya maju dan multi-fungsional pada era kini. Metodologi pengajian yang perlu dilaksanakan secara umumnya ialah pertama; menerapkan semua elemen ilmu yang berbentuk warisan fiqh dalam silibus pengajian, kedua; meneliti dan mengimbas langsung isu-isu semasa dan ketiga; usaha sintesis segala bentuk metodologi pedagogi pengajian secara selektif positif. Natiujahnya, melalui metodologi inilah diharapkan agar prinsip-prinsip syariah yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah akan diimplementasikan secara integratif dengan nilai-nilai intelektual semasa.

Umumnya, matlamat utama dalam pelaksanaan sistem pendidikan Islam adalah untuk memberikan kemahiran, pengetahuan dan membangunkan insan yang bertakwa kepada Allah s.w.t. Tugas pendidik khususnya pengajian Islam kini lebih tertumpu kepada pembangunan intelektual umat dengan tujuan utama untuk memajukan masyarakat Islam yang menjadi teras kepada masyarakat di Malaysia. Oleh itu, tugas pendidik dalam program tafaqquh khususnya tidak seharusnya sekadar menjurus kepada persoalan pemindahan maklumat tetapi juga berkaitan dengan aspek pembentukan masyarakat yang memiliki nilai intelektual semasa.

---

<sup>39</sup> Mahmood Zuhi Abdul Majid, (1988), *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*, Kuala Lumpur: Penerbitan UM, hlm. 12-14.

Pedagogi pengajian Fiqh merujuk kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan dalam sistem pengajiannya. Pengajaran adalah kaedah yang digunakan oleh pendidik untuk menyampaikan pelajaran atau ilmu pengetahuan kepada para pelajar. Pengajaran merupakan satu proses yang mempunyai matlamat dan tujuan. Sesuatu proses pengajaran yang dikatakan berjaya sekiranya matlamat dan tujuan tercapai<sup>40</sup>. Selain itu menurut Ab. Halim Tamuri;

*“Pengajaran merupakan suatu seni kerana dalam proses pengajaran itu seseorang guru perlu kreatif. Guru yang kreatif akan menjadikan pengajaran lebih menarik dan berkesan”<sup>41</sup>.*

Kaedah pengajaran dalam pengajian Fiqh perlu diajar dengan lebih menarik dengan menjadikan pengajaran lebih berkaitan dengan permasalahan semasa dan menyepadukan unsur kemahiran berfikir dalam proses pengajaran dan pembelajaran (selepas ini akan digunakan dengan ringkasan (P&P). Kaedah dan teknik yang disarankan ialah kaedah penyelesaian masalah, syarahan, hafalan, soal jawab, demonstrasi dan perbincangan.

Mengikut analisis yang dibuat oleh Dr. Wan Salim Wan Mohd Daud<sup>42</sup>, pusat-pusat pengajian tinggi yang terlibat dengan pengajian Islam di Malaysia adalah agak ketinggalan dalam melaksanakan P&P berbanding dengan pengajian lain. P&P di pusat pengajian tinggi masih mengikut cara pendidikan tradisional yang diwarisi zaman silam. Sepatutnya pengajian Syariah khusus pengajian Fiqh tidak hanya berperanan sebagai pewaris keilmuan zaman silam, malah mestilah juga mampu membina budaya ilmu masyarakat bercirikan integratif dengan realiti semasa.

---

<sup>40</sup> Ab. Halim Tamuri, (2007), Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Dalam Membangunkan Masyarakat Islam Hadhari, dlm. Nik Azis Nik Pa (pngr.), *Pendidikan Islam & Bahasa Arab Berteraskan Pendekatan Islam Hadhari*, Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari, hlm. 178.

<sup>41</sup> *Ibid.*

<sup>42</sup> Wan Salim Wan Mohd Daud, (1990), Pendidikan Islam Di Pusat-pusat Pengajian Tinggi: Masalah Dan Penyelesaian, dlm. *Jurnal Pendidikan Islam*, jld. 3, bil. 2, Ogos, hlm. 1-12.

Implikasi negatif<sup>43</sup> daripada pelaksanaan P&P secara tradisional ini ialah bakal melahirkan pemimpin yang lemah, berfikiran sempit, hanya tahu menghafal tetapi tidak pandai berfikir. Kesenambungan itu juga, masyarakat Islam yang bakal dilahirkan hanya akan bersifat pasif menerima pandangan tanpa bersikap kritikal, suka bertaqlid dan tidak mampu berijtihad serta tidak kreatif tanpa mempunyai daya reka dan daya cipta.

Pada peringkat asasnya, ciri utama pedagogi berteraskan aplikasi semasa adalah bukan hanya memberi maklumat dan informasi yang terkandung dalam perbendaharaan fiqh. Bahkan, melalui pendekatan membentuk kemahiran berfikir yang dapat melahirkan pelajar yang berfikiran kritikal dan kreatif. Kesannya pelajar mempunyai kemampuan berfikir secara ilmiah dan praktikal<sup>44</sup> serta berjaya melenyapkan sindrom beku, jumud dan taqlid. Sindrom atau gejala tersebut amat dibimbangi oleh sarjana Islam<sup>45</sup> kerana ianya bakal memberi impak kepada penghayatan sebenar terhadap konsep dan prinsip syariah yang syumul.

Begitu banyak kemahiran berfikir yang boleh diterapkan dalam P&P pengajian Fiqh. Peranan pendidik dalam hal ini adalah sebagai pemudah cara dan pembimbing kepada pelajar. Pembudayaan pemikiran analogi dan abduktif boleh diaplikasikan dalam P&P untuk memberikan kefahaman tentang konsep bagi menjalankan penganalisan teori yang rumit.

---

<sup>43</sup> *Ibid.*

<sup>44</sup> Edward de Bono, (2001), *Pemikiran Praktikal: Membincangkan Cara-cara Praktikal Bagi Pemikiran Yang Betul*, Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd. hlm. 1-10.

<sup>45</sup> Lihat 'Abd al-Qadir 'Audah, (1951), *Al-Islam Baina Jahli Abnaihi Wa 'Ajzi 'Ulamaihi*, Kaherah, hlm. 29.

Elemen ini amat penting diterapkan dalam pengajaran tentang konsep *masaleh al-mursalah* dan kaedah-kaedah *maqasid* yang memerlukan proses penilaian dan bersifat kontekstual<sup>46</sup>.

Seterusnya disintesis dengan instrumen *al-qiyas* bagi menemukan hasil akademik yang bersifat semasa. Pelajar sewajarnya didedahkan tentang pandangan global (*global outlook*) agar mereka terbiasa dengan pemikiran global. Perkara ini amat realistik jika melihat prinsip syariah antara lainnya terkandung unsur universal (*'alamiah*). Kaedah kemahiran saintifik yang diterapkan dapat membantu pendidik dalam merangsang dan menggalakkan pelajar bagi mengikuti pelajaran secara lebih aktif khususnya dalam aktiviti berdiskusi.

Selain itu, keperluan kepada Fiqh semasa bagi menjawab persoalan hidup yang berkait rapat dengan evolusi S&T pada hari ini<sup>47</sup> amat kritikal. Secara holistiknya, pengajian Fiqh tidak seharusnya diulang atau menjadi fosil dengan secara buta meniru pemikiran hukum dan fiqh tradisional. Kekaburan yang tegar, doktrin yang mengikut literal dan meniru zaman lampau akan menghalang aplikasi semasa dalam pembinaan hukum Islam semasa. Pendekatan terbaik yang disarankan oleh Yusof al-Qaradhawi<sup>48</sup>, iaitu, pentafsiran dan penganalisaan berteraskan metode yang dinamik. Ijtihad baru berasaskan nilai- nilai kontemporari yang responsif terhadap fenomena globalisasi dan kemajuan S&T.

---

<sup>46</sup> Rosli Mokhtar, (2007), *Pengenalan Ilmu Maqasid*, Selangor: Karya Bestari, hlm. 89-114.

<sup>47</sup> Sebagai contoh, Institusi Fatwa telah dikemukakan persoalan hukum tentang kaedah penentuan waktu solat, kaedah solat, arah kiblat dan status halal makanan yang dibekalkan pihak Rusia kepada bakal Angkasawan Malaysia Pertama. *Utusan Malaysia*, 26 April, hlm. 3.

<sup>48</sup> Yusof Al- Qaradhawi, (1994), *Al-Ijtihad Al- Muasir Baina Al- Indhibit Wa Al- Infirat*, Kaherah: Dar al- Tauzi' Wa al- Nasyr al- Islamiyah, hlm. 6.

## **1.4 Objektif Kajian**

Objektif umum kajian ini ialah menyediakan laporan dan pelan bertindak bagi memperkasakan lagi program tafaqquh di masjid-masjid negeri Kedah.

Selain itu, beberapa objektif khusus turut digariskan iaitu untuk;

1. menilai semula kaedah pengajian dan pengajaran Fiqh yang terkandung dalam program tafaqquh di masjid-masjid negeri Kedah aspek pedagogi dan metodologi.
2. meneliti program reformasi dan pemeraksanaan kurikulum pengajian Syariah di institusi masjid.
3. merangka program dan modul tafaqquh yang bersifat semasa bagi membangunkan pemikiran hukum Islam di kalangan masyarakat setempat.

## **1.5 Kepentingan Kajian**

Para penyelidik menggariskan beberapa kepentingan yang boleh dihasilkan daripada dapatan kajian ini. Sehubungan itu, tiada elemen prejudis dan bias yang mempengaruhi para penyelidik sepanjang kajian dilakukan. Harapan para penyelidik agar kajian ini dapat memberikan nilai tambah terhadap kandungan modul program tafaqquh sedia ada agar lebih mantap khususnya bidang pengajian Fiqh. Selain itu, nilai-nilai keaslian yang diperolehi melalui kajian lapangan dapat digunakan bagi melakukan semakan semula silibus dan pedagogi program tafaqquh sedia

ada oleh pihak-pihak terbabit seperti Bahagian Takmir, Jabatan Agama Islam Negeri Kedah dan Jawatankuasa Masjid-masjid di Kubang Pasu khususnya serta amnya di negeri Kedah.

Para penyelidik turut berhasrat agar hasil kajian ini bakal membantu pihak pentadbiran masjid peringkat jabatan agama Islam dan jawatankuasa masjid di negeri Kedah melakukan reformasi struktur program tafaqquh yang lebih menepati kehendak semasa. Sehubungan itu, kajian ini diharapkan dapat membantu pihak-pihak berkepentingan seperti Jabatan Kemajuan Islam, Jabatan agama Islam, pengurusan masjid dan para guru takmir bagi mewujudkan sistem pengajian Fiqh melalui pemeraksanaan program tafaqquh di masjid agar bersesuaian dengan kehendak masyarakat semasa.

## **1.6 Limitasi Kajian**

Sepanjang tempoh kajian dijalankan, penyelidik telah menempuhi pelbagai halangan yang melibatkan beberapa aspek.

Pertama; prosedur permohonan temujanji dengan pihak informan untuk ditemubual kerana Pegawai Takmir dan Pengurusan Masjid hanya seorang sahaja yang dilantik oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi negeri Kedah.

Kedua; kekangan masa pihak informan yang menyebabkan penyelidik terpaksa mengubah tarikh dan masa beberapa kali untuk mengadakan sesi temubual dengan pihak informan secara individu.



Ketiga; penganalisaan data primer berkisar konsep Tafaqquh yang tidak dibincangkan secara formal kecuali hanya terdapat perbincangan secara umum berkaitan konsep Fiqh semata-mata. Selain itu, perbincangan Tafaqquh hanya dibincang secara umum oleh individu-individu tertentu dalam penulisan-penulisan di laman-laman web dan blog.

Selanjutnya, penyelidik tidak dapat membuat observasi secara rakaman audio dan video dalam kelas-kelas tafaqquh masjid di daerah Kubang Pasu, kecuali observasi secara rekod bertulis sahaja. Ini disebabkan keengganan para guru Takmir membenarkan penyelidik berbuat demikian.

## 1.7 Kesimpulan

Kemunduran masyarakat Islam adalah berpunca daripada pewarisan hukum dan fiqh yang diterima pada peringkat awal ketika diistinbatkan pada zaman *taqlid*<sup>49</sup>. Malah sindrom merasa puas dan cukup dengan apa yang ada telah meresapi dalam jiwa para sarjana Islam kini<sup>50</sup>. Selain itu, perasaan terlalu yakin bahawa sistem pengajian Fiqh memang cekap dalam usaha mengesan sesuatu masalah. Hakikatnya, amat lemah sekali dalam menyediakan jalan penyelesaian masalah bersifat kontemporari.

Usaha semakan semula dan penambahbaikan terhadap pendekatan penyelesaian masalah hukum Islam ala *taqlid* atau merujuk kepada suasana kehidupan masyarakat di Timur Tengah perlu

---

<sup>49</sup> Lihat Rahimin Affandi Abdul Rahim, (2000), *Fiqh Malaysia :Satu Tinjauan Sejarah*, dlm. Paizah Hj. Ismail Dan Ridzwan Ahmad, (pnyt.) *Fiqh Malaysia:Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*, Kuala Lumpur, hlm 25-29.

<sup>50</sup> Huraian lanjut lihat Rahimin Affandi Abdul Rahim, (1995), *op-cit*, hlm 31-35,dan. Budaya Taqlid Dalam Masyarakat Melayu:Satu Tinjauan Ringkas, dlm. *Jurnal Syariah*, APIUM,Kuala Lumpur, jld. 3, bil. 1, Januari ,hlm 29., Mahmood Zuhdi,Fiqh Malaysia:Konsep Dan Cabaran, dlm. Paizah Hj. Ismail, *op-cit*,hlm 18.

dilakukan secara intensif. Pendekatan alternatif seperti pembinaan modul program Tafaqih bersifat semasa yang lebih konstruktif dan bebas daripada elemen *Taqlid*. Proses pendidikan dengan objektif utama untuk memberikan kefahaman (tafaqquh fiddin) kepada masyarakat perlu dilaksanakan secara sistematik dan berkesan. Kita perlu memanfaatkan teori-teori dan paradigma moden yang dikemukakan oleh sarjana Islam moden secara selektif dan terbuka walaupun mungkin bakal dituduh dengan pelbagai label yang negatif. Institusi masjid perlu dihidupkan kembali peranannya secara efektif sebagai lokasi ilmu masyarakat yang strategik.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Penyelidikan merupakan suatu susunan aktiviti pengumpulan dan analisis data yang dirancang dengan teliti bertujuan mendapatkan dan memperkembangkan pengetahuan<sup>1</sup>. Setiap kajian mempunyai rekabentuk, skop, kaedah pengumpulan data dan penganalisan data yang tertentu. Kajian berkisar program tafaqquh di masjid ke arah pembinaan modul pengajian fiqh bersifat semasa mempunyai rekabentuk, skop, kaedah pengumpulan data dan penganalisan data tertentu. Instrumen-instrumen tersebut penting dalam usaha menjelaskan sesuatu keadaan, menjawab persoalan kajian, menguji hipotesis kajian dan seterusnya bagi memperolehi pengetahuan baru. Kesahan dan kebolehpercayaan data dan maklumat yang diperolehi dapat dikenalpasti bagi mencapai objektif-objektif kajian.

Penyelidikan bertujuan mendapatkan kebenaran yang mempunyai unsur logik mengenai sesuatu fenomena, tetapi ia tidak bererti bahawa kebenaran yang didapati itu merupakan kebenaran yang muktamad.<sup>2</sup> Fakta-fakta baru atau yang belum diperolehi semasa penyelidikan dijalankan mungkin akan timbul kemudiannya dan ini akan mengubah keputusan penyelidikan. Selain itu, hakikat ilmu dan pengetahuan adalah sentiasa berubah.

---

<sup>1</sup> Mohd Majid Konting, (1990), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: DBP., hlm. 1.

<sup>2</sup> Mohd Sheffie Abu Bakar, (1995), *Metodologi Penyelidikan*, ed. Ke-2, Bangi: Penerbit UKM. , hlm. 14.

Mengikut perspektif kaedah sains sosial moden, untuk tujuan menjadikan sesuatu kajian itu bersifat logiko-empirikal,<sup>3</sup> sebarang usaha mendapatkan maklumat tentang apa yang berlaku merupakan sesuatu permasalahan yang memerlukan beberapa metod penyelidikan lapangan yang khusus merangkumi (i) metod soal selidik, (ii) temubual, (iii) observasi, (iv) persampelan dan (v) eksperimen .<sup>4</sup>Secara holistiknya, metod penyelidikan merangkumi beberapa langkah tertentu termasuk<sup>5</sup>:

1. Penentuan masalah yang hendak diselidiki
2. Pungutan fakta-fakta yang berkaitan dengan permasalahan yang diselidiki.
3. Pemilihan satu atau lebih kemungkinan-kemungkinan penyelesaian kepada masalah tersebut.
4. Penilaian penyelesaian masalah bertujuan menentukan yang kaedah penyelesaian terbaik berdasarkan fakta-fakta yang dipungut.
5. Memilih penyelesaian atau keputusan yang paling sesuai mengenai masalah tersebut.

Namun demikian, beberapa garis panduan utama harus diberikan perhatian oleh seseorang penyelidik muslim, iaitu<sup>6</sup>, pertama; niat yang ikhlas untuk mencari keredhaan Allah semata-mata. Kedua; segala tindakan dan aktiviti terbabit dalam penyelidikan adalah berlandaskan Syariah. Ketiga; hasil atau natijah penyelidikan diharapkan mempunyai nilai kepenggunaan dan manfaat yang jelas. Ketiga-tiga garis panduan asas tersebut merupakan titik perbezaan jelas antara kriteria penyelidik muslim dan bukan muslim.

---

<sup>3</sup> Mahmood Nazar Mohamed, (1998), Asas-asas Penyelidikan Sains Sosial, dlm, *Pengenalan kepada Sains Sosial*, Kuala Lumpur, hlm. 220-221.

<sup>4</sup> *Ibid*, hlm. 223-228.

<sup>5</sup> Mohd Sheffie Abu Bakar, (1995), *op- cit.* , hlm. 14.

<sup>6</sup> Ahmad Von Denffer, (1983), *Research In Islam*, London:The Islamic Foundation, hlm. 16.

### 3.2 Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah Kajian Pembangunan (Development Research). Kaedah ini digunakan kerana ia merupakan sebuah kajian sistematik untuk mereka bentuk, mengembangkan dan menilai keseluruhan pelaksanaan program pengajaran dan pembelajaran Fiqh di masjid-masjid. Sehubungan itu, proses dan produk program tafaqquh turut dilakukan tinjauan bagi menilai keberkesanannya aspek memenuhi kriteria sesuatu program atau modul. Secara umumnya merujuk kepada modul pengajaran Fiqh sedia ada dalam program tafaqquh di masjid.

Penyelidik menggarapkan tiga teori pembangunan<sup>7</sup> yang saling berkaitan dan sesuai dengan tema dan skop kajian bagi memenuhi objektif-objektifnya. Ketiga-tiga teori tersebut ialah, pertama, teori tentang jatuh dan bangun sesuatu tamadun manusia, mengikut teori ini, masyarakat umpama suatu organism yang bersifat hidup, mempunyai potensi untuk berubah dan berkembang maju seandainya perancangan pembangunan (fizikal dan spiritual) yang rapi dan tersusun dapat dilakukan. Kedua, teori kepentingan menguasai ilmu pengetahuan yang lebih menyeluruh bagi menghadapi dunia global yang serba mencabar. Ketiga, teori yang menegaskan Islam bersifat wasatiyyah (pertengahan) dan mesra budaya. Teori-teori pembangunan manusia amat penting dalam usaha mereka bentuk kajian ini sebagai landasan asas penilaian semula terhadap program tafaqquh di masjid yang telah dijalankan sejak sekian lama. Objektif program untuk membangunkan masyarakat berilmu akan tersasar sekiranya konsep tafaqquh fiddin yang hakiki tidak diprogramkan secara sistematik.

---

<sup>7</sup> Sila lihat perbincangan dalam bab kajian literatur, hlm. 49-55.

Secara ringkasnya, untuk mencapai objektif pembangunan masyarakat berilmu seharusnya perancangan pembangunan perlu digariskan secara dualism iaitu meliputi fizikal dan spiritual. Kemudiannya, teori pembangunan berasaskan pembangunan ilmu harus bersifat menyeluruh membabitkan lokaliti atau setempat dan globalisasi atau merentasi sempadan masa, keadaan dan tempat. Selanjutnya, berasaskan teori ketiga, ajaran Islam menekankan aspek kesederhanaan dalam tindakan dan pelaksanaan agar melahirkan masyarakat yang melakukan amal berasaskan kefahaman jitu serta dilakukan secara konsisten walaupun sedikit amalnya. Sehubungan itu juga, ciri mesra budaya dan ‘urf masyarakat turut menjadi pertimbangan dalam penggubalan dasar dan polisi pendidikan umumnya. Secara khususnya pula, modul program tafaqquh perlu bercirikan tempatan dan memiliki nilai kesemasaan agar isi kandungan ilmu yang disampaikan kepada masyarakat dapat difahami secara tuntas.

Kajian turut menggunakan reka bentuk kajian kes dengan menggarapkan kaedah populasi dan persampelan rawak. Program tafaqquh yang dijalankan di masjid Negeri, Alor Setar Kedah dan masjid-masjid di Daerah Kubang Pasu sebagai lokasi kajian. Penyelidik turut mengaplikasikan sepenuhnya corak kualitatif melalui temubual dan pemerhatian yang dilakukan terhadap kaedah pengajaran para guru takmir dan pengajian para jemaah masjid berkenaan.

### **3.3 Skop Kajian**

Kajian ini dirangka khusus telah menumpukan perhatian kepada beberapa aspek penting;

1. Isu ontologi, epistemologi dan aksiologi konsep pengajian Fiqh.
2. Mekanisme penerapan dan penilaian Program Tafaqquh bersifat semasa.

3. Masjid-masjid yang dipilih terdiri daripada masjid-masjid di Daerah Kubang Pasu dan Masjid Negeri, Alor Setar Kedah.

### **3.4 Kaedah Pengumpulan Data**

Data ialah maklumat atau butiran yang dikumpulkan secara saintifik dengan tujuan menguji hipotesis atau menjelaskan objektif atau menjawab persoalan kajian<sup>8</sup>. Data diklasifikasikan berdasarkan sumbernya. Data primer iaitu data yang diperolehi daripada sumber asal iaitu al-Quran, al-Sunnah, modul program tafaqquh masjid Negeri Kedah dan JAKIM serta hasil-hasil temubual dengan pihak berotoriti. Data sekunder diperolehi daripada sumber buku-buku ilmiah, jurnal-jurnal dan tesis-tesis penyelidikan berkaitan tajuk kajian ini. Data kualitatif dalam bentuk maklumat, penilaian, tafsiran dan pendapat turut menjadi sumber otoriti dalam kajian ini.

Di sini juga penyelidik menggariskan metod-metod kajian yang telah diaplikasikan bagi memperolehi maklumat dan data yang dapat menjamin kredibiliti kajian yang telah dijalankan. Metod kajian yang digunakan adalah berkait rapat dengan peringkat dan aras kajian seperti berikut:

- 1) Di peringkat asas membabitkan konsep dan teori-teori tafaqquh fiddin, fungsi masjid, pembangunan manusia dan pengajaran Fiqh semasa. Kajian telah menggunakan pelbagai kaedah tertentu, seperti;

---

<sup>8</sup> Neuman, W. Lawrence, (1997), *Social Research Methods* (3<sup>rd</sup>. Edition), Needham Heights: Allyn& Bacon, hlm. 7.

- a. Kaedah analisis kandungan yang meneliti kerangka epistemologi pemikiran (persoalan sumber, sifat sesuatu ilmu dan neraca penilaian) yang digunakan seseorang sarjana/penyelidik Syariah.
- b. Kaedah pensejarahan dan perbandingan yang meneliti asal usul sesuatu pemikiran dan kaedah penyelidikan serta perkaitannya.
- c. Kaedah penelitian sosiologi yang meneliti latar belakang masyarakat seperti aspek sosio-politik, struktur, ekonomi dan institusi tertentu seperti institusi masjid yang mempengaruhi penghasilan sesuatu pemikiran.
- d. Kaedah penelitian pendidikan yang meneliti secara mendalam tentang peranan, sifat dan kaedah institusi yang bertanggungjawab melahirkan masyarakat berilmu.

2) Seterusnya kajian menggabungkan beberapa dimensi disiplin yang terkandung dalam bidang penyelidikan Syariah seperti *Usul al-Fiqh* dan *Maqasid Syariah* . Oleh sebab itu bersesuaian dengan sifat multi-dimensi ini, kajian ini telah menggunakan pelbagai metod khusus untuk tujuan pengumpulan data iaitu;

#### **i. Pengumpulan Data Melalui Kaedah Perpustakaan**

Bagi membentuk landasan konsep dan teori bagi kajian ini, maka rujukan perlu dibuat terhadap bahan-bahan semasa yang terdapat dalam depository perpustakaan dalam tajuk yang berkaitan. Selain itu, bahan-bahan literatur dalam simpanan arkib negeri Kedah, dokumen-dokumen penting dan rasmi seperti minit mesyuarat, laporan penyelidikan dan laporan-laporan lain,



statistik, dokumen-dokumen rasmi Jabatan Agama Islam Negeri Kedah dan Jawatankuasa Masjid juga merupakan data-data penting bagi kajian ini.

## **ii. Pengumpulan Data Melalui Kajian Lapangan.**

Data-data utama diperolehi melalui kajian lapangan. Data-data utama diperolehi melalui teknik kajian lapangan iaitu melalui temubual secara mendalam (*in-depth interview*) dan observasi.

Kaedah Temubual telah dikhususkan kepada responden terpilih di antaranya ialah:

1. Tuan Sheikh Hazizan, Pegawai Hal Ehwal Islam Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Islam Kedah
2. Ustaz Haji Muhammad Imran bin Ibrahim, Pegawai Takmir dan Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Islam Pulau Pinang
3. Ustaz Ahmad Kamarul Najam Mohd Ghazali, Ketua Penolong Pengarah (Takmir), Jabatan Agama Islam Perlis
4. Dato' Sheikh Baderuddin Haji Ahmad, Mufti Kerajaan Negeri Kedah
5. Ustaz Roslan Isa, Timbalan Mufti, Jabatan Mufti, Negeri Perlis

Proses temubual dilakukan dengan menggunakan beberapa kaedah utama;

- 1) Mengadakan temujanji dengan setiap anggota yang ditemuduga bagi memastikan mereka dapat meluangkan masa yang terbaik untuk proses temuduga.
- 2) Penyelidik membahagikan proses temubual ini kepada dua sesi yang utama, dimulakan dengan (i) sesi pengenalan yang menjelaskan maksud dan tujuan kajian secara tidak langsung yang bakal merapatkan hubungan antara penyelidik dengan orang yang ditemubual,

(ii) sesi temuduga sebenar yang lebih serius dan berfokus kepada isi kandungan sebenar kajian ini dibuat.<sup>9</sup>

- 3) Untuk memastikan kebolehpercayaan maklumat dan kedudukan orang ditemuduga tidak terjejas, penyelidik telah memaklumkan kepada mereka objektif kajian dan menyediakan borang persetujuan yang mengambilkira etika persetujuan berpengetahuan (*informed consent*) seperti mana ditegaskan di dalam *code of ethical conduct for research involving humans*.<sup>10</sup>
- 4) Temuduga dilakukan secara terancang dengan menggunakan pita rakaman dan catatan, yang kemudiannya dipindahkan ke dalam bentuk transkrip penulisan.
- 5) Soalan yang agak rapi dan terancang telah disediakan terlebih dahulu. Di samping juga, terdapat beberapa soalan spontan yang digunakan akibat daripada beberapa isu dan jawapan yang diberikan oleh orang ditemuduga.
- 6) Kesemua yang ditemuduga adalah merupakan kakitangan yang memegang jawatan penting atau pun mempunyai autoriti di Jabatan Agama Islam Negeri Kedah, jawatankuasa masjid serta guru-guru takmir. Hal ini dilakukan demi untuk memastikan data-data yang diperolehi adalah tepat dan boleh menjadi sumber rujukan utama.
- 7) Isi kandungan temuduga ini telah dipastikan agar ianya lebih bersifat menjurus kepada skop dan tumpuan kajian.
- 8) Proses pengumpulan data melalui temuduga dan pemerhatian kerap kali dibantu dengan pengumpulan data dokumen rasmi yang merupakan laporan mesyuarat, minit mesyuarat, pamflet, brosure dan sebagainya yang dikategorikan sebagai dokumen sulit.

---

<sup>9</sup> Lihat Sebagai Contohnya Suseela Malakolunthu, (2001), Pengumpulan Dan Analisis Data Kualitatif : Satu Imbasan, dlm. (Ed. Marohaini Yusoff) *Penyelidikan Kualitatif : Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm 123-125.

<sup>10</sup> Ibid, hlm 4-7.

9) Kaedah tringulasi telah digunakan bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan data yang terkumpul melalui temuduga.<sup>11</sup> Melalui kaedah ini penyelidik tidak hanya bergantung kepada maklumat yang diberikan oleh seorang anggota koleksi sahaja, sebaliknya merujuk kepada anggota lain supaya data yang diperolehi adalah tepat dan konsisten.

Kaedah pemerhatian pula, kaedah ini diaplikasi terhadap sesi program tafaqquh dikendalikan oleh 55 orang guru takmir<sup>12</sup> yang dijalankan di 44 buah daripada 72 buah masjid semuanya di Daerah Kubang Pasu<sup>13</sup> dan Masjid Negeri, Alor Setar Kedah. Kaedah ini bertujuan melihat secara langsung pedagogi dan isi kandungan pengajaran fiqh di sampaikan kepada jemaah yang hadir di masjid. Berikut adalah senarai masjid-masjid di Daerah Kubang Pasu yang terlibat dalam proses pemerhatian ini;

<b>BIL.</b>	<b>KARIAH MASJID</b>	<b>ALAMAT</b>	<b>MUKIM</b>
1	Pekan Jitra	Jalan Kodiang, 06000 Jitra, Kedah	Jitra
2	Telok Malek	Mukim Naga, 06000 Jitra, Kedah	Naga
3	Telaga Batu	Mukim Naga, 06000 Jitra, Kedah	Naga
4	Alor Biak	Mukim Naga, 06000 Jitra, Kedah	Naga
5	Pida 2	Mukim Tunjang, 06000 Jitra, Kedah	Tunjang
6	Pulau Pisang	Mukim Tunjang, 06000 Jitra, Kedah	Tunjang
7	Tok Tambak	Mukim Tunjang, 06000 Jitra, Kedah	Tunjang
8	Gelong	Mukim Gelong, 06000 Jitra, Kedah	Gelong
9	Pulau Ketam	Mukim Gelong, 06000 Jitra, Kedah	Gelong
10	Kampung Baru Kemunting	Mukim Gelong, 06000 Jitra, Kedah	Gelong
11	Pida 4 Pering	Mukim Pering, 06000 Jitra, Kedah	Pering
12	Kandeh	Mukim Pering, 06000 Jitra, Kedah	Pering
13	Paya Stesyen	Mukim Pering, 06000 Jitra, Kedah	Pering
14	Jeram	Kampung Tanjung, 06000 Jitra, Kedah	Jeram
15	Gurindam	Mukim Jeram, 06000 Jitra, Kedah	Jeram
16	Gelong Rambai	Mukim Jeram, 06000 Jitra, Kedah	Jeram
17	Bukit Tinggi	Mukim Bukit Tinggi, 06000 Jitra, Kedah	Bukit Tinggi

<sup>11</sup> Lihat Janesik Velerie J., (1994), *The Dance Of Qualitative Research Design*, dlm. (Ed. Norman K. Denzin Yvonna S. Lincoln) *Handbook Of Qualitative Research*, London, Sage Publication, hlm 214-215.

<sup>12</sup> Lihat lampiran E

<sup>13</sup> Lihat lampiran D

18	Kepala Batas	Mukim Bukit Tinggi, 06000 Jitra, Kedah	Bukit Tinggi
19	Kepala Batu (Pelubang)	Mukim Pelubang, 06000 Jitra, Kedah	Pelubang
20	Wang Tepus	Mukim Wang Tepus, 06000 Jitra, Kedah	Wang Tepus
21	Malau	Mukim Malau, 06000 Jitra, Kedah	Malau
22	Asun	Mukim Binjal, 06000 Jitra, Kedah	Binjal
23	Kampung Binjal	Mukim Binjal, 06000 Jitra, Kedah	Binjal
24	Hosba	Mukim Hosba, 06000 Jitra, Kedah	Hosba
25	Kampung Bukit	Mukim Hosba, 06000 Jitra, Kedah	Hosba
26	Charok Mokkan	Mukim Hosba, 06000 Jitra, Kedah	Hosba
27	Kampung Kubang Pasu	Mk. Kubang Pasu, 06000 Jitra, Kedah	Kubang Pasu
28	Kampung Darat	Mukim Temin, 06010 Jitra, Kedah	Temin
29	Changlun	Mukim Temin, 06010 Jitra, Kedah	Temin
30	Bukit Kayu Hitam	Mukim Temin, 06010 Jitra, Kedah	Temin
31	Padang Perahu	Mukim Pdg Perahu, 06000 Jitra, Kedah	Padang Perahu
32	Pulau Maharaja	Mukim Pdg Perahu, 06000 Jitra, Kedah	Padang Perahu
33	Putat	Mukim Putat, 06000 Jitra, Kedah	Putat
34	Manggol Bongor	Mukim Putat, 06000 Jitra, Kedah	Putat
35	Batu 8 Changlun	Mk. Sungai Laka, 06010 Jitra, Kedah	Sungai Laka
36	Lembah Palas	Mk. Sungai Laka, 06010 Jitra, Kedah	Sungai Laka
37	Kampung Sungai Laka	Mk. Sungai Laka, 06010 Jitra, Kedah	Sungai Laka
38	Melele	Mukim Ah, 06100 Jitra, Kedah	Ah
39	Megat Dewa	Mukim Ah, 06100 Jitra, Kedah	Ah
40	Pekan Kodiang	Mukim Keplu, 06000 Jitra, Kedah	Keplu
41	Kampung Sanglang	Mukim Sanglang, 06100 Jitra, Kedah	Sanglang
42	Kerpan	Mukim Jerlun, 06150 Jitra, Kedah	Jerlun
43	Ayer Hitam	Mukim Jerlun, 06150 Jitra, Kedah	Jerlun
44	Kampung Pering	Mukim Pering, 06100 Jitra, Kedah	Pering

<b>BIL.</b>	<b>KARIAH MASJID</b>	<b>ALAMAT</b>	<b>MUKIM</b>
1	Masjid Zahir	Jalan Kampung Perak 05000 Alor Star, Kedah	Kota Setar

Pemilihan penyelidik terhadap 44 buah masjid tersebut dibuat berasaskan kepada selektif mengikut Qaryah yang mempunyai beberapa buah masjid dalam sesebuah mukim. Pemerhatian secara penyertaan secara langsung dalam program tafaqquh juga berasaskan jadual pengajaran yang diberikan oleh pihak pengurusan masjid. Penyelidik hanya hadir dalam kuliah-kuliah fiqh yang diadakan selepas solat Maghrib. Manakala Masjid Zahir sebagai masjid negeri merupakan masjid sebagai penanda aras dalam menilai pelaksanaan program tafaqquh di masjid-masjid di Daerah Kubang Pasu.

### 3.5 Kaedah Penganalisan Data

Secara umumnya analisis data secara kritikan luaran telah dilakukan bagi memastikan sumber dan input itu samaada salah atau benar. Manakala kritikan dalaman pula turut dilakukan untuk memastikan data dan fakta munasabah dan rasional atau sebaliknya. Kedua-kedua bentuk analisa adalah berasaskan bahan yang asal dan asli serta sah untuk dijadikan sandaran kajian. Analisa bahan-bahan sumber rujukan yang berbentuk “*primary*” dan “*secondary*” telah dibuat untuk mendapatkan maklumat dan data komprehensif bagi tujuan kajian.

Penganalisan data menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*) terhadap dua (2) modul pengajian tafaqquh<sup>14</sup> dan kaedah analisis hukum yang biasanya digunapakai oleh kalangan fuqaha Islam di dalam membuat penilaian terhadap sesuatu fatwa yang dikeluarkan oleh seseorang fuqaha yang lain. Penyelidik meneliti secara terperinci terhadap bab-bab fiqh, kaedah pengajaran dan pembelajaran dan sumber rujukan yang digunakan dalam sesuatu bab pengajian Fiqh. Di samping itu, turut diaplikasikan juga tiga metod penganalisan secara khusus seperti berikut:

#### i. Metod Induktif<sup>15</sup>

Melalui pendekatan ini, penyelidik telah mengumpul maklumat secara berterusan bagi menjelaskan atau menghuraikan tajuk kajian. Kemudian mencari hubungan-hubungan yang

---

<sup>14</sup> Panduan Program Takmir Masjid dan Surau Seluruh Malaysia Tahun 1986, Putrajaya:JAKIM dan Kurikulum Kelas Pengajian Takmir Masjid dan Surau Tahun 2007, Putrajaya:JAKIM

<sup>15</sup> Amin Abdullah (2000), Kajian Ilmu Kalam Di IAIN : Menyongsong Perguliran Paradigma Keilmuan Keislaman Pada Era Milenium Ketiga, dlm. *Al-Jamiah*, no. 65/VI/2000, hlm. 84-88

wujud antara fakta-fakta atau bukti-bukti yang terkumpul untuk mengenali bentuk-bentuk khusus bagi merumuskan sesuatu gagasan pemikiran atau hipotesis bagi kajian ini. Dalam kata lain, penyelidik telah bermula dengan data-data yang terhad dan berasingan serta umum, seterusnya penelitian dibuat sehingga persoalan kajian menjadi lebih khusus dan jelas.

Penyelidik telah membuat rumusan berbentuk teori umum bahawa pengajian Fiqh yang terkandung yang dalam program tafaqquh di masjid perlu dibuat penambahbaikan aspek kurikulum dan kaedah pengajaran agar bersifat semasa. Berasaskan fakta yang jelas tentang realiti pengajian fiqh sememangnya berteraskan elemen kefahaman dan daya pemikiran fuqaha yang berpaksikan wahyu digarapkan secara unik bagi merealisasikan visi dan misi Syariah. Sehubungan itu, aplikasi elemen pengajian Fiqh semasa dalam pengajian fiqh mampu menghasil impak positif ke arah realisasi dinamisme pengajian fiqh.

## **ii. Metod Deduktif<sup>16</sup>**

Pendekatan di sini, penyelidik telah menggunakan teori atau gagasan fikiran yang ada untuk melihat fenomena yang berlaku dan bagi membantu dalam pengumpulan data, seterusnya menjelaskan fenomena dan permasalahan kajian. Selain itu, ianya dapat membantu penyelidik melihat atau memperolehi natijah khusus daripada penyelidikan terhadap tema kajian.

Fenomena ini juga telah mempengaruhi kaedah pengajian fiqh yang akhirnya mewujudkan suasana pemikiran yang hanya berteraskan *taqlid* dan diburukkan lagi dengan sentimen fanatik

---

<sup>16</sup> *Ibid.*

terhadap sesuatu aliran pemikiran hukum. Perkara turut memberikan kesan secara langsung kepada realiti dan fungsi pengajian hukum Syariah masa kini yang hanya diaplikasi berpandukan pemahaman dan pemikiran fuqaha klasik dan bersumberkan perbendaharaan fiqh silam.

### **iii. Metod Komparatif<sup>17</sup>**

Pendekatan ini penting dalam melihat dan mengenali bentuk-bentuk yang terkandung di dalam taburan data-data , khususnya kaedah pengajian Fiqh dan hukum yang diaplikasi pada zaman kecemerlangan budaya ilmu Islam khususnya zaman Rasulullah. Begitu juga, analisa perbandingan turut melihat fungsi dan peranan masjid zaman Rasulullah dan pengajian Fiqh sedia ada dengan kaedah pengajian Fiqh yang bersifat semasa . Data-data ini akhirnya telah dirumus dan dibuat kesimpulan.

## **3.6 Kesimpulan**

Penyelidikan secara umumnya boleh diertikan sebagai suatu sistem kegiatan yang berterusan bertujuan untuk mengumpul dan menganalisis data bagi menjelaskan sesuatu keadaan.<sup>18</sup> Subjek kajian juga akan terus dikaji namun mungkin melalui perspektif yang berbeza. Kajian yang berterusan bermatlamat untuk memperkemaskan pengetahuan tentang subjek dan sekaligus turut meluaskan sempadan ilmu pengetahuan dalam disiplin berkenaan. Malah tidak dinafikan bahawa sebahagian besar daripada kemajuan yang dicapai di dunia moden kini, adalah hasil daripada

---

<sup>17</sup> Lihat Idris Awang, (1993), *Keperluan Metodologi Dalam Penyelidikan Dan Penulisan Ilmu-ilmu Islam*, dlm. *Monograf Syariah*, Jun, Kuala Lumpur: APIUM, hlm. 1

<sup>18</sup> Idris Awang, (1995), *Proses Pemikiran Dan Kegiatan Dalam Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan*, dlm. *Monograf Syariah*, bil 3, Mei, Kuala Lumpur: APIUM.

kajian ahli- ahli sains<sup>19</sup>. Kehidupan juga banyak terpengaruh oleh hasil penyelidikan. Walaupun metodologi penyelidikan saintifik dilihat sebagai metod untuk mencari kebenaran<sup>20</sup>, namun penulis berpendapat kebenaran yang dicari bukanlah hanya berdasarkan kepada kaedah dan pendekatan yang digunakan. Penulis melihat aspek sumber dan bahan rujukan penyelidikan merupakan elemen utama dalam penentuan subjek yang mempunyai unsur kebenaran dan kesahihan.

Penyelidikan dalam Islam adalah bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah sebagai rujukan utama<sup>21</sup>. Autoritatif dan kredibiliti hasil kajian amat tinggi mutunya, ini merupakan item pertama menjadi titik perbezaan antara metod pengajian fiqh berasaskan konsep “*tafaqquh fiddin*” dan realiti aplikasinya dalam program tafaqquh di masjid masa kini. Item kedua ialah matlamat penyelidikan, ianya juga merupakan unsur pemisah nyata antara kedua-dua metod tersebut. Namun penyelidik tidak menafikan kesepaduan dalam aplikasi metodologi penyelidikan penting, begitu juga aspek proses pemikiran dan kegiatan praktis penyelidikan yang dibuat.

---

<sup>19</sup> Mohd Sheffie Abu Bakar, (1995), *Metodologi Penyelidikan: Untuk Ekonomi Dan Bidang-bidang Berkaitan*, ed.ke-2, Bangi:UKM, hlm. 11-12.

<sup>20</sup> *Ibid.*

<sup>21</sup> Lihat huraian lanjut dalam, Mohd Salleh Haji Ahmad, (1999), *Pengantar Syariah Islam*, Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid, hlm. 92-112.



## BAB 4

### Hasil Kajian

#### 4.1 Pendahuluan

*Tafaqquh* dalam agama ialah mempelajari dan menguasai prinsip-prinsip agama yang merangkumi aqidah , syariah dan akhlak, mengetahui halal dan haram dan perkara-perkara yang mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. Individu yang ‘alim ialah mereka yang mengetahui urusan agama dengan mengetahui kebenaran lalu mengamalkannya seterusnya memperjuangkan serta menyampaikan dakwah kepada orang lain.

*Daripada Mu’awiyah katanya, saya mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: Sesiapa yang Allah s.w.t menghendaki kebaikan besar lagi banyak untuknya maka pasti Dia memberikan kepadanya kefahaman yang mendalam dalam agama, sesungguhnya daku hanya membahagikan, Allah jualah yang memberi. Umat ini akan terus berada tetap dengan agama Allah, orang-orang yang menentang mereka tidak akan mengugat mereka sehinggalah datang urusan Allah, ya’ni berlaku kiamat.<sup>1</sup>*

Hadis ini merupakan dalil yang menunjukkan kepada besarnya kedudukan mendalami ilmu agama dan ianya tidak diberikan melainkan kepada orang yang Allah s.w.t. mahukan kebaikan yang besar untuknya. Perkataan *khayr* bermaksud kebaikan tetapi apabila didatangkan dengan *nakirah* tanpa ada partikel *alif* dan *lam* yang menunjukkan *ma’rifat* bererti sesuatu yang tertentu maka ia memberi erti sesuatu yang besar, banyak dan istimewa. Oleh itu, ia sesuai diterjemahkan sebagai mempunyai sifat bukan secara mutlak.

---

<sup>1</sup> al-Bukhari, no: 71, Muslim, no: 1037

Kefahaman yang mendalam tentang agama yang memberikan kebaikan kepada tuannya ialah ilmu yang membawa kepada *khashyah* iaitu rasa takut kepada Allah s.w.t. dalam hati. Kesan rasa takut dapat dilihat pada anggota tubuh badan sehingga berkemampuan untuk melaksanakan tugas *inzar*, iaitu memberi peringatan untuk umat.

*Daripada Anas bin Malik katanya Rasulullah s.a.w. bersabda: Pelajar atau ahli ilmu diminta keampunan untuk oleh setiap sesuatu termasuklah ikan di laut. (riwayat Abu Ya'la)<sup>2</sup> Ibn Hajar dalam al-Matalib al-'Aliyah, no: 3159)*

Sifat dan nilai ilmu ialah sesuatu yang luas dan mendalam. Oleh itu, orang yang berada dalam sesuatu bidang ilmu hendaklah merenung diri tentang ilmu yang dipelajarinya itu secara mendalam dan meluas ataupun sebaliknya. Oleh itu, tidak memadai seseorang yang menceburi satu bidang ilmu, mempelajarinya beberapa tahun kemudian mendakwa dirinya sudah 'alim.

Menurut Dato' Sheikh Baderuddin Haji Ahmad, Mufti Kerajaan Negeri Kedah<sup>3</sup>;

*“ilmu dalam sesuatu yang amat luas tidak mempunyai tepian dan dalam sehingga tidak dapat menyelam ke dasarnya. Di atas setiap orang yang berilmu ada lagi orang yang berilmu daripadanya. Oleh yang demikian, tidak seharusnya seseorang mendabik dada bahawa dia seorang yang 'alim. Alim yang sebenar ialah seseorang yang terus mengkaji bidang ilmu yang dipelajarinya di samping cuba menerokai bidang baru baginya serta cuba mencantumkan segala hasil kajiannya dalam satu perspektif yang baru dan lebih luas dan mampu meletakkannya di tempat sewajarnya dalam sistem ilmu yang dipelajarinya. Sesiapa yang kuat asasnya tetapi tidak mengembangkan cabang di atasnya maka tidak akan terhasil faedahnya seperti mana orang yang menyibukkan dirinya dengan ilmu Fiqh tanpa merujuk kepada disiplin hadis. Jika dia tidak mengkaji hadis yang sah”.*

---

<sup>2</sup> Ibn Hajar , Al-Matalib al-'Aliyah, no: 3159

<sup>3</sup> Temubual pada 24 November 2011

*Fiqh* bermaksud kefahaman yang mendalam tentang agama Islam yang merangkumi kesemua cabangnya, akidah, peraturan hidup dan akhlak. *Fiqh* tidak hanya terbatas kepada satu cabang ilmu yang dikenali sebagai *Fiqh* yang merujuk kepada sah dan batal amal ibadat sahaja. Pemahaman ulama' silam terhadap perkataan *Fiqh* merujuk kepada agama itu sendiri yang menjadi tanggungjawab dan kewajipan manusia untuk melakukan dan menyempurnakannya dalam konteks sebagai hamba Allah s.w.t. dan khalifah yang ditugaskan untuk memakmurkan alam ini.

Istilah ilmu *Fiqh* tentang tatacara ibadat dan mu'malat hanya terkenal setelah tersusunnya disiplin-disiplin ilmu secara berasingan melalui perkembangan pembukuan dan dokumentasi ilmu. Sebelum itu, istilah ilmu aqidah lebih dikenali sebagai *Fiqh* Akbar, kefahaman yang teragung seperti mana yang menjadi tajuk kitab Imam Abu Hanifah dalam bidang tauhid.

Istilah "ta'mir" mempunyai konsep yang luas, seluas konsep ibadat itu sendiri. Ada yang bersifat tetap dan ada yang berubah-ubah mengikut keperluan semasa. Program bersifat tetap ialah bersolat secara berjemaah. Program seperti ini ada yang bersifat harian, iaitu solat berjemaah lima waktu sehari, ada yang bersifat mingguan, iaitu solat jumaat sekali seminggu, dan ada pula yang bersifat tahunan, iaitu solat jemaah seperti solat hari raya secara beramai-ramai sebanyak dua kali setahun. Selain itu, pengisian program yang diistilahkan dengan "ta'mir" (pengimaran) melalui program *Tafaqquh* di masjid merupakan medium terpenting dalam usaha memahami masyarakat tentang syariat Islam.

## 4.2 Kemasukan Islam Ke Kedah

Menurut al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah<sup>4</sup>, Negeri Kedah dibuka oleh Maharaja Durbar Raja dalam abad ke 11. Asalnya bernama Kalaha. Kalaha ialah nama satu suku kaum Kurdi, iaitu penduduk asli Iran yang berhijrah ke Nusantara dalam abad ke 10 dan 11. Sebutan yang tepat bagi suku kaum ini ialah Kalahar.

Menurut kitab, "Sinbad al Bahit" suku Kalahar tiba di Semenanjung dan mendarat di Kedah dan menamakan negeri itu mengikut nama sukunya iaitu Kalahar. Muhammad Hasaan dalam al Tarikh Salasilah Negeri Kedah menyebutnya Kalaha. Manakala, orang-orang Arab menyebutnya Kalah.

Suku-suku Kurdi berhijrah ke Nusantara bukan sahaja kerana berniaga atau berdagang tetapi juga kerana mencari tempat penghidupan yang damai dan tenang untuk beribadat. Keadaan dalam negeri mereka tidak sesuai untuk penghidupan mereka. Antara tempat yang menjadi tumpuan ialah kepulauan Melayu atau Nusantara.

Di sekitar 877 Masihi rumah-rumah orang Iran dan Arab di Kanton, China telah dimusnahkan oleh segerombolan pemberontak yang menentang kerajaan China. Saudagar-saudagar Islam yang tinggal sejak 200 tahun sebelumnya di Kanton dan berpengaruh di sana telah dibunuh beramai-

---

<sup>4</sup> Mohd. Zaid b. Mohd. Syah , (1968), Al-Tarikh Salasilah, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

ramai. Dianggarkan 200 ribu orang telah terkorban. Mereka kemudian berpindah ke Kemboja, Champa dan Kedah<sup>5</sup>.

Sejak itu, Kedah menjadi sebuah daripada pelabuhan Seri Wijaya yang amat sibuk. Saudagar-saudagar Islam dan bukan Islam berkumpul di Kedah sebelum meneruskan pelayaran ke China atau pelabuhan lain di dunia sebelah sini. Pengembara-pengembara Arab meninggalkan beberapa catatan mengenai Kalaah selepas 877.

Lebih kurang tahun 1000, Kerajaan Syi'ah di Iran memulakan gerakan memburu orang-orang Ahli Sunnah wal Jamaah dari bumi Iran. Kedudukan orang-orang Ahli Sunnah amat pincang dan terdesak sekali. Mereka terpaksa berhijrah besar-besaran ke tempat-tempat yang tidak boleh dipengaruhi oleh Syi'ah. Sebahagian besar daripada mereka sampai ke Nusantara dan pada masa itulah Merong Mahawangsa atau Maharaja Durbar Raja sampai ke Kedah<sup>6</sup>.

Hikayat Merong Mahawangsa<sup>7</sup> menyebut bahawa Raja Kedah yang pertama ialah Merong Mahawangsa iaitu seorang raja yang menjadi duta Maharaja Rom untuk membawa Putera Raja Rom berkahwin dengan Puteri Raja China. Dalam pelayaran, angkatan Merong Mahawangsa telah diserang oleh seekor burung Geruda di laut berhampiran Pulau Langkapuri. Angkatan Merong Mahawangsa yang "penuh laut" telah binasa melainkan kapal Merong Mahawangsa sendiri. Baginda terpaksa mendarat di pantai berhampiran kaki Gunung Jerai. Di situlah Baginda dirajakan oleh penduduk tempatan.

---

<sup>5</sup> Haji Buyung Adil, (1980), Sejarah Kedah, Kuala Lumpur : DBP

<sup>6</sup> Haji Ibrahim Ismail, (1987), Sejarah Kedah Sepintas Lalu, Sintok : UUM

<sup>7</sup> Siti Hawa Hj. Salleh (1991). *Hikayat Merong Mahawangsa*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

Benua Rom tempat asal Merong Mahawangsa yang dimaksudkan di sini ialah kawasan Empayar Parsi, satu ketika merupakan sebahagian daripada wilayah Empayar Roman Timur (Rom Orient), bukannya Itali. Kawasan Empayar Parsi inilah orang-orang Iran atau Parsi dan orang-orang Turki silih berganti menegakkan beberapa buah Kerajaan Islam yang kuat.

Menurut "al Tarikh Salasilah", raja Kedah yang pertama ialah Maharaja Durbar Raja yang berasal dari negeri Ghumrun dalam negara Parsi. Gamroon sekarang ialah sebuah pelabuhan di Laut Kaspian. Penduduk kawasan ini telah memeluk Islam sejak zaman Khulafa' al Rashidin lagi. Merong Mahawangsa dan Maharaja Durbar adalah orang yang sama.

Burung Garuda ialah kenderaan Dewa Wisnu dan menjadi satu lambang agama Hindu. Ini bermakna angkatan Merong Mahawangsa diserang oleh angkatan perang Hindu. Memang, sekitar abad 11 dan 12 Masihi, serangan-serangan angkatan Hindu ke atas angkatan Islam di Laut Arab dan Laut Hindi adalah perkara biasa.

Jika ditinjau dari sudut salasilah raja-raja Kedah berdasarkan kedua-dua buah buku; Hikayat Merong Mahawangsa dan al Tarikh Salasilah Negeri Kedah, Raja Kedah yang pertama yang tiba di Kedah dalam pertengahan pertama abad ke 11 iaitu ketika kerajaan Seri Wijaya telah lemah<sup>8</sup>.

Raja Merong Mahawangsa berkahwin dengan gadis dari kaum "Gergasi" dan menggalakkan rakyatnya berkahwin campur di antara kaum. Amalan ini tidak terdapat di kalangan penganut

---

<sup>8</sup> Mohamad Isa Othman, (1990), Politik Tradisional Kedah 1681-1942, Kuala Lumpur : DBP

Hindu. Kaum "Gergasi" ialah orang-orang asli yang dikenali sebagai "Orang Laut" dan masih ditemui di Pulau Andang dan Terutau di utara Langkawi.

Raja Kedah yang pertama telah memperkenalkan "Nobat" di istananya. Orkestra ini bukan berasal dari Hindu tetapi dari istana Sultan Harun al Rashid di Baghdad. Al Tarikh Salasilah Negeri Kedah meletakkan tarikh 531H atau 1136 M sebagai tahun Raja Kedah memeluk Islam dari Syeikh Abdullah Yamani. Sultan Islam yang pertama di Kedah bernama Sultan al Muzaffar Syah. Dalam Hikayat Merong Maha Wangsa nama Sultan Kedah pertama ialah Sultan Muzaffar Syah<sup>9</sup>.

Dinasti Saljuq berketurunan Turki di bawah kerajaan Abbasiyyah di Baghdad yang berfahaman Ahli sunnah wal Jamaah mendirikan sebuah kerajaan di Byzantine dalam tahun 1091M. Orang-orang Saljuq ialah orang Islam yang awal menggunakan gelaran sultan kepada pemerintahnya. Sebagai sebuah negeri yang berfahaman *Ahlu Sunnah wal Jamaah*, Kedah juga turut menggunakan gelaran Sultan dalam tahun 1136 M.

Tinjauan sejarah ini penting bagi perbincangan kajian ini kerana, pertama; penerimaan Islam di Kedah mempunyai hubungkait dengan politik dan pentadbiran Istana, kedua; asas pegangan syariah di negeri Kedah mempunyai susur galur kepada ahlu Sunnah wa al-Jamaah. Aliran pemikiran hukum Islam berasas ASWJ adalah dominan dan mempunyai asas yang telah lama

---

<sup>9</sup> Hikayat Merong Mahawangsa : A review by Sejarah Melayu Online, The Malay Press, 2009. Dicapai pada 5 Feb 2011

bertapak di Kedah. Terakhir, pengaruh mazhab al-Shafi'i telah bermula sejak zaman awal sejarah Kedah apabila melihat kepada kesan dan pengaruh penerimaan Islam di Kedah.

### **4.3 Pentadbiran Agama Islam Dan Pengurusan Masjid Negeri Kedah**

Negeri Kedah berkeluasan 9426 km persegi terdiri daripada 12 buah daerah pentadbiran iaitu Kota Setar, Kuala Muda, Kulim, Kubang Pasu, Langkawi, Padang Terap, Sik, Baling, Yan, Pendang, Bandar Baharu dan Pokok Sena. Keluasan kawasan ialah 948 km-persegi dengan peratus keluasan 10.05% yang terletak dalam parlimen Kubang Pasu dan DUN Bukit Kayu Hitam dan Jitra<sup>10</sup>.

Mengikut Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah Darul Aman (no.32/1959 seksyen 33A) memperuntukkan bahawa Agama Islam Negeri ialah Agama Islam Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tunku Sultan sebagai Ketua Agama Islam negeri. Peruntukan bahawa Majlis Agama Islam hendaklah menolong dan menasihati Sultan. Oleh itu, kewujudan Majlis Agama Islam sebagai pembuat dasar berhubung dengan pentadbiran dan pengurusan hal ehwal Islam dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam sebagai badan yang akan melaksanakan dasar-dasar yang diputuskan oleh Majlis.

Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 (pindaan 2008) memperuntukkan beberapa seksyen berkaitan pentadbiran dan pengurusan Masjid di bawah perkara Wakaf, Nazr dan Amanah. Antaranya ialah Seksyen 60 (sekatan penubuhan masjid dan

---

<sup>10</sup> [www.reocities.com](http://www.reocities.com). Dicapai pada 2 Jan 2012



penalti), seksyen 61 (penubuhan masjid), seksyen 62 (penyenggaraan masjid), 63 (perlantikan pegawai masjid), 64 (Tauliah pegawai masjid) dan lain-lain berkaitan masjid, imam, bilal, siak, jawatankuasa kariah yang terkandung dalam seksyen 65-68. Merujuk kepada pendidikan Islam di masjid pula, terdapat peruntukkan khas dalam bahagian VIII-Pendidikan Agama Islam yang menyentuh perkara jawatankuasa pengawasan pengajaran agama Islam (seksyen 81) dan kesalahan mengajar tanpa tauliah dalam seksyen 84<sup>11</sup>.

Pentadbiran Agama Islam Negeri Kedah dikendalikan oleh dua badan yang mempunyai hubungkait yang rapat. Tugas dan fungsi kedua-dua badan ini sering menyokong dan bertimbal balik<sup>12</sup>.

Penubuhan Majlis Agama Islam Negeri Kedah adalah berdasarkan Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam Negeri Kedah 1962(No.9/1962) . Tujuan lain ialah untuk menolong dan menasihati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dalam perkara-perkara yang bersangkutan paut dengan Agama Islam dalam negeri ini dan membuat dasar berhubung dengan pentadbiran dan pengurusan hal ehwal Islam di dalam Negeri Kedah Darul Aman.

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam pula merupakan sebuah agensi pelaksana dasar dan memberi pimpinan pentadbiran serta bertanggungjawab bagi menyediakan program, skim, atau projek untuk pertimbangan Majlis bagi mengeluarkan panduan, dasar atau bahagian di jabatan dan

---

<sup>11</sup> Rujuk lampiran

<sup>12</sup> [www.jaik.gov.my](http://www.jaik.gov.my). Dicapai pada 2 Jan 2012

Pejabat-Pejabat Agama daerah serta menyelia dan mengawal pelaksanaan keputusan-keputusan tersebut.

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam bertanggungjawab mentadbir umat Islam di negeri ini dalam semua hal dan juga untuk merancang, merumus dan menyelaraskan segala dasar dan maklumat berhubung dengan Agama Islam di samping menentukan bahawa dasar tersebut dijalankan dengan cekap dan berkesan<sup>13</sup>.

Objektif Majlis Agama Islam adalah seperti berikut<sup>14</sup>:-

- a) Merupakan sebagai satu badan Penasihat Agama yang tertinggi kepada KDYMM Tuanku Sultan.
- b) Majlis merupakan pembuat dasar-dasar berhubung dengan pentadbiran dan pengurusan Hal Ehwal Agama Islam di negeri ini.
- c) Majlis beretanggungjawab ke atas orang-orang Islam dan harta-harta orang-orang Islam selaku Pemegang Amanah dan hendaklah mentadbirkan berlandaskan Hukum Syarak.

Keanggotaan Majlis:-

Majlis Agama Islam mengandungi anggota-anggota seperti berikut<sup>15</sup>:-

- a) Yang Di Pertua
- b) Setiausaha Jabatan hal Ehwal Agama Islam
- c) Ketua Hakim Syarie

---

<sup>13</sup> Temubual dengan Sheikh Hazizan, Pegawai Hal Ehwal Islam, Jabatan Agama Islam Kedah, pada 22 Disember 2012

<sup>14</sup> [www.reocities.com/maik](http://www.reocities.com/maik). dicapai pada 2 Feb 2012

<sup>15</sup> Ibid.

- d) Pendaftar Sekolah-Sekolah Agama
- e) Setiausaha Baitulmal
- f) Setiausaha Jawatankuasa zakat
- g) Orang lain yang difikir patut yang akan diperkenankan oleh KDYMM Tuanku Sultan.

Untuk melaksanakan dasar-dasar dan tugas bagi mencapai objektif Majlis, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam ditubuhkan oleh Kerajaan. Jabatan ini dibahagikan kepada beberapa bahagian bagi menjalankan aktiviti-aktiviti tertentu<sup>16</sup>:-

- a) Bahagian Pentadbiran Am dan Kewangan
- b) Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah
- c) Bahagian Penerangan dan Dakwah
- d) Bahagian Penyelidik.
- e) Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Keluarga
- f) Bahagian Pendidikan Sekolah-Sekolah Agama

Objektif Jabatan<sup>17</sup>:-

- a) Untuk mendidik, membentuk dan mewujudkan sebuah masyarakat Islam yang dinamik dan progresif berdasarkan kehidupannya kepada mencari keredaan Allah.
- b) Untuk memupuk dan mengukuhkan ukhuwah Islamiah serta keimanan orang-orang Islam dinegeri ini khasnya dan Malaysia amnya bagi mencari perpaduan Ummah.
- c) Untuk memperbanyakkan usaha-usaha kebajikan dan mencegah kemungkaran.

---

<sup>16</sup> Rujuk lampiran C

<sup>17</sup> Laman Web Majlis Agama Islam Kedah, [www.maik.gov](http://www.maik.gov), dilawati pada 20 Mac 2011

- d) Untuk mengadakan rancangan program tindakan bagi menggalakkan, mempergiatkan, memudahkan dan mengusahakan kemajuan ekonomi dan sosial Islam.
- e) Untuk mendaftar, mengawal dan menyelia institusi-institusi ibadah dan pusat-pusat pengajian agama Islam di negeri ini dan mengadakan peruntukkan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Merujuk kepada pengurusan masjid daerah Kubang Pasu, terdapat 72 buah masjid di Daerah Kubang Pasu<sup>18</sup> yang dikelolakan oleh Jabatan Agama Islam Daerah Kubang Pasu, Jitra Kedah. Pengurusan khusus dalam pembangunan Masjid dan surau diletakkan di bawah bidangkuasa Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau. Fungsi Bahagian Pengurusan Masjid Dan Surau ialah;

- a) Mengurus perlantikan Pegawai Masjid / Jawatankuasa Kariah
- b) Mengatur program pengimaran Masjid-masjid Negeri Kedah Darul Aman
- c) Mengurus kebenaran bagi permohonan membina, meroboh dan membaik pulih masjid-masjid

Terdapat beberapa Unit yang berada di bawah bahagian ini iaitu<sup>19</sup> :-

1. Pentadbiran
2. Masjid Negeri Masjid Zahir
3. Qariah
4. Masjid Daerah

---

<sup>18</sup> Rujuk lampiran D

<sup>19</sup> Temubual dengan Sheikh Hazizan, op-cit.

Masjid-masjid Daerah Kubang Pasu<sup>20</sup> yang merupakan lokasi kajian pemerhatian dijalankan merupakan antara masjid-masjid yang paling aktif dalam menjalankan program takmir di melalui kelas-kelas pengajian *Fiqh* khususnya. Mukim yang paling aktif ialah Tunjang dan Hosba berdasarkan jadual program *Tafaqquh* yang disusun dan kehadiran jemaah yang teramai. Hasil pemerhatian penyelidik, faktor utama yang menjadi kedua-kedua mukim tersebut mendapat sambutan daripada para jemaahnya ialah guru Takmir yang mengajar *Fiqh* menggunakan pendekatan aktif dalam pengajaran. Sebagai contoh, guru Takmir mengajar menggunakan kaedah simulasi dan diselangi dengan jenaka.

Selain itu, guru Takmir yang mengajar turut mengemukakan isu-isu hukum yang bersifat semasa sebagai contoh isu pengklonan. Guru tersebut telah membicarakan isu tersebut secara mendalam berpandukan kepada konsep hukum, amalan semasa dan fatwa semasa. Rujukan berotoriti dibuat berserta olahan perbincangan yang menarik berkaitan isu hukum pengklonan<sup>21</sup>. Pendekatan sebegini merupakan kaedah P&P yang berkesan dalam menyampai ilmu *Fiqh* agar lebih difahami dan sekali gus menghidupkan *Fiqh* dalam konteks semasa.

Masjid Zahir<sup>22</sup> sebagai sebuah masjid Negeri turut menjadikan lokasi kajian. Kajian awal terhadap program *Tafaqquh* dimulakan di masjid Zahir, Alor Setar, Kedah. Penyelidik menjadikan masjid negeri sebagai sampel utama untuk melihat pelaksanaan program *Tafaqquh* dijalankan. Namun aspek-aspek penting masjid tersebut turut dikaji secara tidak langsung. Terutamanya aspek-aspek sejarah, infrastruktur dan pengurusan serta pentadbirannya. Perkara ini

---

<sup>20</sup> [www.mykedahlm.com](http://www.mykedahlm.com) .dicapai pada 25 Jan 2011

<sup>21</sup> Lihat Lampiran I

<sup>22</sup> [www.jaik.gov.my/masjid](http://www.jaik.gov.my/masjid) . dicapai pada 20 Jan 2012

merupakan elemen penting dalam dapatan kajian kerana masjid Negeri diletakkan pentadbirannya secara berasingan daripada struktur pentadbiran masjid-masjid daerah di Negeri Kedah.

Masjid ini dibina pada hari Isnin 11hb Mac, tahun 1912 bersamaan 22hb Rabiul Awwal 1330 atas usaha YTM Tunku Mahmud Ibni Almarhum Sultan Tajuddin Mukarram Shah (Pemangku Sultan). Ahli-ahli majlis ketika itu ialah Tunku Ibrahim Ibni Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Syed Hassan Shahabuddin yang merupakan Hakim Besar ketika itu, Muhammad Ariffin bin Muhammad Arshad yang bertugas sebagai Setiausaha Kerajaan, W.G. Maxwell iaitu Penasihat British dan G.Gorman sebagai Jurutera Negeri.

Masjid ini telah dibina di atas tapak masjid terdahulu yang dikenali sebagai Masjid Lama di mana pembinaanya dilakukan oleh Almarhum Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin II (juga dikenali sebagai Marhum Kota Setar) pada tahun 1735. Ianya dibina di atas tapak pusara wira-wira Kedah yang gugur syahid semasa mempertahankan Kedah dari serangan Siam (1821). Rekabentuk masjid ini diilhamkan dari Masjid Raya (AZIZI) di Bandar Langkat, Sumatera Utara. Pembinaan mengambil masa tiga tahun, upacara perasmian dilakukan pada hari Jumaat 15hb Oktober 1915 bersamaan 6 Zulhijjah 1333.

Masjid Zahir mempunyai keluasan tapak kira-kira 124 x 124 kaki. Sementara bahagian tengahnya (dewan solat) berukuran 62' x 62' dan dikelilingi oleh beranda yang mempunyai lapan kaki lebar dengan empat anjung dan pada setiap anjung tersebut terdapat satu kubah. Menara kecil yang dipanggil "Menara Serambi" berada di atas bumbung setiap anjung.

Menara di bahagian timurnya telah diubahsuai menjadi lebih tinggi daripada yang lain. Sementara menara utamanya terletak di bahagian timur laut bangunan masjid tersebut. Pada tahun 1960 dan 1975 beberapa bahagian masjid tersebut telah diperbaharui dan diubahsuai.

Perasmian Masjid Zahir<sup>23</sup> dilakukan pada hari Jumaat, 15hb Oktober 1914 bersamaan 6 Zulhijjah 1333 oleh Sultan Abdul Hamid Halim Shah. Kemudian, Tunku Mahmud telah membaca khutbah Jumaat sementara baginda Sultan Abdul Hamid Halim Shah berkenan mengimamkan solat Jumaat. Selanjutnya, 3 hari kemudian berlangsungnya Solat Sunat Hari Raya Aidil Adha 1333

Masjid ini mula dibina pada tarikh 22hb Rabiul Awwal 1330 masa Tunku Mahmud Ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin menjadi Presiden State Council dan memangku pekerjaan-pekerjaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Hamid Halim Shah ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah. Tuan W.G Maxwell menjadi Penasihat dan Tunku Ibrahim dan Syed Hassan Barakbah dan Cik Mohamed Ariffin Member State Council. State Engineer G.Gorman sudah masjid ini dibuka pada hari Jumaat 6 hb Zulhijjah 1333h..

Berikut merupakan senarai Imam-Imam Besar Yang Pernah Bertugas Di Masjid Zahir sejak awal pembinaannya sehingga kini.

1. Tuan Haji Mohd. Khir bin Haji Sulaiman (Imam Di Raja)
2. Tuan Haji Ibrahim Al-Ibyari
3. Tuan Haji Mohd Noor bin Haji Zakaria

---

<sup>23</sup> *Ibid.*

4. Tuan Syeikh Kadri bin Abdul Hamid
5. Tuan Syeikh Roslan bin Abdul Halim Al Hafiz BCK – Terkini

Senarai Imam-Imam (Rawatib) Terkini pula ialah;

1. Tuan Haji Mohd. Said bin Haji Sulaiman – Kancut
2. Tuan Haji Seman – Anak Bukit
3. Tuan Haji Mohd Bahar bin Haji Sulaiman – Alor Merah
4. Tuan Haji Ahmad Rabad – Pondok Chegar (Padang Pusing)
5. Tuan Haji Abdullah Subuh
6. Tuan Haji Zakaria bin Haji Salleh – Kelompang
7. Tuan Haji Abdul Rahman – Kubang Rotan
8. Tuan Haji Hussain bin Haji Ismail Che Doi – Guar Chempedak
9. Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Hashim – Jitra
10. Tuan Haji Nawawi bin Haji Husain – Langgar
11. Tuan Haji Abdul Rahman bin Awang Arshad – Tandop
12. Tuan Haji Abdul Samad bin Haji Abdullah – Pendang
13. Tuan Haji Husain bin Haji Abdul Rahman – Tualang
14. Ku Ahmad bin Ku Akil – Tok Keling, Kedah
15. Tuan Haji Said – Mergong
16. Tuan Haji Ishak bin Idris – Kota Sarang Semut

Hasil pemerhatian dan temubual dengan para Imam dan jawatankuasa Masjid Zahir, didapati bahawa struktur organisasi dan pentadbiran masjid adalah tersendiri dan terasing daripada



pengurusan masjid-masjid Daerah di negeri Kedah<sup>24</sup>. Pelaksanaan program *Tafaqquh* juga berskala besar seperti sempena majlis sambutan kebesaran Islam seperti maulidur Rasul, Nuzul al-Quran dan lain-lain.

Selain itu, para Imam yang dilantik di Masjid Negeri turut berperanan sepenuh masa sebagai Imam dan dalam masa yang sama sebagai guru Takmir. Kebanyakan program *Tafaqquh* dirancang secara berkala secara tetap mengikut harian, mingguan dan bulanan serta. Jemaah yang hadir juga mencecah ribuan sekiranya program pengimarahannya dijalankan sempena sambutan hari-hari kebesaran Islam. Berbanding dengan masjid-masjid di Daerah Kubang Pasu, masjid Negeri mempunyai kemampuan dana yang lebih besar dalam merancang dan melaksanakan program *Tafaqquh*. Namun, penyelidik mendapati bahawa jika program *Tafaqquh* yang berbentuk kuliah maghrib, para guru Takmir turut menggunakan modul khas yang disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Namun pendekatan P&P adalah berbeza disebabkan jemaah yang hadir terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat berbeza umur dan taraf kehidupan.

Program *Tafaqquh* di masjid-masjid daerah pula, jemaah yang hadir boleh dikatakan hampir jemaah yang sama. Mempunyai latarbelakang kerjaya dan pendidikan yang sama dan mereka saling mengenali sesama mereka. Namun berbeza dengan jemaah yang hadir ke masjid Negeri, jemaah silih berganti terdiri daripada kalangan masyarakat yang berbeza mukim, daerah, negeri dan Negara. Oleh itu, pendekatan guru Takmir harus lebih proaktif dalam usaha menarik minat dan memberi kefahaman jitu tentang isi pengajaran *Fiqh* yang disampaikan.

---

<sup>24</sup> Lihat lampiran F.

#### 4.4 Pengaruh Mazhab Shafi'i Dalam Pengajian *Fiqh*

Mazhab Shafi'i adalah mengambil peranan utama dalam perkembangan pemikiran *Fiqh* kepada masyarakat di Malaysia amnya dan Kedah khususnya. Mazhab ini memberi kesan yang mendalam kepada masyarakat dengan dikembangkan melalui dua saluran; pendidikan dan perundangan. Sumber rujukan dalam pengajian *Fiqh* dan hukum Islam hanya mazhab Shafi'i disebarkan dan diperkenalkan.

Pendidikan tradisional Islam di Malaysia amnya dan Kedah khususnya, sama ada pendidikan pondok, masjid dan surau atau sekolah agama, didapati mata pelajaran *Fiqh* adalah dianggap sangat penting dan diajar di institusi-institusi tersebut. Buku-buku teks yang digunakan keseluruhan kandungannya beraliran mazhab Shafi'i; sama ada buku-buku itu dari Bahasa Melayu Klasik dalam tulisan jawi atau buku-buku Bahasa Arab<sup>25</sup>.

Buku-buku teks yang ditulis dalam bahasa Melayu Klasik Jawi yang digunakan adalah kebanyakannya dari tulisan ulama-ulama' Pattani dan Indonesia. Antara buku-buku teks itu ialah karangan Sheikh Dawud b. Sheikh Abdullah al-Fatani; Kitab Hidayat al-Muta'alim, Munat al-Musalli dan Kitab Furu' al-Masa'il; karangan Muhammad b. Ismail Dawud Fatani, Kitab al-Bahr al-Wafi wa al-Nahr al-Safi dan Matla' al Badrain; karangan Muhammad Arshad b. Abdullah al-Banjari, kitab Sabil al-Muhtadin Li Al-Tafaquh fi Amr al-Din dan karangan Sheikh Nur al-Din Muhammad Jailani b. 'Ali al-Raniri, kitab Sirat al-Mustaqim<sup>26</sup>.

---

<sup>25</sup> Abdullah Jusuh, (1990), Pengenalan Tamadun Islam Di Malaysia, Kuala Lumpur:DBP. Hlm.6.

<sup>26</sup> *Ibid.*, hlm.11

Selain itu, kitab-kitab *Fiqh* dalam mazhab Shafi'i yang ditulis dalam bahasa Arab juga digunakan sebagai buku teks. Antaranya ialah karangan Abu Shuja', al-Ghayah; karangan Nawawi, Minhaj al-Talibin, karangan Zain al-Din al-Malibari Fath al-Mu'in, karangan Qalyubi wa 'Umairah, al-Mahalli; karangan Sayyid al-Bakri 'I'anat al-Talibin dan karangan Zakaria al-Ansari "Fath al-Wahab bi Sharh Minhaj al-Tullab"<sup>27</sup>.

Memandangkan kepada asas keilmuan yang diajar di pondok, di surau, di masjid dan sekolah-sekolah agama berasaskan kitab-kitab di atas, maka sudah cukup untuk melihat sejauh mana kesan dan mendalamnya pengaruh mazhab Shafi'i dalam masyarakat di peringkat awam, atasan dan peringkat ulama'nya. Apabila mereka hanya didedahkan kepada satu aliran pemikiran sahaja sudah sewajarnya timbul sikap fanatik kepada mazhab tersebut. Sikap berpegang kepada mazhab Shafi'i berlaku adalah natijah dari proses penyampaian ilmu demikian. Sebahagian besar dari kitab-kitab di atas masih lagi digunakan sebagai buku teks dalam pengajian *Fiqh* sehingga kini terutamanya di masjid-masjid.

Begitu juga halnya dengan isi kandungan modul program *Tafaqquh* di masjid-masjid Daerah Kubang dan Masjid Negeri. Guru-guru Takmir turut dibekalkan senarai kitab-kitab tertentu untuk dijadikan panduan umum ketika mengajar<sup>28</sup>. Kitab-kitab adalah bersumberkan mazhab Shafi'e seperti Minhaj al-'Abidin, Bakuuroh Al-Amani, Hidayah al-Sobyan dan Baghiyyah al-Thullab merupakan kitab-kitab rujukan asas dalam pengajaran program *Tafaqquh* di masjid-masjid Daerah Kubang Pasu.

---

<sup>27</sup> Harun Din & Sobri Solomon, (1980), Masalah Pendidikan Islam di Malaysia, Kajang: Sincere Press, hlm. 19-21

<sup>28</sup> Temubual dengan Ustaz Muhammad Imran, Pegawai Takmir Masjid, pada 6 Oktober 2011

#### 4.5 Paradigma Ulama Terhadap Konsep Pembangunan Masyarakat

Hasil kajian penyelidikan, terdapat tiga bentuk paradigma yang diamalkan oleh Ulama' Islam di Malaysia terhadap isu pembangunan secara amnya dan kemodenan khususnya. Hal ini timbul disebabkan perbezaan *world-view* pegangan yang diterimapakai oleh kelompok tersebut.

**Pertama**, kelompok sekularis/ Liberalis. Golongan ini terlalu mengagumi dan bertaqlid secara melampau dengan paradigma barat moden. Bagi mereka, semua perkara daripada barat dianggap sebagai baik, termasuklah dalam amalan beragama. Tanpa segen silu, mereka sanggup menghina metodologi Ulama' silam. Kononnya, kemunduran umat Islam dari segi fizikal dan intelektual berpunca daripada kesilapan metodologi Islam yang dibangunkan oleh sarjana Islam silam. Bagi tujuan penambahbaikan kemunduran umat Islam, pendekatan reform barat (menolak semua elemen tradisi) perlu dipakai sepenuhnya.<sup>29</sup> Berasaskan paradigma ini, kita boleh menjangka sudah semestinya golongan sekularis ini akan mengagumi semua bentuk pemodenan barat tanpa sanggup menilainya secara kritikal, iaitu samada ianya bertentangan dengan prinsip Islam dan adat ketimuran.

**Kedua**, kelompok tradisionalis/fundamentalis melampau (*paradigma yang mementingkan dimensi telah lalu dan sekarang*).<sup>30</sup> Mereka berpegang kepada pendekatan eksklusif (tertutup) yang tidak mahu menerima pandangan yang berasal daripada luar, lebih-lebih lagi dalam soal

---

<sup>29</sup> Rahimin Affandi Abd Rahim (2006) "Islam Dan Dan Isu Penterjemahan Dalam Era Globalisasi", dalam Hamed Mohd Adnan (ed. oleh), *Penerbitan Malaysia-Indonesia: Mengukuhkan Jaringan Penerbitan Serantau*, Kuala Lumpur : Penerbit UM, hlm. 151-164

<sup>30</sup> Ibrahim Abu Bakar (1994), *Islamic Modernism In Malaya*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm. 14-16 dan Abu Bakar Hamzah (1981), *Al-Imam: Its Role In Malay Society 1906-1908*, Kuala Lumpur, hlm. 54-55.

keagamaan. Bagi mereka, hanya pandangan kumpulan mereka sahaja yang paling betul dan menafikan hal ini kepada golongan lain, lebih-lebih lagi yang mempunyai kaitan dengan dunia Barat. Secara langsung, mereka mengamalkan backward looking di dalam mengemukakan jawapan terhadap permasalahan umat Islam - segala elemen tradisi yang diputuskan oleh Ulama' silam yang wajib dipertahankan dan mempersalahkan kesemua elemen pemodenan. Dalam trend semasa, golongan ini mendokong prinsip kekerasan untuk sampai kepada maksud dan matlamat akhir perjuangan mereka.

**Ketiga**, kelompok Reformis yang mempraktikkan Prinsip *Al-Aslahah wa Muasarah*- mengambil sikap pertengahan di dalam segenap perkara, antaranya;

- 1) Penekanan kepada proses mewujudkan dan menajamkan daya intelektualism umat Islam di dalam memahami ajaran Islam itu sendiri. Bagi golongan ini, ketinggian tamaddun umat Islam silam bukannya patut dibanggakan secara nostalgia semata-mata, bahkan perlu dipetik kesimpulan dan intipati induktif dalam bentuk pengajaran terbaik daripada peristiwa ini untuk dilaksanakan oleh ummat Islam.<sup>31</sup> Mengikut sesetengah sarjana Islam moden, pembangunan tamaddun agung merangkumi Barat dan Islam, adalah berpunca dari amalan budaya ilmu.<sup>32</sup> Hal ini dirujuk kepada penggunaan set idea dan kreativiti masyarakat untuk mengkaji sesuatu ilmu dan menterjemahkannya di dalam bentuk program bertindak demi membangunkan pembangunan yang bersifat bersepadu kepada umat manusia.<sup>33</sup>

---

<sup>31</sup> Mohamad Kamil Abdul Majid (2001), "Pertembungan Tamaddun Islam dengan Kolonialisme Barat", dalam *Tamaddun Islam Dan Tamaddun Asia*, Kuala Lumpur: DBP, hlm. 150-151.

<sup>32</sup> Lihat sebagai contohnya kupasan yang diberikan oleh Wan Mohd Nor Wan Daud (1990), "Budaya ilmu sebagai asas pembangunan tamaddun", dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, v. 3, bil. 1, hlm. 51-67.

<sup>33</sup> Louay M. Safi (1998), *Truth And Reform: Exploring The Patterns And Dynamics Of Historical Change*, Kuala Lumpur: Open press publication, hlm. 114-115.

2) Demi untuk menghadapi persaingan dengan kuasa Barat, umat Islam tidak seharusnya menggunakan pendekatan tertutup,<sup>34</sup> sebaliknya perlu lebih proaktif mempelajari sebab utama ketinggian tamaddun Barat, iaitu ketinggian budaya ilmu mereka,<sup>35</sup> yang perlu diterapkan ke dalam masyarakat melalui institusi pendidikan.<sup>36</sup> Dalam soal ini, secara jelasnya mereka menganjurkan bentuk perjuangan yang bersifat evolusi dan bukannya secara revolusi.<sup>37</sup>

Paradigmaa kelompok Reformis lebih sesuai diaplikasikan dalam usaha penstrukturan pembangunan masyarakat Islam semasa. Ini berasaskan kepada aspek keserasianya dengan idealisme Islam yang bersifat syumul dan fleksibel. Antara idealism Islam yang dimaksudkan;

1) Islam sebagai agama yang menekankan konsep Tauhid. Melalui konsep ini, sebarang perbuatan syirik kepada Allah tidak dibenarkan sama sekali, kerana ianya mengakibatkan kezaliman yang amat besar, yang tidak akan diampunkan oleh Allah. Matlamat utama daripada ajaran anti-syirik ini adalah bagi menjuruskan pengabdian insan hanya kepada Allah, yang bakal melahirkan manusia yang berjiwa bebas, merdeka dan tidak tunduk kepada manusia dan lainnya yang mengantikan posisi tuhan. Melalui prinsip ini, terdapat perbezaan yang jelas di antara tuhan dengan makhluk. Tuhan adalah tuhan dan ianya berbeza daripada makhluk di mana makhluk dalam apa bentuk sekalipun bukannya jelmaan daripada tuhan yang harus ditakuti. Alam dan makhluk adalah ciptaan Allah yang maha berkuasa secara mutlak, di mana kedua-duanya hanya tunduk dan mentaati Allah semata-mata. Hasilnya, ia

---

<sup>34</sup> *Ibid*, hlm. 112.

<sup>35</sup> Sebab utama ketinggian tamaddun kebendaan Barat seperti dinilai oleh reformis moden boleh dilihat dalam Majid Irsan Kailani (1996), *Mendidik Peribadi Muslim*, Kuala Lumpur: Berita Publishing, hlm. 64-66.

<sup>36</sup> Dr. Majid Irsan Kailani (2000), *Kebangkitan Generasi Salahuddin Dan Kembalinya Jerusalem Ke Pangkuan Islam*, Abdullah Abbas (terj.), Kuala Lumpur: Thinker libraries, hlm. 369-371.

<sup>37</sup> Syed Ahmad Hussein (2002), "Muslim politics and discourse on democracy", dalam *Democracy In Malaysia; Discourse And Practices*, Richmond, Surrey: Curzon press, hlm. 75-80.

bakal membuahkan paradigma yang menolak ketaatan yang mutlak tanpa kritis kepada mana-mana kuasa ataupun manusia. Neraca tertinggi untuk sesuatu kebenaran bukan terletak kepada individu, parti dan puak (pendekatan non-partisan), tetapi perlu dinilai mengikut garis panduan wahyu Allah. Hal ini bakal menghilangkan benih awal untuk sesuatu pendekatan fanatik di dalam bertindak.

- 2) Islam sebagai agama yang menekankan pendekatan *Societal* (mementingkan kehidupan bermasyarakat). Semua nilai terkutuk dan sifat terpuji yang dikehendaki oleh mana-mana system masyarakat sekalipun, seperti buruknya sifat mementingkan diri dan baiknya sifat kebersamaan, tolak ansur dan sebagainya; turut menjadi agenda utama ajaran Islam.
- 3) Islam sebagai agama yang mementingkan budaya ilmu yang bersepadu. Antaranya menuntut seseorang itu bertindak mengikut perkiraan ilmu yang benar dan bukannya mengikut dorongan ilmu yang salah serta hawa nafsu; perlu menjauhi sifat bebalism yang timbul akibat dari penyakit kekeliruan ilmu ini, yang digambarkan oleh Wan Mohd Nor Wan Daud dengan, *jahil dan bebal tidak merujuk semata-mata kepada ketiadaan maklumat dari fakta yang betul, tetapi lebih penting lagi merujuk kepada sifat rohaniah yang rendah dan degil walaupun mempunyai maklumat yang betul dan cukup.*<sup>38</sup>
- 4) Islam sebagai agama yang menekankan pendekatan *Rationalistik*. Antaranya, Islam menentang keras amalan budaya Taqlid iaitu amalan yang menerima pendapat orang lain tanpa usul periksa secara teliti. Amalan ini perlu ditolak sama sekali membabitkan aspek akidah dan syariah. Bukan setakat itu sahaja sikap bertaqlid kepada semua perkara yang didatangkan daripada barat perlu ditolak sepenuhnya, kerana kesan daripada amalan ini akan merosakkan daya keupayaan akal manusia yang pada dasarnya bersifat mulia.

---

<sup>38</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud (1990), Budaya Ilmu Sebagai Asas Pembangunan Tamaddun, dlm. *Jurnal Pendidikan Islam*, v. 3, bil. 1, hlm. 51-52.

5) Islam sebagai agama yang menekankan pendekatan *World Affirmative* (alam sebagai tempat yang berguna). Kehidupan dunia ini perlu dilangsungkan dalam bentuk yang seimbang di antara kehidupan akhirat. Apa yang lebih penting lagi, kehidupan dunia ini perlu dijadikan medan utama untuk mendapatkan sebanyak mungkin bekal untuk kegunaan hari akhirat. Dalam soal ini, secara halus kita dapat menyingkap bahawa di antara kedua-dua alam ini, perkiraan alam akhirat perlu diutamakan memandangkan ianya lebih bersifat kekal abadi.

Penyelidik mendapati bahawa paradigma pembangunan masyarakat Islam dalam konteks ilmu di negeri Kedah masih berada antara kedua-dua paradigma iaitu paradigma tradisional dan reformis. Ini dapat dilihat dari segi pendekatan pengajaran *Fiqh* yang digunakan oleh para guru Takmir. Jika dahulu wujud istilah kaum tua dan kaum muda dalam erti kata bentuk pemikiran *Fiqh* yang menjadi ukuran kaum tua dan muda. Namun dalam konteks pelaksanaan program *Tafaqquh* di masjid-masjid, golongan guru Takmir lepasan Timur Tengah masih terikat dengan kaedah pengajaran berbentuk Talaqi dan sehala. Mereka lebih membaca kitab dan menghuraikan isi kandungan berserta contoh-contoh yang berlatar belakang ‘*urf* di Timur Tengah. Mereka lebih selesa menyatakan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh para mufti dan ulama daripada Timur Tengah. Golongan ini yang penyelidik simpulkan sebagai golongan yang melihat pembangunan masyarakat berasaskan paradigma tradisional.

Namun terdapat juga golongan para guru Takmir lepasan IPT tempatan yang lebih cenderung menggunakan pendekatan pengajaran yang tidak terikat dengan teks kitab. Perbincangan *Fiqh* lebih terbuka dan cenderung merujuk kepada konteks masyarakat setempat. Rujukan fatwa mereka ialah fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri dan juga



Jawatankuasa Kebangsaan<sup>39</sup>. Golongan ini amat mementing reformisme dan tajdid dalam proses memberikan kefahaman *Fiqh* kepada masyarakat. Namun mereka masih tetap menjadikan modul sedia ada sebagai panduan, tetapi mengaplikasikan pedagori P&P yang tersendiri dan lebih semasa.

Merujuk kepada fokus kajian ini,penyelidik berpendapat bahawa mengekalkan *status quo* dalam program *Tafaqquh* bakal memberikan kesan negatif kepada masyarakat. Guru perlu bersifat terbuka membincangkan isu-isu hukum yang secara langsung melibatkan masyarakat setempat. Pengabaian elemen mesra budaya dan ‘*urf*’ masyarakat akan menyebabkan objektif program *Tafaqquh* gagal dicapai. Reformasi dalam konteks paradigma pendekatan pembangunan masyarakat berilmu perlu dilaksanakan melalui transformasi sistem dan kaedah pengajian *Fiqh* yang bersifat tradisionalis. Masyarakat sentiasa berkembang aspek intelektual disebabkan perkembangan sosio-ekonomi, sains dan teknologi dan juga pendidikan. Pelaksanaan program *Tafaqquh* juga harus berkembang mengikut peredaran masa, tempat dan keadaan kehidupan masyarakat agar *Fiqh* dapat difahami, diamal dan dihayati sepenuhnya.

#### **4.6 Pengaruh Pengajian *Fiqh* Di Dalam Pembangunan Tradisi Intelektual Umat Islam**

Di awal ke 19, bidang pengajian *Fiqh* telah berkembang maju cuba melepasi dominasi budaya taqlid yang begitu kuat mendominasi dunia intelektual umat Islam. Upaya ini yang juga dikenali dengan agenda tajdid telah meresap ke dalam seluruh kehidupan ummah Islam yang

---

<sup>39</sup> Sila Lihat Lampiran J

kebetulannya telah mencapai kemerdekaan di dalam bidang politik.<sup>40</sup> Sejak itu, agenda tajdid ini yang bertujuan memperbaiki kelemahan mental dan fizikal umat Islam telah turut diperjuangkan oleh kalangan sarjana Islam dari pelbagai tren dan bukannya khusus kepada golongan fuqaha semata-mata.

Melihat kepada bentuk perjuangan tajdid ini, kita dapat membahagikannya kepada tiga golongan yang utama; golongan sekularis, tradisionalis dan reformis.<sup>41</sup> Golongan sekularis, yang terpengaruh sepenuhnya dengan idea pemodenan barat melalui tulisan genre orientalis, kelemahan umat Islam dikatakan berpunca daripada penerimaan umat terhadap *world-view* dan metodologi pengajian Islam silam (khususnya ilmu *Fiqh*) yang salah dan proses tajdid hanya boleh dijalankan melalui penerimaan sepenuhnya konsep reformasi ala barat.<sup>42</sup>

Berbanding dengan golongan sekularis, golongan tradisionalis dan reformis masih lagi berpegang kuat kepada warisan dan kerangka metodologi fuqaha silam, yang perlu diterapkan dengan nilai-nilai kesemasaan yang muncul di dalam kehidupan umat Islam. Berhadapan dengan fenomena globalisasi, mengikut tren tradisionalis dan reformis, umat Islam tidak harus bersifat

---

<sup>40</sup> Lihat sebagai contohnya Mohamad Kamil Ab. Majid, (2000), *Tajdid; perseptif sejarah dan masa kini*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, hlm 1-32.

<sup>41</sup> Abdul Rahman Abdullah, (1997), *Pemikiran Islam Di Malaysia : Sejarah dan Aliran*, Jakarta : Gema Insani, hlm 263-266 dan 21-25.

<sup>42</sup> Lihat sebagai contohnya Rahimin Affandi Abd. Rahim, (2002), *Isu dan pengaruh orientalism di Malaysia; Satu analisa* “, dlm. Seminar kebangsaan Pengajian ilmu al-Quran, anjuran Pusat Islam, Universiti Putera Malaysia, pada 12hb. Ogos.

fatalis dan berdiam diri semata-mata,<sup>43</sup> tetapi perlu kembali kepada landasan Islam dengan memperkukuhkan tahap keimanan, aspek politik, ekonomi dan apa yang lebih penting lagi perlu menyediakan kerangka pemikiran dan penyelesaian intelektual Islam,<sup>44</sup> bagi menangani cabaran ini. Disiplin *Fiqh* sebagai asas utama kepada gerakan ini.

Agenda ini sebenarnya bukanlah perkara baru ataupun boleh dikatakan sebagai bid'ah dengan merujuk kepada gerakan tajdid intelektual yang dijalankan oleh Imam Shafi'i menggunakan disiplin *Fiqh* ini yang berjaya mengintegrasikan dua metodologi keilmuan Islam yang saling berbeza antara satu sama lain, metodologi *ahl Hadis* dan *Ahl Ra'y*.<sup>45</sup> Konflik antara kedua metodologi ini telah dikesan menimbulkan pertelingkahan idea yang cukup besar sehinggakan sampai kepada mencetuskan perpecahan antara penganut Islam. Selanjutnya metodologi pertengahan ini telah dibangun dan diperlengkapkan lagi oleh kalangan fuqaha yang terkemudian. Disiplin ini sepatutnya tidak dihadkan kepada bidang *Fiqh* Islam semata-mata, tetapi patut dilanjutkan ke dalam semua bidang kehidupan umat Islam.

Benarlah seperti mana ditegaskan oleh seorang sarjana orientalis barat bahawa usaha untuk memahami Islam akan menjadi lebih mudah dan tersusun jika dirujuk kepada aspek *Fiqh*, yang

---

<sup>43</sup> Lihat sebagai contohnya Rahimin Affandi Abd. Rahim, (2002), *Pembangunan Hukum Islam di Malaysia : satu analisa* “, dalam Seminar Pembangunan Ummah 2002 Pulau Pinang, sempena hari jadi Tuan Yang terutama Negeri Pulau Pinang, anjuran Jabatan Mufti Pulau Pinang, pada 11hb. Julai.

<sup>44</sup> Lihat sebagai contohnya Rahimin Affandi Abdul Rahim, (2004), *Menangani cabaran Globalisasi : satu analisis terhadap pemikiran Reformis semasa*, dlm. (edit oleh Mohd Fauzi Hamat, Mohd Fakhrudin Abd. Mukti dan Che Zarrina sa'ari *Pemikiran Islam dan cabaran semasa*, Kuala Lumpur : Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, APIUM, hlm 213-238.

<sup>45</sup> Abdullah Alwi Haji Hassan, (1997), *Penyelidikan sebagai asas kemantapan pengajian syariah*, dlm edit. Oleh Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Dinamisme Pengajian Syariah*, Kuala Lumpur : Berita Publishing, hlm 16-17.

merupakan roh dan intipati utama ajaran Islam.<sup>46</sup> Roh ajaran Islam ini berbanding dengan agama lain amat mementingkan penerapan budaya ilmu sejati.

Bagi mendapatkan maklumat tentang sejarah asal usul disiplin *Fiqh* ini secara holistik, kita dapat mengesannya berpunca dari dua sumber yang utama; (i) penekanan Islam kepada budaya ilmu<sup>47</sup> dan (ii) kepentingan mengamalkan budaya berfikir yang sihat. Keduanya telah menyumbang kepada kegemilangan tamadun intelektual dan fizikal umat Islam yang cukup tinggi. Merujuk khusus kepentingan mengamalkan budaya berfikir yang sihat dan positif, para sarjana Islam di dalam meneliti kandungan Quran telah mendapati ianya penuh berisi dengan intipati pemikiran ilmiah<sup>48</sup> yang menekankan peri pentingnya penolakan taqlid membuta tuli,<sup>49</sup> perintah supaya berfikir,<sup>50</sup> memerhati kejadian alam,<sup>51</sup> memeriksa kesahihan sesuatu yang disampaikan oleh orang lain,<sup>52</sup> galakan untuk berfikir bersesuaian dengan hukum alam dan bukannya secara tahyul,<sup>53</sup> kutukan terhadap sikap yang melandaskan pemikiran kepada hawa nafsu dan bukannya kepada kebenaran<sup>54</sup> dan banyak lagi. Tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa berpandukan pemahaman terhadap pendekatan ilmiah ala Quran ini sarjana Islam telah memperkembangkan pendekatan ilmiah Islam, yang bermula dengan penerapannya di dalam ilmu hadis<sup>55</sup> dan

---

<sup>46</sup> George Hourani, (1964), *The Basis authority of consensus in Sunnite Islam* “, dlm. *Studia Islamica*, 25, hlm 25.

<sup>47</sup> Maklumat tentang budaya ilmu ini boleh didapati dalam Hashim Musa,(2001), *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam : ke arah pembinaan sebuah tamadun dunia Alaf baru*, Kuala Lumpur : APMUM, hlm 27-40.

<sup>48</sup> Syed Muhammad Dawilah al-Edrus, (1999), *Epistemologi Islam; Teori Ilmu Dalam Al-Quran*, Kuala Lumpur : DBP, hlm 2-3.

<sup>49</sup> Quran 2:170; 43:23; 17:36 dan 24:15-17.

<sup>50</sup> Quran 22:46 dan 30:8.

<sup>51</sup> Quran 4:82.

<sup>52</sup> Quran 4:83.

<sup>53</sup> Quran 33:43 dan 33:38.

<sup>54</sup> Quran 18:15; 17:36; 53:23 dan 53:28.

<sup>55</sup> Akram Diya' al-Umari, (1995), *Madinan Society At The Time Of The Prophet*, terj. Huda Khattab, Virginia : IIIT, hlm 23-30.

kemudiannya dikembangkan lagi ke dalam bidang-bidang kajian ilmu-ilmu Islam lain,<sup>56</sup> termasuklah sebagai contohnya di dalam ilmu *Fiqh*.<sup>57</sup>

Bertitik tolak kepada premis kelemahan dan keterbatasan akal manusia, sarjana Islam telah cuba memperlengkapkan kelemahan ini yang bakal menjejaskan proses interaksi dan pemahaman terhadap kandungan sumber wahyu dengan penyusunan ilmu *Fiqh*,<sup>58</sup> yang antara lainnya (i) menyusun cara yang terbaik untuk proses berfikir berpandukan nas-nas daripada sumber wahyu, (ii) memilih keutamaan yang terbaik di antara sebahagian keutamaan yang ada, (iii) cara yang paling betul untuk menganalisis kandungan teks<sup>59</sup> dan sebagainya. Sebagai contohnya, walaupun fuqaha mengakui otoriti sesuatu sumber hukum tambahan yang bersumberkan akal (ijtihad) seperti *Ra'yu*, *Istihsan*, *Maslahahh*, *Qiyas*, *'urf*; tetapi penggunaan konsep-konsep ini perlu dilandaskan kepada kaedah dan syarat-syarat yang agak ketat.<sup>60</sup> Hal ini dibuat bagi mengelakkan campur tangan golongan bukan fuqaha yang tidak mempunyai keilmuan Islam sejati untuk sama-sama merumuskan sesuatu pandangan tentang syariah yang bakal merosakkan syariah Islam itu sendiri.<sup>61</sup>

---

<sup>56</sup> Majid Fakhri, (1989), Sejarah Falsafah Islam, Kuala Lumpur, hlm xviii-xix.

<sup>57</sup> Omar Bin Awang, (1991), "Some Observations On The Notion Of The Shariah In Islam", dalam Jurnal ISLAMIKA, v. IV, hlm 9-10.

<sup>58</sup> Syed Muhamad Dawilah al-Edrus, Epistemologi Islam, hlm 14.

<sup>59</sup> Dr. Louay Safi, (1998), Asas-asas Ilmu Pengetahuan : Satu Kajian Perbandingan Kaedah-Kaedah Penyelidikan Islam Dan Barat, terj. Nur Hadi Ihsan, Kuala Lumpur, hlm 39-74.

<sup>60</sup> Lihat sebagai contohnya Mohd. Saleh Haji Ahmad, (1999), Pengantar Syariat Islam, Kuala Lumpur, hlm 118-134.

<sup>61</sup> Sila lihat pandangan sarjana Islam yang menempelak cubaan Kasim Ahmad yang memang jahil dengan *Fiqh* Islam untuk memberikan tafsiran terhadap syariah Islam. Lihat Fakulti Pengajian Islam UKM, (1988), Jawapan Kepada Buku Hadith Satu Penilaian Semula, Kuala Lumpur, hlm 1-4.

Pendedahan fuqaha awal dengan ilmu falsafah warisan Yunani yang kaya dengan perkaedahan ilmiah<sup>62</sup> seperti perbincangan tentang saluran pemerolehan ilmu dan tahap-tahap pemerresapan ilmu,<sup>63</sup> berserta dengan ilmu mantik,<sup>64</sup> secara jelas telah membantu fuqaha ini mengambil sikap yang selektif dan seterusnya menerapkan pendekatan ilmiah ini dengan beberapa pembaikan yang terbaik ke dalam genre penulisan *Fiqh*.<sup>65</sup>

Mustafa Abd. Razak dalam soal ini telah menegaskan bahawa memandangkan ajaran Islam menganjurkan penggunaan dan pemanafaatan akal untuk mengemukakan dalil dan hujah dalam perbahasan ilmiah, maka pendekatan ini yang kebetulan intipatinya diperolehi melalui pertembungan dengan ilmu falsafah Yunani telah diterapkan di dalam ilmu *Fiqh*. Selanjutnya, beliau mengatakan bahawa sungguhpun ilmu *Fiqh* ini bersumberkan Quran dan sunnah, tetapi ia tetap tidak dapat mengelakkan diri dari membabitkan penggunaan kaedah berfikir dan berhujah dengan dalil-dalil akal, disamping menggunakan dalil-dalil dari sumber wahyu.<sup>66</sup>

Gabungan yang kukuh di antara sumber wahyu dan akal, ditambah pula dengan kaedah ilmiah yang dipakai dalam bidang falsafah ini telah menjadikan ilmu *Fiqh* sebagai ilmu yang paling

---

<sup>62</sup> Maklumat lanjut boleh didapati dalam Fadzlullah Haji Shuib, (1995),Kecermelangan ilmu dalam sejarah dan tamadun Islam, Kuala Lumpur, hlm 48-57.

<sup>63</sup> Maklumat lanjut tentang kedua kaedah ini boleh didapati dalam Hashim Musa,(2001), Falsafah, Logik, Teori Nilai Dan Etika Melayu : Suatu Pengenalan, Kuala Lumpur, hlm 10-14.

<sup>64</sup> Mat Rofa Ismail,(1997), Mantik Dalam Babak Pemikiran Ilmiah Tamadun Manusia, Kuala lumpur, hlm 1-27.

<sup>65</sup> Mohd Fauzi Hamat, (2000)“ Penghasilan Karya Sintesis Antara Mantik dan *Fiqh* : Rujukan Kepada Kitab al-Mustasfa’ Min ‘ilm al-Usul “, dalam Jurnal AFKAR, bil. 1, hlm 126-137.

<sup>66</sup> Mustafa Abd. Razak, (1966), Tamhid Li Tarikh Al-Falsafah Al-Islamiyyah, Kaherah, hlm 27, 101-123 dan 124-135.

berguna untuk tujuan pengkajian ilmiah<sup>67</sup> dan hal ini telah diakui sendiri oleh kebanyakan sarjana Islam, termasuklah kalangan sarjana barat sendiri.<sup>68</sup>

Kerangka epistemologi Islam yang menyusun kaedah yang sistematik untuk penggunaan akal yang betul dan diredai Allah ini telah dapat dimanfaatkan oleh banyak sarjana moden. Sebagai contohnya, terdapat beberapa sarjana moden seperti S. Waqar Ahmed Husaini dan Abdul Hamid Abu Sulayman yang telah melakukan kajian ilmiah terhadap persoalan agama dan bukan agama dengan menggunakan skema ilmu *Fiqh* ini yang diakui oleh kedua sarjana ini sebagai skema penyelesaian masalah yang cukup berkesan sekali.<sup>69</sup>

Jika dilihat dari perspektif sejarah Alam Melayu, seperti mana halnya dengan benua Islam lain (seperti benua Timur Tengah, Parsi, India, Afghanistan, Transaxonia, Afrika Utara dan Sepanyol) yang terpengaruh secara langsung dengan perkembangan intelektual Islam yang berteraskan kepada tradisi budaya ilmu,<sup>70</sup> hal yang sama turut dikesan pengaruhnya dalam kadar yang cukup besar di rantau Alam Melayu itu sendiri.<sup>71</sup>

---

<sup>67</sup> Lihat Rahimin Affandi Abdul Rahim, (2000), Etika Penyelidikan Islam : Satu Analisa, dlm. Jurnal AFKAR, bil. 1., hlm 188-190.

<sup>68</sup> W. Hallaq, (1992), *Fiqh : Beyond Tradition* “, dalam Journal Of Islamic Studies, v. 3(2), hlm 185-186.

<sup>69</sup> S.Waqar Husaini, (1987), *Islamic Environmental System Engineering*, London, 1980 dan Abdul Hamid Sulayman, *The Islamic Theory Of International Relations : New Directions For Islamic Methodology And Thought*, London.

<sup>70</sup> Hashim Musa, (2004), *Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysia menghadapi Globalisasi Barat*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya dan Pusat Dailog Peradaban Universiti Malaya, hlm 24-25.

<sup>71</sup> Lihat Rahimin Affandi Abdul Rahim, (2003), *Al-Quran dan peranan Ulama Melayu dalam Pemodenan Rantau Alam Melayu* ,dlm. (edit. oleh Mohd Radzi Othman) *Warisan al-Quran dan peradaban manusia siri 1*, Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, hlm 1-31.

Namun begitu, disebabkan oleh faktor penerimaan budaya Taqlid yang cukup dominan di dalam masyarakat Melayu silam,<sup>72</sup> kita terpaksa akur dengan fakta pahit yang menunjukkan bagaimana dunia intelektual Alam Melayu amat terbatas di dalam menghasilkan karya-karya yang bermutu tinggi di dalam disiplin *Fiqh* ini. Boleh dikatakan tidak ada suatupun karya ilmu *Fiqh* yang secara originalnya dihasilkan oleh sarjana Melayu, kesemuanya lebih merupakan karya *Fiqh* di dalam pelbagai bidang keilmuan yang rata-ratanya lebih berasaskan kepada peniruan dan cedukan terus daripada karya-karya Timur tengah yang kuat terpengaruh dengan elemen Taqlid.<sup>73</sup>

Walaupun penggunaan ilmu *Fiqh* dalam Hukum Kanun Melaka (HKM) amat sedikit jumlahnya,<sup>74</sup> tetapi ianya masih lagi kedapatan dan telah diterapkan secara berkesan oleh ulama Melayu. Antara aspek-aspek penggunaannya yang dapat dikesan;

- (i) ulama Melayu telah mengemukakan kaedah *Fiqh* tentang bagaimana menanggapi Islam sebagai al Din dan bagaimana cara membuat undang-undang baru terhadap persoalan yang baru timbul. Dengan adanya pengetahuan ini orang Melayu dapat mengetahui bagaimana budaya mereka diakui kepentingannya di dalam Islam. Bahkan, menurut Dr. Ismail Mat, manual undang-undang Melayu seperti HKM itu

---

<sup>72</sup> Rahimin Affandi Abd. Rahim,(1994), Budaya Taqlid di dalam masyarakat Melayu : satu tinjauan ringkas, dlm. jurnal Syariah, v. 3, bil. 1, hlm 29-30.

<sup>73</sup>M.B. Hooker, (1985),The translation of Islam into South-East Asia, dlm. Readings on Islam in Southeast Asia, Singapore, hlm 11.

<sup>74</sup> M.B. Hooker,(1978), A concise legal history of Southeast Asia, Oxford, 8, hlm 48-68.



mustahil dapat disusun dengan begitu rapi tanpa dibantu dengan pemahaman yang mendalam dalam ilmu *Fiqh*.<sup>75</sup>

- (ii) pendekatan codification yang ditekankan dalam ilmu *Fiqh* turut dilakukan dalam HKM. Dalam tradisi keilmuan Islam yang awal, seseorang fuqaha pada kebiasaannya bukan setakat menyampaikan sesuatu pengajarannya secara lisan semata-mata, bahkan turut dibukukan untuk menjadi rujukan umum dan masyarakat akan datang.<sup>76</sup> Kitab ini pada kebiasaannya akan dijadikan bahan kajian dan panduan utama kepada golongan yang terlibat dalam profession *Fiqh*.<sup>77</sup> Hal yang sama juga telah dilakukan kepada HKM yang telah digubal secara rasmi untuk tujuan rujukan bagi seseorang pembesar Melayu yang terlibat dalam pentadbiran negara dan undang-undang.<sup>78</sup>
- (iii) keterangan tentang pembahagian struktur syariah kepada sumber wahyu dan bukan wahyu (ijtihad). Dalam tradisi ilmu *Fiqh*, pembahagian ini dibuat untuk memperlihatkan kepada umat Islam bahawa di dalam menyelesaikan sesuatu persoalan kehidupan, selain dari terpaksa bergantung kepada sumber wahyu (Quran dan Sunnah)<sup>79</sup>, mereka juga dibenarkan untuk menggunakan sumber akal fikiran yang terpinpin dan bersifat terhad dikenali dengan ijtihad.<sup>80</sup> Keterangan bentuk ini yang mengakui pembahagian sumber hukum kepada dua jenis juga secara terang-terangan

---

<sup>75</sup> Ismail Mat, "Pengajian Syariah : Hubungannya dengan Adat Arab dan keadaan di Malaysia ", dalam Dinamisme pengajian Syariah, hlm 89-90.

<sup>76</sup> Majid Khadduri, (1961), Islamic jurisprudence, Shafi'i's Risala, Baltimore, hlm 20-22.

<sup>77</sup> Mohd Daud Bakar, " *Fiqh* sebagai kaedah penyelidikan dalam pengajian Syariah ", dalam Dinamisme pengajian Syariah, hlm 39-41.

<sup>78</sup> Abdul Rahman Abdullah, (1981), Pemikiran umat Islam di Nusantara, Kuala Lumpur : DBP, hlm 60-61.

<sup>79</sup> Rahimin Affandi Abd. Rahim, (1993), The significance of Ijtihad in the development of Muslim law, dlm. Jurnal Sarjana, v. 10, hlm 85-88.

<sup>80</sup> Ibid.

telah diterapkan di dalam HKM,<sup>81</sup> walaupun dalam bentuk yang ringkas dan bersesuaian dengan paradigmaa feudal Melayu.<sup>82</sup>

- (iv) keterangan tentang konsep *Maslahah*. Konsep *Maslahah* ini merupakan suatu sumber tambahan yang diakui autoritinya di dalam ilmu *Fiqh*.<sup>83</sup> Ia ditakrifkan sebagai manfaat yang ditunjukkan oleh Allah kepada hamba-hambaNya, demi untuk memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda.<sup>84</sup> Setiap perkara dan tindakan yang mengandungi jagaan dan kawalan terhadap lima perkara penting ini akan dianggap sebagai *Maslahah*, dan sebarang perkara dan tindakan yang mencabul kelima-lima perkara ini akan dianggap sebagai mafsadah.<sup>85</sup> Dalam HKM, penggunaan *Maslahah* ini secara jelas telah diterapkan, sebagai contohnya dalam bab 36:2 yang menerangkan tentang hukuman yang akan dikenakan kepada orang yang secara sengaja meninggalkan ibadat sembahyang.
- (v) keterangan tentang konsep *Siyasah syariah*. Konsep ini antara lainnya merupakan kuasa terhad yang diberikan kepada seseorang pemimpin umat Islam melaksanakan dan menguatkuasakan sesuatu dasar yang dapat menjaga *Maslahah* dan menjauhkan mafsadah, walaupun dasar yang dikuatkuasakan ini tiada ketetapan dan keterangan di dalam Quran dan Sunnah.<sup>86</sup> Isi kandungan HKM juga terdapat beberapa ketetapan yang bersesuaian dengan konsep ini. Bab 14:2 yang memberi kuasa dan kebebasan

---

<sup>81</sup> Sebagai contohnya, dalam bab 6.4 dan 15.8 HKM, perbincangan tentang sumber Qiyas telah dinyatakan secara ringkas. Lihat M.B. Hooker, *Islamic law in Southeast Asia*, hlm 10-11.

<sup>82</sup> *Ibid*, hlm 33-34.

<sup>83</sup> Mohd Daud Bakar,(1996), *The discernment of Maslahahh in Islamic legal theory*, dlm. Monograf Syariah, v. 4, hlm 102.

<sup>84</sup> Mohd Noor Deris,(2000), *Keterikatan Maslahahh sebagai sumber hukum dengan kepentingan semasa dan setempat di Malaysia* “, dlm. *Fiqh Malaysia : ke arah pembinaan Fiqh tempatan yang terkini*, Kuala Lumpur, hlm 128.

<sup>85</sup> *Ibid*, hlm 129-130.

<sup>86</sup> Shukeri Mohamad, (1999), *Siasah Syariyyah dan kedudukannya sebagai metod penentuan hukum*, dlm. *Hukum Islam semasa bagi masyarakat Malaysia yang membangun*, Kuala Lumpur, hlm 102-104.

yang diberikan kepada pemerintah Islam menjatuhkan hukuman yang difikirkannya paling sesuai untuk kesalahan jenayah mencuri.

- (vi) pengakuan *'urf* sebagai salah satu dari sumber hukum Islam dan penerapannya secara berhikmah di dalam undang-undang adat Melayu. Secara jelas, dengan pengetahuan *Fiqh*, fuqaha Melayu awal telah mengakui bahawa faktor budaya juga diambilkira di dalam penetapan hukum dan mempunyai nilai undang-undang di dalam Islam. Bersesuaian dengan kaedah *Fiqh* yang begitu teliti dan lengkap, para fuqaha silam telah mengemukakan beberapa syarat khusus kepada sesuatu *'urf* sebelum ianya dapat diterima sebagai landasan untuk penetapan hukum.<sup>87</sup> Dalam soal ini, fuqaha Melayu telah mengikuti metode ini dengan memasukkan syarat tambahan dalam soal sifat dan syarat *'urf* bagi masyarakat Melayu. Rasional pendekatan ini adalah boleh dilihat dari pandangan beberapa orang sarjana yang mengatakan bahawa sesuatu kebudayaan itu mengandungi beberapa panduan dan sistem nilai (aksiologi) tentang apa yang baik dan buruk yang sepatutnya dipatuhi oleh anggota masyarakat.<sup>88</sup> Oleh itu, amat wajar sekiranya fuqaha Melayu sendiri cuba memahami panduan dan sistem nilai ala Melayu ini dengan lebih mendalam dan menilainya dengan kerangka ilmu *Fiqh*.
- (vii) Pendekatan yang mementingkan kesahihan sesuatu fakta di dalam pengubalan HKM, dengan merujuk khusus kepada beberapa kitab Timur Tengah yang muktabar. Tanpa menafikan nilai-nilai akademik ini yang kedapatan dalam budaya Melayu sebelum Islam, pendekatan ini adalah kesan langsung dari disiplin ilmu *Fiqh* yang

---

<sup>87</sup> Maklumat lanjut tentang syarat-syarat ini boleh didapati dalam Mohd. Salleh Haji Ahmad, “*'urf* dan Adat semasa di Malaysia sebagai asas penentuan hukum yang tidak dinaskan “, dalam *Fiqh* Malaysia, hlm 108-112.

<sup>88</sup> Drs. Mahjunir, (1967), Mengenal pokok-pokok Antropologi dan kebudayaan, Jakarta, hlm 44.

mementingkan kebenaran sesuatu fakta yang dikemukakan. Seseorang fuqaha Islam telah diajar untuk mengamalkan sikap skeptik dan prihatin terhadap sesuatu fakta. Untuk tujuan pengesahan, sesuatu fakta itu perlu dinilai dan dikritik secara luaran (kajian sanad) dan dalaman (kajian Matan).<sup>89</sup> Apa yang diamalkan dalam tradisi keilmuan Islam ini kemudiannya telah diterapkan di dalam HKM, dengan menjadikan kitab rujukan Timur Tengah sebagai sandaran pegangan.<sup>90</sup> Kebetulan pula, pada masa ini, pendekatan yang meniru, meringkas dan membuat komentar terhadap sesuatu karya sintesis zaman awal telah diamalkan secara meluas di dalam tradisi intelektual Islam.<sup>91</sup> Oleh sebab itu, pendekatan yang sama samada peniruan secara longgar ataupun secara langsung tanpa tokok tambah telah dibuat pada HKM.<sup>92</sup>

(viii) pemahaman dan pengamalan Islam yang berbentuk syumul, merangkumi Islam sebagai *al-Din* (way of life) dan bukannya terhad kepada persoalan ibadat semata-mata, seperti mana difahami oleh masyarakat Melayu di zaman kemudiannya.<sup>93</sup> Kandungan Islam yang kedapatan di dalam HKM adalah merangkumi seluruh kehidupan bermasyarakat samada dalam bidang pentadbiran, kekeluargaan, jenayah, muamalah, politik dan sebagainya.<sup>94</sup>

---

<sup>89</sup> Sebagai contohnya, sila lihat Che Cob Che Mat, (1996), Kriteria penerimaan dan penolakan Hadith : Satu kajian perbandingan antara Ahl al-Sunnah dan Shi'ah, Tesis Phlm.D untuk Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UM, hlm 642-657.

<sup>90</sup> Maklumat lengkap tentang judul dan nama pengarang kitab-kitab rujukan Timur Tengah ini boleh didapati dalam Abdullah Alwi Haji Hassan, (1979), Development of Administration of Islamic law in Kelantan, Tesis M.phil Untuk University of Kent at Canterbury, hlm 515-516.

<sup>91</sup> Rahimin Affandi Abd. Rahim, (1994), Reformasi *Fiqh* Islam di Malaysia : antara impian dan reality, dlm. Jurnal Syariah, v. 2, bil. 1, hlm 52-53.

<sup>92</sup> Muhammad Yusoff Hashim, (1992), The Malay Sultanate of Malacca, Kuala Lumpur, hlm 176-179.

<sup>93</sup> Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Budaya Taqlid", hlm 37-38.

<sup>94</sup> Untuk maklumat lanjut sila lihat Rahimin Affandi Abd. Rahim, (1999), Islamic legal reform in Malaysia : a critical analysis, Tesis Phlm.D untuk University of Birmingham, hlm 173-176.

Jika dilihat pula kepada kandungan modul sedia ada program *Tafaqquh* yang digunapakai di masjid-masjid Daerah Kubang Pasu, didapati bahawa ianya masih terlalu banyak ruang penambahbaikan perlu dilakukan. Ini melihat kepada pengaruh dan kepentingan pengajian Fiqh terhadap pembangunan intelektual masyarakat amat penting. Jika perbandingan dibuat aspek pengaruh pengajian Fiqh dalam tradisi seperti HKM khusus kepada masyarakat Melayu silam memang ternyata jauh berbeza. Sebagai contoh modul *Tafaqquh* sedia ada seperti berikut;

	Bidang Pembelajaran	Objektif
1.	Konsep ibadah:- a) Pengertian b) Jenis-jenis ibadah	
2.	Bersuci: a) Pengertian b) Istinja c) Bersuci daripada hadas kecil	
3.	Solat: a) Pengertian b) Solat fardhu c) Bacaan-bacaan dalam solat serta terjemahannya d) Perlakuan solat (rukun fii'li) dan hikmah-hikmahnya.	

Bil	Bidang pembelajaran	Objektif
1.	Konsep ibadah:-	Pengetahuan mengenai

2.	<p>a)Fardhu Ain dan fardhu Kifayah</p> <p>Bersuci:- Bersuci daripada najis :</p> <p>a)Ringan b)Sederhana c)Berat</p>	<p>peraturan ibadat yang ditentukan oleh Allah s.w.t. dan melaksanakannya.</p> <p>Perlaksanaan ibadah dapat dilakukan dengan betul</p>
3.	<p>Solat: Bacaan-bacaan dalam solat serta terjemahannya:-</p> <p>a)Takbiratul Ihram b)Surah Al fatihah c)Doa Iftitah d)Ketika rukuk e)Ketika Iktidal f)Ketika sujud g)Duduk antara dua sujud h)Tahiyat awal dan akhir</p>	<p>Mengamalkan ibadat-ibadat asas dalam fardhu ain serta memahami Fardhu kifayah sebagai tuntutan kewajipan umat Islam.</p>

Bil	Hasil Pembelajaran	Objektif
1	<p>Konsep ibadah:-</p> <p>a)Jenis-jenis hukum (wajib,sunat,makruh,haram dan harus)</p> <p>b)Bersuci daripada hadas: 1-Hadas kecil 2-Hadas besar.</p>	<p>Pengetahuan mengenai peraturan ibadat yang ditentukan oleh Allah s.w.t. dan melaksanakannya.</p> <p>Perlaksanaan ibadah dapat dilakukan dengan betul</p>
2	<p>Solat:- Bacaan-bacaan dalam solat serta terjemahannya:-</p>	<p>Mengamalkan ibadat-ibadat</p>

	a)Doa Qunut Perkara-perkara yang membatalkan solat	asas dalam fardhu ain serta memahami Fardhu kifayah sebagai tuntutan kewajipan umat Islam.
--	---	--

Bil	Bidang pembelajaran	Objektif
1	Bersuci:- a)Beristinjak	Pengetahuan mengenai peraturan ibadat yang ditentukan oleh Allah s.w.t. dan melaksanakannya.  Perlaksanaan ibadah dapat dilakukan dengan betul  Mengamalkan ibadat-ibadat asas dalam fardhu ain serta memahami Fardhu kifayah sebagai tuntutan kewajipan umat Islam.
2	Bersuci daripada hadas:- a)Hadas kecil	
3	Solat: a)Rukun-rukun b)Syarat-syarat wajib c)Syarat-syarat sah	

Bil	Bidang pembelajaran	Objektif
1	Tayammum:- a)Tatacara tayammum b)Syarat-syarat tayammum c)Perkara-perkara yang membatalkan tayammum.	Pengetahuan mengenai peraturan ibadat yang ditentukan oleh Allah s.w.t. dan melaksanakannya.  Perlaksanaan ibadah dapat dilakukan dengan betul  Mengamalkan ibadat-ibadat
2	Sunat ab'adh dan hai'ah.	
3	Azan dan Iqomah	

4	Solat berjemaah	asas dalam fardhu ain serta memahami Fardhu kifayah sebagai tuntutan kewajipan umat Islam.
5	Solat Jumaat	

Bil	Bidang pembelajaran	Objektif
1.	Ibadah puasa Ramadhan:- a)Konsep puasa b)Syarat-syarat wajib c)Rukun-rukun d)Syarat-syarat sah e)Perkara-perkara yang membatalkan puasa.	-Pengetahuan mengenai peraturan ibadat yang ditentukan oleh Allah s.w.t. dan melaksanakannya. -Perlaksanaan ibadah dapat dilakukan dengan betul -Mengamalkan ibadat-
2.	Solat Hari Raya Aidil Fitri dan AidilAdha.	ibadat asas dalam fardhu ain serta memahami Fardhu
3.	Solat jenazah.	kifayah sebagai tuntutan kewajipan umat Islam.

**Jadual 1: Ringkasan Modul Tafaqquh Sedia Ada**

Jika diteliti kandungan modul program *Tafaqquh* di atas, didapati ianya hanya memfokuskan kepada Fiqh Ibadat yang bersifat fardhu 'ain semata-mata. Perbincangan Fiqh adalah terbatas dalam lingkungan ilmu yang bersifat individu tanpa memasukkan elemen fardhu kifayah yang bersifat masyarakat atau ilmu pengurusan hidup yang lebih komprehensif. Begitu juga objektif yang digariskan terlalu kecil skopnya hanya terhad kepada kefahaman masyarakat kepada perkara-perkara asas dalam ibadat.



Kesannya, pengajian Fiqh dilihat hanya ilmu yang mengajar masyarakat tentang mengurus diri sendiri dan mengetepikan ilmu pengurusan yang lebih luas. Fiqh Muamalat tidak dimasukkan dan sepanjang pemerhatian penyelidik, bab muamalat tidak pernah diajar oleh para guru Takmir secara mendalam. Fiqh muamalat hanya diajar berdasarkan kepada pertanyaan yang dikemukakan oleh jemaah semata-mata. Merujuk kepada ringkasan modul yang penyelidik sertakan di atas, boleh disimpulkan bahawa kandungan modul program *Tafaqquh* perlu dibuat penambahbaikan aspek kandungan bab Fiqh yang bersifat kritikal seperti muamalat<sup>95</sup> dan sains dan teknologi. Selain itu, bentuk soal jawab dalam modul boleh disediakan bagi memudahkan masyarakat memahami Fiqh secara langsung. Sehubungan itu, perbincangan hukum Fiqh perlu dinyatakan sumber rujukan secara jelas, agar masyarakat boleh memahami isu hukum dan seterusnya mampu melakukan Qiyas kepada isu-isu hukum yang lain.

#### **4.7 Model Sistem *Fiqh* Islam Yang Difahami Di Dalam Masyarakat Melayu**

Setakat dapatan kajian, penyelidik dapat mengesan beberapa kecenderungan tentang konsep *Fiqh* Islam yang berkembang di dalam masyarakat Melayu semasa. Ianya terbahagi kepada beberapa paradigma yang utama;

*Pertama*, golongan tradisionalis yang mempercayai pengamalan sistem *Fiqh* Islam wajib bergantung sepenuhnya kepada mazhab *Ahlu Sunah Wal Jamaah* secara amnya dan Mazhab Shafi'i secara khususnya. Golongan ini boleh dikatakan sebagai memegang *status quo* sistem

---

<sup>95</sup> Lihat Lampiran K

*Fiqh* Islam yang secara rasminya dipakai oleh institusi perundangan Islam, seperti institusi fatwa, Mahkamah Syariah dan insitisi kewangan Islam. Dalam perkembangan semasa, golongan ini dilihat telah mengamalkan pendekatan yang lebih terbuka di dalam berpegang kepada pelbagai mazhab-mazhab *Fiqh* Islam, sehingga ditetapkan dalam peraturan pengeluaran fatwa di Malaysia bahawa selain berpegang kepada mazhab Shafi'i, anggota fatwa perlu juga terbuka dengan mazhab lain demi untuk menyelesaikan permasalahan hukum yang dihadapi oleh umat Islam. Realiti ini turut diperkuatkan lagi dengan sistem pengajian perundangan Islam di IPTA arus perdana yang menekankan pedagogi dan kurikulum pengajian yang lebih bersifat terbuka.

*Kedua*, golongan yang menentang keras amalan berpegang kepada sesuatu mazhab yang dominan di dalam Islam. Bagi golongan ini, sudah sampai masanya untuk umat Islam membentuk mazhab *Fiqh* Islam baru dengan merujuk secara langsung kepada sumber Quran dan Sunnah. Malangnya, golongan ini enggan menjadikan paradigmaa mazhab Islam yang dominan sebagai panduan dan *legal precedent* di dalam proses mereka membentuk metodologi sistem *Fiqh* Islam yang tersendiri. Dalam beberapa kes tertentu, mereka lebih suka mengamalkan pendekatan literalis di dalam memahami ajaran Islam, tanpa merasa perlu melihat konteks sesuatu ayat Quran dan sunnah itu diturunkan pada zaman Rasulullah.<sup>96</sup>

Bagi mereka umat Islam tidak dibenarkan berpegang kepada sesuatu mazhab khalaf (sarjana Islam yang terkemudian) sebaliknya perlu berpegang kepada mazhab Salafi (Generasi Sahabat Rasulullah yang awal) yang menjadi amalan penganut Islam yang awal. Hal ini kononnya

---

<sup>96</sup> HLM. Abuddin Nata (2000), Peta Keragaman Pemikiran Islam Di Indonesia, Jakarta : Rajawali Pres, hlm. 143.

terbukti lebih suci pegangan keagamaannya berbanding dengan umat yang terkemudian.<sup>97</sup> Pegangan mereka dalam banyak hal bersifat eksklusif (tertutup) yang tidak mahu menerima pandangan yang berasal daripada luar, lebih-lebih lagi dalam soal keagamaan. Bagi mereka, hanya pandangan kumpulan mereka sahaja yang paling betul dan menafikan hal ini kepada golongan lain lebih-lebih lagi yang mempunyai kaitan dengan dunia Barat.<sup>98</sup>

*Ketiga*, penganut fahaman sekularis,<sup>99</sup> merangkumi Jemaah al-Quran Malaysia<sup>100</sup> dan *Sisters in Islam*.<sup>101</sup> Golongan ini terlalu bergantung kepada kerangka paradigma barat di dalam usaha memahami ajaran Islam. Bagi golongan ini kemunduran umat Islam dari segi fizikal dan intelektual berpunca daripada kesilapan metodologi Islam yang dibangunkan oleh sarjana Islam silam. Jemaah al-Quran Malaysia secara terang-terangan mencabar autoriti sistem *Fiqh* yang telah dibina oleh fuqaha silam. Dalam membuat tafsiran terhadap ajaran Islam, golongan ini lebih menggunakan kaedah yang longgar dan bertentangan dengan kaedah sarjana Islam silam. Mereka enggan menerima metode asas pengetahuan Islam dan prinsip yang ditetapkan oleh sarjana Islam silam, seperti;<sup>102</sup>

- 1) Kepentingan mengetahui bahasa Arab untuk mendalami kandungan Quran dan Sunnah. Bagi golongan ini, pemahaman terhadap ajaran Islam boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja yang

---

<sup>97</sup> Abu Bakar Hamzah (1981), *Al-Imam: Its Role In Malay Society 1906-1908*, Kuala Lumpur, hlm. 54-55.

<sup>98</sup> Ibrahim Abu Bakar (1994), *Islamic Modernism In Malaya*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, hlm. 14-16.

<sup>99</sup> Abdul Rahman Abdullah (1997), *Pemikiran Islam Di Malaysia : Sejarah dan Aliran*, Jakarta : Gema Insani.

<sup>100</sup> Zulkifli Mohd (2002), *Anti Sunnah Movement And It's Impact On The Muslim Ummah*, Kuala Lumpur : Panawira Sdn Bhd, hlm. 58-62.

<sup>101</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim (2005), " Isu Dan Pengaruh Orientalisme Di Malaysia : Satu Analisa ", Dalam *Jurnal 'Ulum Islamiyyah*, V. 2, No. 1, hlm. 11-42.

<sup>102</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim (2006), " Islam Dan Dan Isu Penterjemahan Dalam Era Globalisasi ", dalam Hamed Mohd Adnan(ed.), *Penerbitan Malaysia-Indonesia : Mengukuhkan Jaringan Penerbitan Serantau*, Kuala Lumpur : Penerbit UM, hlm. 151-164

mampu memahami bahasa Inggeris, khususnya dengan membaca bahan rujukan ajaran Islam yang dihasilkan oleh sarjana barat.

- 2) Menolak Hadis Rasulullah sebagai salah satu sumber hukum Islam yang berotoriti bagi memperincikan kandungan Quran. Hadis adalah ciptaan ulamak Islam pada abad ke dua Hijrah yang dinisbahkan kepada Rasulullah sebagai cara untuk mendapatkan keabsahan otoritinya. Hadis hanya akan menyebabkan umat Islam menjadi fanatik dan tidak bersifat intelektual, memandangkan hadis itu sendiri bertentangan dengan Quran, sains dan sejarah kemanusiaan.
- 3) Tindakan yang secara terang-terangan menghina peribadi Rasulullah yang digambarkan sebagai seorang biasa dan mementingkan hawa nafsu dengan memiliki ramai isteri dan gundik.<sup>103</sup> Perjuangan Rasulullah bukannya berbentuk Risalah Kenabian, tetapi perjuangan berasaskan Arabism (*Tribal leader*) yang bertujuan mengangkat martabat bangsa Arab berbanding dengan bangsa bukan Arab.<sup>104</sup>
- 4) Sifat yang menyamatarafkan antara peribadi Rasulullah dengan tokoh lain dengan tidak perlu menerima otoriti dan butiran pengajarannya yang terkandung di dalam Sunnah Rasulullah. Sebaliknya, penganut Islam hanya perlu berpegang kepada sumber al-Quran semata-mata.<sup>105</sup>
- 5) Tindakan yang menyebarkan sikap dan pendekatan mungkar ala barat yang menganggap biasa pandangan yang menghina diri Rasulullah dan tokoh agama yang kononnya bersesuaian dengan konsep kebebasan bersuara dan mengeluarkan pendapat yang amat ditekankan oleh pemikiran demokrasi moden. Akibatnya, anggota masyarakat termasuklah

---

<sup>103</sup> Farish A. Noor (2000), "Let Islam lead the way with its progressive view on sexuality, dlm. NST, 4 November 2000.

<sup>104</sup> Farish A. Noor (2001), "The Myth Surrounding The Islamic State", dalam NST, 1 Disember.

<sup>105</sup> Mohd. Napiyah Abdullah (1998), "Penolakan Hadith Oleh Orientalis Dan Penulis Islam, dlm. Islam Dalam Persepsi Orientalisme, Terbitan Tak berkala no. 3, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi, hlm. 41-44.

penganut Islam akan mengamalkan *sikap tidak apa* terhadap tindakan yang mengutuk Rasulullah seperti mana berlaku secara berleluasa dalam masyarakat barat.<sup>106</sup>

- 6) Imam Shafi'i adalah orang utama yang perlu dipersalahkan kerana beliau merupakan orang pertama yang mengemukakan teori hadis sebagai otoriti pegangan selepas Quran dan mengasaskan kerangka ilmu usul al-*Fiqh* yang perlu dipakai untuk membangunkan sistem *Fiqh* Islam.

Impak gerakan anti hadis ini amat besar kepada kelangsungan umat Islam. Hal ini telah disedari dengan cukup jelas oleh kalangan sarjana Islam di Malaysia, yang telah bertungkus lumus mengkritik dan mendedahkan kesilapan besar yang terkandung di dalam ajaran gerakan ini. Walaupun momentum gerakan anti hadis ini kelihatannya telah mula berkurangan, tetapi sebenarnya gerakan ini masih mendapat dokongan kuat dari pelbagai kalangan masyarakat atasan di Malaysia, khususnya daripada kalangan sekularis.

*Keempat*, penganut fahaman Liberalis (berasal daripada Indonesia) yang menyebarkan fahaman mereka kepada penganut Islam di Malaysia. Walaupun pengaruh fahaman ini belum mendapat dokongan kuat daripada penganut Islam di Malaysia tetapi terdapat kebimbangan sesetengah pihak bahawa ianya akan turut dipegang oleh penganut Islam di Malaysia, berasaskan kepada sumber pemikiran golongan ini yang amat mudah diperolehi melalui buku import dan internet. Paradigmaa golongan ini lebih berupa penggunaan alat analisis terhadap permasalahan umat Islam semasa, yang secara terang-terangan mencabar metodologi sarjana Islam silam (pandangan

---

<sup>106</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud (2001), *Pembangunan Di Malaysia : Ke Arah Suatu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna*, Kuala Lumpur : ISTAC, hlm. 3

bermazhab) dan terpengaruh dengan metodologi barat era post-kolonialisme (era globalisasi) – seperti penggunaan pendekatan pluralisme, feminisme dan dekonstruksi dan rekonstruksi terhadap semua ajaran Islam silam.<sup>107</sup>

*Kelima*, golongan reformis yang terpengaruh dengan idealism reformisme perundangan Islam. Bertentangan dengan golongan di atas masih terdapat kalangan penganut Islam di Malaysia yang mengamalkan sikap positif dan selektif terhadap amalan bermazhab. Golongan ini kebanyakannya terdiri daripada kalangan ahli akademik dan pihak autoriti agama.<sup>108</sup>

Merujuk khusus kepada model sistem fiqh yang diterapkan dalam modul program *Tafaqquh* di masjid-masjid Daerah Kubang Pasu, penyelidik mendapati bahawa modul pengajian Fiqh ternyata berlaku pengamalan sistem *Fiqh* Islam yang bergantung sepenuhnya kepada mazhab *Ahlu Sunah Wal Jamaah* secara amnya dan Mazhab Shafi'i secara khususnya. Perkembangan semasa berkaitan Fiqh Muamalat dan Sains Perubatan, unsur keterikatan kepada mazhab Shafi'e semakin longgar. Para guru Takmir mengamalkan pendekatan yang lebih terbuka di dalam berpegang kepada pelbagai mazhab-mazhab *Fiqh* Islam. Perkara ini jelas apabila, ada kalangan jemaah yang mengemukakan soalan-soalan berkenaan sains perubatan<sup>109</sup> semasa program *Tafaqquh* berjalan.

---

<sup>107</sup> Ilyas Supena (2002), *Dekonstruksi Dan Rekonstruksi Hukum Islam*, Yogyakarta : Gama Media, hlm. 80-96.

<sup>108</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim dan Noor Naemah Abdul Rahman (2005), *Pemikiran Reformasi Melayu Semasa : Satu Analisis* “, Dalam Hashim Musa (ed.), *Bahasa Dan Pemikiran Melayu*, Kuala Lumpur : APMUM, hlm. 332-265.

<sup>109</sup> Lihat lampiran L

Penyelidik melihat fenomena ini sebagai positif dalam kerangka pembangunan masyarakat berilmu. Perkembangan positif ini harus dikekalkan dan jangan pula keterlaluannya sehingga membawa kepada gejala menolak sepenuhnya kepada pengajian Fiqh secara bermazhab. Perkara berlaku di Negeri Perlis<sup>110</sup>. Masyarakat negeri ternyata mendokong pendekatan golongan yang menentang keras amalan berpegang kepada sesuatu mazhab yang dominan di dalam Islam. Mereka berpendapat sudah sampai masanya untuk umat Islam membentuk mazhab *Fiqh* Islam baru dengan merujuk secara langsung kepada sumber Quran dan Sunnah. Kesan negatifnya, golongan ini enggan menjadikan paradigma mazhab Islam yang dominan sebagai panduan dalam proses menyelesaikan hukum bersifat semasa, sebaliknya mereka membentuk metodologi sistem *Fiqh* Islam yang tersendiri.

Mereka lebih suka mengamalkan pendekatan literalis dalam memahami ajaran Islam, tanpa merasa perlu melihat konteks sesuatu ayat Quran dan sunnah itu diturunkan pada zaman Rasulullah. Akhirnya, aplikasi syariat dan *Fiqh* dilihat jumud dan tidak memenuhi keperluan perubahan masyarakat. Masyarakat bukan menjadi semakin faham dengan hukum dan Fiqh, bahkan semakin keliru<sup>111</sup> dengan nilai-nilai *Fiqh* yang dikatakan sebagai fleksibel dan syariah Islam yang universal akan luput nilai tersebut.

---

<sup>110</sup> Temubual dengan Ustaz Roslan Esa, Timbalan Mufti Perlis, pada 16 September 2011.

<sup>111</sup> Abdul Aziz Hanafi, (2012), Forum Bid'ah Antara Hasanah Dan Dholalah, dlm. Syarahan beliau pada 2 April 2012, Sintok:UUM

#### 4.8 Realiti Dan Cabaran Semasa Kehidupan Masyarakat Islam Malaysia

Pembinaan modul *Tafaqquh* di masjid perlu berasaskan realiti masyarakat. Beberapa realiti berkaitan kehidupan masyarakat Islam di Malaysia perlu dikaji dan difahami. Pendekatan utama dalam menjayakan usaha ini ialah menghargai keunggulan sentuhan kebudayaan manusia Melayu yang pernah melahirkan tamadun material dan intelektual yang tinggi di rantau Alam Melayu suatu masa dahulu.

Kenyataan ini merujuk kepada pelbagai nilai positif budaya Melayu seperti ;

- a) Masyarakat yang ditakdirkan mendiami kawasan iklim sederhana yang kemudiannya telah melahirkan manusia yang berjiwa lembut, berbanding dengan penduduk kawasan iklim yang panas seperti Timur tengah.<sup>112</sup> Hal ini terbukti apabila Islam secara mudah telah diterima oleh manusia Alam Melayu tanpa menumpahkan darah seperti mana yang berlaku di Timur Tengah, Afrika dan Eropah.<sup>113</sup>
- b) masyarakat yang mengamalkan paradigma mesra alam dan mementingkan prinsip penjagaan keseimbangan alam semesta
- c) masyarakat yang menghormati dan melayani semua makhluk yang wujud di alam semesta ini dengan cara yang baik<sup>114</sup>

---

<sup>112</sup> Ibn Khaldun (t.t), Muqaddimah Al-‘Allamah Ibn Khaldun, Kaherah : Dar Al-Fikr, hlm.82-95.

<sup>113</sup> Lihat Rahimin Affdani Abdul Rahim (2003), Analisis Sejarah Dakwah Dan Jalinan Intelektual Rantau Malaysia-Indonesia, dlm. Zulkiple Abd. Ghani(ed.) Jaringan Dakwah Malaysia-Indonesia, Terbitan Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, UKM Dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), Bangi, hlm. 47-74.

<sup>114</sup> Zainal Kling (2000), Manusia Melayu, Alam Dan Tamadunnya, dlm. Abdul Latiff Abu Bakar (ed.), Globalisme Dan Patriotisme Dalam Sastera Melayu : Kumpulan Kertas Kerja Hari Sastera 1995, Kuala Lumpur : DBP, hlm. 294-304.



- d) masyarakat yang mementingkan elemen kesederhanaan di dalam proses berfikir dan bertindak<sup>115</sup>
- e) Masyarakat yang mementingkan soal menjaga kerukunan hidup bermasyarakat dan menentang keras sebarang elemen yang bersifat individualism.<sup>116</sup> Ianya juga dapat dirujuk sebagai manusia yang memiliki semangat yang mementingkan kerukunan hidup bermasyarakat (*Egalitarian*) yang cukup tinggi.<sup>117</sup> Pendekatan ini bukan terhad kepada anggota masyarakat Melayu semata-mata, bahkan juga kepada masyarakat asing.<sup>118</sup>
- f) Masyarakat yang kuat berpegang kepada falsafah yang mementingkan pertimbangan agama dan nilai (*perennial and ultimate perspective*), berbanding dengan masyarakat barat yang lebih mementingkan persoalan kebendaan dan individualism mengatasi persoalan agama.<sup>119</sup>
- g) Manusia yang memiliki kepintaran pemikiran yang cukup *advance* yang diperincikan dengan empat bentuk pemikiran; (i) Teologis-Rasional, (ii) Alegorikal (simbolik), (iii) Analogis dan pragmatik.<sup>120</sup>
- h) Mengamalkan sikap terbuka, sanggup belajar dan selektif dengan pengaruh budaya dan agama asing.<sup>121</sup>

---

<sup>115</sup> Abdul Halim Othman Dan Md. Shuaib Che Din (1993), “ Sifat Kesederhanaan, dlm. Psikologi Melayu, Kuala Lumpur : DBP, hlm. 102-109.

<sup>116</sup> Norazit Selat (1994), “ Nilai Kerja Dalam Masyarakat Melayu, dlm. Budi Kencana : Kumpulan Makalah Memperingati Persaraan Profesor Tan Sri Dato’ Ismail Hussien, Kuala Lumpur : APMUM, hlm. 133-141.

<sup>117</sup> Wan Abdul Halim Othman (1993), “ Hubungan Kekeluargaan Dalam Masyarakat Melayu, dlm. Psikologi Melayu, Kuala Lumpur : DBP, hlm, 61-101.

<sup>118</sup> Idris Zakaria (2003),” Islam Dan Amalan Tolonrasi Di Nusantara, dlm. Zulkiple Abd Ghani (ed.), Jaringan Dakwah Malaysia Indonesia, Bangi : Jabatan Dakwah Dan Kepimpinan, UKM, hlm. 150-165

<sup>119</sup> Abdul Rahman Abdullah (2001), Falsafah Dan Kaedah Pemikiran, Kuala Lumpur : Utusan Publication, hlm. 134-140.

<sup>120</sup> Hassan Ahmad (2004), “ Bahasa Dan Pemikiran Melayu : Tradisi Dan Kesenambungan, dlm. Worawit Baru @ Haji Ahmad Idris (ed.), Pemikiran Melayu : Tradisi Dan Kesenambungan, Kuala Lumpur : DBP, hlm. 1-12.

<sup>121</sup> Abdul Rahman Abdullah (1999), Pemikiran Umat Islam Di Nusantara, Kuala Lumpur : DBP, hlm. 54-56.

Selain itu, perlu diketahui dan disedari bahawa Islam telah menjadi intipati terpenting ataupun asas jatidiri masyarakat Melayu (*Teori Receptio in complex*) sehingga menjadikan sebahagian besar kebudayaan Melayu bertepatan dengan ajaran Islam. Atas dasar ini penilaian yang lebih kondusif dan terbuka perlu digunakan untuk menilai dan menghargai elemen kebudayaan Melayu.

Realiti lainnya, walaupun masyarakat Melayu merupakan golongan terpenting di Malaysia, jika dirujuk kepada penguasaan politik dan pelbagai dasar yang bersifat pro bumiputera, tetapi masih banyak lagi kelemahan yang dimiliki oleh masyarakat Melayu. Hal ini boleh dilihat dari sektor sosio-politik dan ekonomi. Beberapa contoh boleh diberikan, seperti kadar kemiskinan masyarakat Melayu di Bandar dan luar Bandar yang masih tinggi sehingga menuntut pihak kerajaan menjalankan dasar pembasmian kemiskinan golongan miskin ini yang berterusan, di samping pihak berkuasa Agama juga perlu sentiasa mengambilkira unsur kemiskinan ini di dalam program pengagihan zakat setiap tahun.

Seterusnya, aspek nisbah masyarakat majmuk di Malaysia yang sangat rendah dari segi integrasi kaum. Realiti ini, api perpecahan agak senang timbul, khususnya yang membabitkan kepentingan sosio, politik dan keagamaan semua kaum di Malaysia. Masyarakat boleh merujuk kepada usaha yang dijalankan oleh NGO tertentu yang memperjuangkan penyebaran faham liberalisme (kebebasan dan hak asasi manusia) dalam setiap perlakuan dan pemikiran manusia. Dalam soal ini, pelbagai syiar dan autoriti Islam dipersoalkan, kerana kesemua autoriti Islam ini dilihat bertanggungjawab menghalang agenda liberalisme ini. Sebagai contohnya, terdapat NGO Islam di Malaysia yang bergiat cergas menimbulkan beberapa isu;

- a) Tuntutan IFC (*Inter Faith Council*) agar pihak kerajaan menyamatarafkan semua pemeluk agama di Malaysia tanpa mengiranya Islam ataupun bukan Islam.
- b) Isu yang mencabar dominasi dan keistimewaan hak bumiputera Melayu-Islam – kononnya bertentangan dengan nisbah persamaan hak asasi semua warganegara bukan Islam di Malaysia. Isu yang mencabar konsep jati diri (*malayness*) Melayu yang sinonim dengan penganut Islam. Sebaliknya isu jati diri Melayu cuba ditolak dengan cara bertolak ansur dan mendokong peluang untuk seseorang Melayu murtad<sup>122</sup> serta sanggup memberikan khidmat guaman untuk mempertahankan hak ini. Antara kes yang terlibat adalah kes Ayah Pin, Kumpulan Artikel 11, Lina Joy dan Kamariah Ali.<sup>123</sup>
- c) Isu pluralisme agama, yang menganggap semua agama adalah sama di sisi tuhan dan boleh membawa kesejahteraan kepada umat manusia.
- d) Isu yang mempersoalkan kesan psikologi dan perundangan yang timbul akibat seseorang penganut agama bukan Islam memeluk agama Islam.
- e) Isu menentang cadangan pelaksanaan undang-undang Hudud yang dikatakan ketinggalan zaman dan bakal menindas penganut bukan Islam.

Masyarakat Islam perlu berwaspada dengan gerakan Wahabism yang sedang giat berkembang menyebarkan pengaruhnya di beberapa institusi Islam. Ia menyebarkan seruan supaya tidak bermazhab yang dikesan turut mengunapakai pendekatan kekerasan dan menimbulkan isu-isu kontroversial. Gerakan ini dijangka gagal berkembang kerana beberapa faktor yang utama;

---

<sup>122</sup> Rahimin Affandi Abd Rahim (2006), “Islam dan perkembangan Emosi Melayu Selepas Merdeka : Satu Analisis “, dalam Hashim Musa (ed.), *Emosi Melayu*, Kuala Lumpur : APMUM, , hlm. 405-425

<sup>123</sup> Ummu Atiyah Ahmad Zakuan (2007), “ Hak Asasi Manusia Dan Demokrasi Dari Persepektif Islam Dan Barat “, Dalam Mohd Izani Mohd Zain(ed.), *Demokrasi Dan Dunia Islam : Perspektif Teori Dan Praktik*, Kuala Lumpur : Penerbit UM, hlm. 106-112

- 1) Ianya bertentangan dengan *world-view* masyarakat Melayu yang menentang sebarang idea ataupun fahaman yang menjurus kepada kaedah kekerasan dan mencabar warisan turun temurun Melayu.<sup>124</sup>
- 2) Gerakan ini sendiri tidak mempunyai metodologi (Manhaj usuli) yang jelas, sebaliknya dilihat terlalu terikat dengan mazhab Wahabism yang diamalkan di Arab Saudi. Tindakan bermazhab yang dikritik hebat oleh golongan ini sekurang-kurangnya mampu menyediakan paradigma dan metodologi usuli syariah yang jelas dan applicable untuk zaman moden ini, sedangkan gerakan ini tidak mempunyai metodologi seumpamanya, yang "*menyebabkan mereka sendiri terjebak dalam fenomena kekeringan intelektual, bahkan melebihi kekeringan yang menimpa golongan bermazhab yang dikritik oleh mereka.*"<sup>125</sup>
- 3) Ianya dilihat tidak dapat menjana pemikiran yang sihat kerana lebih suka menilai segala perkara termasuklah soal budaya Melayu menggunakan pendekatan legal formalistik (hitam putih), tanpa mengambilkira soal falsafah dan latar belakang sejarah yang terkandung di dalamnya.<sup>126</sup> Hal ini timbul akibat daripada sikap gerakan Wahabism yang memusuhi ilmu falsafah yang dikatakan berasal daripada pengaruh bukan Islam, Yunani. Akibatnya, seperti ditegaskan oleh Fazlur Rahman, sikap memusuhi filsafat ini telah menjemput kepada kelemahan pemikiran umat Islam : "*philosophy is however a perennial intellectual need and has to be allowed to flourish both for its own sake and for the sake of other disciplines, since it inculcates a much-needed analytical-critical spirit and generate new ideas that become*

---

<sup>124</sup> Maklumat lanjut boleh didapati dalam Noriati A. Rashid (2005), " Konsep Kesantunan Dalam Masyarakat Melayu ", dalam Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu, v. 3, bil. 1, Jun 2005, hlm. 112-128.

<sup>125</sup> Pandangan ini dikeluarkan oleh Fazlur Rahman (1979), " Islam : Challenges And Opportunities, dlm. Alford T. Welch, Islam : Past Influence And Present Challenge, Edinburgh : Edinburgh University Press, hlm. 315-330.

<sup>126</sup> Untuk melihat perkaitan erat yang wujud di antara adat dengan amalan ibadat dalam masyarakat Melayu, sila lihat Anisah Abd Ghani dan Saadan Man (2006), " Nilai-Nilai Adat Dan Budaya Dalam Amal Ibadat Masyarakat Melayu ", Dalam Md Salleh Haji Ahmad (ed.), Hukum Islam Dan Budaya Tempatan, Kuala Lumpur : Jabatan Fiqh Dan Usul, APIUM, hlm. 159-186.

*important intellectual tools for other sciences not least for religion and theology. Therefore a people that deprives itself of philosophy necessarily expose itself to starvation in terms of fresh ideas- infact it commits intellectual suicide.”*<sup>127</sup>

- 4) Masyarakat lebih disibukkan dengan isu-isu furu yang remeh, sedangkan masih ada lagi isu lain yang penting untuk ditonjolkan seperti perpaduan dan perpecahan sesama umat Islam.
- 5) Sifat eksklusif (tertutup) dan pendekatan *self truth claim* menyebabkan ianya kurang dapat didekati oleh kalangan pengkaji daripada luar, apatah lagi hendak mengadakan intellectual discourse, memandangkan hanya pandangan mereka sahaja yang dianggap sebagai paling betul dan menafikannya kepada pihak lain.<sup>128</sup>
- 6) Nisbah ketaksuban dan *self truth claim* yang dimiliki oleh golongan ini akan dijadikan sebagai bukti oleh media barat untuk menunjukkan sifat kekerasan yang dimiliki oleh sesetengah penganut Islam.<sup>129</sup> Nisbah negatif ini telah menjadi semacam suatu sifat *stereotype* untuk masyarakat Islam, yang diulas oleh Ghazali Basri sebagai; “ *The stereotypes can be summarised thus: Muslims have a fierces, merciless and authoritarian God; their prophet is potrayed as highly sexed and lacking in propriety; their Islamic rites as mechanistic and tedious; the family life of Muslims and their woman is potrayed as living in traumas and at the mercy of their husbands. The above stereotypes re a commonplace*

---

<sup>127</sup> Fazlur Rahman (1982), *Islam And Modernity : Transformation Of An Intellectual Tradition*, Chicago and London : The University of Chicago press, hlm. 157-158.

<sup>128</sup> Sebagai Maklumat Lanjut tentang gerakan Wahabism, Sila lihat Khaled M. Abou El-Fadl (2001), *Atas Nama Tuhan : Dari Fikih Otoriter Ke Fikih Otoritatif*, Terjemahan Oleh R. Cecep Lukman Yasin, Jakarta : PT Serambi Ilmu Semesta Khususnya, hlm. vii-xvii

<sup>129</sup> Maklumat lanjut boleh didapati dalam Fawaz A. Gerges (1999), *America And Political Islam; Clash Of Cultures Or Clash Of Interest*, Cambridge : Cambridge university press, hlm. 21-28

*phenomena in almost every Muslim country, as for the Malaysian and Indonesian case they are no exception.*”<sup>130</sup>

Kebenaran yang pahit juga, iaitu masyarakat di Malaysia amat mudah terpengaruh dengan perkembangan moden yang dibawa oleh arus globalisasi dunia. Memanglah diakui terdapat unsur positif yang dibawa oleh arus globalisasi ini, namun pada masa yang sama juga pelbagai perkembangan fahaman sekularisme yang menyesatkan telah turut sama berkembang pesat sehingga mempengaruhi sejumlah besar masyarakat Malaysia. Bagi menghadapi realiti ini, semua pihak termasuklah kerajaan dan pakar perundangan Islam perlu mengamalkan sikap proaktif dan selektif dengan menyediakan pelbagai elemen mendidik dan pencegahan yang sepatutnya.<sup>131</sup>

Masyarakat Malaysia perlu mengelakkan sikap yang terlalu politiking dalam menangani sesuatu isu yang membabitkan kepentingan negara. Ini termasuklah isu permasalahan dalaman negara yang bakal menjejaskan pencapaian pembangunan, yang memerlukan kedua pihak, parti pemerintah dan pembangkang sama-sama bersatu untuk mengatasinya. Hal ini antara lainnya termasuklah isu keruntuhan moral, dadah, peningkatan kadar jenayah, keruntuhan rumahtangga orang Melayu, kemiskinan, pengaruh budaya kuning, pencemaran alam, penurunan semangat patriotisme di kalangan muda dan banyak lagi.

---

<sup>130</sup> Lihat Just World Trust (JUST), *Terrorising The Truth : The Shaping Of Contemporary Images Of Islam And Muslims In Media, Politics And Culture*, Prosiding Kepada International Workshop Anjuran Just World Trust (JUST) Pada 7-9hb. Oktober 1995, hlm. 25.

<sup>131</sup> Rahimin Affandi Abd Rahim (2005), “ Pendekatan Pluralisme dalam pengajian Islam : Satu pengenalan, dlm. *Jurnal KATHA*, Pusat Dailog Peradaban UM, v. 2, 2005

Secara umumnya, sikap pro mazhab bukan bermakna masyarakat perlu terjebak dengan fenomena fanatik mazhab yang boleh menyumbang kepada ketertutupan minda, tetapi perlu berpegang kepada kerangka metodologi (manhaj) usuli sesuatu mazhab yang dilihat terbukti mampu menyelesaikan masalah hukum umat Islam. Masyarakat tidak boleh memandangkan institusi Taqlid ini secara negatif keseluruhannya, memandangkan mengikut persepektif Tajdid yang tertanam di dalam hukum Islam itu sendiri, pelbagai perubahan yang diperlukan masih dibolehkan bagi menunjukkan sifat dinamisme syariah itu sendiri berhadapan dengan keperluan masyarakat.<sup>132</sup> Maknanya, penerimaan konsep mazhab ini tidak membataskan amalan ijtihad itu dipraktikkan demi penyelesaian masalah umat Islam.

Perkembangan kini, teori yang mengatakan bahawa *Fiqh* Islam telah tertutup dan beku selepas tertutupnya pintu ijtihad pada abad keempat hijrah telah mula dicabar. Sebaliknya, proses dialektika antara sistem *Fiqh* Islam dengan realiti sesuatu masyarakat masih lagi berlangsung di zaman Taqlid, kerana seseorang sarjana Islam yang melakukan aktiviti syarah dan Muhktasar terhadap karya imam mujtahid turut memasukkan komentar pandangan mereka sendiri terhadap realiti yang berlaku di zaman mereka.<sup>133</sup>

- 1) Masyarakat perlu mengamalkan sikap selektif terhadap pemikiran barat yang kerap menisbahkan penerimaan amalan bermazhab ini dengan istilah tradisionalisme, suatu nisbah yang hina. Paparan negatif ini sepatutnya tidak diterima secara melulu dan perlu dinilai secara berhikmah.<sup>134</sup>

---

<sup>132</sup> Amir Mualim (1996), *Ijtihad Dan Legislasi Muslim Kontemporer*, Yogyakarta : UII Press, hlm. ix-xiii

<sup>133</sup> Hallaq, (2000) "Ifta And Ijtihad In Sunni Legal Theory : A Development Account", dlm. *Islamic Legal Interpretation : Muftis And Their Fatwas*, Cambridge : Harvard University press, hlm. 33-43.

<sup>134</sup> Lihat Rahimin Affandi Abd. Rahim (2000), "Etika Masyarakatan Islam : Satu Analisa", dlm. *Jurnal AFKAR, BIL. 1*, hlm. 190-191.

Bagi penganut Islam, masyarakat tidak boleh menganggap istilah tradisi membawa nisbah negatif seperti difahami dalam dunia akademik barat. Sebaliknya, istilah tradisionalism ini patut dibanggakan kerana ianya merujuk kepada pemahaman dan penghayatan wahyu Allah di dalam kehidupan yang mencakupi tiga aspek;<sup>135</sup>

- i) Al-Din, agama sebagai panduan untuk keseluruhan aspek kehidupan membabit tiga bentuk hubungan, dengan Allah, Mahkluk dan alam.
- ii) Sunnah, amalan yang terbentuk dan berkembang berdasarkan model sacral (berasaskan wahyu) sehingga menjadi amalan kebudayaan masyarakat yang berpanjangan.
- iii) Salsilah, mata rantai yang menghubungkan setiap zaman dan pemikiran kepada asasnya yang utama, wahyu Allah.

Prejudis dalam kerangka Barat apabila rujukan dan keterikatan mazhab dalam *Fiqh* dianggap sebagai negatif dan ketinggalan zaman. Malah kerangka Barat menetapkan semua aplikasi elemen baru, perubahan dan usaha meninggalkan amalan tradisi dianggap sebagai baik dan moden. Sebaliknya, masyarakat Islam perlu membuat pertimbangan secara rasional yang syar'ie. Kita tidak perlu merobohkan sesuatu yang sedia ada dengan alasan untuk membina yang baru dan belum pasti.

Namun, tidak menjadi halangan jika mengamalkan sikap positif dan selektif yang bertapis terhadap gagasan bermazhab. Sejarah Alam Melayu, masyarakat dapat menyaksikan bagaimana sikap taksib mazhab dan anti keterbukaan pandangan telah menyumbang kepada wujudnya serangkaian penindasan terhadap golongan sesama Islam, seperti di dalam kes pertentangan

---

<sup>135</sup> S. Hossein Nasr (1990), *Traditional Islam In The Modern World*, London : Kegan Paul International, hlm. 13.



antara Hamzah Fansuri dan Nuruddin al-Raniri.<sup>136</sup> Secara tidak langsung hal ini telah melenyapkan sikap toleransi dan perdamaian yang sinonim di kalangan penganut Islam Alam Melayu.<sup>137</sup> Masyarakat tidak perlu taksud kepada mazhab tertentu, sebaliknya perlu terbuka dengan apa sahaja mazhab yang mempunyai asas dan kaedah *usuli* yang berteraskan *world-view* Islam, serta ianya sesuai dan mampu untuk menyelesaikan masalah hukum yang timbul.

Syariat Allah memiliki keistimewaan dan kelebihan yang unik. Objektif utama syariat terbina di atas pemeliharaan lima elemen terpenting kehidupan iaitu agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Para guru takmir perlu membincangkan perkara ini secara berhikmah dan berkesan.

Syariat merupakan struktur kedua di dalam binaan Islam sebagai *al-Din*. Syariat bertunjangkan kepada akidah. Syariat merupakan hukum-hakam perundangan bertujuan mengatur kehidupan manusia di dunia bagi mendapat kesejahteraan hidup di akhirat. Syariat digubal oleh Allah s.w.t selaras dengan fitrah kejadian manusia untuk menjaga kesejahteraan lima perkara iaitu agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Berlandaskan kepada syariat pembinaan peradaban manusia akan menjaga kesejahteraan lima perkara di atas yang merupakan pokok kepada kesejahteraan kehidupan manusia di dunia ini.

Jaminan keselamatan terhadap setiap jiwa daripada sebarang pencerobohan oleh manusia lain dijelaskan oleh Allah s.w.t di dalam al-Quran. Melakukan pencerobohan dan pembunuhan ke atas diri sendiri dan orang lain adalah dilarang keras oleh Allah s.w.t. Perbuatan seperti ini akan

---

<sup>136</sup> Kamaruzzaman Bustaman Ahmad (2002), *Islam Historis ; Dinamika studi Islam di Indonesia*, Yogyakarta : Galang press, , hlm. 259-264.

<sup>137</sup> Azyumardi Azra (1999), *Renaissance Islam Asia Tenggara : Sejarah wacana dan kekuasaan*, Bandung : PT Remaja Rosdakarya, hlm. xv-xvi.

memusnahkan generasi manusia dan seterusnya menyebabkan manusia hidup dalam ketakutan. Sebarang aktiviti yang mendatangkan kecederaan kepada manusia juga ditegah oleh Allah s.w.t. Demikianlah Islam meletakkan jiwa manusia pada kedudukan yang tinggi sehingga pembinaan tamadun dan peradaban ummah seharusnya tidak menggadaikan nyawa dan jiwa manusia.

Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

*“Dan janganlah kamu membunuh bangsamu sendiri. Sesungguhnya Tuhan itu penyayang kepadamu”<sup>138</sup>*

Diri seseorang adalah sebahagian daripada makhluk manusia lain. Makhluk manusia adalah satu, dalam erti kata perpaduan, persatuan dan kerjasama antara satu sama lain adalah diperlukan dalam menyempurnakan perjalanan kehidupan masyarakat manusia. Sebab itulah membunuh manusia walaupun terhadap diri sendiri melambangkan pembunuhan makhluk manusia secara keseluruhannya. Ini dijelaskan oleh Allah s.w.t dalam firmanNya yang bermaksud:

*“Bahawa sesiapa yang membunuh seorang manusia bukan kerana hukuman pembunuhan atau membuat bencana dalam negeri, maka bererti orang itu telah membunuh manusia seluruhnya”<sup>139</sup>.*

Manusia yang rosak akalnya akan hidup dengan melakukan kerosakan di muka bumi ini. Sebab itulah Islam amat menekankan tentang kepentingan memelihara kesejahteraan akal dari sebarang aktiviti yang boleh merosakkannya.

---

<sup>138</sup> Al-Nisa:29

<sup>139</sup> Al-Maidah:32

Oleh yang demikian sebarang pembinaan tamadun dan peradaban yang boleh membawa kepada kerosakan akal adalah dilarang oleh Islam. Contohnya Islam melarang pengambilan dadah, minum arak dan menelan pil-pil yang boleh mengkhayalkan dan merosakkan otak. Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman, sesungguhnya arak, judi, sembah berhala, tenung nasib adalah perbuatan keji, termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu beroleh keberuntungan”<sup>140</sup>.*

Allah s.w.t telah menurunkan sistem kekeluargaan yang terbaik bagi menjaga kemuliaan keturunan manusia. Segala aktiviti pembinaan tamadun yang bertentangan dengan falsafah kemuliaan keturunan manusia adalah bertentangan dengan dasar dan asas pembinaan tamadun Islam. Islam melarang pendedahan aurat dan pergaulan bebas kerana ia akan mendorong kepada perzinaan yang akhirnya akan merosakkan sistem zuriat dan keturunan manusia. Hal ini dijelaskan oleh Allah s.w.t dalam firmanNya yang bermaksud:

*“Dan janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya zina adalah suatu perbuatan yang keji. Dan suatu jalan yang amat buruk”<sup>141</sup>.*

Islam tidak menghalang manusia mencari dan mengumpul harta kekayaan asalkan dengan cara dan jalan yang direstui oleh syarak. Kekayaan dunia juga boleh dikejar asalkan tidak lupa beribadat untuk bekalan di hari akhirat. Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

*“Dan tuntutanlah apa yang didatangkan oleh Allah s.w.t kepada kamu untuk negeri akhirat dan janganlah kamu lupa habuan kamu di dunia. Buatlah baik sebagaimana Allah berbuat baik kepada kamu dan janganlah kamu melakukan*

---

<sup>140</sup> Al-Maidah:50

<sup>141</sup> Al-Isra':31

*kerusakan di muka bumi, sesungguhnya Allah s.w.t tidak suka kepada orang yang melakukan kerusakan”<sup>142</sup>.*

Untuk menjamin keselamatan harta benda yang dimiliki oleh seseorang maka Islam telah mengharamkan sebarang bentuk pencerobohan dan pencurian ke atas harta orang lain. Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

*“Lelaki dan perempuan yang mencuri, potonglah tangan keduanya sebagai pembalasan bagi apa yang telah dikerjakan dan sebagai siksaan daripada Allah s.w.t”<sup>143</sup>.*

Syariat meletakkan dasarnya dalam pembinaan masyarakat berasaskan pendidikan dan pembudayaan *Iqra'* dan *Qalam*. Prinsip-prinsip umum Syariat seperti keadilan, syura, persamaan dan menolak kemudaran menjadikan pendidikan berkaitan amat unik dan menarik.

Pembinaan peradaban manusia perlu membentuk dan membina jiwa atau rohani manusia. Perkembangan peradaban ini harus berjalan seiring dengan perkembangan rohani manusia. Ini bermaksud bahawa tamadun dan peradaban Islam menekankan keseimbangan di antara pembangunan kerohanian dan fizikal. Jiwa manusia mempunyai potensi untuk meningkat dan berkembang. Ini disebabkan fitrah semula jadi rohani manusia itu bersifat suci, bersih dan baik. Ini dijelaskan oleh Allah s.w.t dalam firmanNya yang bermaksud;

*“Maka hadapkanlah dirimu dengan lurus pada agama itu ciptaan (fitrah) Allah s.w.t yang Dia ciptakan untuk manusia sesuai dengannya”<sup>144</sup>.*

---

<sup>142</sup> Al-Qasas:77

<sup>143</sup> Al-Maidah:38

<sup>144</sup> Al-Rum:30

Hal ini diperkukuhkan oleh Rasulullah saw dalam hadis yang bermaksud;

“Manusia itu dilahirkan fitrah (tabiat atau potensi yang suci dan baik). Hanya ibu bapa akan menyebabkan dia menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi”.  
(Diriwayatkan oleh Muslim)

Walaupun kerohanian manusia dari segi fitrahnya bersifat baik tetapi ia perlu diolah dengan ilmu dan pendidikan untuk meningkatkan potensi kebaikan yang ada dalam diri manusia. Begitu juga aspek intelektual yang mempunyai potensi yang besar dalam menggarap ilmu pengetahuan, berfikir dan mengambil pengajaran dan pengalaman. Pembinaan peradaban akan juga mengalami proses pendidikan intelektual. Hal ini dijelaskan oleh Allah s.w.t dalam firmanNya yang bermaksud:

*“Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, silih bergantinya malam dan siang. Bahtera yang berlayar di lautan membawa apa yang berguna bagi manusia dan apa yang Allah s.w.t turunkan dari langit berupa air, lalu dengan air itu Dia hiduapkan bumi sesudah mati. Dan Dia sebarkan di bumi segala jenis haiwan. Dan peredaran angin dan awan yang dikendalikan di antara langit dan bumi. Sesungguhnya (terdapat) tanda-tanda bagi kaum yang memikirkannya”*.<sup>145</sup>

Manusia mempunyai daya intelek yang tinggi sehingga mereka mampu membawa perubahan dan kemajuan dalam segenap aspek di bumi ini. Sekiranya aspek pendidikan intelek diabaikan maka sudah tentu bangsa itu tidak mampu membina peradabannya sendiri dan kemungkinan mereka akan terikut-ikut dengan budaya dan peradaban umat lain yang menyebabkan bangsa itu kehilangan identiti sendiri.

---

<sup>145</sup> Al-Baqarah:164

## 4.9 Kesimpulan

Sebagai rumusan, dapat dikatakan bahawa usaha menghidupkan dan memperkasakan ilmu *Fiqh* bersifat semasa dalam program *Tafaqquh* di masjid bukanlah sesuatu usaha yang mustahil untuk dicapai. Ianya dibuktikan dengan apa yang berlaku di rantau Alam Melayu suatu masa dahulu. Seperti dipaparkan dengan panjang lebar di dalam kajian ini, usaha tajdid ini boleh dijalankan dengan cara menerapkan beberapa paradigmaa tajdid seperti penentangan terhadap budaya Taqlid dan pengabungan disiplin ini dengan keilmuan moden. Gagasan ini perlu mendapat sokongan padu daripada kalangan Fuqaha semasa, samada yang terlibat di dalam program *Tafaqquh* sebagai guru takmir ataupun golongan yang terlibat di dalam pengurusan pengimarahannya masjid melalui pembinaan modul dan perancangan program *Tafaqquh*.

Masyarakat perlu menghargai warisan silam yang disumbangkan oleh mazhab Shafi'i di Malaysia. Penerimaan ini kemudiannya perlu dipelajari dan diperkembangkan dalam bentuk paradigma keilmuan moden yang lebih sesuai dengan realiti Malaysia semasa. Seperti mana direkodkan dalam catatan sejarah, walaupun kedatangan Mazhab Shafi'i di Alam Melayu agak lewat berbanding dengan Mazhab Syiah, namun kemudiannya mazhab ini telah mampu mengatasi mazhab Syiah dan meninggalkan pelbagai elemen positif jangka panjang kepada masyarakat Alam Melayu.

Pengaruh *Fiqh* dalam pembangunan keintelektualan tradisi masyarakat Melayu bukan perkara baru, malah telah terbukti dalam peruntukan HKM dan perkembangan *Fiqh* dalam perundangan

Islam di Tanah Melayu. Usaha pembangunan masyarakat berilmu melalui institusi masjid perlu dilaksanakan secara sistematik melalui pendekatan pembinaan modul program tafaqquh yang bersifat semasa. Ciri-ciri kesemasaan dalam modul program tafaqquh perlu meliputi aspek kandungan ilmu Fiqh, sumber rujukan, pedagogi dan keterbukaan mazhab dalam menyelesaikan isu-isu hukum *Fiqh* bersifat semasa yang timbul dalam masyarakat setempat. Rujukan kepada fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh jawatankuasa fatwa negeri Kedah atau peringkat Kebangsaan mampu menyelesaikan isu hukum berteraskan '*urf*' setempat. Fiqh muamalat dan sains perlu dimasukkan dalam kandungan modul dan pendekatan soal jawab boleh membantu jemaah yang hadir agar lebih memahami *Fiqh* serta memenuhi kriteria *Tafaqquh Fiddin* yang hakiki.

## **BAB 5**

### **PENUTUP**

#### **5.1 Pendahuluan**

Perbincangan mengenai *Fiqh* semasa bukanlah suatu yang baru. Ia telah dibincangkan oleh para ulama sejak dahulu lagi kerana realiti dan hakikat *Fiqh* itu sendiri yang akan dinyatakan kemudian. Ia kemudiannya disemarakkan lagi oleh tokoh-tokoh yang menolak pandangan penutupan pintu ijtihad oleh sebahagian ulama di zaman yang dikenali sebagai Zaman *Taqlid*. Mereka berpendapat bahawa *Fiqh* haruslah kekal sifatnya dalam keadaan yang semasa agar penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi lebih tepat dalam konteks falsafah dan ruh tasyrii'nya disamping untuk memastikan agar kemampuan intelek umat sentiasa berkembang, tidak statik dan beku. Sehingga hari ini perbincangan mengenainya masih berterusan kerana keperluan terhadapnya, samada terus wujud atau semakin mendesak.

Pengalaman menunjukkan bahawa perbincangan mengenai *Fiqh* semasa ini boleh kadangkala menimbulkan beberapa kesan negatif seperti polemik yang berpanjangan, ketegangan dan sebagainya. Bagi penyelidik, penggunaan istilah *Fiqh* semasa dan *Fiqh* tradisional hanyalah untuk memudahkan perbincangan dan untuk tujuan pengkategorian semata-mata. Selain itu, penggunaan istilah *Fiqh* semasa dan *Fiqh* tradisional tidak mempunyai konotasi negatif atau positif terhadap kedua-dua istilah tersebut.



Perbincangan ini juga, bukanlah seruan untuk meninggalkan tradisi *Fiqh* silam yang telah menjadi khazanah yang berharga bagi umat Islam. Realitinya tidak seperti mana yang dilakukan oleh sebahagian pihak tertentu, tetapi ia adalah seruan untuk menyelesaikan masalah hari ini dengan pertimbangan semasa di bawah panduan dan pengalaman lalu. Ianya diharapkan dapat direalisasikan atas semangat yang difirmankan oleh Allah s.w.t yang bermaksud :

*“Maka berikanlah berita gembira kepada hamba-hambaku. Mereka yang mendengar pandangan dan mengikut apa yang terbaik (darinya), mereka itulah yang Allah memberi petunjuk kepadanya dan mereka itulah ulul al-bab.”<sup>1</sup>*

*Fiqh* semasa timbul dari hakikat Islam sendiri yang dinyatakan sebagai *ad-din* (satu cara hidup yang komprehensif)<sup>2</sup>. Konsep Islam sebagai *ad-din* menuntut agar ia sentiasa mampu untuk mengemukakan penyelesaian bagi masalah manusia tidak kira masa. *Fiqh* semasa juga timbul dari hakikat Al-Quran dan Sunnah sendiri yang merupakan rujukan asasi bagi umat Islam dalam apa jua permasalahan hidup mereka sepanjang zaman. Mengenai al-Quran, Allah taala menyatakan bahawa ia mengandungi penerangan dan panduan dalam semua perkara sebagaimana firmanNya yang bermaksud

*“Dan kami turunkan ke atasmu (Muhammad) Al-Kitab sebagai penerangan bagi segala sesuatu.”<sup>3</sup>*

Realitinya, Sejak selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. sampai ke zaman kemuncak pemikiran hukum Islam di bawah pimpinan para Imam Mujtahidin dan para pengikut mereka, ijtihad telah memainkan peranan yang sangat berkesan. Hasilnya bidang pemikiran hukum Islam kaya dengan

---

<sup>1</sup> Az-Zumar:17-18

<sup>2</sup> Ali Imran:19,85 dan Al-Maidah:3

<sup>3</sup> An-Nahl:89

warisan hukum Islam yang diijtihadkan sehingga melampaui zaman. Berasaskan kepada warisan hukum inilah penyelidikan dan pengajian seterusnya dilakukan berabad-abad lamanya sehingga kemudian melahirkan fenomena seolah-olah ijtihad dalam konsepnya yang asal tidak diperlukan lagi atas alasan bahawa hasil ijtihad yang diwarisi itu sudah lebih daripada cukup untuk menjawab semua persoalan hukum di setiap zaman. Hukum-hakam berubah mengikut mengikut perubahan ‘urf atau kepentingan manusia. Ia bergantung kepada keperluan sejajar dengan perubahan zaman.

## **5.2 Cadangan**

Penulis membuat beberapa cadangan penambahbaikan terhadap elemen-elemen utama dalam menjayakan usaha pembangunan masyarakat berilmu melalui institusi masjid. Aspek penambahbaikan perlu dilakukan terhadap fungsi institusi masjid, paradigma pemikiran *Fiqh*, peranan guru Takmir, kaedah pengajaran dan pembelajaran *Fiqh* dan modul program *Tafaqquh* bersifat semasa.

### **5.2.1 Institusi Masjid**

Rasulullah S.A.W. telah menjadikan masjid sebagai pusat kegiatan umat Islam dalam apa jua bidang hidup manusia. Fahaman bahawa masjid hanyalah sebagai tempat solat berjemaah dan solat Jumaat telah menjadikan masjid terpinggir dalam masyarakat. Justeru itu aktiviti dan program masjid negeri Kedah ini dibentuk untuk mengembalikan peranan dan fungsi masjid seperti yang ditunjukkan oleh Rasulullah.

Sebelum menggariskan matlamat dan perancangan pengimarah masjid, pihak pentadbiran dan pengurusan masjid perlu mengenal pasti masalah-masalah sedia ada. Seterusnya mengatasi masalah-masalah tersebut terlebih dahulu, kerana ia akan mempengaruhi bentuk perancangan yang akan dibuat. Usaha-usaha mestilah digembelengkan untuk menyelesaikan masalah yang ada di samping membentuk perancangan pembangunan.

Masalah-masalah yang biasa wujud dalam kariah dan masjid adalah :

1. Jemaah kurang ramai baik pada solat waktu maupun solat Jumaat.
2. Wujudnya perpecahan dari perbezaan fahaman politik dibawa ke masjid.
3. Anak-anak kariah tidak mempunyai ilmu yang mendalam terhadap Islam.
4. Golongan muda cetek ilmu, bahkan kuliah khusus untuk mereka tidak ada, kesannya tiada pelapis untuk mengisi ruangan masjid di masa depan.
5. Tidak memahami peranan masjid. Masjid difahamkan sebagai tempat ibadat khusus sahaja dan sesuai untuk golongan tua dan orang-orang pencen. Masjid langsung tiada peranan dalam masyarakat dan institusi penting ini menjadi terpinggir.
6. Perkara masjid amat jarang dibincangkan dan ia merupakan topik yang tidak menarik.
7. Masjid yang uzur, sempit, tidak selesa dan tidak diberi wajah pembaharuan yang selari dengan pembangunan aspek lain. Keadaan kebersihan khususnya tandas amat mengecewakan.
8. Wujudnya kelompok manusia yang memegang Jawatankuasa Masjid sebagai satu kedudukan bukan untuk merancang kerja dan melaksanakannya.

9. Wujudnya golongan masyarakat yang menjadi penentang kepada golongan masjid, pengkritik, dan anti pembaharuan. Golongan yang tidak mahu membuat apa sahaja sentiasa berpegang kepada pepatah “siapa makan garam terlebih dahulu”.
10. Lain-lain permasalahan hendaklah dikenalpasti oleh Jawatankuasa Kariah sekiranya ada.

Sebelum perancangan dibuat, matlamat yang ingin dituju dalam perancangan tersebut mestilah jelas agar apa yang dirancang kelak mencapai tujuan atau matlamatnya ialah seperti berikut:

1. Masjid adalah rumah Allah di bumi atau lebih khusus rumah Allah dalam sesebuah kariah. Sifatnya yang sedemikian bermaksud masjid mestilah mempunyai semua kelebihan dari bangunan atau tempat-tempat lain dalam kariah. Ia sepatutnya lebih cantik, lebih kemas, lebih bersih, lebih canggih, lebih dikunjungi (diimarah) dan sebagainya. Kedudukannya mestilah tidak lebih rendah dari apa-apa bangunan lain dalam kariah.
2. Masjid adalah institusi tertinggi dalam sesebuah kariah yang menguruskan kehidupan masyarakat Islam yang tinggal di dalamnya. Aktiviti dan programnya tidak terbatas pada lingkungan pagar masjid dan tanah perkuburannya tetapi meluas kepada sempadan kariah meliputi aspek berikut:
  - i) Dakwah.
  - ii) Pendidikan.
  - iii) Maklumat dan penerangan.
  - iv) Program kehidupan dan budaya kariah.
  - v) Kebajikan.
  - vi) Perhubungan dan perpaduan.

- vii) Ekonomi.
  - viii) Kemudahan dan infrastruktur.
  - ix) Nikah/kahwin.
  - x) Kelahiran/kematian.
3. Masjid adalah pusat kegiatan dan pentadbiran hidup masyarakat Islam sesuatu kariah. Semua kegiatan hidup masyarakat Islam dalam kariah tersebut hendaklah sedapat mungkin dilaksanakan di masjid. Konsep ini akan menghapuskan fahaman bahawa masjid adalah tempat ibadat khusus semata-mata, yang ternyata telah membataskan kegiatan masjid. Konsep ini akan mengangkat martabat masjid kembali ke kedudukan yang asal.
  4. Masjid mestilah berkemampuan dan berperanan membantu masyarakat dari berbagai golongan. Kedudukannya sekarang sebahagian masjid mengharapkan bantuan dari anak kariahnya untuk masjid itu terus hidup dan berfungsi. Masjid sepatutnya berperanan membantu hal-hal kebajikan masyarakat seperti kebajikan pada fakir miskin, anak yatim, warga tua dan mereka yang tidak berkemampuan.
  5. Masjid mestilah berkemampuan dan berdaya maju menanggapi arus perubahan hidup masyarakat masakini supaya tidak menjadi terpinggir atau tersisih dari masyarakat. Masjid hanya akan diterima oleh masyarakat di masa depan andainya ia terus diberi wajah pembaharuan seiringan pembaharuan berbagai bidang hidup. Perubahan ini melibatkan aspek;
    - i) Sistem pengurusan moden seperti satu jabatan di kariah.
    - ii) Kemudahan-kemudahan moden untuk pentadbiran dan melaksanakan program.

- iii) Masjid bukan lagi diurus secara sambilan bila ada masa lapang, tetapi diurus dengan bersungguh-sungguh dan berterusan serta memerlukan perancangan jangka pendek dan panjang.
- iv) Mengembalikan fahaman bahawa tugas menguruskan pengimarah masjid adalah suatu pewarisan usaha dari apa yang telah dilakukan Rasulullah S.A.W. dan dengan itu ia adalah satu dari kerja ibadat yang besar.

### **5.2.2 Paradigma Pemikiran *Fiqh***

Menerapkan paradigma pemikiran kritis yang lebih konstruktif dan bebas daripada elemen *Taqlid* di dalam pembinaan modul program *Tafaqquh*. Kita perlu ada keberanian mempelajari dan memanfaatkan mana-mana teori dan paradigma moden yang dapat menyumbang kepada pembinaan modul *Tafaqquh* bersifat semasa. Sebagai contohnya, kita perlu terbuka dan menerimapakai beberapa paradigma kritis yang dikemukakan oleh sarjana Islam moden, walaupun mungkin bakal dituduh dengan pelbagai nisbah yang negatif. Pendekatan yang dimaksudkan antara lainnya;

- 1) Paradigma yang menegaskan bahawa binaan epistemologi pengajian Islam silam masih perlu disempurnakan oleh sarjana terkemudian. Sebagai contohnya, kita boleh merujuk kepada ilmu *usul al-Fiqh*. Disiplin *usul al-Fiqh* ini bukan sebagai ilmu yang statik, tertutup dan telahpun disempurnakan oleh *Fuqaha* silam yang mustahil untuk ditokok tambah oleh *Fuqaha* yang terkemudian. Sebagai suatu disiplin ilmu, ianya perlu sentiasa berkembang mengikut peredaran zaman. Ringkasnya, bersesuaian dengan konsep ilmu itu sendiri, yang boleh diujikaji, dinilai kembali dan diperkemaskan oleh sarjana di dalam zaman yang

berbeza, hal yang sama perlu diterapkan kepada disiplin usul *al-Fiqh* ini. Contoh yang mendokong pandangan ini boleh dilihat daripada perbincangan *Fuqaha* silam sendiri, yang bermula dengan teori Amal penduduk Madinah (dibawa oleh Imam Malik), teori *ra'y* (dibawa oleh Imam Abu Hanifah), teori Ijtihad-Qiyas (Imam Shafi'i), teori masalahah (dibawa oleh Shatibi) dan banyak lagi teori lain tentang pendekatan di dalam usul *al-Fiqh* yang dikemukakan oleh *Fuqaha* Islam sepanjang zaman.

Kesemua teori-teori ini menunjukkan bagaimana *Fuqaha* Islam memahami tentang sifat kesemua disiplin *usul al-Fiqh* yang menggalakkan dan mengakui faktor penggunaan daya intelektualisme seseorang *Fuqaha* dalam menghadapi masalah kehidupan sezaman. Walaupun teori-teori baru dalam disiplin usul *al-Fiqh* sentiasa berkembang, tetapi fungsinya adalah sama iaitu untuk menterjemah wahyu Allah (paradigma tekstual) bagi menjawab persoalan hukum yang timbul dalam masyarakat (paradigma kontekstual).

2) Teori yang menyatakan proses pembangunan keilmuan masyarakat Islam melalui aplikasi tiga pola pemikiran yang utama yang digunakan secara terpisah. Ketiga-tiga pola ini adalah (i) pendekatan *Bayani* ( lebih berasaskan kepada teks, manakala akal dianggap sebagai bersifat sekunder), (ii) pendekatan *Burhani* yang mendasarkan diri kepada kekuatan rasio yang dilakukan melalui dalil-dalil logika) dan (iii) pendekatan *Irfani* yang biasanya digunakan oleh ahli tasawuf Islam. Ianya adalah pendekatan pemahaman yang bertumpu kepada pengalaman batiniyyah; *Zauq*, *Qalb*, *Wijdan*, *Basirah* dan intuisi.

Untuk konteks zaman moden ini, para guru Takmir perlu mengetahui titik kekuatan dan kelemahan ketiga-tiga bentuk pemikiran ini dan perlu diintegrasikan bagi menghasilkan pemikiran yang mantap dirujuk kepada penggunaan kesemua aspek positif yang terkandung dalam ketiga-tiga bentuk pemikiran tersebut. Tragisnya, sejarah Islam pernah menyaksikan pertentangan yang wujud di antara kalangan *Fuqaha*, teologian dan sufi akibat daripada perbezaan kerangka pemikiran yang digunakan ini. Atas dasar inilah, pengalaman sejarah pahit ini perlu dijauhkan agar ianya tidak berulang lagi; yang boleh dilakukan melalui medium institusi pendidikan Islam khususnya di masjid.

Menyedari hakikat bahawa sistem pengajian Islam memang cekap di dalam usaha mengesan sesuatu masalah, tetapi amat lemah sekali di dalam menyediakan jalan penyelesaian masalah. Sebagai alternatifnya, kita perlu melakukan proses ulangkaji terhadap pendekatan penyelesaian masalah yang biasanya dipakai dalam kajian keilmuan Islam. Bagi penyelidik, terdapat tiga bentuk kaedah penyelesaian masalah yang biasanya digunakan;

- 1) Deduktif (sangat menekankan pengantungan kepada sesuatu nas),
- 2) Induktif (ilmu yang bersumberkan kepada realiti sejarah yang difikirkan dan disusun oleh manusia)
- 3) Abduktif (pendekatan yang bersifat *logic of discovery* dan bukannya *logic of justification*).

Kaedah ketiga (abduktif) sangat sesuai digunapakai untuk konteks pengajian *Tafaqquh* bersifat semasa. Alasannya, kaedah ini menggunakan kerangka filsafat, yang terdiri dari enam langkah yang utama; (1) pengenalan latar belakang masalah, (2) pembentukan hipotesis, (3) interpretasi terhadap teori, (4) proses pengujian di lapangan terhadap sesuatu teori sarjana awal, (5)



penganalisaan yang menggunakan kaedah induktif dan deduktif dan akhirnya (6) proses pengambilan kesimpulan.

Melalui cara ini, para guru Takmir mampu melihat dengan jelas sama ada sesuatu pandangan ataupun *qaul* yang dikemukakan oleh *Fuqaha* silam itu masih relevan ataupun tidak dengan kehendak dan realiti zaman moden.

### **5.2.3 Peranan Guru Takmir**

Keperluan mengamalkan paradigma reformis di kalangan tenaga pengajar program *Tafaqquh*. Merujuk khusus kepada usaha menghidupkan falsafah budaya ilmu yang lebih jitu dan praktikal profesion guru Takmir. Secara ringkasnya, budaya ilmu ini yang perlu diberikan penekanan di dalam kehidupan melalui beberapa elemen yang utama;

- 1) Tindakan menjadikan pencarian ilmu itu sebagai matlamat utama kehidupan melebihi semua matlamat lain seperti matlamat mencari harta benda dan pengaruh.
- 2) Tindakan yang menghargai semua bentuk ilmu pengetahuan samada ianya tergolong dalam ilmu *Fardu 'Ain* ataupun *Fardu Kifayah*.
- 3) Tindakan yang menghargai semua bentuk sumber ilmu merangkumi sumber wahyu, alam semesta, diri manusia sendiri dan juga akal yang waras serta terpimpin.
- 4) Terlibat secara langsung dalam proses pengajaran, pembelajaran dan penyebaran ilmu pengetahuan.
- 5) Bertindak mengikut perkiraan ilmu yang benar dan bukannya mengikut dorongan ilmu yang salah serta hawa nafsu.

- 6) Pencapaian ilmu perlu dijelmakan dalam bentuk praktikal melalui akhlak yang mulia. Tidak ada gunanya, seseorang itu memperolahi pencapaian akademik yang tinggi seandainya tidak mempunyai akhlak yang mulia.
- 7) Bersikap hormat-kritis terhadap pandangan sarjana silam dengan perkiraan dan neraca kebenaran yang berteraskan sumber wahyu.
- 8) Bersikap selektif terhadap semua bentuk ilmu pengetahuan menggunakan pendekatan tauhid.
- 9) Bertindak mengamalkan semua ilmu yang dimiliki secara bersepadu.
- 10) Proses pencarian ilmu seperti belajar dan meluaskan pembacaan dijalankan seumur hidup.

#### **5.2.4 Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran *Tafaqquh***

Secara mudahnya, ilmu *Fiqh* yang terkandung dalam program *Tafaqquh* di Masjid mempunyai potensi untuk diperluaskan penggunaannya di dalam bidang-bidang kehidupan yang lain. Hal ini boleh dirujuk kepada beberapa perkara yang utama yang terkandung di dalam ilmu ini, seperti;

**Pertama**, adab dan kaedah terbaik untuk berinteraksi di dalam agama Islam, yang membabitkan tiga bentuk hubungan iaitu hubungan dengan Allah (ibadat), sesama makhluk dan alam sekitar (muamalah). Sesuai dengan sifat ajaran Islam sebagai suatu al-Din (way of life), semua perkara dalam kehidupan perlu ditangani mengikut garis panduan yang betul berasaskan agama Islam.

Penetapan garis panduan ini amat dititikberatkan agar proses kefahaman, penghayatan dan corak interaksi ala Islam dalam kehidupan dapat dilakukan dengan cara yang betul dan beradab serta kaedah terbaik untuk ;

- (1) Interaksi dengan Quran dan Sunnah serta syariah itu sendiri.
- (2) Persoalan hubungan dengan Allah (Ibadah).
- (3) Persoalan menangani masalah kejiwaan manusia.
- (4) Persoalan menangani perselisihan pendapat dalam bidang akidah, politik dan syariah.
- (5) Persoalan menangani tanggungjawab dan hubungan kekeluargaan.
- (6) Persoalan yang berkaitan isu kepenggunaan yang membabitkan pemilikan dan perkhidmatan sesuatu harta tertentu.
- (7) Persoalan menangani perselisihan pendapat dalam konteks dialog peradaban membabitkan agama dan budaya yang berbeza.

Selanjutnya, masyarakat Islam yang betul-betul memahami ilmu *Fiqh* akan memahami bahawa penghayatan Islam perlu menggunakan empat prinsip yang penting;

- (i) prinsip Tauhid (perbezaan yang jelas di antara tuhan dan makhluk)
- (ii) prinsip rationalistik (bersesuaian dengan akal yang waras)
- (iii) prinsip *world affirmative* (dunia ini sebagai tempat berguna yang perlu dijadikan medan untuk mencari bekal untuk kehidupan akhirat)

(iv)Prinsip *societal* (mementingkan kehidupan bermasyarakat).

**Kedua**, penetapan asas motivasi dalam melakukan sesuatu pekerjaan penting seperti usaha pengajian *Fiqh*, yang dapat diperincikan dengan;

- (i) mementingkan persoalan niat yang betul sebelum melakukan sesuatu kerja.
- (ii) Mementingkan kaedah dan kesungguhan di dalam melakukan sesuatu kerja (demi untuk menjadikannya sebagai amal ibadah di sisi Allah.
- (iii) Kepentingan untuk memiliki pelbagai syarat-syarat dan etika di dalam melakukan sesuatu pengajian dan pengajaran hukum (syarat-syarat untuk seseorang murid dan *Mu'allim*)
- (iv) Kepentingan untuk mendalami keilmuan lain sebagai usaha untuk menajamkan kefahaman terhadap sesuatu perkara yang dipelajari dan diajar (Ilmu sains moden dan *Qawaid Fiqhiyyah*).

**Ketiga**, keterangan tentang bagaimana sesuatu kaedah pengajian dan pembelajaran *Fiqh* perlu dijalankan. Hal ini boleh diperincikan sebagai;

- (i) kepentingan menggunakan hiraki sumber hukum yang betul dan tersusun.
- (ii) Kepentingan menggunakan perspektif pemahaman sesuatu masalah secara lebih holistik dan meluas, dengan merujuk kepada pelbagai perspektif.
- (iii) Kepentingan menggunakan kaedah *tarjih* yang betul, contohnya perlu mengetahui kaedah pentafsiran nas yang tepat berasaskan kepada kaedah linguistik.

- (iv) Kepentingan menggunakan kaedah pensejarahan di dalam menyiasat sesuatu perkara.
- (v) Kepentingan menggunakan kaedah pentafsiran kontekstual yang tidak terlalu statik berasaskan kepentingan masalah semasa.
- (vi) Kepentingan menggunakan kaedah penyelesaian (analisis hukum Islam) terhadap sesuatu persoalan baru yang timbul di dalam masyarakat.

**Keempat**, isu pendekatan yang perlu digunapakai dalam menilai sesuatu perkara yang terdiri daripada beberapa keperluan penting iaitu;

- (i) keperluan mengamalkan sikap skeptikal terhadap hujah dan pandangan orang lain.
- (ii) keperluan mengamalkan sikap yang lebih terbuka dan tidak fanatik terhadap sesuatu pandangan.
- (iii) keperluan mengetahui intipati *Tajdid* (usaha reformasi) yang terkandung di dalam Islam yang bakal mendorong seseorang untuk tidak bersikap terlalu jumud.
- (iv) keperluan menerima hakikat kelemahan tamadun intelektual Islam yang terhasil akibat penerimaan budaya *Taqlid* (*Tarikh Tasri*’).
- (v) keperluan untuk berpegang kepada konsep *masalah* yang terdiri daripada *daruriah*, *hajiyyah* dan *tahsiniyyah* dalam bentuk yang lebih terbuka dan bersyarat, tidak seperti pengamalan konsep kepentingan awam yang bebas yang di amalkan oleh dunia intelektual barat yang lebih berasaskan kepada;
  - a. Kepentingan awam yang berasaskan paradigma sekularisme barat berteraskan falsafah Hedonisme (Nafsu manusia sebagai neraca tertinggi untuk sesuatu nilai), Modernism, Pragmatisme, Nasionalisme sempit dan sebagainya.

- b. Kepentingan awam yang berteraskan pengambilkiraan elemen keduniaan semata-mata tanpa pertimbangan akhirat.
  - c. Kepentingan awam yang berasaskan kepada tren kegemaran sesuatu masyarakat semasa walaupun ianya bertentangan dengan lunas keagamaan, seperti budaya yang mengiktiraf amalan seks bebas dan Homoseksual.
  - d. Kepentingan awam yang diwakili oleh majoriti masyarakat akan dianggap sebagai otoriti tertinggi yang perlu dihormati. Neraca kebenaran menurut perspektif Islam bukan tertakluk kepada nisbah dan jumlah sokongan rakyat terbanyak. Maksudnya, jumlah majoriti itu tidak semestinya betul dan minoriti juga tidak semestinya salah.
- 
- (vi) Neraca pemilihan penggunaan konsep *masalah* yang lebih tepat iaitu, memastikan kepentingan awam adalah lebih diutamakan berbanding dengan kepentingan peribadi.
  - (vii) Kepentingan menggunakan kaedah penilaian sesuatu hujah yang lebih seimbang berasaskan *world-view* Islam, tidak seperti amalan dalam masyarakat barat.
  - (viii) Kepentingan mengambilkira realiti tempatan semasa dalam membuat sesuatu keputusan.

Tugas utama seseorang guru Takmir adalah menghubungkan antara *Fiqh* dengan masyarakat. Oleh itu, untuk menjayakan tugas ini mereka perlu mengetahui dengan terperinci dua komponen utama ini iaitu *Fiqh* dan masyarakat yang bakal diterapkan dengan penyelesaian hukum Islam.

Jika ilmu bantu utama untuk mendalami syariah terkandung di dalam ilmu *Fiqh*, maka begitulah juga dengan bantuan ilmu sains sosial. Seseorang *Fuqaha* akan dapat mengetahui keadaan sosial masyarakat yang bakal menerima penerapan Islam.

Kemampuan para guru Takmir menjalankan tugas ini secara jelas dapat dibantu dengan ilmu sains sosial. Ini kerana antara kandungan utama sains sosial adalah, (i) pengetahuan tentang apa yang berkembang di dalam masyarakat, dan (ii) pengetahuan tentang kenapa sesuatu tindakan dan perkembangan itu timbul di dalam masyarakat. Kebiasaannya, untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan objektif dalam bahagian ke (ii) ini, ilmu sains sosial lebih menekankan kaedah soal jawab yang bersifat saintifik bersesuaian dengan subjek yang diajar. Kekuatan utama pendekatan ini adalah ianya akan memperolehi jawapan yang lebih tepat, terkini dan tidak terikat dengan pandangan sebelumnya.

Maklumat terkini yang terhasil dari penggunaan kaedah sains sosial ini akan memberi impak yang berguna untuk proses pengajaran *Fiqh* di Masjid. Proses pengajaran *Fiqh* mengandungi tiga asas operasi ; (a) proses memahami wahyu dengan pendekatan semasa, (b) realiti tempat dan masa yang akan diaplikasikan hukum tersebut dan (c) daya guru itu sendiri yang melakukan ijtihad. Jika dilihat secara mendalam terhadap ketiga-tiga asas ini, kita akan mendapati bahawa faktor utama yang dapat menjayakannya adalah dengan menerapkan pendekatan *Fiqh* semasa bersesuaian dengan realiti tempatan. Selain itu, beberapa usaha perlu digarapkan secara sistematik dan efektif antaranya;

- (i) Membekalkan maklumat terperinci tentang tahap dan faktor perkembangan sosial semasa yang dapat membantu guru Takmir mengetahui latar belakang permasalahan persekitaran secara tuntas sebelum mengeluarkan sesuatu keputusan hukum.
- (ii) Membekalkan maklumat tentang apa yang pasti berlaku akibat dari proses pemodenan yang berlaku di Malaysia. Realitinya, sesuatu budaya itu pasti akan melalui proses difusi akibat daripada terpengaruh dengan budaya asing. Pengetahuan tentang proses difusi ini amat penting kerana walaupun ianya tetap berlaku dan di luar batasan kemampuan kita untuk menahannya.
- (iii) Memastikan ketepatan ilmu *Fiqh* yang disampaikan berjaya menerapkan prinsip-prinsip hukum Islam yang bersesuaian dengan konsep dan maksud sebenar *syara'* dengan realiti semasa di Malaysia. Hal ini boleh dikatakan sebagai fenomena yang agak mendesak demi untuk memastikan agar konsep dan prinsip hukum Islam yang terpilih tidak disalahgunakan bagi tujuan mendapatkan justifikasi (pengesahan dan keabsahan) *syara'* terhadap mana-mana amalan yang bertentangan dengan prinsip asas Islam.
- (v) Memikirkan kaedah terbaik bagi menerapkan jawapan Islam yang berupa soal nilai hukum yang terhasil dari usaha ijtihad ke dalam masyarakat. Hal ini boleh dikatakan agak penting demi untuk memastikan agar semua keputusan hukum yang dikeluarkan dapat diterapkan sebagai aturan hidup yang dapat dinikmati oleh manusia (*mahkum alaih*) dan bukannya sekadar pengumpulan koleksi hukum yang bersifat ideal yang hanya sesuai dijadikan sebagai khazanah hukum Islam semata-mata.



### 5.2.5 Pembinaan Modul Program *Tafaqquh* Bersifat Semasa

Hasil analisis kritis dan futuristik yang dijalankan terhadap sejumlah data dan bahan kajian program *Tafaqquh* sedia ada di masjid-masjid, suatu modul umum program *Tafaqquh* semasa yang difikirkan paling sesuai untuk dicadangkan dalam konteks semasa iaitu;

*Pertama*, modul program *Tafaqquh* semasa yang paling sesuai dengan realiti masyarakat Malaysia perlu didasarkan kepada mazhab Shafi'i secara selektif. Bertentangan dengan pandangan yang terlalu memandang negatif terhadap amalan bermazhab, kita sepatutnya mengamalkan sikap positif dan selektif terhadap amalan bermazhab. Secara kasarnya, mazhab adalah merupakan paradigma<sup>4</sup> berfikir masyarakat Islam mengikut *world-view* dan kaedah syariah yang diasaskan oleh seseorang *Fuqaha* tertentu. Ianya lahir daripada tradisi Islam sendiri dan bukannya berasal daripada pengaruh asing seperti didakwa oleh orientalis barat. Ianya merupakan kemuncak dari satu proses pembentukan *world-view* yang panjang.

*World-view* adalah pandangan dunia, hidup, kepercayaan dan pemikiran yang berfungsi sebagai pemankin untuk segala perilaku manusia. *World-view* Islam adalah : *visi tentang realiti dan kebenaran, berupa kesatuan pemikiran yang arsitektonik, yang berperanan sebagai asas yang tidak nampak (non-observable) bagi semua perilaku manusia, termasuk aktiviti ilmiah dan teknologi.* Antara elemen asas untuk *world-view* Islam terdiri dari konsep tuhan, wahyu dan penciptaannya, psikologi manusia, ilmu, agama, kebebasan, nilai dan kebajikan dan kebahagiaan.

---

<sup>4</sup> Paradigma adalah satu set proposisi (rancangan usulan) yang menerangkan bagaimana dunia harus difahami. Merangkumi sebuah pandangan dunia (*world-view*), suatu cara untuk menyelesaikan kerumitan dunia, yang memberitahu seseorang ilmuan tentang apa yang penting, apa yang sah dan apa yang bersesuaian dengan logik.

Elemen-elemen inilah yang kemudiannya yang menentukan bentuk perubahan (*change*), perkembangan (*development*) dan kemajuan (*progress*) dalam Islam.

Proses pembentukan dan pengembangan sesuatu mazhab berpaksikan kepada kerangka *world-view* Islam ini berjalan secara beransur-ansur melalui empat peringkat yang utama;

- 1) *Quasi-scientific* - apabila Rasulullah sendiri menerangkannya berasaskan kepada dua peringkat penurunan wahyu Allah. Wahyu *Makkiah* yang menekankan elemen akidah telah diikuti pula dengan wahyu *Madaniah* yang memperkembangkan prinsip akidah dalam bentuk sistem perundangan dan kehidupan yang lebih bersifat aplikatif.
- 2) *Pre-scientific conceptual* - wahyu Allah yang mengandungi konsep-konsep tentang kehidupan, dunia, ilmu pengetahuan, etika dan manusia sendiri mula dipelajari secara mendalam oleh sarjana Islam. Istilah konseptual wahyu seperti *Ilm*, *Iman*, *Usul*, *Kalam*, *Nazar*, *Wujud*, *Tafsir*, *Ta'wil*, *Fiqh*, *Khalq*, *Halal*, *Haram*, *Iradah* dan sebagainya telah mencetuskan pemikiran dan penyelidikan ilmiah yang cukup berkesan di kalangan penganut Islam.
- 3) *Scientific scheme* – lahirnya tradisi intelektual Islam. Ianya timbul melalui kewujudan tiga fenomena yang utama ;
  - i) Wujudnya komuniti ilmuan Islam yang menceburi bidang keilmuan Islam secara serius.
  - ii) *Disciplinary stage*; ketika mana sarjana Islam yang memiliki tradisi ilmiah bersepakat untuk membicarakan soal subjek dan metodologi yang terbaik untuk setiap bidang keilmuan Islam yang diceburi. Hal ini boleh dilihat daripada usaha gigih Shafi'i menyusun disiplin usul al-*Fiqh* secara sistematik.

iii) *Naming stage*; proses di mana sesuatu disiplin, teori dan metode diletakkan nama khusus, yang biasanya dinisbahkan kepada seseorang guru tertentu. Hal ini berlaku dengan munculnya nama Mazhab Shafi'i dan sebagainya yang dinisbahkan kepada tokoh *Fuqaha* tertentu.

- 4) Kesenambungan dan perubahan (*continuity dan Changing*) – sesuatu mazhab yang telah dominan kerangka metodologinya akan melalui proses pembaharuan (*islah*) bagi memperkemaskan lagi kewujudannya. Sejarah keilmuan dunia mencatatkan bagaimana sesuatu doktrin dapat bertahan lama seandainya ianya memenuhi empat syarat utama; *pertama*, kesahihan logika dan argumen, *kedua*; menarik perhatian orang untuk diikuti, *ketiga*, mampu diterapkan terhadap kes yang dihadapi (*aplicable*) dan *keempat*, ianya mempunyai mekanisme untuk proses memperbarui idea yang lama tanpa meninggalkan asas tradisi terpenting. Jelasnya, keempat-empat perkara ini memang dimiliki oleh Mazhab Shafi'i dan mazhab *Fiqh* yang lain, sehingga mendorongnya untuk kekal sehingga sekarang.

Pegangan umat Islam terhadap Mazhab Shafi'i bukanlah sesuatu amalan dan paradigma yang salah dalam pengamalan ajaran Islam, tetapi ianya merupakan formula yang bersifat *flexible* yang memberikan garis panduan terhadap setiap persoalan yang muncul dalam kehidupan manusia. Oleh itu, elemen fleksibiliti dalam rujukan mazhab perlu diperluaskan demi menjamin kelestarian program *Tafaqquh* bersifat semasa

**Kedua**, merujuk konteks realiti Malaysia, amalan berpegang (*Taqlid*) kepada mazhab Shafi'i boleh dianggap sebagai masih relevan lagi. Ianya kerana beberapa faktor yang utama;

- 1) Ianya menetapkan kalangan ulamak sebagai pentafsir utama kepada ajaran agama. Hal ini boleh dirujuk kepada keabsahan konsep *Taqlid* dan *ijtihad*. Konsep *Taqlid*, ianya mengharuskan masyarakat awam untuk ber*Taqlid* kepada seseorang mujtahid, berasaskan kepada ketidakmampuan seseorang awam untuk memahami ajaran agama Islam secara mendalam. Sikap yang hanya bergantung sepenuhnya kepada prinsip *Taqlid* ini kemudiannya cuba dibataskan dengan penerimaan kepada konsep *ijtihad* dan *Tajdid*.
- 2) Pendekatan ini ditetapkan bukannya bertujuan untuk memonopolikan usaha pentafsiran agama kepada golongan ulamak semata-mata, tetapi ianya dibuat bagi mengelakkan sebarang tindakan rakus daripada masyarakat awam yang jahil tentang prinsip asas Islam, melakukan tafsiran melulu dan boleh merosakkan nama baik Islam itu sendiri.
- 3) Faktor perpaduan dan keseragaman diperlukan bagi memastikan wujudnya kestabilan hidup sosio-politik umat Islam. Hal ini kemudiannya bakal memudahkan proses penguatkuasaan dan pentadbiran undang-undang Islam dijalankan. Hal ini juga, menjadi asas perpaduan umat Melayu sehingga tidak wujudnya perbalahan dan fanatik mazhab yang menimbulkan pertumpahan darah seperti mana berlaku di tempat-tempat lain. Cumanya, penekanan yang agak keterlaluan terhadap dominasi *Taqlid* yang agak ketat ini dilihat bakal membuahkan hasil yang kurang sihat kepada perkembangan pemikiran hukum Islam itu sendiri .

Hal ini kemudiannya turut disedari sendiri oleh kalangan mufti di Malaysia yang disertakan pula dengan pelbagai usaha untuk menerapkan pendekatan reformism bagi menghadkan penggunaan *Taqlid* secara berlebihan, khususnya di dalam metodologi pengeluaran sesuatu fatwa. Reformasi dan tranformasi dalam penganalisaan hukum dan *Fiqh* semasa perlu diterapkan dalam pembinaan masyarakat berilmu melalui program *Tafaqquh* bercirikan semasa.

*Ketiga*, keperluan untuk mengambilkira kepentingan realiti masyarakat Malaysia semasa di dalam proses pemantapan modul program *Tafaqquh* yang memartabatkan dinamisme pengajian *Fiqh* semasa.

Mengikut pandangan Islam, tidak semua perkara tradisi ataupun amalan lama dianggap sebagai buruk dan *out of date*. Begitu juga halnya dengan penumpuan matlamat dan komitmen yang kuat untuk berpegang dengan warisan tradisi Islam yang murni tidak boleh dianggap sebagai tindakan yang taasub dan fanatik. Hal ini berlaku kerana beberapa faktor utama;

- 1) Sifat Mazhab Shafi'i yang berupa paradigma sintesis di antara pandangan *Ahl Ray'* dan *ahli hadis*. Ianya lebih adaptif dengan budaya tempatan Melayu. Mubaligh Shafi'i yang awal telah mengamalkan sikap mesra budaya yang mendapat dokongan penguasa politik serta kemudiannya mampu menyebarkan ajaran Islam secara cukup berkesan di Alam Melayu. Hal ini boleh dilihat daripada kesannya di dalam *Legal Digest* Melayu seperti Hukum Kanun Melayu dan penyerapan nilai-nilai Islam di dalam sistem adat Melayu sehingga melahirkan ungkapan *Adat bersendikan Hukum, hukum bersendikan Kitabullah*.
- 2) Gabungan antara paradigma Sufi dan *Fiqh* (Neo-Sufism) di dalam Mazhab Shafi'i memberi kesan langsung kepada kepesatan proses pengislaman masyarakat Alam Melayu.
- 3) *Fuqaha* Mazhab Shafi'i telah mengasaskan sistem pendidikan Islam yang lebih sistematik di rantau Alam Melayu. Hal ini merujuk kepada pengenalan sistem pengajian *Tafaqquh* silam yang mengandungi prasarana fizikal yang khusus, falsafah pengajian,

struktur organisasi, susunan jadual waktu, kurikulum dan kaedah penilaian yang cukup sistematik.

***Keempat***, memperjelaskan tentang aspek epistemologi hukum Islam di dalam proses *Tajdid* pengajian *Fiqh* bersifat semasa. Hal ini bersesuaian dengan takrif dan ruang lingkup epistemologi yang meliputi aspek asal usul, sumber, sifat, kaedah dan had sesuatu ilmu tersebut. Cabaran zaman moden kini, sepatutnya pengajian *Fiqh* yang diusahakan perlu menitikberatkan persoalan epistemologi hukum Islam yang bakal memberikan gambaran yang jelas kepada masyarakat tentang bagaimana syariah Islam berfungsi secara realistik. Bukan hanya berdasarkan kepada kepercayaan dogmatik yang tidak boleh dipertikaikan, tetapi ianya dibina atas dasar yang empirikal, rasional dan mempunyai sumber, sebab musabab dan kaedah yang rapi, sebelum menetapkan sesuatu hukum yang berkaitan dengan persoalan kemanusiaan.

Usaha memperkembangkan elemen ontologi, epistemologi dan aksiologi disiplin pengajian *Fiqh* bersifat semasa harus diberikan penekanan terhadap tiga prinsip utama. Penggunaan ilmu *Fiqh* dan kaitannya dengan *'urf*, masalah dan perkembangan sains dan teknologi moden. Ternyata, usaha untuk memperkembangkan elemen epistemologi (sumber dan metode) *al-Fiqh* adalah amat penting.

Penyelidik ingin mengemukakan contoh modul program tafaqquh bersifat semasa yang bercirikan kandungan pengajian *Fiqh* dalam bentuk soal jawab. Modul ini dapat memudahkan para guru Takmir menyampaikan ilmu *Fiqh* secara lebih sistematik dan fokus. Begitu juga halnya dengan para jemaah yang menghadiri sesi program tafaqquh akan lebih mudah

memahami isi kandungan pengajaran dan pengajian Fiqh secara lebih objektif. Penyelidik menyusun bab-bab Fiqh berasaskan kepada urusan Ibadah yang sering kali timbul di kalangan jemaah yang hadir program tafaqquh di masjid-masjid.

**a) BERWUDHUK**

1. Jika seorang yakin dirinya berwudhuk , kemudian datang seorang adil memberitahu bahawa dia sebenarnya telah disentuh oleh seorang perempuan; atau dia terkentut, maka wajib mempercayai pemberitahuan tersebut. Perlu mengulangi wudhu’.

2. Jika seorang yakin dirinya berhadad, kemudian datang seorang adil memberitahu bahawa dia sebenarnya telah berwudhu’, maka tidak harus menggunakan pemberitahuan tersebut. Justeru perlu dia mengulangi wudhu’.

Rujukan: Sabilal Muhtadin

**b)NAJIS YANG DIMAAFKAN**

Apakah hukum makan air liur org lain?

Adalah tidak dibenarkan, melainkan air liur pasangan(ketika suami menyedut lidah isteri atau sebaliknya) dan air liur orang yg soleh(ambik berkat) yg sudah tidak rasa jijik.(Umdatul Mufti wal Mustafti).

Rujukan: Majmuk oleh Imam Nawawi, Mughnil Muhtaj oleh Syarbini, Muktamad oleh Muhammad Zuhaili, I’anatut tolibin oleh Syed al-Bakri dan Umdatul Mufti Wal Mustafti oleh Ahmad Abdul Bari Al-Ahdal.

**c)HUKUM PUASA WANITA HAMIL & MENYUSU**

Apakah hukum berbuka puasa bagi wanita hamil dan wanita menyusukan anak?

Adakah diwajibkan ke atas mereka qadha atau lain hukum mengenainya?

Menurut hukum syara’ perempuan yang hamil sekalipun hasil dari perzinaan dan perempuan yang menyusukan anak (*murdhi*) walaupun anak itu kepunyaan orang lain disebabkan menderma atau diupah, adalah diharuskan bagi mereka untuk berbuka puasa semata-mata kerana dua perkara tersebut.

Rumusan hukum dan perbincangan Fuqaha lebih tertumpu kepada perkara-perkara yang menyebabkan mereka berbuka puasa.

1) Jika mereka berbuka puasa kerana takut akan kemudaratan kepada anak yang dalam kandungan atau anak yang disusukan itu sahaja, maka wajib ke atas mereka membayar *fidyah* dan juga qadha pada tiap-tiap hari puasa yang ditinggalkannya itu.

2) Jika mereka berbuka puasa kerana takut akan timbul kemudaratan atas diri mereka atau kedua-duanya iaitu takut ke atas diri mereka dan anak yang dalam kandungan atau anak yang disusukan, maka wajib ke atas mereka mengqadha puasa yang ditinggalkan itu tanpa wajib mengeluarkan *fidyah*.

3) Jika perempuan yang hamil atau perempuan yang menyusukan anak (*murdhi'*) itu sedang dalam musafir ataupun sakit, lalu mereka berbuka puasa dengan berniat *rukhsah* (kelonggaran) atas sebab musafir atau sakit, bukan kerana takut akan kemudaratan kepada anaknya, maka diwajibkan ke atas mereka mengqadha puasa itu tanpa membayar *fidyah* di hari-hari puasa yang ditinggalkan ketika musafir itu.

4) Dalam keadaan musafir atau sakit, jika hamil atau yang menyusukan anak (*murdhi'*) berbuka kerana takut akan kemudaratan anaknya dan bukan berbukanya itu atas *rukhsah* musafir atau sakit, menurut pendapat yang *ashah* dia juga tidak diwajibkan membayar *fidyah*. Sebagaimana tidak diwajibkan membayar *kaffarah* kepada orang musafir yang sampai ke kediamannya ketika siang hari puasa, lalu dia melakukan persetubuhan di siang hari itu bersama isterinya yang tidak berpuasa disebabkan baru bersih dari haidh atau nifas di siang hari itu juga. (Al-Majmuk: 6/272&375)

Apakah maksud *fidyah* kerana meninggalkan puasa itu? Kepada siapakah ia diserahkan dan bagaimanakah melaksanakannya?

*Fidyah ialah denda atau tebusan yang dikenakan kepada orang Islam yang melakukan beberapa kesalahan tertentu dalam ibadah. Ia juga merujuk kepada menebus ibadah (kerana uzur dan disyariatkan), dengan memberi sedekah kepada fakir miskin berupa makanan yang mengenyangkan.*(Ensiklopedia Islam 3:264)

Makna *fidyah* dalam hal puasa ialah bayaran denda kerana tidak berpuasa Ramadhan dengan sebab-sebab tertentu atau kerana melambat-lambatkan mengqadha puasa Ramadhan sehingga masuk Ramadhan berikutnya.

Jenis *fidyah* itu ialah sama seperti jenis zakat fitrah iaitu makanan asasi dan yang mengenyangkan bagi sesebuah negeri seperti beras. Kadar yang patut dikeluarkan ialah satu *mudd* (secupak) iaitu kira-kira lima belas tahil beras bersamaan 566.85 gram.

Pihak yang berhak menerima *fidyah* itu ialah orang-orang fakir dan miskin sahaja. *Fidyah* itu boleh diberi dengan lebih dari satu cupak kepada seorang miskin berlainan dengan *kaffarah*, kerana ia hendaklah satu cupak sahaja kepada setiap seorang miskin hingga enam puluh orang iaitu tidak boleh dua cupak untuk satu orang miskin bagi membayar *kaffarah*.

Membayar *fidyah* itu diharuskan selepas terbit fajar di hari puasa Ramadhan yang ditinggalkan kerana keuzuran seperti orang yang sakit yang tiada harapan untuk sembuh, orang yang terlalu tua yang tiada berdaya untuk puasa dan



perempuan yang hamil dan *murdhi*'. Walau bagaimana pun diharuskan juga mengeluarkan *fidyah* itu sebelum terbit fajar bagi hari yang dikeluarkan *fidyah* itu dan diharuskan juga mengeluarkan *fidyah* terlebih dahulu sebelum berbuka, akan tetapi hanyalah satu *fidyah* sahaja di hari berbukanya itu dan tidak harus mendahuluinya bagi hari kedua dia berbuka puasa. Begitu juga tidak diharuskan membayar *fidyah* sebelum masuk bulan Ramadhan.(Raudah At-Thalibin: 2/385)

#### **d)MANDI**

Rasulullah s.a.w. bersabda:

Adalah menjadi hak Allah atas setiap orang Islam, untuk mandi 1 hari dalam masa 7 hari dengan membasuh kepala serta tubuh badannya.(Riwayat Bukhari & Muslim)

Huraian hadis:

Ini adalah tuntutan Allah ke atas setiap orang Islam untuk mandi dan membersihkan badan. Walaupun dianjurkan kepada kita untuk mandi setiap hari, namun, jikalau pun itu tidak berlaku, maka hendaklah kita mencari 1 hari dalam seminggu untuk mandi. Dan mandi itu hendaklah dengan membasuh kepala serta tubuh. Hadis ini sebenarnya lebih merujuk kepada mandi sunat hari Jumaat dan telah ditetapkan oleh ulamak fekah ianya sebagai tuntutan sunat muakkad. Ada lagi lain-lain mandi yang termasuk dalam sunat muakkad seperti mandi sunat 2 hari raya dan mandi selepas memandikan mayat.

Rasulullah bersabda bemaksud:

“Apabila seseorang dari kamu ingin menghadiri solat Jumaat maka hendaklah mandi.”

Mandi sunat hari Jumaat ini hendaklah dilakukan keadaannya sama seperti mandi wajib. Maksudnya meratakan tubuh dengan air secara menyeluruh dengan membasuh juga kepala. Biar pun tidaklah diniatkan mandi wajib dan tidaklah disunatkan untuk berwudhuk sebelumnya. Namun hendaklah diniatkan sunat mandi pada permulaan air itu sampai kepada tubuh.

Waktu mandi itu adalah selepas terbit fajar. Lebih utama ialah pada waktu yang menghampiri solat Jumaat. Jika sudah mandi sebelum terbit fajar atau sebelum subuh, adalah tidak memadai. Maka dilakukan sekali lagi selepasnya atau sekira-kira masa yang lapang sebelum ke masjid untuk Jumaat.

Adakah sunat mandi Jumaat itu hanya untuk orang yang diwajibkan menghadiri solat Jumaat?

Tidak. Tuntutan sunat mandi Jumaat itu sebenarnya meliputi kepada semua orang termasuk yang tidak wajib menghadiri Jumaat seperti orang musafir dan wanita.

Bagaimana pula bila bertemu dua keadaan, mandi wajib dan mandi sunat?

Cukup dengan satu kali mandi iaitu mandi wajib dan itu sudah memenuhi tuntutan mandi sunat walaupun tidak sepenuhnya. Niat itu adalah niat mandi wajib, bukan mandi sunat. Walaupun ada pendapat yang membolehkan digabungkan kedua-dua niat mandi itu.

Tetapi boleh dipilih salah satu mandi itu jika bertemu dua keadaan mandi sunat hari raya dan mandi sunat Jumaat. Namun, lebih baik jika ianya dasingkan kerana mandi Jumaat boleh dilakukan sebelum masuk Jumaat. Sedangkan mandi wajib tadi hendaklah disegerakan mandinya kerana tuntutan solat subuh. Tidaklah ia tertakluk kepada masa dan boleh bila-bila masa dilakukan asalkan tidak menghalang keperluan sembahyang. Manakala, mandi sunat hari raya juga sama kedudukannya yang perlukan penyegeraan kerana tuntutan solat sunat hari raya itu seawal pagi hari. Juga, ia boleh dilakukan sejak selepas tengah malam.

#### **e)KORBAN**

Apakah hukum melakukan ibadat korban?

Sunat Muakkad kifayah bagi orang Islam yang berkuasa membuat korban jika ada lebih belanja, maka ia menyembelih kambing dan lembu yang sudah berumur dua tahun. Hadis Rasulullah s.a.w. bermaksud:

*Muliakanlah binatang korban kamu, kerana korban itu menjadi tanggungan kamu di atas titian sirat al-mustaqim kelak.*

Bagaimanakah niat korban? Bilakah waktu berniat? Apakah lafaz niat korban? Bolehkah niat korban diwakilkan?

Niat korban itu ialah ketika mula menyembelih atau sebelum penyembelihan bermula. Niat seperti, "Saya berniat membuat korban sunat". Harus dan boleh diberi wakil kepada seorang Islam yang mumayyiz pada berniat korban sunat dan menyembelih korban itu.

Apakah kriteria korban wajib?

Jika dia berkata waktu membeli binatang atau menjawab pertanyaan orang, yang dia hendak membuat korban, maka korban itu sudah jadi wajib baginya. Termasuk korban yang wajib ialah orang yang bernazar melakukan korban. Hukum bagi orang yang menyatakan seperti ini tertegah dia daripada memakan satu apapun daripada binatang korban tersebut.

Bolehkah korban dibuat bagi pihak orang lain yang masih hidup atau telah mati?

Tidak boleh bagi seseorang membuat korban bagi pihak orang lain yang hidup dengan tiada izin dan kebenarannya. Juga bagi pihak yang mati dengan tidak ada wasiatnya dan tiada pesanannya. Jika membuat juga dengan jahil, maka tidak berlaku dan tidak sah korban tersebut.

Korban itu adalah sebagai tebusan diri, maka ia berkehendakkan izin daripada empunya diri. Oleh sebab itu, korban tiada dapat dibuat oleh waris ataupun bukan waris bagi si mati sekalipun korban itu wajib. Berbeza dengan sedekah bagi orang hidup atau orang mati, boleh dilakukan tanpa izin.

Apakah jenis haiwan yang dibolehkan untuk korban? Bagaimana nisbahnya?

Seekor kerbau atau lembu memadai bagi tujuh korban dan seekor kambing memadai bagi satu korban sahaja. Yang lebih afdhal korban dengan seekor unta, kemudian dengan seekor lembu, kemudian dengan seekor kibasy dan kemudian dengan seekor kambing.

Bilakah waktu dan tempoh korban boleh dilakukan?

Waktu korban itu lepas matahari naik pada Hari Raya Aidil Adha sekadar berlaku dua rakaat dan dua khutbah ringkas. Berpanjangan masanya sehingga akhir hari tasyrik iaitu 13 Zulhijjah.

Bagaimana agihan korban perlu dilakukan?

Wajib pada korban sunat itu disedekahkan sesuatu dari daging tersebut dalam keadaan mentah dan segar kepada orang Islam yang merdeka sama ada fakir atau miskin atau kaya, sekalipun seorang. Tidak memenuhi tuntutan korban bilamana daging itu dijadikan makanan (dimasak) kemudian dipanggil orang miskin memakannya atau dikirimkan makanan kepada mereka. Tidak sah korban yang disedekahkan selain daripada daging seperti kulit dan hati.

Apakah hukum memberi daging korban kepada orang kafir?

Tidak dibenarkan memberi korban itu kepada orang kafir.

Bolehkah pelaku ibadat korban memakan daging korban kesemuanya?

Haram orang yang membuat korban memakan kesemua daging korban tersebut tanpa memberinya kepada orang Islam. Boleh dia mengambilnya sedikit daripada daging korban sunat itu kerana mengambil berkatnya.

#### **f) PUASA HARI ARAFAH**

Apakah hukum puasa hari ‘Arafah?

Puasa hari Arafah (tanggal 9 Dzul Hijjah), para ulama memfatwakan bahwa puasa pada hari itu hukumnya sunat, bahkan termasuk sunat muakkadah. Dasar hukumnya sebagaimana hadis Rasulullah Saw:

*Dari Abi Qatadah r.a., ia berkata Rasulullah Saw. telah bersabda: “Puasa hari Arafah itu dapat menghapuskan dosa dua tahun, satu tahun yang telah lalu dan satu tahun yang akan datang.”* (Riwayat Jama’ah kecuali Bukhari dan Tarmidzi)

Kecuali bagi orang yang sedang mengerjakan ibadah haji, maka tidak disunatkan berpuasa, sesuai dengan sabda Nabi Saw. dibawah ini:

*“Dari Abi Hurairah r.a., ia berkata, “Rasulullah Saw. telah melarang puasa pada hari Arafah di Padang Arafah.”* (Riwayat Ahmad, Abu Dawud, Nasa-i, dan Ibnu Majah)

Kedua hadis tersebut antara lain terdapat dalam kitab-kitab:

- *Fiqhus Sunnah*, karya Sayid Sabiq, juz I, halaman 380
- *At-Tarhib Wat-Tarhib*, karya Al-Hafizh Al-Mundziri, juz II, halaman 111-112

Apakah hukum puasa sepuluh hari bulan Dzulhijjah?

Begitu pula para ulama, mereka memfatwakan bahwa puasa sepuluh hari (kecuali hari I’d) dari awal bulan Dzulhijjah hukumnya sunat, berdasarkan hadis berikut:

*“Dari Siti Hafshah r.a. ia berkata, ada empat macam yang tidak pernah ditinggalkan oleh Rasulullah Saw.: Puasa Asyura (tanggal 10 Muharram), puasa sepuluh hari (di bulan Dzulhijjah), puasa tiga hari pada setiap bulan dan melakukan salat dua rakaat sebelum salat subuh.”* (Riwayat Ahmad dan Nasa-i dalam kitab *Fiqhus Sunnah*, juz I, halaman 380; dan *Sunan Nasa-i*, juz IV, halaman 220)

Apakah hukum berpuasa pada hari tarwiyah?

Tidak ada satu hadis pun yang jelas dan tegas menyatakan sunat berpuasa pada hari Tarwiyah (tanggal 8 Dzul Hijjah). Namun perlu kita ketahui, banyak fuqaha yang memfatwakan bahwa puasa pada hari Tarwiyah itu hukumnya sunat berdasarkan alasan berikut: Atas dasar *ihtiyath* (berhati-hati) dan cermat dalam mengupayakan mendapat fadilah puasa Arafah yang begitu besar. Syekh Zainuddin Al-Malibari dalam kitabnya *Fathul Mu'in* berkata termasuk sunat muakkad.

#### **g)AQIQAH**

Apakah hukum dan hikmah 'Aqiqah?

Hukum aqiqah itu adalah sunat muakkad. Tujuan aqiqah itu supaya anak menjadi subur dengan lebih sempurna dan anak itu diharapkan ia memberi syafaat kepada ibu bapanya pada hari Kiamat.

Dinukilkan oleh Ibnu Hajar,

*Hendaklah berbilang-bilang jamuan dengan sebab berbilang isteri, sebagaimana berbilang-bilang aqiqah dengan berbilang-bilang anak.*

Imam Ramli berkata:

*Memadai satu jamuan dengan kerana aqad nikah dengan beberapa isteri itu. Jamuan beranak disebut aqiqah, jamuan akad dinamakan imlak, jamuan dukhul dinamakan walimatul urus.*

Siapakah yang berhak melakukan ibadat 'Aqiqah? Apakah ketentuan nisbah haiwan sembelihan 'Aqiqah?

Wali anak hendaklah membuat aqiqah dengan menyembelih kambing. Sempurnanya, dua ekor bagi anak lelaki dan seekor kambing bagi anak perempuan. Memenuhi tuntutan sunat jika sekadar menyembelih seekor kambing bagi anak lelaki. Lembu atau kerbau itu boleh diperbuat aqiqah dan seekornya bagi 7 anak. Seekor unta atau seekor lembu atau seekor kerbau menyamai dengan 7 ekor kambing.

Bolehkah kos belanja 'Aqiqah diambil daripada harta milik kanak-kanak yang di 'Aqiqahkan?

Belanja membeli aqiqah itu dikeluarkan dari harta orang asal keturunan kanak-kanak itu iaitu bapa dan datuknya. Tiada sah dan tiada harus dikeluarkan aqiqah dari harta anak itu.

Bilakah waktu terbaik melakukan ibadat 'Aqiqah?

Afdhal dilakukan aqiqah itu pada hari ketujuh dari hari beranak. Boleh diperbuat kemudian daripada itu hingga baligh anak tersebut. Apabila anak itu baligh, maka anak itu sendiri berbuat aqiqah untuk dirinya jika belum ada aqiqah dibuat untuknya.

Bolehkah dilakukan korban dan 'aqiqah serentak?

Imam Ibnu hajar dalam Tuhfah berkata tiada boleh disekalikan udhiyyah (korban) dengan aqiqah, begitu juga aqiqah dengan walimatul urus.

Berlainan dengan Imam Ramli yang membenarkan kedua-duanya itu disekalikan. Adapun seekor kerbau itu boleh diperuntukkan 1/7 daripadanya kerana aqiqah, 6/7 untuk walimatul urus dengan diniatkan.

Bagaimana kaedah menguruskan daging 'Aqiqah?

Jamuan aqiqah itu dimasakkan daging dengan ramuan yang manis seperti anggur, madu, kismis dan gula. Tulang-tulang kambing aqiqah itu dilarang untuk dipecah-pecahkan dan tidak sah dijualkan aqiqah tersebut.

Paling utama, masakan tersebut dikirimkan kepada fakir miskin ke rumah masing-masing. Namun, boleh juga dipanggil mereka ke rumah untuk dijamukan. Boleh juga diberi makan kepada orang kaya atau dijamu dalam majlis kahwin tetapi tidak afdhal.

Bilakah masa terbaik memberikan nama kepada anak?

Seeloknya diberi nama sebelum disembelih aqiqah. Sunat dicukurkan rambut anak itu lepas disembelih aqiqah itu. Sekalipun anak itu gugur setelah sampai tempoh ia ditiupkan roh ke atasnya. Yang memberi nama anak itu ialah orang yang berhak berkuasa di atas anak itu seperti bapa dan datuk anak.

#### **h)SUSUNAN SAF DALAM SOLAT BERJEMAAH**

Bagaimana susunan saf yang disyariatkan?

1. Imam lelaki bersama seorang makmum lelaki
  - Makmum berdiri di sisi sebelah kanan imam.
2. Imam bersama seorang makmum perempuan
  - Makmum berdiri di sisi sebelah kiri imam.
3. Imam bersama seorang makmum lelaki dan seorang makmum perempuan
  - Makmum lelaki di sisi sebelah kanan imam dan makmum perempuan pula berdiri di belakang makmum lelaki menepati kedudukan imam.
4. Imam bersama ramai makmum lelaki dan perempuan

- Imam berdiri di tengah bahagian hadapan makmum lelaki dan makmum perempuan di belakang makmum lelaki.

5. Imam bersama makmum seorang lelaki dewasa, seorang kanak-kanak lelaki (belum mumaiyiz), seorang perempuan dewasa dan seorang kanak-kanak perempuan (belum mumaiyiz).

- Lelaki dewasa di sisi sebelah kanan imam
- Kanak-kanak lelaki di belakang lelaki dewasa menepati kedudukan imam
- Perempuan dewasa di belakang kanak-kanak lelaki
- Kanak-kanak perempuan di belakang perempuan dewasa

6. Imam bersama ramai makmum lelaki dewasa, kanak-kanak lelaki (belum mumaiyiz), perempuan dewasa dan kanak-kanak perempuan (belum mumaiyiz)

- Lelaki dewasa di belakang imam
- Kanak-kanak lelaki (belum mumaiyiz) di belakang lelaki dewasa
- Perempuan dewasa di belakang kanak-kanak lelaki (belum mumaiyiz)
- Kanak-kanak perempuan (belum mumaiyiz) di belakang perempuan dewasa

#### **i) KANAK-KANAK DALAM SAF ORANG DEWASA**

Apakah hukum kanak-kanak berada dalam saf yang sama dengan golongan dewasa?

Apa yang ingin dijelaskan di sini ialah mengenai hukum kanak-kanak lelaki yang belum baligh dan belum berkhitan berada di dalam saf orang lelaki dewasa. Adakah kehadiran mereka itu merosakkan saf atau fadhilat sembahyang berjemaah dan adakah boleh dikeluarkan mereka itu dari saf tersebut supaya diisikan tempatnya itu oleh lelaki dewasa?

Dalam kumpulan fatwa Imam Ibnu Hajar, menurut *qaul* yang muktamad, bahawa kanak-kanak lelaki apabila mereka mendahului orang-orang yang baligh ke saf yang pertama, tiada harus (tidak boleh) bagi orang-orang yang baligh itu mengeluarkan mereka dari saf yang pertama itu, kerana kanak-kanak lelaki itu adalah jenis orang lelaki.

Seterusnya Ibnu Hajar menerangkan bahawa bukanlah maksud kanak-kanak lelaki datang dahulu itu sebagai kehadiran mereka terlebih dahulu ke masjid daripada orang dewasa tetapi maksudnya mereka hanya mendahului pada saf yang pertama sekalipun sebelum didirikan sembahyang. Maka pada ketika itu tidaklah boleh diketepikan kanak-kanak lelaki dari saf mereka untuk diberikan kepada lelaki dewasa.

Daripada perkataan Imam Ibnu Hajar di atas ini, apabila kanak-kanak lelaki datang ke masjid dan dia telah duduk di dalam mana-mana saf sembahyang dengan tujuan hendak sembahyang mengikut imam, sama ada sembahyang

Jumaat atau sebagainya, maka orang dewasa tidak boleh mengalih dan mengeluarkan kanak-kanak lelaki tersebut dari saf-saf mereka itu.

Hukum kanak-kanak lelaki yang belum berkhatan yang tidak diketahui adakah dia membersihkan *qulfahnya* (kulupnya) atau tidak, apabila dia berada dalam saf tersebut, adakah ianya merosakkan saf dan adakah sedemikian itu menghilangkan fadhilat pahala berjemaah, berkata:

Al-Imam Al-Sayyid Abdullah bin ‘Umar bin Abu Bakar bin Yahya di dalam kitab Bughyah Al-Mustarsyidin:

*“Jika ada di dalam saf sesiapa yang tidak sah sembahyangnya seperti ada najis padanya, atau ada lahn (seperti tidak betul bacaan Fatihahnya) atau ada pada saf yang di hadapan orang yang berkeadaan sedemikian, maka tiadalah luput fadhilat (tidak hilang kelebihan pahala) berjemaah ke atas orang-orang yang berdiri di belakang mereka, sekalipun lebih jauh saf mereka dari saf orang yang sah sembahyangnya, sekadar boleh muat seorang berdiri pada masalah yang pertama (iaitu ada najis padanya atau ada lahn) dan lebih jauh dari tiga hasta pada masalah yang kedua (iaitu ada pada saf yang di hadapan orang yang berkeadaan sedemikian).*

*Kecuali, jika orang-orang yang berada pada saf-saf di belakang itu mengetahui akan batal sembahyang orang yang tersebut itu dan sembahyangnya itu tidak sah pada pendapat ulama yang sah bertaklid padanya dan mereka berkuasa mengeluarkan orang-orang yang tidak sah sembahyang mereka itu dari saf-saf mereka dengan tiada takut (apa-apa kemudaratan) ke atas diri atau harta atau nama (apabila mereka mengeluarkan orang-orang yang tidak sah sembahyang mereka dari saf-saf mereka itu). Kerana fadhilat pahala berjemaah boleh diperolehi dengan mengikut seorang imam yang mana makmum tidak mengetahui imam itu berhadap (padahal dia berhadap).*

*Adalah lebih utama tidak mengetahui akan batal sembahyang orang-orang yang dia tidak ada sangkut paut di antaranya dan di antara orang yang batal sembahyangnya itu, dan kerana berjauh-jauh (dari satu saf kepada satu saf) dengan ada suatu keuzuran seperti panas (seperti di Masjid Al-Haram ada saf jauh-jauh dan putus kerana panas terik matahari pada tempat-tempat lapang), tidak meluputkan fadhilat berjemaah. Maka begitu juga di sini (makmum yang batal sembahyangnya berada dalam saf-saf sembahyang) dan kerana dia berhak di tempat itu dengan sebab dia telah datang dahulu serta taklidnya yang mengatakan sah sembahyang dan begitu juga jika dia tidak bertaklid (kepada mana-mana ulama) di atas asas bahawa orang awam itu tiada mempunyai mazhab.*

*Maka dari itu diketahui, bahawa barangsiapa telah berada di dalam saf, tidak harus (tidak boleh) diketepikan dia itu dari safnya, melainkan jika diketahui*



*sembahyangnya batal dengan ijma' ulama, atau dia beriktikad bahawa sembahyang orang itu rosak ketika dia mengerjakan sembahyangnya itu."*

Maka jika didapati kanak-kanak lelaki yang dibawa oleh bapanya duduk dalam mana-mana saf sembahyang dan tidak diketahui kanak-kanak itu sudah berkhatan atau belum, dan tidak diketahui sama ada dia telah membersihkan *qulfahnya* (kulupnya) atau belum, maka menurut pendapat atau fatwa Al-'Allamah Al-Sayyid Abdullah bin Yahya yang di atas ini perkara itu tidak meluputkan fadhilat sembahyang berjemaah dan sah sembahyang orang yang berada dekat dengan kanak-kanak itu di dalam saf-saf itu.

Modul di atas merupakan asas modul program tafaqquh yang bersifat semasa dengan objektif khusus agar isu-isu dan hukum-hukum *Fiqh* sama ada bersifat individu seperti persoalan mandi, puasa dan solat dapat dijelaskan kepada jemaah secara langsung. Para guru takmir boleh terus fokus kepada persoalan hukum yang bersifat individu dan mampu menyelesaikannya dengan segera. Paling utama, setiap jawapan hukum disertakan sumber rujukan daripada al-Quran, al-Hadis dan kitab-kitab *Fiqh* secara jelas. Setiap jemaah mampu merujuk semula hukum-hukum berkaitan tanpa perlu membuka kitab-kitab *Fiqh*.

Persoalan hukum yang bersifat kemasyarakatan seperti solat Jumaat, Korban, Aqiqah dan susunan saf solat berjemaah turut dimasukkan dalam modul. Persoalan hukum yang bersifat kemasyarakatan amat memerlukan jawapan yang segera, tepat dan jelas. Kekeliruan hukum di kalangan masyarakat boleh mencetuskan konflik dan menimbulkan dilema di kalangan masyarakat. Para guru takmir secara mudah mampu memberikan jawapan hukum secara tuntas berdasarkan sumber-sumber dan dalil-dalil yang tepat dan sahih. Merujuk kepada kitab-kitab *Fiqh Jawi*, bakal menimbulkan salah faham sekiranya para jemaah tidak menguasai bahasa Jawi dan bahasa Arab dengan baik. Bahasa yang digunakan adalah bahasa Melayu klasik dan terma-

terma serta istilah-istilah bahasa Arab masih dikekalkan kitab-kitab Jawi. Para jemaah perlu berguru secara konsisten dan memberikan penuh perhatian untuk memahami pengajian *Fiqh*.

Kelebihan modul tafaqquh dalam bentuk seperti dicadangkan di atas ialah, semua jemaah mampu membaca, merujuk dan memahami hukum-hukum *Fiqh* secara jelas walaupun membaca sendirian, tanpa perlu risau berlaku salah faham ilmu. Syariat Islam memiliki kriteria yang unggul iaitu, “permudahkan dan jangan menyusahkan”. Menuntut ilmu satu kefarduan, jadi sewajarnya tiada unsur menyusahkan atau menyukarkan dalam proses melakukan ibadat yang fardu.

### **5.3 Kesimpulan**

*Tajdid* bermaksud memperbaharui agama supaya kembali kepada keadaan asalnya yang suci murni, atau kembali kepada landasan syariat yang betul, dan bukan dengan pengertian ‘pembaharuan dalam agama’ dalam erti kata mereka-reka perkara baru yang tiada asal dalam agama, yang sinonim dengan makna bidaah. *Tajdid* adalah penting agar keaslian dan ketulenan agama dapat dipelihara dan dijaga daripada dicemari anasir-anasir luar yang cuba merosakkannya. Bagi menyempurnakannya Allah SWT telah membangkitkan para mujaddid pada setiap kurun yang berusaha dan menggembelng tenaga bagi mengembalikan semula agama dan umat Islam kepada pegangan dan kedudukan asal yang sebenar. Demikianlah cara agama Islam dipulihara dan dijaga oleh Allah s.w.t sehinggalah tiba hari kiamat kelak.

Justeru melaksanakan *Tajdid* adalah satu usaha penting dan tidak terbatas kepada suatu sudut tertentu sahaja. Bahkan merangkumi pelbagai sudut dalam kehidupan umat agar tidak hanyut jauh daripada roh syariat yang sebenar. Usaha menyeluruh meliputi bidang politik, sosial, ekonomi, akademik, sains, institusi keluarga, akhlak dan sebagainya. Perkara-perkara berkaitan keagamaan yang sudah tetap dan disepakati antara ulama' Islam serta perkara yang harus berlaku perbezaan pandangan antara mereka harus ditangani secara berhikmah. Merujuk kepada, perbezaan pandangan atau kaedah pengambilan hukum atau sebab-sebab lain yang diiktiraf, maka penggunaan kempen "*Tajdid*" menurut penyelidik tidak menghasilkan natijah yang positif, bahkan bakal mencipta natijah yang negatif. Kecuali jika ia dilakukan menurut saluran yang betul iaitu, tidak menganggap pendapat individu tertentu sebagai yang terbaik tanpa menafikan kemungkinan berlaku salah dan silap serta tidak memaksa orang lain menuruti secara paksa.

Tiga pendekatan yang utama perlu digarapkan secara efektif iaitu, pertama; menggabungkan (sintesis) di antara ilmu *Fiqh* ini dengan keilmuan moden lain (seperti ilmu sains sosial moden) yang sekaligus bakal melengkapkan hukum Islam alternatif untuk zaman moden ini. Walaupun diakui ilmu *Fiqh* merupakan disiplin ilmu terbaik dan berteraskan *world-view* Islam sepenuhnya, tetapi untuk konteks zaman moden ini ianya tidak boleh berdiri sendiri dan perlu disokong serta digabungkan dengan disiplin keilmuan lain. Kedua; membangunkan kaedah urf Malaysia yang berbeza dengan urf Timur Tengah, dari segi kerangka konsepnya dan kaedah aplikasi yang lebih sesuai dengan realiti Malaysia semasa. Terakhir, membangunkan prinsip dan *standard* Masalah dalam tiga jenis, khususnya masalah *daruriyyah*, *hajjiyyah* dan *tahsiniyyah* yang lebih sesuai dengan realiti Malaysia semasa.

Sebagai rumusan umum kajian, *pertama*, bersesuaian dengan gagasan Malaysia sebagai negara Islam moden yang progresif, jadi sudah sampai masanya suatu modul program *Tafaqquh* yang bersifat semasa dan bercirikan realiti Malaysia diwujudkan bagi menjawab semua persoalan hukum Islam semasa yang timbul di dalam masyarakat. Hal ini diperlukan memandangkan sebahagian besar daripada formula *Fiqh* Islam yang dipakai pada masa sekarang berasaskan kepada kupasan *Fuqaha* silam daripada era Timur tengah yang berlainan sama sekali dari segi intelektual dan sosiologi masyarakat Malaysia. Kesan negatifnya ialah, boleh menyebabkan modul program *Tafaqquh* semasa dianggap sebagai ketinggalan zaman.

*Kedua*, proses pembangunan modul program *Tafaqquh* perlu mendapat dokongan kukuh daripada pihak kerajaan sendiri yang kebetulannya memang cenderung ke arah memperbaiki segala kelemahan yang dihadapi oleh sistem pendidikan Islam di Malaysia. Amalan dan kaedah P&P pengajian *Fiqh* perlu memenuhi dan mencapai matlamat dan objektif program *Tafaqquh* iaitu memberikan ilmu dan kefahaman. Aspek pemikiran dan tindakan dalam pengajaran dan pembelajaran *Fiqh* perlu lebih praktikal dan fokus kepada isu-isu hukum semasa.

*Ketiga*, pembinaan modul program *Tafaqquh* alternatif di masjid, memerlukan paradigma reformisme yang mengamalkan pendekatan sederhana merujuk kepada pendekatan yang masih menghargai warisan *Fuqaha* silam, merealisasikan prinsip fleksibiliti dalam rujukan mazhab, memahami realiti dan perkembangan semasa dan meningkatkan kualiti penyelidikan *Fiqh* berorientasikan epistemologi hukum sebenar. Sekaligus menolak sebarang elemen yang bersifat liberalism yang bertentangan sama sekali dengan semangat pemikiran dan perkembangan program *Tafaqquh* versi Alam Melayu.

## 5.4 Penutup

Pengertian pendidikan di dalam konteks Islam secara totalnya datang dari gabungan perkataan *tarbiyyah*, *ta'lim* dan *ta'dib*. Setiap perkataan ini membawa maksud seseorang manusia, masyarakatnya dan persekitaran mempunyai hubungan dengan Tuhan dan saling berkait antara satu sama lain, dan kesemuanya mewakili skop pendidikan dalam Islam sama ada dari segi formal mahupun tidak formal.

Jelas sekali bahawa "masjid" berperanan sebagai pusat komuniti di mana masyarakat berkumpul bagi tujuan ibadat, iaitu pengabdian kepada Allah s.w.t. Bagi tujuan tersebut, berbagai-bagai program sentiasa dirancang dan dilaksanakan. Program-program ini biasa disebut sebagai "ta'mir" yang bermaksud "pengisian", iaitu mengisi ruang dan fungsi masjid dengan berbagai aktiviti yang boleh menjayakan fungsinya sebagaimana ditetapkan.

Berasaskan kepada tradisi fungsi dan sumbangan masjid al-Haram di Makkah, Masjid al-Aqsa di Baitul-Maqdis, dan Masjid Nabawi di Madinah. Kemudian terbina masjid-masjid yang begitu banyak sekali bilangannya dalam sejarah Islam. Tujuannya ialah menjadi pusat ibadat dan pusat perkembangan ilmu dan pembangunan intelektual masyarakat.

Tanggapan salah sesetengah masyarakat Islam di negara ini terhadap institusi masjid agak kritikal. Mereka beranggapan bahawa fungsi masjid hanyalah sebagai tempat ibadat semata-mata. Semua urusan ibadat perlu disempurnakan di masjid sedangkan perancangan dan kegiatan hidup yang lain difikirkan tidak wajar dilaksanakan di tempat itu.

Kecenderungan pemikiran sedemikian mempunyai implikasi bukan sahaja terhadap masjid sebagai institusi unggul dalam Islam, malah usaha pembangunan sesebuah masyarakat pasti turut terkesan. Budaya yang menganggap masjid hanya sebagai tempat menunaikan solat perlu dikikis dengan segera dan masyarakat perlu ditanam dengan semangat baru bagi mencari erti sebenar pembinaan sebuah masjid. Usaha-usaha juga perlu dijalankan bagi menarik masyarakat Islam terutamanya para remaja untuk mengunjungi rumah Allah.

Masyarakat perlu memahami bahawa masjid adalah rumah Allah yang suci, yang mempunyai taraf dan kedudukan paling istimewa di sisi Allah s.w.t. dan Rasul-Nya. Masjid sebagai pusat ibadat, pusat pengembangan ilmu dan penyebaran dakwah Islamiah, di samping menjadi pusat kebajikan dan perpaduan umat Islam setempat.

Sesuai dengan kemuliaan dan kesuciannya, masjid adalah tempat paling afdhal dan awla untuk solat, beri'tikaf, membaca al-Quran, berzikir, bermuhasabah dan sebagainya. Ringkasnya, mengimarahkan masjid dengan pelbagai bentuk ibadat amatlah dituntut. Ini selaras dengan firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

*“Sesungguhnya yang layak memakmurkan masjid-masjid Allah itu adalah terdiri daripada orang yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat, mendirikan solat, menunaikan zakat dan tidak takut melainkan Allah. (Dengan adanya sifat-sifat tersebut), maka adalah diharapkan mereka menjadi golongan yang mendapat petunjuk.”<sup>5</sup> (at-Taubah:18)*

Tamadun dan peradaban manusia yang dibina mengikut acuan barat memandang rendah kepada peraturan-peraturan dan hukum-hakam agama. Tamadun ini lebih mengutamakan materialistik

---

<sup>5</sup> At-Taubah:18

iaitu aliran pemikiran yang hanya mempercayai segala sesuatu yang ada kaitannya dengan material semata-mata. Memberi tafsiran terhadap alam semesta, ilmu pengetahuan dan tingkah laku dengan pemahaman material. Akibatnya tamadun dan peradaban yang dibina oleh golongan ini mendedahkan kesan negatif dan bahaya besar kepada umat manusia sejagat. Kita dapati tamadun ini melahirkan manusia materialistik sebagai agama dan cara hidup.

Manusia adalah pembina tamadun. Oleh yang demikian manusia harus dibina terlebih dahulu menjadi manusia yang soleh yang mampu membina tamadun selaras dengan syariat Ilahi. Ini bermakna pendidikan syariat merupakan asas penting bersama dengan akidah dalam membentuk dan membina tamadun umat manusia. Tamadun dan peradaban yang dibina berasaskan kepada syariat akan meletakkan garis panduan yang tertentu untuk menjamin kesejahteraan hidup umat manusia.

Pembinaan masyarakat yang berteraskan materialistik semata-mata yang melahirkan manusia yang meminggirkan nilai-nilai akhlak dan moral serta tidak mustahil akhirnya akan merungkai ikatan akidah di kalangan umat Islam. Akibatnya gejala murtad berleluasa dan belia muslim tidak lagi beramal dengan cara hidup dan ajaran Islam. Sebab itulah demi menjaga kehormatan agama maka pembinaan tamadun haruslah tidak menggugat kesucian agama.

Pendidikan menurut Islam ialah satu proses berterusan untuk merubah, melatih, dan mendidik akal, jasmani, dan rohani manusia dengan berasaskan nilai-nilai Islam yang bersumberkan wahyu bagi melahirkan insan yang bertaqwa dan mengabdikan diri kepada Allah s.w.t. untuk mendapatkan kejayaan di dunia dan akhirat. Pendidikan berakar umbi daripada perkataan didik

yang bererti pelihara, ajar dan jaga. Setelah dijadikan analogi, pendidikan boleh dihuraikan sebagai satu proses yang berterusan untuk menjaga dan memelihara pembesaran tubuh badan dan pertumbuhan bakat manusia dengan rapi supaya dapat melahirkan orang yang berilmu, baik tingkah laku dan dapat mengekalkan nilai-nilai budaya di kalangan masyarakat.

Hubungan antara masjid dengan pendidikan masyarakat Islam amat sehati dan tidak boleh dipisahkan. Semenjak zaman permulaan Islam lagi penyebaran ilmu dan pendidikan bermula di masjid. Semasa perkembangan keagungan Islam, bermula dari zaman Nabi Muhammad s.a.w sehingga zaman kini, telah banyak masjid didirikan bagi tujuan pendidikan kepada masyarakat Islam di samping peranannya sebagai pusat ibadah, pentadbiran dan kemasyarakatan. Sistem pendidikan Islam telah menjadikan masjid sebagai pusat pendidikan yang utama. Contoh paling jelas ialah Universiti Al-Azhar iaitu universiti tertua dalam sistem pendidikan Islam yang berasaskan kepada pendidikan masjid. Keadaan yang sama juga wujud di Asia Tenggara khususnya di Malaysia. Masjid perlu berfungsi sebagai pusat komuniti dalam usaha melahirkan masyarakat berilmu.

Sehubungan itu, beberapa pendekatan ataupun strategi penerapan *Fiqh* semasa dalam program *Tafaqquh* di masjid ialah, pertama, pertimbangan *tatbiq* menggunakan pendekatan konsep *Maqasid Syariah* dan bukannya hanya menumpukan kepada maksud literal nas *syara'* semata-mata.

Selain itu, pertimbangan *tatbiq* melalui pendekatan aktif dan pasif. Pendekatan aktif adalah usaha guru Takmir yang menyebarkan kepada masyarakat tentang apa dan bagaimana sesuatu tindakan



amali manusia patut dilakukan mengikut Islam. Manakala pendekatan pasif pula merujuk kepada usaha guru Takmir menerangkan terhadap apa-apa masalah yang timbul daripada peristiwa hukum (*waqi'ah*) samada ianya bertentangan dengan hukum Islam ataupun tidak. Berasaskan realiti yang ada, ternyata pendekatan pasif lebih kerap digunakan untuk zaman moden ini.

## BIBLIOGRAFI

- Al-Quran, (2009), Seven in One, Jakarta: Al-Mahira
- A.H. John (1961), Muslim Mystics And Historical Writing, dlm. Historians Of South-East Asia, London.
- Abdul Halim El-Muhammady (1992), Ikhtilaf And Its Development In Malaysia, dlm. International Islamic University Law Journal, V. 2, No.2.
- Abdul Halim Othman Dan Md. Shuaib Che Din (1993), Sifat Kesederhanaan, dlm. Psikologi Melayu, Kuala Lumpur : DBP
- Abdul Hamid Sulayman, (1987), The Islamic Theory Of International Relations : New Directions For Islamic Methodology And Thought, London
- Abdul Latif Hamindong (1993), Institusi Pondok Dalam Tradisi Budaya Ilmu, dlm. Tamadun Melayu, Kuala Lumpur, V. 2.
- Abdul Majid An-Najjar, (2002), Kebebasan Berfikir Dalam Islam, Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Abdul Rahman Abdullah (1997), Pemikiran Islam Di Malaysia : Sejarah dan Aliran, Jakarta : Gema Insani.
- (1999), Pemikiran Umat Islam Di Nusantara, Kuala Lumpur : DBP
- (2001), Falsafah Dan Kaedah Pemikiran, Kuala Lumpur : Utusan Publication
- (1989), Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional, Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Aziz (2000), Pekerjaan Dalam Kehidupan Manusia, Petaling Jaya.
- (2004), Falsafah Pembangunan, Sintok : Penerbit UUM.
- Abdul Rashid Ahmad (1966), Kedudukan Pondok Dalam Masyarakat Di Kelantan, Tesis B.A. Untuk Universiti Malaya
- Abdullah Ali Haji Hassan (1999),Permasalahan intelektual dalam pembinaan Hukum Islam semasa di Malaysia, dlm. Hukum Islam semasa bagi masyarakat Malaysia yang membangun, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- (1979), Development of Administration of Islamic law in Kelantan, Tesis M.phil Untuk University of Kent at Canterbury
- (1997), Penyelidikan sebagai asas kemantapan pengajian syariah , dlm. edit. Oleh Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Dinamisme Pengajian Syariah, Kuala Lumpur : Berita Publishing
- Abdullah Ishak (1995), Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya Di Malaysia, Kuala Lumpur : DBP.
- (1994), Pengajian Pondok Dan Kesannya Terhadap masyarakat Islam Di Malaysia. dlm. Abdul Halim El- Muhammady (ed. ), Pendidikan Islam : Perannya Dalam Pembangunan Ummah, Kuala Lumpur: ABIM.
- Abdullah Jusuh, (1990), Pengenal Tamadun Islam Di Malaysia, Kuala Lumpur:DBP
- Abu Bakar al-Ash'ari (1954), Kemerdekaan berfikir dalam Islam, Penang.
- Abu Bakar Hamzah (1981), Al-Imam: Its Role In Malay Society 1906-1908, Kuala Lumpur

- Ahmad Fawzi Mohd. Basri (1996), Nilai Orang Melayu, Sintok : Sekolah Pembangunan Sosial, UUM.
- Ahmad Mohd Said, (1992), Falsafah Pendidikan Tinggi Sains Negara, dlm. Mohd Yusof Othman & Khalijah Mohd Salleh (pnyt. ) Pendidikan Tinggi Sains: Ke Arah Reformasi Pendidikan, Kuala Lumpur: DBP.
- Akram Diya' al-Umari, (1995), Madinan Society At The Time Of The Prophet, terj. Huda Khattab, Virginia : IIIT
- Al- Jamali, M. F. , (1972), Nahw Tauhid al-Fikr al-Tarbawi Fi al-‘Alami al-Islami, Tunisia
- Al-Abrasyi, M. A. (1969), Al-Tarbiah Al-Islamiah Wa Falasifatuha, Kaherah: Isa Al-Baby Al-Halaba.
- Al-Buthi, M. S. R. ,(1961), Tajribah Al-Tarbiah Al-Islamiah Fi Mizan Al-Bahs, Damsyik: Al-Maktabah Al- Umawiyah
- Al-Khudri, Muhammad (1981), Tarikh al-Tashri‘ al-Islami, Beirut: Dar al-Fikr.
- Alparsan Acikgence,(1996), The Framework For A History Of Islamic Philosophy, dlm. Al-Shajarah, ISTAC, v. 1, bil. 1 &2.
- Amir Mualim (2006), Ijtihad Dan Legislasi Muslim Kontemporer, Yogyakarta : UII Press
- Anisah Ab. Ghani (1999), Batas-batas pergaulan antara lelaki dan perempuan dalam masyarakat Islam kini: Satu Huraian Hukum Islam Semasa, dlm.: Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Anisah Ab. Ghani dan Saadan Man (2006), Nilai-Nilai Adat Dan Budaya Dalam Amal Ibadat Masyarakat Melayu, dlm. Md Salleh Haji Ahmad (ed.), Hukum Islam Dan Budaya Tempatan, Kuala Lumpur : Jabatan Fiqh Dan Usul, APIUM.
- Azyumardi Azra (1999), Renaisans Islam Asia Tenggara : Sejarah wacana dan kekuasaan, Bandung : PT Remaja Rosdakarya
- (1998), Esei- esei Intelektual Muslim Dan Pendidikan Islam, Jakarta: Logos Wacana Ilmu.
- Budhi Munawar Rachman, (2002), Islam Pluralis : Wacana Kesetaraan Kaum Beriman, Jakarta : Penerbit Paramadina
- Che Cob Che Mat, (1996), Kriteria penerimaan dan penolakan Hadith : Satu kajian perbandingan antara Ahl al-Sunnah dan Shi'ah, Tesis Ph.D untuk Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UM
- Che Zarrina Sa'ari Dan Wan Suhaimi Wan Abdullah (2006), Budaya Dan Etika Di Kalangan Ahli Tasauf Dan Pengaruhnya Terhadap Ketentuan Hukum, dlm. Md Salleh Haji Ahmad (ed.), Hukum Islam Dan Budaya Tempatan, Kuala Lumpur : Jabatan Fiqh Dan Usul, APIUM.
- Dr Mohamed Sa'id al-Ramadan al-Bouti ,(1970), al-Fiqh al-Sira al-Nabawiyyah , Egypt: Dar al Salam
- Dr. Ainurrafiq Dawam (2004), Menawarkan Epistemology Jama'I Sebagai Epistemology Usul Al-Fiqh : Sebuah Tinjauan Filosofis, dlm. Riyanto (ed.), Neo Usul Fiqh : Menuju Ijtihad Kontekstual, Yogyakarta : Fakultas Syariah press.
- Dr. Lahmuddin Nasution, (2001), Pembaruan Hukum Islam Dalam Mazhab Syafie, Bandung: PT Remaja Rosdakarya

- Dr. Louay Safi,(1998), Asas-asas Ilmu Pengetahuan : Satu Kajian Perbandingan Kaedah-Kaedah Penyelidikan Islam Dan Barat, terj. Nur Hadi Ihsan, Kuala Lumpur
- Dr. Majid Irsan Kailani (2000), Kebangkitan Generasi Salahuddin Dan Kembalinya Jerusalem Ke Pangkuan Islam, Abdullah Abbas (terj.), Kuala Lumpur: Thinker libraries
- Drs. Mahjunir,(1967), Mengenal pokok-pokok Antropologi dan kebudayaan, Jakarta
- Drs. Syahminin Zaini, (1986), Prinsip- prinsip Dasar Konsepsi Pendidikan Islam, Jakarta: Kalam Mulia
- E. Ezzati (1997), An introduction to Shi'i Islamic law and jurisprudence, Lahore.
- Fadzlullah Haji Shuib, (1995),Kecermelangan ilmu dalam sejarah dan tamadun Islam, Kuala Lumpur
- Fawaz A. Gerges (1999), America And Political Islam; Clash Of Cultures Or Clash Of Interest, Cambridge : Cambridge university press.
- Fazlur Rahman (1979), Islam : Challenges And Opportunities , dlm. Alford T. Welch, Islam : Past Influence And Present Challenge, Edinburgh : Edinburgh University Press
- (1982), Islam And Modernity : Transformation Of An Intellectual Tradition, Chicago and London : The University of Chicago press
- George Hourani, (1964),The Basis authority of consensus in Sunnite Islam, dlm. Studia Islamica
- H. Abuddin Nata (2000), Peta Keragaman Pemikiran Islam Di Indonesia, Jakarta : Rajawali Pres.
- Haji Buyung Adil, (1980), Sejarah Kedah, Kuala Lumpur : DBP,.
- Haji Ibrahim Ismail, (1987), Sejarah Kedah Sepintas Lalu, Sintok : UUM
- Hallaq, (2000), Ifta And Ijtihad In Sunni Legal Theory : A Development Account, dlm. Islamic Legal Interpretation : Muftis And Their Fatwas, Cambridge : Harvard University press,
- Hamid Fahmy Zarkasyi (2004), Tantangan Sekularisasi Dan Liberalisasi Di Dunia Islam, Surabaya : Penerbit Khairul Bayan.
- Harun Din & Sobri Solomon, (1980), Masalah Pendidikan Islam di Malaysia, Kajang: Sincere Press
- Harun Nasution (1989), Islam Rasional : Gagasan Dan Pemikiran, Jakarta
- Harun Yahya, (2003), Penciptaan Alam Raya, (terj. ) Ary Nilandari, Bandung: Dzikra.
- Hasan Langgulung, (1986), Pengenalan Tamadun Islam Dalam Pendidikan, Kuala Lumpur: DBP
- (1991), Asas- asas Pendidikan Islam, Kuala Lumpur: DBP
- (1997), Pengenalan Tamadun Islam Dalam Pendidikan, Kuala Lumpur: DBP.
- Hasan Saab, (1963), The Spirit Of Reform In Islam, dlm. Islamic Studies, Jld. 2.
- Hashim Musa, (2001),Falsafah, Logik, Teori Nilai Dan Etika Melayu : Suatu Pengenalan, Kuala Lumpur
- (2001),Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam : ke arah pembinaan sebuah tamadun dunia Alaf baru, Kuala Lumpur : APMUM

- (2004),Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysia menghadapi Globalisasi Barat, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya dan Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya
- Hassan Ahmad (2004), Bahasa Dan Pemikiran Melayu : Tradisi Dan Kesenambungan, dlm. Worawit Baru @ Haji Ahmad Idris (ed.), Pemikiran Melayu : Tradisi Dan Kesenambungan, Kuala Lumpur : DBP.
- Hussein Ahmad, (1993), Pendidikan Dan Masyarakat: Antara Dasar, Reformasi dan Wawasan, Kuala Lumpur: DBP.
- Ibn Khaldun (t.t), Muqaddimah Al-‘Allamah Ibn Khaldun, Kaherah : Dar Al-Fikr
- Ibn Sa‘d (1983), Al-Tabaqat al-Kubra, al-qism al-mutammim, Madina: al-Majlis al-Ilmi.
- Ibnu Khaldun, (1968), Al- Muqaddimah, Kaherah: Lujnah Al- Bayan Al-‘Arabi.
- Ibnu Qayyim al-Jauzi,(2005),Terapi Penyakit Hati,Saleem Bazimool (terj.) Jakarta:Qhisti Press
- Ibrahim Abu Bakar (1994), Islamic Modernism In Malaya, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Idris Zakaria & Wan Fariza Alyati Wan Zakaria (2004), Ilmuan Islam dan Kepentingan Kajian Masa Hadapan (Future Studies) “, dalam Prosiding Islam : Past, Present and Future- International Seminar on Islamic Thoughts, anjuran bersama Jabatan Usuluddin dan Falsafah, UKM dengan Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan Malaysia, pada 7-9hb. Disember
- (2003),Islam Dan Amalan Tolerasi Di Nusantara, dlm. Zulkiple Abd Ghani (ed.), Jaringan Dakwah Malaysia Indonesia, Bangi : Jabatan Dakwah Dan Kepimpinan, UKM
- Ilyas Supena, (2002), Dekonstruksi dan rekonstruksi Hukum Islam, Yogyakarta : Gama Media
- Imam Syaukani, (1999) Rekonstruksi Epistemologi Hukum Islam Di Indonesia, Jakarta :PT Raja Grafindo persada.
- Ismail Raji Faruqi (2000), Tauhid, Kesannya Terhadap Pemikiran Dan Kehidupan, Terj. Oleh Unit Terjemahan Modal Perangsang Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Jamaie Hamil (2004), UMNO Dalam Politik Dan Perniagaan Melayu, Bangi : Penerbit UKM.
- Jujun S. Suriasumatri, (1990), Ilmu Dalam Perspektif Moral, Sosial Dan Politik, Kuala Lumpur: DBP.
- Just World Trust (JUST), Terrorising The Truth : The Shaping Of Contemporary Images Of Islam And Muslims In Media, Politics And Culture, Prosiding Kepada International Workshop Anjuran Just World Trust (JUST) Pada 7-9hb. Oktober 1995.
- Kamaruzzaman Bustaman Ahmad (2002), Islam Historis ; Dinamika studi Islam di Indonesia, Yogyakarta : Galang press.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2005), Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Manual Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam KBSM Berasaskan Islam Hadhari Tahun 2005
- Khaled M. Abou El-Fadl (2001), Atas Nama Tuhan : Dari Fikih Otoriter Ke Fikih Otoritatif, Terjemahan Oleh R. Cecep Lukman Yasin, Jakarta : PT Serambi Ilmu Semesta

- Louay M. Safi (1998), Truth And Reform: Exploring The Patterns And Dynamics Of Historical Change, Kuala Lumpur: Open press publication
- M. Amin Abdullah, (1995), Falsafah Kalam Di Era Postmodernism, Yogyakarta : Pustaka Pelajar
- M.B. Hooker, (1978), A concise legal history of Southeast Asia, Oxford
- (1985),The translation of Islam into South-East Asia, dlm. Readings on Islam in Southeast Asia, Singapore
- Mahathir Mohammad, (1991), Wawasan 2020, Biro Tatanegara: Jabatan Perdana Menteri
- Mahmood Zuhdi Ab Majid ,(1997), Pengantar undang-undang Islam di Malaysia, Kuala Lumpur.
- Mahmood Zuhdi Ab Majid dan Paizah Ismail (2004), Pengantar Pengajian Syariah, Kuala Lumpur : al-Baian corporation sdn bhd.
- (1997), Pengajian syariah : Satu pentakrifan, dlm. Dinamisme pengajian syariah, Kuala Lumpur: al-Baian Corporation Sdn Bhd.
- (1994), Beberapa Pemikiran Tentang Ijtihad, Islah Dan Tajdid, Kuala Lumpur: DBP.
- (1997), Pengantar Undang- undang Islam Di Malaysia, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- (2003), Pendidikan Islam Ke Arah Pembentukan Warga Holistik, dlm. Abdul Rahim Abdul Rashid (pngr.) Falsafah Budaya Dalam Pendidikan, Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- (1999), Hukum Islam semasa bagi Masyarakat Malaysia yang membangun, , dlm. Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Majid Fakhri, (1989), Sejarah Falsafah Islam, Kuala Lumpur
- Majid Irsan Kailani (1996), Mendidik Peribadi Muslim, Kuala Lumpur: Berita Publishing
- Majid Khadduri, (1961), Islamic jurisprudence, Shafi'i's Risala, Baltimore
- Marini Othman, Sekolah Bestari- Perspektif Islam, dlm. Multimedia dan Islam, Kuala Lumpur : IKIM.
- Mat Rofa Ismail, (1997), Mantik Dalam Babak Pemikiran Ilmiah Tamadun Manusia, Kuala Lumpur
- Mohamad Isa Othman, (1990), Politik Tradisional Kedah 1681-1942, Kuala Lumpur : DBP
- Mohamad Kamil Ab. Majid, (2000), Tajdid; perspektif sejarah dan masa kini, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya
- (2001), Pertembungan Tamaddun Islam dengan Kolonialisme Barat, dlm. Tamaddun Islam Dan Tamaddun Asia, Kuala Lumpur: DBP
- Mohamad Noor Habibi Long (2003), Ekstremisme : Satu Perspektif, dlm. Jurnal YADIM, Bil. 5
- Mohd Abu Bakar, (1990), Dari Pusat Ke Pinggiran: Masa Kini Dan Masa Depan Pondok Di Malaysia, Jurnal Pendidikan Islam, Jld. 3, Bil. 1, April, Kuala Lumpur: ABIM.

- Mohd Atiyah Al- Abrasyi, (1961), Al- Tarbiah Fi Al- Islam, Kaherah: Al- Majlis Al- A'aala Li Ayuuan Al- Islamiah.
- Mohd Daud Bakar, (1996), The discernment of Maslahah in Islamic legal theory, dlm. Monograf Syariah, v. 4
- Mohd Fauzi Hamat, (2000), Penghasilan Karya Sintesis Antara Mantik dan Fiqh : Rujukan Kepada Kitab al-Mustasfa' Min 'ilm al-Usul, dlm. Jurnal AFKAR, bil. 1
- Mohd Hazim Shah, (2004), A Tale Of Two Scenarios In Development Of Science And Technology In Malaysia, dlm. Mohd Hazim Shah & Phua Kai Lit (pnyt. ) Public Policy, Culture And Impact Of Globalisation In Malaysia, Bangi: UKM.
- Mohd Ilyas, (2003), Astronomi Islam Dan Perkembangan Sains, (terj. ) Juneta Zawawi & Norlida Jantan, Shah Alam: Penerbitan Universiti Teknologi MARA.
- Mohd Kamil Ab. Majid (1999), Ulama dan perubahan social dalam Islam, dlm. Jurnal usuluddin, bil. 10, 1999.
- (1993), Sejarah perkembangan penulisan hukum Islam di Malaysia : Tumpuan khusus di negeri Kelantan, dlm. Jurnal Syariah, v. 1, bil. 1
- Mohd Noor Deris, (2000), Keterikatan Maslahah sebagai sumber hukum dengan kepentingan semasa dan setempat di Malaysia, dlm. Fiqh Malaysia : ke arah pembinaan Fiqh tempatan yang terkini, Kuala Lumpur
- Mohd. Napiyah Abdullah (1998), Penolakan Hadith Oleh Orientalis Dan Penulis Islam, dlm. Islam Dalam Persepsi Orientalisme, Terbitan Tak berkala no. 3, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi.
- Mohd. Saleh Haji Ahmad, (1999), Pengantar Syariat Islam, Kuala Lumpur
- Mohd. Zaid b. Mohd. Syah , (1968), Al-Tarikh Salasilah, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mona Abdul-Fadl (1989), Paradigms In Political Science Revisited, Herndon : AMSS & IIIT.
- Muhamad Salih Samak, (1983), Ilmu Pendidikan Islam, Kuala Lumpur: DBP
- Muhammad Abdul aziz Al- Halawi, (1999), Fatwa Dan Ijtihad Umar Bin Khattab: Eksiklopedia Berbagai Persoalan Fiqih, Surabaya: Risalah Gusti
- Muhammad Abid al-Jabiri, (1989), Takwin Al-'Aql Al-'Arabi, Beirut : Markaz Dirasah al-Widah al-'Arabiyyah
- Muhammad Abu Bakar (1982), Penghayatan sebuah Ideal, Kuala Lumpur.
- (1993), Pandangan Dunia, Ideologi Dan Kesarjanaan : Islam, Proses Sejarah Dan Rekonstruksi Realiti Sosial, dlm. Tinta Kenangan, Sumbangan Sempena Persaraan Dan Perlantikan Naib Canselor, Profesor Datuk Mohd Taib Osman, Kuala Lumpur.
- (2004), Polemik Negara Islam Dan Pembudayaan Politik Di Malaysia, dlm. Himpunan Kertas Kerja Isu Dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam, Kuala Lumpur : DBP.
- Muhammad Arkoun, (1994), Rethinking Islam : Common Question, Uncommon Answers, Boulder : Westview press.
- Muhammad Athiyah Abrashi, (1974), Dasar-dasar Pokok Pendidikan Islam, (terj.) H. Bustami A. Ghani & Djohar Bahry, Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Muhammad Iqbal (1982), Reconstruction of religious thought in Islam, Lahore.

- Muhammad Nabil Muhammad Syukri (2000), Pembaharuan fiqh : Keperluan dan metodologi, dlm. Pengasoh, bil. 562, 2000, h. 57.
- Muhammad Natsir Mahmud (1997), Orientalisme : Al-Quran Di Mata Barat, Semarang : Penerbitan Logos.
- Muhammad Shahrur, (1992), Al-Kitab Wa Al-Quran : Qira'ah Al-Mua'sirah, Kaherah : Sina lil Nasr.
- Muhammad Yusoff Hashim,(1992), The Malay Sultanate of Malacca, Kuala Lumpur
- Muhammad Zainiy Uthman (2001), Islam, Sains Dan Pemikiran Objektif : Suatu Perbandingan Ringkas, dlm. Jurnal YADIM, bil. 2, November 2001.
- Mujiyono Abdullah, (2001), Agama Ramah Lingkungan; Perspektif Al-Quran, Jakarta : Penerbit Paramadina.
- Mustafa Abd. Razak, (1966), Tamhid Li Tarikh Al-Falsafah Al-Islamiyyah, Kaherah
- Naemah Abd Rahman (2003), Fatwa Jemaah Ulama Kelantan Tahun 1920an Hingga 1990an : Satu Analisis, Tesis PhD untuk Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM.
- Nahlawy, A. R. , (1967), Usus Al-Tarbiah Al-Islamiah Wa Turuq Tadrishiha, Damsyik: Dar Al-Fikr
- Noor Haslina Binti Osman (2003), Adat Melayu Sebagai Sumber Hukum : Penilaian Dari Perspektif Teori Al-'Urf Wa Al-Adah, Tesis sarjana untuk Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM,
- Nor Azaruddin Husni, (2004), Pemikiran Sains Mahathir: Dari Perspektif Islam, dlm. , Pemikir, Januari- Mac, Kuala Lumpur: Kumpulan Utusan.
- Norazit Selat (1994), Nilai Kerja Dalam Masyarakat Melayu, dlm. Budi Kencana : Kumpulan Makalah Memperingati Persaraan Profesor Tan Sri Dato' Ismail Hussien, Kuala Lumpur : APMUM.
- Noriati A. Rashid (2005), Konsep Kesantunan Dalam Masyarakat Melayu, dlm. Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu, v. 3, bil. 1, Jun 2005.
- Norsaidatul Akmar Mazelan, (2003), Inisiatif Teknologi maklumat Di Malaysia, dlm. Koridor Raya Multimedia @ Perjalanan Ke Arah Kecemerlangan di Institusi Pengajian Tinggi, (terj. ) Zol Azlan Hamidin, Selangor: UiTM
- Omar Bin Awang,(1991), Some Observations On The Notion Of The Shariah In Islam, dlm. Jurnal ISLAMIKA, v. IV
- Omar Hashim, (1999), Pengisian Misi Pendidikan, ed. Ke- 2, Kuala Lumpur: DBP.
- Othman Yeop Abdullah (1999), Tren sosio-budaya dalam pembangunan multimedia, dlm. Multimedia dan Islam, Kuala lumpur.
- Rahimin Affandi Abd Rahim (2005), Pendekatan Pluralisme dalam pengajian Islam : Satu pengenalan, dlm. Jurnal KATHA, Pusat Dailog Peradaban UM, v. 2
- (2006), Islam Dan Isu Penterjemahan Dalam Era Globalisasi, dlm. Hamed Mohd Adnan (ed. oleh), Penerbitan Malaysia-Indonesia: Mengukuhkan Jaringan Penerbitan Serantau, Kuala Lumpur : Penerbit UM
- (2006), Islam dan perkembangan Emosi Melayu Selepas Merdeka : Satu Analisis, dlm. Hashim Musa (ed.), Emosi Melayu, Kuala Lumpur : APMUM
- (2002), Ke Arah Penyediaan Kaedah Penyelidikan Hukum Islam Yang Terkini : Satu Pengenalan , dlm Jurnal Syariah, v. 10:1, Kuala Lumpur:APIUM.
- (2004), Usaha Memperkasakan Ilmu Usul al-Fiqh di Zaman Moden : Satu Analisis, dlm. Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh (SUF) 2004, Anjuran Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Malaysia, pada 15-16hb Disember .
- (2000), Etika Masyarakat Islam : Satu Analisa, dlm. Jurnal AFKAR, BIL. 1



- (2005), Isu Dan Pengaruh Orientalisme Di Malaysia : Satu Analisa, dlm. Jurnal 'Ulum Islamiyyah, V. 2, No. 1
- (2003), Al-Quran dan peranan Ulama Melayu dalam Pemodenan Rantau Alam Melayu, dlm. (edit. oleh Mohd Radzi Othman) Warisan al-Quran dan peradaban manusia siri 1, Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang
- Raihanah haji Abdullah (1999), Pegawai Syariah wanita di mahkamah-mahkamah syariah di Malaysia, dlm. Hukum Islam semasa bagi masyarakat Malaysia yang membangun, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Rosnani Hashim et.al, (2003), Ekonomi Dan Pendidikan Dari Perspektif Islam, Kuala Lumpur: DBP.
- S. Hossein Nasr (1990), Traditional Islam In The Modern World, London : Kegan Paul International.
- S.M. Naquib al-Attas, (1980), The Concept Of Education In Islam, Kuala Lumpur: ABIM.
- S.Waqar Husaini, (1980), Islamic Environmental System Engineering, London
- Sabitha Marican (1997), Dasar awam di Malaysia : isu dan konsep, Kuala Lumpur : Utusan Publication.
- Shibli Nomani & Syed Suleman Nadvi, (2003), Siratun Nabi, 1st ed.Rafiq Abdur Rehman (terj.), Darul Ishaat:Karachi
- Siddiq Fadhil (2006), Pertembungan Islam Dengan Budaya Peribumi : Pengalaman Alam Melayu, dlm. Md Salleh Haji Ahmad (ed.), Hukum Islam Dan Budaya Tempatan, Kuala Lumpur : Jabatan Fiqh Dan Usul, APIUM.
- Siddiqi, Muhammad Yasin Mazhar. (1993). Organisasi kerajaan pimpinan Rasulullah, Khalil Mohd. Zain, Md. Yunus Md. Said (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sidek Bin Baba, (2005), Pendidikan Islam Ke Arah Pendekatan Islam Hadhari Secara Global, dlm Kertas Kerja Kursus Perlaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam, Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Siti Hawa Hj. Salleh (1991). Hikayat Merong Mahawangsa, Kuala Lumpur:Penerbit Universiti Malaya
- Syed Ahmad Hussein (2002), Muslim politics and discourse on democracy, dlm. Democracy In Malaysia; Discourse And Practices, Richmond, Surrey: Curzon press
- Syed Muhammad Dawilah al-Edrus,(1999), Epistemologi Islam; Teori Ilmu Dalam Al-Quran, Kuala Lumpur : DBP
- T.J. De Boer (1994), The History Of Philosophy In Islam, Richmond : Curzon press.
- Taha Jabir al-Alwani (1991), Taqlid and the stagnation of the Muslim mind, dlm. The American Journal of Social Sciences, v. 8, no. 3
- Tim Penulis Paramadina, (2004), Fiqh Lintas Agama : Membangun Masyarakat Inklusif-Pluralis, Jakarta : Yayasan Wakaf Paramadina
- 'Umar b. 'Ali al-Ja'di, (1957), Tabaqat fuqaha ' al-Yaman, ed. Fu 'ad Sayyid, Cairo.
- Ummu Atiyah Ahmad Zakuan (2007), “ Hak Asasi Manusia Dan Demokrasi Dari Persepektif Islam Dan Barat “, Dalam Mohd Izani Mohd Zain(ed.), Demokrasi Dan Dunia Islam : Perspektif Teori Dan Praktik, Kuala Lumpur : Penerbit UM.
- W. Hallaq, (1992), Fiqh : Beyond Tradition, dlm. Journal Of Islamic Studies, v. 3(2)

- Wan Abdul Halim Othman (1993), Hubungan Kekeluargaan Dalam Masyarakat Melayu, dlm. Psikologi Melayu, Kuala Lumpur : DBP.
- Wan Burhadin Wan Omar, (1983), Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (sehingga 1974), dlm. Nik Abdul Aziz Nik Hasan (e.d.), Islam Di Kelantan, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Wan Mohd Nor Wan Daud (1990), Budaya ilmu sebagai asas pembangunan tamadun, dlm. Jurnal Pendidikan Islam, v. 3, bil. 1
- (2001), Pembangunan Di Malaysia : Ke Arah Suatu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna, Kuala Lumpur : ISTAC.
- ( 1991), Penjelasan Budaya Ilmu, Kuala Lumpur: DBP.
- Whitehead, Alfred N., (1952), The Aims Of Education, New York: Mentor Book.
- Yaacob Harun (1992), Keluarga Melayu Bandar : Suatu analisis perubahan, Kuala Lumpur.
- Yusoff Hashim (1992), Pensejarahan Melayu : Kajian Terhadap Tradisi Sejarah Melayu Nusantara, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Yusuf Qaradhawi, (2004), Sanggahan Salah Tafsiran Islam, Terjemahan Oleh Abdul Rahman Rukaini, Kajang : Synergymate Sdn. Bhd.
- (1992), Fatwa antara ketelitian dan kecerobohan, terjemahan Ahmad Nuryadi Asmawi, selangor: Batu Caves.
- Zainal Kling (2000), Manusia Melayu, Alam Dan Tamadunnya, dlm. Abdul Latiff Abu Bakar (ed.), Globalisme Dan Patriotisme Dalam Sastera Melayu : Kumpulan Kertas Kerja Hari Sastera 1995, Kuala Lumpur : DBP
- (1999), Keranamu Malaysia : Negara Itu Adalah Akar Umbi Kehidupan Dan Essensi Kewujudan Manusia, dlm. Perpaduan, Bil. 3.
- Zakaria Stapa (1997), Negara Malaysia yang maju dan berakhlak mulia : Realiti dan kemungkinan, dlm. Jurnal IKIM, v. 5, no. 1
- Ziauddin Sardar, (1994), Strategi Dunia Islam abad Ke-21, Kuala Lumpur:DBP.
- Zulkifli Mohd (2002), Anti Sunnah Movement And It's Impact On The Muslim Ummah, Kuala Lumpur : Panawira Sdn Bhd.
- Zulkiple Abd. Ghani (1999), Imperatif Multimedia dalam pembangunan ummah, dlm. Multimedia dan Islam, Kuala Lumpur : IKIM

[www.reocities.com](http://www.reocities.com). Dicapai pada 2 Jan 2012

[www.jaik.gov.my](http://www.jaik.gov.my). Dicapai pada 2 Jan 2012

[www.reocities.com/maik](http://www.reocities.com/maik). dicapai pada 2 Feb 2012

[www.mykedah.com](http://www.mykedah.com) .dicapai pada 25 Jan 2011

[www.jaik.gov.my/masjid](http://www.jaik.gov.my/masjid) . dicapai pada 20 Jan 2012